



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 62**

**Selasa**

**26 November 2019**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 10)

**USUL-USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
DI BAWAH P.M. 27(3):**

- Pelanjutan Tarikh Pembentangan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 (Halaman 35)
- Pelanjutan Tarikh Untuk Mengemukakan Akuan Berkanun Perisyiharan Harta Ahli Dewan Rakyat (Halaman 36)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2020

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

- Maksud B.47 (Halaman 37)
- Maksud B.48 (Halaman 104)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 35)

Anggaran Pembangunan 2020

**Jawatankuasa:-**

- Maksud P.47 (Halaman 37)
- Maksud P.48 (Halaman 104)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 26 November 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Kata-kata hikmat dari Tuan Yang di-Pertua,

*“Dunia ini umpama lautan yang luas, kita adalah kapal yang berlayar di lautan, di mana, ramai kapal telah karam di dalamnya. Andai muatan kita adalah iman dan layarnya adalah takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat di lautan hidup ini”.*

Jadilah manusia yang budiman dan beriman. Renung-renungkanlah.

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah pembaharuan yang telah dilakukan pentadbiran baharu NAFAS dan apakah masalah-masalah dan kepincangan yang berlaku di dalam NAFAS sebelum ini.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahir Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kata-kata yang budiman itu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah digantung perlembagaannya pada 1 Jun 2018, di bawah seksyen 20(1), Akta Pertubuhan Peladang 1973 bagi perintah penggantungan Perlembagaan Persatuan Peladang bertarikh 28 Mei 2018, susulan daripada laporan audit khas NAFAS yang dilaksanakan pada 23 Mac sehingga 4 Mei 2018. Perintah menarik balik penggantungan Perlembagaan NAFAS telah diisyiharkan berkuat kuasa mulai 15 Januari 2019.

Terdapat 42 penemuan audit khas NAFAS yang menjurus kepada salah laku ahli dewan pengarah dan pengurusan pecah amanah, salah guna kuasa dan sebagainya. Susulan itu, pihak pendaftar telah melantik 15 orang bagi melaksanakan penyiasatan terperinci dan 51 kertas siasatan telah dilengkapkan.

Sebanyak 37 kes siasatan telah diangkat untuk tindakan pihak SPRM, lima kertas diangkat kepada PDRM dan selebihnya dalam tindakan dan bidang kuasa pendaftar persatuan

peladang. Dalam tempoh penggantungannya, NAFAS ditadbir urus oleh lapan orang pentadbir di bawah seksyen 23, Akta Pertubuhan Peladang bagi memastikan pentadbiran dan urusan persatuan NAFAS seperti biasa sepanjang tempoh penggantungan itu.

Apabila saya masuk ke pejabat, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menulis surat kepada SPRM untuk seksyen 3, Akta SPRM itu dikuatkuasakan. Saya telah meminta supaya NAFAS diletakkan sebagai badan awam yang boleh disiasat dan dipantau oleh SPRM. Ini penting untuk kita menjalankan *transparency*, kita menjalankan ketelusan dan seumpamanya. [Tepuk]

Dahulu hanya koperasi, sekarang kita mohon untuk menjadi sebuah badan awam. Di antara pembaharuan yang telah dilakukan adalah kita telah mengemukakan, melancarkan lima kluster di bawah NAFAS iaitu Kluster Ruminan, Kluster Ayam, Kluster Padi, Kluster Peladangan dan Kluster Trading E-Commerce. Kita sedang bergerak untuk kita mempelbagaikan sektor di dalam memajukan NAFAS pada masa akan datang.

Kita menyusun semula organisasi NAFAS dan waran perjawatan NAFAS induk, semakan dan penambahbaikan skim perkhidmatan serta peraturan kerja NAFAS, semakan semula tanah, kaedah tatatertib dan rayuan tatatertib. Kita telah menemukan SOP pengurusan aset dan pelupusan aset tetap dan inventori. Kita telah membuat penambahbaikan sistem ePadi, sistem NAFAS, SOP pembayaran secara EFT bagi menggantikan pembayaran melalui cek kaedah kredit perniagaan dan perkhidmatan NAFAS, penambahbaikan kaedah perolehan NAFAS.

Ini semua kita lakukan, Tuan Yang di-Pertua untuk kita memastikan semua bayaran adalah mengikut peraturan dan mengikut apa yang telah ditetapkan untuk menjunjung tinggi *transparency*, integriti dan seterusnya suatu pembaharuan total bagi memulihkan kembali NAFAS. Itu untuk jawapan saya kepada Yang Berhormat Ledang. Terima kasih.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah dikemukakan tadi. Saya percaya dan yakin bahawa pihak kerajaan dan Yang Berhormat Menteri akan pastikan supaya NAFAS akan berada di dalam keadaan yang baik.

Cuma, soalan tambahan saya, di sebalik dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ayer Hitam baru-baru ini, berkenaan dengan rundingan terus dan lain-lain perkara berkaitan dengan NAFAS, apakah jaminan Yang Berhormat Menteri supaya salah guna kuasa penyelewengan kepada NAFAS tidak berlaku justeru, nasib petani seramai lebih 920,000 orang boleh terbela dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan ketelusan dan tata kelola terbaik dalam pengurusan NAFAS sekarang dan pada masa yang akan datang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri, masa dua minit 30 saat.

■1010

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pertanyaan yang penting itu. Dalam kerajaan, kita sudah pasti ada peraturan, ada prosedur, ada semua sistem-sistem yang mendukung tentang ketelusan itu. Sebagai pemimpin kepada MoA, yang

diamanahkan, saya sudah pasti dalam isu NAFAS akan memperjuangkan NAFAS dan Yang Berhormat Menteri mesti membela NAFAS yang ahlinya seramai 920,000 orang itu.

Ini telah menjadi satu tradisi sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak, supaya NAFAS diberikan pembelaan. Di situdah terletaknya perjuangan para petani kita yang masih miskin, yang perlukan kepada pembelaan. Ini tidak menjadi suatu halangan kepada semua pihak. NAFAS bukan satu persatuan yang biasa. NAFAS ditubuhkan di bawah akta peladang yang di mana ia adalah dikawal oleh kerajaan. Ia bukan suatu syarikat. Kalau dia menang tender pun, peribadi. Akan tetapi, NAFAS, apabila ia dapat projek kerajaan, ia ada keuntungan, berikan dividen kepada petani-petani kita, kebajikan dan seumpamanya.

Sebagai Menteri, setiap tahun, termasuklah Menteri-menteri sebelum saya, akan membuat rayuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya diteruskan pembiayaan itu kepada NAFAS. Apa yang saya lakukan baru-baru ini, adalah satu proses di mana proses-apa yang dikatakan tender terbuka itu masih belum lagi dimuktamadkan. Tidak ada satu company pun yang boleh menunjukkan bukti mereka telah menerima tender itu.

Maka, dengan itu adalah satu kewajipan untuk saya terus berdiri, mendukung NAFAS dan apa yang saya perlu tahu dan memberitahu dalam Dewan ini dan rakyat di luar sana apa yang sedang saya lakukan ini ialah mengikut prosedur, mengikut peraturan dan ia satu perjuangan yang mesti diteruskan demi 920,000 ahli-ahli peladang seluruh negara. Terima kasih.

*[Tepuk]*

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan sebagai mana yang telah disebutkan di dalam Dewan sebelum ini, apabila kementerian menawarkan tender terbuka baja bersubsidi pada bulan Julai 2019 yang lalu, sedangkan lebih daripada 90 peratus teras perniagaan NAFAS adalah bergantung pada pembekalan baja bersubsidi menerusi anak syarikatnya.

Jadi, kenapa perubahan itu berlaku? Saya ingin tahu, berapakah kos sewaan 38 bilik hotel untuk berkempen dalam Pilihan Raya Kecil Tanjong Piai yang telah diinvoiskan atas nama NAFAS? Mungkin penjelasan ini akan memberikan penjelasan kepada rakyat yang tertunggu-tunggu jawapan sebenar isu yang sedang diviralkan sekarang?

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih sahabat saya daripada Rantau Panjang yang memberikan soalan yang saya rasa ikhlas dan ingin tahu. Sebenarnya mengikut dokumen yang saya terima, NAFAS telah mengadakan satu *road show* bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang telah kita sewa hotel itu sehingga 30 Oktober atau pun 31 Oktober. Selepas daripada itu adalah kempen pilihan raya yang NAFAS tidak terlibat. *Road show* itu diadakan di Simpang Renggam, Johor Bahru, Pontian, Benut dan seumpamanya.

Jadi itulah *road show* yang kita adakan dan hari Khamis ini adalah merupakan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang akan diadakan di Plaza Angsana, Johor Bahru. Oleh itu, NAFAS membantu kita dalam membuat *road show* itu kerana Johor merupakan tuan rumah maka, ia telah menyewa hotel tersebut. Sekiranya berlaku apa yang

dikatakan penyelewengan, sila berikan bukti itu kepada saya, sila laporkan kepada SPRM dan buat laporan polis, barulah ia tidak menjadi satu fitnah.

[*Tepuk*]

Keduanya, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang kerana soalan pertama itu adalah merupakan satu prosedur. Kalau kita membaca syarat-syarat tender, prosedur tender punca kuasa Menteri, punca kuasa Perdana Menteri, punca kuasa Kementerian Kewangan, punca kuasa akhir untuk menganugerahkan adalah terpulang kepada Kementerian Kewangan. Selagi mana saya tidak membuat suatu arahan atau pun membuat suatu pembatalan, setelah SST itu dikeluarkan, dimuktamadkan oleh MOF, maka, kita berada di dalam satu suasana di mana kita mematuhi peraturan.

Kalau saya salah, maknanya biarlah *the law take it's cost*. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh tambah satu lagi sebab ada 50 saat?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Isu MoA, yang sejuk beku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian, sila ikut peraturan. Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ini DUN saya ini di DUN Gurun. Saya hendak minta Menteri setelah— sudah tentu Menteri tahu yang NAFAS di antara pertubuhan yang mempunyai R&D yang cukup *solid*. Bukan itu sahaja, mendapat pengiktirafan ISO. Bukan itu sahaja, ia juga mempunyai sebelahnya kilang Petronas yang *supply* semua bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat baja. Seperti Yang Berhormat Menteri katakan, ia dimiliki oleh 920,000 orang petani-petani dan 100 peratus pekerja kontraktor dan subkontraktor di NAFAS yang dianggotai oleh rakyat Malaysia.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan pastikan bukan sahaja NAFAS berdiri tegak tetapi juga boleh dikembangkan menjadi satu-satunya pertubuhan yang unggul bagi memastikan petani-petani terbaik di negara ini? Terima kasih. [*Tepuk*]

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sungai Petani. Apabila NAFAS diberikan semula nyawanya pada bulan Januari, selepas digantung, adalah menjadi tanggungjawab saya dan kementerian untuk memastikan NAFAS ini kembali kukuh. Maka, dengan sebab itu bagi saya *no compromise*. NAFAS mesti diberikan segala kemudahan oleh pihak kerajaan. Bukan kita bantu individu, bukan kita bantu *company*, bukan kita bantu mana-mana syarikat. Kita membantu NAFAS. NAFAS ini hidup dan mati kita. NAFAS ini adalah nyawa petani, nyawa rakyat.

Oleh itu, saya *insya-Allah* selagi nyawa dikandung badan, saya akan pastikan bahawa *insya-Allah* NAFAS akan diperjuangkan, [*Tepuk*] dan saya rasa semua pihak akan memberikan sokongan dan kita akan pastikan, *insya-Allah* – kita bukan malaikat, kita bukan *angels*, tetapi kita

manusia yang ada kelemahan tetapi kita mesti kurangkan ketirisan, kita banteras rasuah dan *insya-Allah NAFAS* akan kembali kukuh. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua? Satu soalan. Satu soalan. Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan saya, saya ingin berpantun.

*Najis mughallazah gelar diberi,  
Soalan dua jawapan dicari.*

2. **Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bila hasil kajian Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) akan dibentangkan dan sejauh mana ia akan mempengaruhi sistem persekolahan negara pada masa akan datang.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan izinkan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada pantun juga?

**Dr. Maszlee bin Malik:** *[Ketawa]* Izinkan saya mengalu-alukan kedatangan rombongan dari Parlimen Simpang Renggam yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pak naib, ketua-ketua masyarakat di Simpang Renggam. Selamat datang ke Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Selamat datang. Sila.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) telah melaksanakan proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek bagi memuktamadkan isu ini.

Pasukan petugas ini telah menjalankan libat urus dengan pelbagai pihak termasuklah 17 orang tokoh individu bidang pendidikan, politik, sosial. Sebanyak 27 buah pertubuhan bukan kerajaan, lima buah parti politik, 12 buah agensi kerajaan serta 14 institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memastikan maklum balas berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian awam bersifat menyeluruh.

Selain itu, sebanyak dua siri *town hall* juga telah diadakan dengan penglibatan kumpulan anak-anak muda dan belia bagi mendapatkan suara golongan muda mengenai isu ini. Ahli-ahli Parlimen juga dijemput memberikan pandangan mereka berhubung isu pengiktirafan sijil UEC dalam satu program libat urus yang diadakan pada bulan Oktober yang lepas.

## ■1020

Jumlah keseluruhan tokoh dan individu yang terlibat dalam memberikan pandangan dan sumbang saran ialah 406 orang. PPDUEC kini dalam proses akhir memurnikan laporan kajian mengenai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki IPTA. Laporan akan disusun bersama dengan lampiran-lampiran, termasuk transkrip setiap temu bual

yang telah dilakukan. Sehingga hari ini, PPDUEC telah berjaya menyiapkan transkripsi 38 sesi, daripada 48 sesi rakaman yang ada. Transkrip setiap temu bual adalah satu elemen penting dalam laporan tersebut, demi berlaku adil kepada semua pihak yang telah mengemukakan pandangan.

Oleh sebab itu, proses menyediakan transkrip ini dilakukan secara cermat, secara berhemat dan berhati-hati agar transkrip yang dibuat adalah tepat.

Saya optimis laporan lengkap PPDUEC ini akan berjaya diserahkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun ini juga untuk diteliti, sebelum diangkat ke Jemaah Menteri untuk sebarang keputusan muktamad. Sekian, terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang begitu *detail* melibatkan ataupun menyatakan betapa ramainya yang terlibat berkaitan dengan PPDUEC ini.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan kementerian apabila diserahkan dasar kajian ini akan berlaku perubahan dasar baharu kepada pendidikan negara, dan apakah kementerian juga bercadang untuk membuat kajian berpandukan kepada pasukan petugas tersebut untuk mengkaji sekolah-sekolah tafhib dan juga sekolah pondok di negara kita. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited dan iltizam untuk memastikan pendidikan berkualiti dapat diberikan kepada setiap rakyat Malaysia. Seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu berkaitan dengan tafhib dan pondok, kita tidak akan mengetepikan sesiapa pun dalam pendidikan kita. Malah kita lihat bantuan telah diberikan kepada institusi tersebut tetapi apa yang lebih penting ialah untuk menaik taraf dan memastikan pendidikan yang diberikan kepada rakyat adalah pendidikan yang berkualiti.

Berkaitan dengan pengiktirafan UEC, tidaklah semudah seperti yang diperkatakan kerana ia melibatkan isu kontrak sosial yang telah dipersetujui selain memberi impak kepada Perlembagaan Persekutuan, akta dan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Kebangsaan, serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963-1967.

Isu ini merupakan isu yang sensitif yang terkait dengan sejarah Malaysia yang telah berlarutan sekian lama iaitu 45 tahun. Isu ini perlu ditangani secara berhemah dan ilmiah dan dengan mengambil kira budaya dan adab Malaysia yang mementingkan sikap hormat-menghormati dan kerjasama bagi menyelesaiannya. Ianya ibarat, "*menarik rambut dalam tepung, rambut jangan terputus, tepung jangan berselerak*".

Permuafakatan antara semua pihak yang berkepentingan dalam isu UEC ini amat dititikberatkan bagi mencari penyelesaian yang baik serta menjaga keharmonian negara yang telah lama kita bina.

Apa yang penting ialah isu ini perlu dilihat bersekali dengan iltizam kerajaan untuk memperbaiki sistem pendidikan negara secara menyeluruh. Kita tidak boleh melihat isu pendidikan secara terjuzuk-juzuk, ataupun berdasarkan kepentingan komunal semata-mata. Ia

perlu dilihat berdasarkan kepentingan nasional dan juga jangka masa panjang dan kelestarian serta pendidikan itu sendiri.

Kita komited untuk memastikan pendidikan berkualiti kepada setiap rakyat Malaysia sepertimana yang sering dilaungkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, '*Pendidikan Untuk Semua*' dan pendidikan merupakan tanggungjawab semua pihak.

Apa yang penting berkaitan isu ini Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memastikan setiap pihak, setiap *stakeholders* ataupun pemegang taruh di Malaysia ini, yang berkaitan dengan isu pendidikan, akan mendapat hak mereka, akan dilibat uruskan di dalam segala isu berkaitan pendidikan.

Apa yang penting, untuk menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kita akan pastikan pendidikan terbaik dapat diberikan kepada setiap warga yang patut menerimanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah terdapat apa-apa kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti sebab utama ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah persendirian Cina ini berbanding memilih sekolah menengah milik kerajaan dan apa usaha kementerian untuk menjadikan sekolah milik kerajaan, sekolah menengah kebangsaan sebagai pilihan utama ibu bapa terutamanya dalam aspek mutu dan kualiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau. Ini soalan sulung saya terima daripada beliau, terima kasih saya ucapkan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya? Sila tuliskan untuk saya. Terima kasih. Sepertimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Rembau, apakah usaha kita untuk memastikan iltizam dan komitmen kita demi menjadikan Sistem Pendidikan Nasional sebagai pilihan utama.

Sepertimana yang diketahui, semenjak tahun yang lalu kita telah menujuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan ataupun kita singkatkannya sebagai Jawatankuasa Kajian Dasar yang mana mereka telah melakukan segala proses libat urut, segala proses kajian yang mana pada waktu ini sedang menjalani proses makmal, ataupun *stress test*, yang mana hasil laporan tersebut akan diberikan kepada kita, kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penilaian dan seterusnya dilakarkan sebagai satu *road map* ataupun sebagai satu pelan jangka masa panjang bermula tahun 2021.

Ia perlu dilakukan secara teliti. Kita sedari bahawa di sana terdapat kelebihan daripada *blueprint* yang telah disediakan sebelum ini tetapi perlu ditambah baik.

Sepertimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Rembau, apakah sebab ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka selain daripada sekolah kebangsaan. Kita tahu bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sedari dahulu sehingga kini percaya kepada pendemokrasian pendidikan. Walau bagaimanapun, kita terikat dengan Perlembagaan, dengan Akta Bahasa Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan lain-lain lagi. Apa yang penting di sini ialah,

apakah usaha kita untuk memberikan keyakinan kepada rakyat? Terdapat *deficit of trust* ataupun defisit kepercayaan di kalangan rakyat terhadap sistem pendidikan kita terutamanya daripada golongan menengah dan golongan elit. Maka mereka memilih untuk menghantar anak mereka sama ada ke sekolah-sekolah antarabangsa, sekolah-sekolah swasta ataupun sekolah aliran yang berbeza.

Walau bagaimanapun, kementerian komited untuk memastikan di mana pun para pelajar ini dihantar, di penghujungnya isu keharmonian - Akta Bahasa Kebangsaan, Perlembagaan Negara dan perpaduan sentiasa menjadi keutamaan. Itu komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah dasar semasa kelulusan program *Malaysia My Second Home* (MM2H) di bawah jawatankuasa MOTAC dan Kementerian Dalam Negeri dan berapa kelulusan dan tunggakan kes MM2H untuk tahun 2019 dan sama ada semua kelulusan dimaklumkan kepada pemohon dalam masa yang ditentukan.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018, semua permohonan baharu untuk penyertaan Program Malaysia Rumah Keduaku atau MM2H, serta permohonan Visa Lawatan Jangka Panjang ke Malaysia perlu mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Susulan itu, Kementerian Dalam Negeri telah menggariskan prosedur kelulusan baharu program MM2H melibatkan perubahan terma Mesyuarat Jawatankuasa Khas Program MM2H kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perak MM2H, dengan perubahan fungsinya daripada meluluskan semua permohonan MM2H kepada memperakukan semua permohonan MM2H kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Mesyuarat tersebut kekal dipengerusikan oleh KSU MOTAC dan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia.

#### ■1030

Berikut daripada keputusan-keputusan tersebut, MOTAC telah menjalankan fungsinya sebagai urus setia untuk memproses permohonan warga asing untuk tujuan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perak MM2H manakala Kementerian Dalam Negeri melalui Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berperanan untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan warga asing yang telah diperakukan dalam mesyuarat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Julai 2018 sehingga 20 November 2019, sejumlah 9439 permohonan daripada pelbagai warganegara telah diterima oleh MOTAC. Dalam tempoh tersebut, sejumlah 4487 permohonan telah diluluskan untuk menyertai program MM2H. Setiap kelulusan untuk menyertai program MM2H adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan sekiranya setiap permohonan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan

pemprosesan permohonan dapat dilengkapkan dalam tempoh 120 hari bekerja dan akan dimaklumkan kepada pemohon. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan ini. Soalan tambahan saya, program MM2H telah berjalan sekian lama dan adakah sebarang usaha tambahan dilakukan oleh MOTAC untuk mempromosikan program ini? Saya dapati bahawa kelulusan itu kurang daripada 50 peratus berdasarkan daripada angka-angka yang diberikan tadi. So, sama ada akan dilonggarkan ataupun diketatkan ataupun dikenakan syarat-syarat tersebut?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sebetulnya permohonan kita tidak tentukan berapa banyak yang dihantar. Terpulanglah kepada pemohon-pemohon yang hendak memohon, hantar sahaja permohonan, kita akan proses. Kalau lulus, luluslah dia kerana memenuhi syarat. Kalau tidak memenuhi syarat, tidak diluluskan, itu sahaja. Syarat tambahan dan sebagainya tidak ada. Memang daripada dahulu syarat ini kita tidak ubah oleh kerana syarat ini tepat sekali dan bersesuaian dan boleh diguna pakai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah ekoran terdapat isu penjualan MyKad palsu di Pulau Pinang, serbuan markas sindiket *scam* didalangi hampir 1000 warga China di Cyberjaya, peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin dan banyak isu melibatkan kewarganegaraan serta kedaulatan negara, maka saya mencadangkan agar Program MM2H ini dibekukan buat sementara waktu supaya pihak berkuasa dapat mengawal kebanjiran orang luar di negara ini. Adakah pihak kementerian bersetuju dengan cadangan ini dan adakah terdapat penyelarasan di antara MOTAC, KDN dan lain-lain kementerian yang berkaitan dalam memberi kelulusan kepada program ini? Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin menjawab soalan sebentar tadi berkaitan dengan penjualan IC. Penjualan IC ini Yang Berhormat, tidak ada kena mengena dengan kementerian saya. [*Tepuk*] Oleh yang demikian, tidak perlulah saya jawab. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini jawapan yang tepat.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Itu adalah di bawah bidang Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat. IC ini bukan di bawah Kementerian Pelancongan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Soalan saya, adakah Yang Berhormat bersedia untuk bekukan program ini kerana isu sindiket itu tadi.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Itu saya akan menjawab sekarang, Yang Berhormat. Sebetulnya permohonan MM2H ini tidak perlu dibekukan oleh kerana kita sebagai urus setia, apabila permohonan masuk, kita akan *check*, sama ada pemohon ini mempunyai rekod yang bersih daripada segala segi jenayah. Kalau dia mempunyai rekod yang tak bersih, permohonan ini kita terus tolak.

Malaysia bersih, menerima orang bersih, Yang Berhormat. [Tepuk] So, di samping itu kita tidak ubah. Kita terima dan juga kita kenakan syarat. Apa syarat dia? Pemohon dia mesti ada duit, dia mesti ada harta. Ini bermakna kalau dia tidak ada duit, tidak ada harta, tidak lengkaplah kriteria itu dan kita akan tolak juga. Tidak lagi dibekukan Yang Berhormat, ditolak terus. Sekian, jawapan saya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan tepat dan padat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, mantan. Bagilah. Saya bagi mantan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Putrajaya, 30 saat.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun mantan Menteri Pelancongan dahulu. Untuk makluman Dewan ini, sayalah salah seorang yang memperkenalkan MM2H.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Soalan.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]:** Ya, soalan saya nak tanya dengan Yang Berhormat Menteri ini ialah selepas tarikh tempoh tamat mereka diberi kelulusan untuk duduk sebagai *Malaysia My Second Home* ini, apakah dilakukan kepada mereka ini? Adakah mereka ini disuruh pulang ataupun mereka ini diberikan kelulusan untuk mendapat extension? Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan semak. Yang sebetulnya, apabila dah habis tempoh, kita akan semak. Kita tidak tolak terus. Saya tahu juga Yang Berhormat dahulu ada buat peraturan seumpama ini tetapi saya selaku Menteri baharu, saya tidak tolak terus prinsip atau dasar peraturan yang diperkenalkan oleh Menteri lama. Saya pun menghormati Menteri lama, Yang Berhormat. [Tepuk] So, sekian jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, ringkas dan padat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu lebih ramai rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah mampu milik.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos sampingan pemilikan rumah bagi membantu pembeli rumah dengan menubuhkan dana rumah mampu milik dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion. Melalui dana ini, pembeli rumah pertama terutamanya golongan muda akan mendapat pembiayaan

daripada institusi kewangan pelaksana melalui kadar pembiayaan konsesi yang lebih murah daripada pasaran semasa iaitu sebanyak 3.5 peratus setahun dan tempoh pembiayaan yang lebih panjang selama 40 tahun atau sehingga umur 70 tahun.

Kadar pembiayaan yang rendah berserta tempoh pembiayaan yang lebih panjang dapat meningkatkan kemampuan meminjam melalui pengurangan pembayaran bulanan pembiayaan dan seterusnya merangsang daya beli dan meningkatkan akses kepada pembiayaan. Bank Negara telah menambah baik ciri-ciri kriteria kelayakan dana RM1 bilion untuk rumah mampu milik yang bertujuan untuk membantu lebih ramai pembeli rumah daripada golongan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama mereka.

#### ■1040

Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah termasuk pendapatan maksimum bulanan isu rumah dinaikkan sehingga RM4,360 dan harga maksimum harta tanah dinaikkan kepada RM300 ribu. Penambahbaikan ini telah berkuat kuasa pada 1 September 2019.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan sehingga 31 Oktober 2019, lebih dari 3,100 permohonan yang bernilai RM596 juta telah diluluskan. Selain akses kepada pembiayaan, pengetahuan kewangan juga penting untuk memastikan bakal pembeli rumah tidak terbeban dengan bayaran bulanan pembiayaan.

Modul pendidikan kewangan yang disediakan secara *online* oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit iaitu Portal Rumahku juga akan membantu pembeli rumah memahami komitmen kewangan yang bakal dihadapi sebelum membeli rumah. AKPK turut menyediakan program pengurusan kredit untuk semua individu yang memerlukan bantuan dalam mengurus bebanan kredit dengan institusi kewangan.

Bagi pembeli yang tidak berjaya mendapatkan pembiayaan, mereka boleh memanfaatkan khidmat nasihat pembiayaan untuk mendapat penjelasan lanjut berhubung sebab-sebab permohonan tidak berjaya serta khidmat nasihat untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju jika saya mencadangkan supaya kerajaan menujuhkan sebuah bank khusus untuk tujuan membantu rakyat membeli rumah. Kita namakannya misalannya Bank Perumahan seperti kita ada Bank Pertanian untuk petani, kita ada Tabung Haji untuk para jemaah yang hendak menunaikan haji. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat akan diambil kira sekiranya pihak Bank Negara merasa ia perlu untuk membolehkan lebih banyak atau pinjaman berkaitan dengan perumahan dapat dikeluarkan tetapi kalau kita lihat dari trend yang diterima pakai oleh Bank Negara ialah untuk memastikan bank-bank ini dapatlah memainkan peranan yang sewajarnya dengan syarat-syarat bahawa mereka mempunyai dana ataupun modal yang mencukupi.

Bukan sahaja sekadar mencukupi iaitu seluas-luasnya supaya dapat menampung semua cabaran-cabaran dalam pasaran khususnya menghadapi era dan zaman digital. Oleh demikian, Bank Negara melihat perlunya kita ada konsolidasi supaya kita dapat memperkuatkan bank-bank yang sedia ada untuk menghadapi cabaran-cabaran daripada luar negara. Oleh itu, buat masa ini sungguhpun tidak ada cadangan tetapi sekiranya hendak diperkenalkan skim sedemikian tentu syor yang diutarakan oleh Yang Berhormat akan diberikan perhatian yang serius. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Jempol. Sila.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jempol, Ketua Pembangkang bangun, patut bagi kepada Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya mendengar Yang Berhormat Menteri menjawab soalan ini. Peruntukan RM1 bilion disediakan untuk dana bagi memiliki rumah pertama di bawah B40. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa syarat yang dikenakan oleh bank tersebut mengekang kepada pemohon tersebut.

Contohnya, saya beritahu syaratnya mesti ada *bank statement* bagi yang bermiaga, mungkin bermiaga pasar malam, bermiaga kecil-kecilan. Keduanya, soal pekerjaan. Kalau dia bekerja, mesti ada *payslip* ataupun penyata gaji, yang ini ada kalanya kebanyakannya bank menolak permohonan tersebut. Adakah dana RM1 bilion ini memberi peluang kepada mereka yang tidak tersenarai bagi kesusahan untuk memohon memiliki rumah mampu milik RM300 ribu ke bawah ini? Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jempol. Memang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat diberikan perhatian serius. Itulah sebabnya sungguhpun dana RM1 bilion telah disediakan. Sehingga hari ini hanya RM596.3 juta diluluskan yang kerajaan ingin ataupun berhasrat untuk lihat ialah bahawa dana RM1 bilion ini digunakan sepenuhnya. Bukan hanya disediakan tetapi tidak digunakan.

Memang pihak kementerian telah berbincang dengan Bank Negara tentang peraturan-peraturan Yang Berhormat sebut tadi mengekang permohonan daripada pembeli-pembeli pertama yang berhasrat memiliki rumah mereka. Mengikut Bank Negara, peraturan ini telah pun diterima pakai sejak dahulu dan hanya di bawah kerajaan sekarang baru mereka melonggarkannya.

Akan tetapi sungguhpun telah dilonggarkan, saya pun rasa masih ketat lagi. Oleh itu kita harap bahawa Bank Negara boleh melihat saluran-saluran lain ataupun kaedah lain supaya dapat memudahkan permohonan oleh mereka yang hendak membeli rumah kali pertama kerana kita memang tahu, untuk mereka yang bermiaga buat kali pertama mana ada dokumen-dokumen yang

diperlukan. Tambah lagi bila mereka hendak keluarkan penyata bila mereka baru bermiaga ataupun bekerja, ini amat sukar sekali.

So, di sini kita ada bincang dengan pihak Bank Negara sama ada kita boleh buat pembayaran ansuran secara progresif, bukanlah dengan kadar yang sama iaitu pembayaran pada awalnya ialah berkurangan dan apabila pada akhir tempoh pinjaman bertambah untuk mencerminkan atau membayangkan bahawa pendapatan mereka akan tambah pada masa akan datang. Akan tetapi itu masih sedang dikaji oleh pihak Bank Negara yang masih memberikan keprihatinan ke atas peratusan pinjaman itu isi rumah yang mereka rasa masih tinggi tetapi dalam aspek ini pihak kementerian harap dan telah pun meminta Bank Negara untuk mengkaji syarat-syarat tersebut.

Antara lain seperti yang saya sebut tadi, telah panjangkan tempoh pinjaman, tempoh pembiayaan kepada 40 tahun yang sebelum ini tidak dilaksanakan dan kita akan lihat kaedah-kaedah lain supaya dapat memudah cara mereka yang hendak membeli rumah pertama. Sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa cadangan, saya harap boleh bentangkan ataupun ketengahkan kepada pihak Bank Negara. Sekian, terima kasih.

**3. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan tong sampah “*Roll-on Roll-off*” (RORO Bin) di kawasan petempatan rumah panjang di kawasan luar bandar Sarawak bagi menggalakkan amalan kebersihan yang baik.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti atas soalan beliau iaitu ada adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan tong sampah *Roll-on Roll-off* di kawasan penempatan rumah panjang di kawasan luar bandar Sarawak untuk menggalakkan amalan kebersihan yang baik.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertekad untuk memastikan supaya taraf hidup dan kualiti hidup masyarakat luar bandar menjadi lebih baik dan sejahtera termasuk dalam aspek mengekalkan kelestarian alam sekitar di luar bandar.

Justeru, pengurusan sisa pepejal adalah merupakan perkara yang turut diberi perhatian sebagaimana yang digariskan melalui strategi 1.3 Dasar Pembangunan Luar Bandar kita DPLB 2030 dengan tajuk, “*Pengurusan Sisa Pepejal dan Kumbahan yang Inovatif di Luar Bandar*” di bawah teras 4 di dalam dasar itu yang bertajuk, “*Prasarana Lengkap dan Canggih*”.

Buat masa sekarang, Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak menggunakan ataupun tidak ada apa-apa program untuk memperkenalkan tong sampah ini di mana-mana tempat luar bandar, di Semenanjung, mahupun di Sabah dan Sarawak. Buat masa sekarang apa yang telah dimulakan ialah latihan kesedaran dan pendidikan kepada pengurusan kampung dan kita sudah mula dengan lebih kurang 150 MPKK dan mereka dilatih dengan

beberapa modul dalam institusi latihan kita, infra berkaitan dengan pengasingan sampah dan kitar semula sampah dan sebagainya.

■1050

Akan tetapi akhirnya isu yang menghadapi mereka di peringkat kampung ialah pelupusan sampah itu dan kegunaan RORO ini tidak akan selesaikan masalah pelupusan. Jadi bagi mengatasi masalah pelupusan itu, KPLB sekarang bercadang untuk menggunakan satu teknologi baru yang dikenakan sebagai Asher, nama mesin itu.

Bagi tujuan tersebut, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek rintis di Taman Sejahtera Rakyat, Sungai Tok Pawang, Kuala Muda, Kedah. Projek ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 10 November 2019. Juga kita akan letakkan satu mesin lagi di Kampung KEDA di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah.

Bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan, syarikat pengeluar mesin tersebut akan menyediakan latihan kepada pegawai KEDA yang terlibat dan KPLB akan menilai keberkesanan projek tersebut sebelum ia diperluaskan ke kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk kawasan penempatan rumah panjang di Sarawak sejajar dengan matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejak berlakunya pembangunan yang pesat di kawasan luar bandar terutamanya di rumah-rumah panjang, banyak jalan-jalan raya telah dibina dan juga kalau Yang Berhormat ingin tahu kini kesedaran tentang kebersihan semakin tinggi sehingga masyarakat luar bandar sanggup menghantar dan juga melupuskan sampah di kawasan yang terletak jauh daripada rumah panjang.

Maka saya mencadangkan kaedah RORO bin ini adalah sesuai memandangkan banyak sudah jalan raya yang ada dan juga maka PBT dapat melakukan kutipan sampah. Juga, selain daripada melatih MPKK ini adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk mempergiatkan amalan kebersihan ini di peringkat lebih awal iaitu di peringkat Tadika KEMAS memandangkan KEMAS adalah di bawah kementerian KPLB adalah wajar saya merasakan melatih anak-anak di peringkat awal berkenaan tentang amalan kebersihan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat atas dua-dua cadangan itu yang cukup menarik dan kementerian bersedia dan terbuka untuk membincang lebih lanjut cadangan-cadangan itu termasuk cadangan memberi atau membekalkan peralatan RORO ini yang dikatakan akan membantu pengurusan kampung membawa sampah mereka ke tempat-tempat pelupusan.

Juga walaupun saya boleh sebut di sini di peringkat KEMAS ataupun di dalam kurikulum kita kepada kanak-kanak kita di KEMAS, kita tidak ada modul yang spesifik tentang tajuk ini. Kita sedia untuk mempertimbangkan dan melaksanakannya sekiranya dianggap sesuai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, tidak pernah nampak pun sejak sidang Dewan?

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya banyak masalah tong sampah di kawasan luar bandar ini disebabkan kerana kawasan kampung ini tidak di masuk di bawah zon perkhidmatan bagi kerajaan tempatan.

Oleh kerana itu, mereka tidak bayar cukai pintu dan tidak di masuk di bawah perkhidmatan SWCorp. ataupun E-Idaman pun tidak kutip sampah. Maka adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pernah ataupun ada usaha untuk bincang dengan KPKT bagaimana kita memasukkan kawasan kampung tersebut di bawah zon perkhidmatan supaya tidak perlu kita wujudkan dalam secara ihsan untuk kutipan sampah. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar atas cadangan itu. Memang masalah pertindihan bidang kuasa di antara kawasan yang diuruskan oleh KP KT dan kawasan luar bandar yang diuruskan oleh KPLB memang wujud. Itulah satu aspek pengurusan yang kita sedang warisi daripada kerajaan lama yang sudah membentuk sistem-sistem ini dahulu dan saya setuju sistem ini perlu dikaji semula isu bidang kuasa ini.

Sebagai contoh, oleh sebab pembangunan-pembangunan yang pesat kita ada sekarang kampung-kampung tradisi di kawasan perbandaran dan kawasan bandar raya sebagaimana Shah Alam, Lembah Klang dan sebagainya, ini pun perlu diselesaikan. Kampung-kampung baru walaupun kadang-kadang di luar bandar adalah di bawah bidang kuasa KP KT.

Inilah percanggahan-percanggahan antara lain yang kita sudah warisi dan saya setuju isu ini pun perlu dikaji semula dari segi kutipan sampah dan mencari satu jalan keluar yang lebih efisien dan cekap demi kebaikan semua pihak termasuk khususnya penduduk luar bandar. Jadi kita akan bawa cadangan itu untuk saya akan bawa ini kepada kementerian untuk melihat sama ada perbincangan dengan KP KT boleh diuruskan. Sekian, terima kasih.

3. **Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana Kementerian Kesihatan dalam menangani isu kekurangan MENTARI di Sabah untuk meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat di Sabah.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Kesihatan Mental Masyarakat atau dikenali sebagai MENTARI adalah merupakan suatu pusat sehenti yang diadakan di fasiliti kesihatan atau komuniti yang merupakan peluasan skop perkhidmatan kepakaran psikiatri kepada komuniti.

Sehingga kini di seluruh Malaysia terdapat 25 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat ataupun MENTARI seperti mana keperluan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001. Di Sabah, sebuah MENTARI iaitu MENTARI Kota Kinabalu yang bertempat di perkarangan Hospital Mesra Bukit Padang telah diwartakan dan sedang beroperasi manakala dua buah MENTARI lagi iaitu MENTARI Lahad Datu yang menggunakan fasiliti bangunan lama Klinik Kesihatan Silabukan dan

MENTARI Tawau di perkarangan Klinik Kesihatan Kubota telah beroperasi dan sedang dalam proses pewartaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk menambahkan bilangan MENTARI di negeri Sabah, perkhidmatan psikiatri Hospital Duchess of Kent, Sandakan sedang dalam proses mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk dijadikan MENTARI. Perkhidmatan psikiatri Hospital Mesra dan Hospital Queen Elizabeth juga sedang bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah untuk menubuhkan MENTARI dan sedang di dalam cadangan untuk mengguna pakai fasiliti UMS bagi tujuan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut laporan berita pada tahun 2018, Sabah adalah negeri yang mempunyai paling ramai pesakit mental iaitu 42.9 purata *of National Figure*, dengan izin.

Berdasarkan dengan anggaran Bajet 2020, tiada peruntukan spesifik untuk MENTARI. Bolehkah kementerian memberi maklumat yang lebih lanjut terhadap peruntukan untuk MENTARI khususnya untuk Sabah. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Untuk MENTARI memang untuk tahun 2019 kita ada peruntukan di bawah Program Psikiatri RM1.6 juta dan untuk tahun 2020 kita memohon untuk diluluskan RM2.6 juta untuk program MENTARI di seluruh Malaysia. Saya tidak ada butiran khusus untuk Sandakan ataupun Sabah, akan berikan jawapan bertulis. Sekian.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menambah soalan adakah kementerian bercadang walaupun ada jawapan tadi mungkin barangkali ada cadangan yang lain untuk Pusat MENTARI di Sabah memandangkan laporan kajian NHMS 2015 menunjukkan Sabah telah mencatatkan kadar tertinggi penduduk mengenai dengan masalah kesihatan. Jadi pertanyaan saya bagaimana ada cara lain kah untuk kerajaan bercadang untuk membantu rakyat Sabah. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih, Yang Berhormat Libaran. Seperti mana yang saya sebut tadi kita sudah ada satu MENTARI di Hospital Mesra Bukit Padang yang telah diwartakan dan beroperasi dan dua yang sedang beroperasi dan belum diwartakan iaitu di Lahad Datu dan di Tawau. Kita akan perkembangkan perkhidmatan tersebut ke Hospital Sandakan dan juga Hospital Queen Elizabeth. Ini memang dalam rancangan kita untuk memperluaskan perkhidmatan MENTARI ini di negeri Sabah. Sekian.

■1100

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua,

*Kereta terbang tinggi di awan,*

*Rakyat hendak naik tetapi tidak dapat,*

*Wahai Menteri yang semakin menawan,*

*Soalan saya nombor empat.*

4. **Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan berapa jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020 dan mengapakah promosi Tahun Melawat Malaysia 2020 ini dilihat kurang memberangsangkan terutamanya di media massa dan media sosial.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pandai berpantun Yang Berhormat. Memadailah saya akan jawab yang terbaik sekali untuk Yang Berhormat. *[Ketawa]*

*Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta untuk pelaksanaan kempen Visit Malaysia 2020 dengan izin bagi tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM34 juta diperuntukkan untuk promosi kempen ini, manakala RM16 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan acara-acara peringkat negeri dan memperkasakan sektor kebudayaan.

Sehingga kini, Tourism Malaysia masih giat mempromosikan kempen Visit Malaysia 2020 sama ada di media massa mahupun di platform-platform media sosial. Mengambil kira kos pengiklanan yang semakin meningkat setiap tahun dan jumlah peruntukan yang terhad, Tourism Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk memastikan setiap peruntukan yang diberi dapat menghasilkan keputusan yang optimum kepada industri pelancongan negara.

Justeru itu, bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan, Tourism Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Menjalinkan kerjasama strategik dengan MasWings, Malaysia Airlines, AirAsia, Firefly, Malindo Air, Malaysia Airports Berhad dan Sharp (M) Electronics;
- (ii) Pengiklanan Visit Malaysia 2020 dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this award of Visit Malaysia Day* turut dilaksanakan melalui medium *Out Of Home* di United Kingdom pada panel kereta api, badan teksi London Cab, badan bas dan *cross track panels*, manakala bagi pasaran Jepun, logo Visit Malaysia 2020 dipasang pada *billboard* di stesen kereta api Shinagawa dan di *flight information board* Lapangan Terbang Fukuoka. Sebanyak enam panel *billboard* Visit Malaysia 2020 turut dipasang di Lapangan Terbang Sabiha Gokcen, Istanbul;
- (iii) Seterusnya, kempen Visit Malaysia secara digital bersama Expedia telah dimeterai untuk pasaran Australia, Amerika Syarikat dan Jepun bagi meningkatkan tempahan pakej percutian ke Malaysia;
- (iv) Promosi pakej MotoGP Sepang yang merupakan sukan permotoran nombor satu di dunia telah dilancarkan di United Kingdom pada Ogos 2019 dengan kolaborasi bersama Petronas Sepang Racing Team dan pasukan Redbull KTM Ajo Motorsport yang ditayangkan di 207 negara yang menerima siaran secara langsung; dan

- (v) Promosi dan hebahan publisiti untuk turut diadakan melalui penganjuran promosi lawatan suai kenal untuk agensi. Agensi pelancongan, media antarabangsa dan *bloggers* ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, promosi di media massa dan media sosial bagi pasaran domestik turut dilaksanakan dengan agresif oleh Tourism Malaysia dengan jalinan kolaborasi dengan media-media utama tempatan melalui publisiti dan slot di media digital, media cetak, TV dan rangkaian radio tempatan dan program *travelogue* pelancongan. Tourism Malaysia juga sedang membina laman *microsite* VM2020 dengan sasaran generasi *millennials* yang dijangka siap dalam masa terdekat. Laman web yang berkonsep *user generated* dapat digunakan bagi menyampai maklumat mengenai Kempen Visit Malaysia 2020 seperti *signature events* dan *calendar of events* VM2020, video Kempen VM2020 dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sorry Tuan Yang di-Pertua, sudah batuk pasal Menteri Pelancongan ini bagus, dia datang jawab soalan. Menteri Luar Bandar saya tidak pernah tengok, Timbalan Menteri juga jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Menteri 4 November masa Menteri jawab soalan perbahasan Bajet 2020, Menteri cakap bajet promosi RM90 juta, hari ini Menteri jawab RM50 juta. Saya tidak tahu mana satu betul lah.

Akan tetapi, tidak apa. Oleh kerana promosi ini penting Menteri, saya tengok Menteri sudah buat banyak perkara untuk *promote* Tahun Melawat Malaysia. Walaupun sekarang ini kita masih tidak nampak lagi ini, mungkin nampak sikit-sikit lah, mungkin ada bajet dan sebagainya. Akan tetapi, kerajaan Johor Menteri, sudah mula hendak perkenalkan cukai katil. Cukai katil di negeri Johor. Ada tidak sebarang perbincangan dengan kementerian, bila negeri Johor perkenalkan cukai katil negeri lain pun akan ikut cukai katil? Ini akan menjelaskan pelancong luar masuk ke negara Malaysia sempena dengan Tahun Melawat Malaysia.

Kemudian, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kementerian ini ada tidak negara sasaran yang mana pelancongan paling besar kita hendak paling banyak kita hendak bawa ke negara kita, ke Malaysia dan apabila negara sudah dikenal pasti, ada tidak sebarang perbincangan ataupun sebarang perkara yang dilakukan dengan negara yang berkenaan untuk membolehkan pelancong-pelancong daripada negara berkenaan datang melawat ke Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat. RM50 juta tadi yang saya katakan adalah untuk tahun 2018. RM90 juta itu adalah untuk tahun hadapan 2020. Jadi, saya harap ini jelas. Saya akan isu cukai katil. Sebetulnya ini tidak pernah dibawa ke peringkat kementerian saya. Saya agak macam hairan sedikit, rupanya sekarang katil pula ada juga cukai. *[Dewan ketawa]*. Lain kali saya rasa kalau lah— cukai hotel sebetulnya termasuklah mungkin itu cukai katil. Apa pula *tourism* RM10 dikenakan cukai katil lagi. Kalau orang tidak boleh bayar katil, terpaksa tidur di bawah jambatan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Saya sendiri yang sebetulnya, cukai katil ini macam agak hairan dan macam tidak bersetuju. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya akan nanti...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Menteri kena siasat ini, ini menjelaskan kempen kita.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, saya akan menjemput nanti Exco daripada Johor dan akan bertanya kenapa perkara ini berlaku dan sebagainya. Saya akan siasat perkara ini kerana macam saya katakan tadi orang tidak dapat bayar cukai katil, tidur di bawah jambatan Yang Berhormat. *[Dewan ketawa]* Ini jadinya.

■1110

Jadi harap-harap janganlah kena. Okey, negara-negara seperti Yang Berhormat katakan tadi, yang sebetulnya saya cuba jawab soalan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tadi mengemukakan pantun pada saya dan saya janji untuk memberi jawapan yang tepat tetapi soalan agak panjang. *So I couldn't find out with that very long question Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini juga sebahagian daripada jawapan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi, walau bagaimanapun saya... *[Ketawa]* Yang Berhormat, kita memang ada sasaran negara-negara, terutama sekali negara-negara di mana pelancong dia penduduk yang terbanyak dan kita akan tarik pelancong dia masuk ke Malaysia. Ini terutama sekali macam daripada India, China dan daripada negara-negara Jepun kita akan pelawa, jemput mereka masuk ke negara kita. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kekuatan yang ada untuk kempen Tahun Melawat Malaysia.

Walau bagaimanapun, *I will up-to-date* pelancong-pelancong daripada negara-negara ini di sidang-sidang yang akan datang, terutama sekali...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, maksud saya...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Tahun 2020.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Tidak Yang Berhormat Menteri sudah buat *engagement* dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ikut peraturan mesyuarat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Negara-negara berkenaan.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Apa dia Yang Berhormat?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maksud saya, ada tidak pihak kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri sudah buat *engagement* dengan negara-negara yang menjadi *target* kerajaan. Macam Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Sudah, sudah Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oh! Sudah.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Sudah, sudah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Okey, Yang Berhormat Menteri, terima kasih. *You are the man, Sir.*

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** *Thank you very much* Yang Berhormat, *I salute you.* Tuan Yang di-Pertua, *thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, satu puji, satu sambut. Ya, soalan tambahan kedua Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebelum saya kemukakan soalan tambahan, sebenarnya Exco Pelancongan di negeri Johor telah mengatakan bahawa kerajaan Johor memang tiada hasrat untuk mengenakan cukai katil. Exco tersebut telah menyatakan *statement* tersebut dalam Dewan Undangan Negeri Johor semalam. Jadi, soalan tentang cukai katil itu memang tidak wujud.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pihak kerajaan hari ini giat mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020 dan hasrat kita sudah pasti supaya mereka yang datang melawat apabila pelancong ini kembali ke negara mereka, mereka akan bantu untuk mempromosikan negara kita untuk supaya rakan-rakan mereka akan datang ke Malaysia untuk melancong. Soalan saya ialah bagaimana kita hendak memastikan apabila pelancong ini datang ke Malaysia, mereka akan dapat dilayan dengan baik supaya apabila mereka balik mereka mempromosikan negara kita.

Contohnya masalah utama yang kita lihat ialah isu tentang kesesakan di kaunter imigresen, di mana kadang-kadang mereka terpaksa menunggu sehingga empat jam di kaunter imigresen. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk bekerjasama dengan kementerian yang lain supaya memastikan perkara-perkara sedemikian tidak akan menggagalkan usaha kita untuk mempromosikan negara Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan. Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Exco Johor tidak ada mengemukakan tentang cukai katil ataupun Pahang mana sahajalah, kalau ada kita akan panggil, kita akan tanya. Kalau ada, ada, tidak ada, tidak ada, itu sahaja ceritanya Yang Berhormat. Okey. Kesesakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, kaunter.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** ...Untuk membantu pelancong masuk, apa yang kita buat kepada mereka tentang kesesakan. Ini saya rasa *entry point* memang ada kesesakan dan kita yang sebetulnya akan berunding dengan Kementerian Dalam Negeri kerana ini melibatkan imigresen dan ini di luar kuasa Kementerian Pelancongan. Kita hanya membawa pelancong masuk tetapi yang memberi visa masuk itu adalah Kementerian Dalam Negeri. Jadi kita akan nanti berunding dengan Kementerian Dalam Negeri. Okey, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Puas hati? *[Ketawa]*

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey. *Another thing is that...*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Ada lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah habis kah belum?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Okey, sudah jawab.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak perasan sudah jawab.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sudah, sudah. Sudah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah jawab ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya mohon satu soalan tambahan bertulis tapi penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, okey Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri berdiri, saya tidak boleh berucap. Yang Berhormat Menteri kena duduk dulu, terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia sudah berkobar-kobar ingin menjawab.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ya. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan saya tengok mutakhir ini kedatangan pelancong daripada negara-negara Arab, Qatar, Bahrain, Arab Saudi meningkat secara mendadak. Isu besar yang timbul ialah mereka ini mencari hotel-hotel patuh syariah. Saya ingin mendapat penjelasan secara bertulis, jumlah hotel yang patuh syariah dan pecahan mengikut negeri. Oleh sebab ia data yang panjang, saya perlukan jawapan bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak payah, soalan pun minta jawapan bertulis ya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih.

*Buah langsat buah delima,*

*Soalan Hulu Langat nombor lima.*

5. **Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar bayaran kepada penerbit drama/cerekrama dan dokumentari yang tidak sesuai lagi kini kerana kadar terdahulu sudah terlalu lama tidak disemak selain peningkatan kos produksi. Kadar bayaran yang terlalu rendah inilah yang menyebabkan mutu drama di TV menjadi lesu dan hanya berkisar tentang cinta yang membosankan penonton.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat untuk soalan berkenaan dengan sama ada ataupun tidak Kementerian akan mengkaji semula kadar bayaran kepada penerbit drama, cerekrama dan dokumentari yang tidak sesuai lagi dan juga kadar-kadar yang ingin diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia memang kita prihatin dan sentiasa mendengar berkenaan aduan, cadangan dan juga syor-syor yang dikemukakan oleh pelbagai pihak di dalam industri supaya kita dapat membantu para pengkarya untuk bersaing dan kekal wujud dengan kompetitif dalam penghasilan karya seni. Kementerian

menyedari Tuan Yang di-Pertua bahawa kadar bayaran yang ditetapkan pada tahun 1986 tidak pernah dikaji semula sehingga sekarang, ia 33 tahun Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, KKMM melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah pun memohon kajian kadar bayaran yang disebutkan dan ia kini dalam penelitian pihak Kementerian Kewangan. Jadi Yang Berhormat tahun ini pada kita membuat kajian semula dan saya difahamkan akhir bulan Mei telah pun dikemukakan, diangkat cadangan-cadangan baru berkenaan dengan kadar-kadar baru yang kita cadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kadar yang dicadangkan adalah peningkatan sebanyak 20 sehingga 50 peratus mengikut kategori-kategori tertentu, Yang Berhormat iaitu:

- (i) kategori telefilem;
- (ii) kategori drama bersiri;
- (iii) kategori dokumentari ataupun majalah;
- (iv) kategori animasi bersiri;
- (v) kategori *variety show*; dan
- (vi) kategori kapsul ataupun *trailer* ataupun promo.

Cadangan-cadangan ini adalah tertakluk pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua kepada kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dalam menentukan kadar berkenaan Tuan Yang di-Pertua RTM telah pun melaksanakan perbandingan dengan kadar-kadar pihak-pihak ketiga khususnya daripada kalangan pesaing RTM dan dapat memastikan bahawa kadar yang ditawarkan oleh RTM ini ada yang dicadangkan adalah kompetitif. Bagaimanapun ingin ditegaskan Tuan Yang di-Pertua bahawa kualiti karya kreatif yang dibeli RTM tidak semata-matanya berkaitan ataupun bergantung kepada kadar bayaran yang ditawarkan.

Ini merujuk kepada garis panduan perolehan perancangan setiap terbitan telah melalui proses kelulusan dan piawaian-piawaian yang ditetapkan dengan persetujuan pihak RTM dan juga syarikat-syarikat tertentu Tuan Yang di-Pertua. Produk yang dihasilkan juga dapat tempat di hati penonton. Sebagai contoh tahun ini Tuan Yang di-Pertua, data rating yang kita ada, ada diperoleh melalui Nielsen Malaysia yang dikeluarkan menunjukkan bahawa slot *telemovie* dan drama seumpamanya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sesetengahnya mencecah lebih daripada 2 juta tontonan bagi slot Citra dan juga Panggung Seri.

Ia membuktikan tema berkenaan masih menjadi pilihan penonton di negara ini. So, ia ada beberapa perkara-perkara yang dilihat, sebab yang penting apabila kita melihat kepada sama ada ataupun tidak sesuatu program itu dapat ditonton oleh masyarakat ramai.

#### ■1120

Kementerian akan sentiasa memastikan kualiti dan mutu program yang disiarkan mengambil kira kebijakan pemain industri kreatif tempatan juga, dan memastikan bahawa ia sentiasa dipelihara dan dilindungi di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Setakat itu sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri.

Apakah kerajaan melalui RTM ada membuat kajian dan kemudian menyediakan insentif-insentif khas bagi menggalakkan lebih ramai para penerbit untuk menghasilkan dokumentari atau program yang mempunyai pengisian ilmu pengetahuan yang baik, dengan izin, ada *substance* berbanding program bercorak hiburan semata-mata atau berunsur cerita hantu dan cerita cinta tiga segi sahaja. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa sejak awal tahun ini kita telah pun- di RTM melihat kembali kepada beberapa jenis ataupun genre penerbitan yang kita ada. Satu di antaranya Yang Berhormat adalah dokumentari.

Kita ini sekarang lihat kepada bagaimana dokumentari ini mungkin menjadi satu bahagian yang tersendiri kerana ia melibatkan perkara-perkara lain, tema-tema yang berlainan dan sebagainya. Dokumentari ini boleh digunakan sebagai asas untuk kita ini membawa banyak maklumat kepada rakyat dan ia adalah penting dan sesuai daripada segi kita ini hendak menambah mutu pengetahuan rakyat berkenaan dengan isu-isu tertentu.

Jadi dalam perkara itu memang kita sekarang ini telah pun menyusunkan bagaimana kita boleh menghasilkan dokumentari-dokumentari yang lebih relevan kepada apa yang kita lihat sebagai penting hari ini, khususnya dalam bidang teknologi. Bagaimana teknologi boleh digunakan untuk rakyat dan sebagainya.

Kemudian, kita hendak lihat bagaimana kita ini boleh menonjolkan lebih daripada karya-karya tempatan yang ada. Itu juga boleh digunakan melalui dokumentari dan sebagainya. Jadi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kita kena beralih dan lihat lebih luas bagaimana kita boleh menggunakan slot-slot dokumentari dan juga slot-slot lain yang ada dan sedia ada dalam RTM, supaya kita boleh membawa lebih maklumat kepada masyarakat.

Dan saya boleh memberikan jaminan di sini bahawa bermula daripada tahun depan, kita akan mengumumkan beberapa penyaluran ataupun saluran baru di peringkat RTM dan di situ dapat kita lihat bagaimana kita akan mengembangkan skop yang kita ingin bawa khususnya berkenaan dengan dokumentari-dokumentari di RTM. So, itu perkara dalam perhatian saya. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kadar bayaran kepada penerbit filem Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi, soalan tambahan saya adalah, apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kementerian dalam membendung kemasukan filem-filem asing yang memberi kesan serius kepada penghasilan filem tempatan dan banyak aduan yang dibuat oleh pelakon veteran yang mengadu kekurangan tawaran berlakon. Jadi, apakah juga usaha pihak kementerian dalam memastikan pelakon veteran tidak diketepikan. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara yang dibangkitkan.

Satu, berkenaan dengan filem tempatan. Saya ingin memberikan pengesoran di sini bahawa kita memberi tumpuan kepada bagaimana kita boleh fokuskan kepada hasil-hasil karya

tempatan kerana ini sangat penting dan kita perlu memberikan ruang dan juga memberikan peluang kepada bakat-bakat yang kita ada di peringkat tempatan supaya mereka ini boleh menghasilkan karya-karya dan juga filem-filem yang bermutu tinggi supaya kita bukan sahaja dapat menonjolkan bakat mereka di peringkat negara kita, tetapi juga kita cari jalan bagaimana kita boleh membawa dia ke peringkat global. So, itu adalah satu fokus yang kita berikan. So, *it's that definitely dalam perhatian kita.*

Isu berkenaan dengan veteran, saya setuju. Ini sangat penting dan kita ada persatuan-persatuan yang telah pun membawa masalah-masalah yang sedia ada, wujud satu daripada dia bagaimana kita boleh meningkatkan peluang untuk mereka ini terus mengambil bahagian dalam siri-siri baru dan sebagainya. Itu adalah perkara dalam perbincangan kita- satu perkara yang diberikan perhatian oleh kementerian saya.

*And of course, kita sejauh mana yang kita boleh, kita akan memberikan fokus kepada bagaimana kita boleh pastikan bahawa mereka juga diberikan ruang dan peluang-peluang untuk mengambil bahagian dalam apa yang kita akan lihat sebagai reform dalam RTM ini, dalam tahun yang akan datang. So, itu adalah satu perkara dalam perhatian saya. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

**6. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, langkah yang terkini diambil oleh kementerian untuk mengerakkan badan dunia dan serantau bagi menyambung pelaksanaan repatriasi pelarian Rohingya untuk kembali ke tanah air mereka di Myanmar.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas soalan yang dikemukakan.

Malaysia amat prihatin terhadap krisis kemanusiaan Rohingya dan sentiasa mencari peluang untuk membawa isu ini kepada perhatian masyarakat antarabangsa. Dengan usaha-usaha yang berterusan, Malaysia percaya masyarakat dunia akan mengambil tindakan yang berpatutan ke atas ketidakadilan dalam krisis kemanusiaan yang dihadapi oleh etnik minoriti Rohingya di Myanmar.

Proses repatriasi pelarian Rohingya yang dirancang oleh Kerajaan Myanmar dan Kerajaan Bangladesh gagal menyaksikan penyelesaian yang terbaik bagi masyarakat Rohingya. Ini berikutan kegagalan cubaan untuk menghantar pulang pelarian Rohingya dari Cox's Bazar, Bangladesh ke Myanmar.

Pertamanya pada 15 November 2018, dan keduanya pada 22 Ogos 2019. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh kebimbangan pelarian Rohingya ke atas keselamatan mereka di Myanmar dan tiada jaminan bahawa hak-hak mereka akan terpelihara setelah pulang kelak.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia terus mengutarakan isu-isu berkaitan krisis Rohingya di peringkat serantau dan antarabangsa. Di peringkat ASEAN, Malaysia

sentiasa menggesa negara-negara anggota ASEAN untuk mendesak Myanmar dan Bangladesh melaksanakan proses repatriasi ini.

Dalam hal ini, ASEAN telah memainkan peranan melalui *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance* (AHA Centre) dan *ASEAN-Emergency Rapid Assessment Team* (ASEAN-ERAT) dan menjadi pemerhati kepada proses repatriasi yang sepatutnya dilaksanakan pada 22 Ogos 2019. Malaysia telah mengemukakan cadangan agar proses repatriasi dapat dilaksanakan dengan konsultasi bersama pelarian Rohingya. Ini bagi memastikan kepulangan mereka ke Myanmar adalah sebenar-benarnya secara sukarela, selamat dan bermartabat.

Seterusnya, di peringkat antarabangsa Malaysia bukanlah suara yang asing dalam memperjuangkan isu Rohingya. Semasa Perhimpunan Agung Ke-74 PBB di New York baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetengahkan isu Rohingya ini di pelbagai forum termasuklah debat utama Perhimpunan Agung PBB 27 pada September 2019, di mana Malaysia menyatakan tiada negara sekejam Myanmar yang terus menindas etnik Rohingya dan bersikap tidak mengendahkan tindakan tenteranya melakukan keganasan seksual dan pembunuhan ke atas wanita dan kanak-kanak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seterusnya mengkritik ketidakmampuan dunia untuk menghentikan kekejaman ini.

Acara sampingan peringkat tertinggi *Rohingya Crisis: A Way Forward* pada 24 September 2019 di mana Malaysia telah mempengaruhi acara ini secara bersama dengan Bangladesh, Turki, Kanada dan sekretariat OIC. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan jelas bahawa apa yang berlaku ke atas etnik Rohingya di Myanmar adalah *genocide*. Repatriasi yang terus tertunda telah menyebabkan pelarian Rohingya di Cox's Bazar menjadi semakin tertekan dan terdesak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menggesa Myanmar untuk membenarkan PBB dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan masuk ke wilayah Rakhine untuk memberikan bantuan dalam proses repatriasi tersebut.

#### ■1130

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga turut terlibat dalam konsultasi dengan negara-negara Ahli PBB dan OIC berkenaan isu Rohingya di selar-selar Perhimpunan Agung PBB termasuklah Mesyuarat Koordinasi Menteri-menteri Luar Negeri OIC pada 27 September 2019 di mana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menekankan bahawa penjenayah yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran hak asasi manusia di Wilayah Rakhine perlu dibawa ke muka pengadilan.

Mesyuarat Kumpulan Berhubungan OIC mengenai masyarakat Islam Rohingya di Myanmar di mana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengajak negara-negara Ahli OIC untuk terus memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya dan bersama-sama memastikan bahawa proses repatriasi dapat dijalankan dengan sukarela, selamat dan bermartabat. Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Sementara (*Ad Hoc*) berhubung akauntabiliti bagi pencabulan hak asasi manusia etnik minoriti Rohingya di Myanmar di mana Yang Berhormat

Menteri Luar Negeri mengupas perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh OIC untuk membawa isu Rohingya ke muka pengadilan antarabangsa.

Dalam pada itu, semasa sesi ke-42, Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva pada 9 hingga 27 September 2019, Malaysia telah menaja bersama resolusi *Situation of Human Rights of Rohingya Muslims and other minorities in Myanmar*. Bersama-sama OIC dan Kesatuan Eropah, resolusi ini menekankan kepentingan persekitaran yang kondusif untuk membolehkan repatriasi dilaksanakan serta menekan agar PBB dapat memainkan peranan dalam membantu menjadikan proses repatriasi ini satu realiti. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sudah melihat dan merasai kesengsaraan lebih 750 ribu pengusir atau pelarian Rohingya di kem-kem di bandar Cox's Bazar itu. Saya dilaporkan dalam media bahawa Pusat Koordinasi ASEAN Untuk Bantuan Kemanusiaan ataupun AHA Centre ini telah membuat lawatan khusus ke Wilayah Rakhine pada beberapa bulan lepas dan misi ini dilaporkan diikuti oleh Kerajaan Indonesia.

Jadi soalan saya adakah pihak ataupun Wisma Putra juga terlibat dengan misi membuat penilaian awal ini dalam soal repatriasi pelarian. Soalan kedua saya juga, adakah pihak kerajaan mempunyai agenda khusus dalam menangani konflik Rohingya ini ketika mana kita akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak KL ataupun KL Summit pada Disember nanti dan ketiga soalan saya iaitu adakah pihak Malaysia mempunyai usaha yang khusus bersama dengan Kerajaan Indonesia yang nampak juga sangat ke hadapan untuk menyelesaikan masalah kemanusiaan yang melibatkan Rohingya dan juga soal repatriasi yang gagal sebelum ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Pertama sekali berkenaan dengan delegasi yang memasuki kawasan Rakhine yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, kita melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) juga terlibat secara langsung dalam proses tersebut. Berkenaan dengan isu Rohingya ini, sudah pastilah Malaysia akan sentiasa akan bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk dengan Indonesia berkenaan dengan masalah Rohingya ini.

Jadi ini adalah keputusan kita dan kita menentang apa juga keganasan terhadap kemanusiaan di luar negara tanpa mengira latar belakang. Berhubung dengan KL Summit, saya jelaskan di sini bahawa kita juga akan mengangkat tentang soal masalah-masalah orang-orang Islam terutamanya di dalam KL Summit tersebut kerana ini adalah satu daripada forum yang menyentuh tentang soal umat Islam bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia memang terserlah tetapi saya melihat bahawa usaha seterusnya adalah *beyond* penghantaran semula terhadap pelarian Rohingya ini tetapi untuk memastikan keselamatan mereka itu diutamakan dalam proses penghantaran semula ke kawasan mereka di Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimana Malaysia melihat usaha yang dibuat oleh Gambia untuk merujuk ke Myanmar ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) dan dilaporkan minggu lalu bahawa ICC telah meluluskan siasatan penuh terhadap *Myanmar on the issue of Rohingya*. Bagaimana Malaysia melihat perkembangan terbaru terhadap Myanmar dan pelarian Rohingya ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan isu ICC ini, Malaysia juga adalah sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa Ad Hoc yang dipengerusikan oleh Gambia. Maka bererti bahawa Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha untuk membawa perkara ini ke ICC dan saya rasa ini adalah satu daripada usaha yang mana kemungkinan besar kita mempunyai bukti yang kukuh untuk membawa perkara ini ke peringkat ICC. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Johor Bahru, sila.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanyakan soalan saya cuma hendak maklumkan kepada Dewan bahawa saya, pejabat saya telah terima ugutan pagi berbentuk bunuh. Cuma kita telah serahkan kepada pihak polis dan saya mohon Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen kita tolak usaha ugut mengugut di kalangan ahli politik ini. *[Tepuk]*

7. **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan penguatkuasaan terhadap penggunaan rokok elektronik atau "vape" khususnya dalam kalangan pengguna bawah umur 18 tahun.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru dan saya memang bersimpati dengan apa yang dihadapi oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi.

Tuan Yang di-Pertua, rokok elektronik ataupun *vape* merupakan sejenis produk merokok yang baharu di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau *vape* di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan saja berlaku di Malaysia, malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Rokok elektronik atau *vape* yang menggunakan cecair bernikotin telah dikawal di bawah Akta Racun 1952. Di bawah akta ini sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik adalah dilarang penjualannya kecuali oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar. Mana-mana orang selain daripada mereka yang disebut di atas yang menjual sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik bernikotin adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada masa yang sama pengedaran dan perbekalan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada pihak berkuasa kawalan dadah di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Akta Jualan Dadah 1952. Mana-mana orang yang mengedar atau membekalkan sebarang persediaan yang mengandungi nikotin tanpa kelulusan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Kebetulan Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menggubal satu akta baharu berkenaan dengan penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik atau *vape* dan dalam cadangan ini bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun ke bawah adalah dilarang penggunaan sama sekali.

■1140

Menyedari terdapat kajian-kajian terkini yang telah menunjukkan kesan sampingan terhadap penggunaan rokok elektronik dan *vape* termasuk beberapa kematian yang telah dicatatkan di negara Amerika Syarikat, satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengkaji semula keperluan penguatkuasaan larangan penjualan rokok elektronik dan *vape* secara menyeluruh. Satu jawatankuasa kerja pakar telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh saya sendiri akan mengkaji semula bentuk kawalan yang akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bukan seorang perokok dan saya pun kurang gemar dengan bau rokok tetapi kita masih berkawan dengan perokok sekarang inilah, kawan-kawan pun ada yang merokok. Cuma dalam isu *vape* ini, tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa kita memang mengekang ataupun mengawal kandungan nikotin di bawah satu akta yang diguna pakai sejak dulu. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa perbezaan antara rokok dan juga *vape* ini kerana rokok pun ada nikotin. Kedua dari segi rokok itu, ada kesan *secondhand smoker* iaitu mereka yang duduk bersebelahan mungkin terkesan akibat asap rokok.

Cuma untuk isu *vape* ini saya hendak dapatkan kepastian adakah ianya juga mempunyai kesan *secondhand smoker* dan dalam usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggubal undang-undang baru sebab ada permintaan yang kuat di kalangan pengusaha dan juga pengguna-pengguna *vape* ini supaya diberi ruang untuk kegunaan nikotin dalam *vape* tetapi yang dikawal, yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Pertama, berkenaan dengan perbezaan antara rokok dan *vape*. Rokok memang dikawal di bawah hasil tembakau di bawah Akta Makanan yang sedia ada. Bagaimanapun, *vape* ini dikawal kalau sekiranya ada kandungan nikotin, di kawal di bawah Akta Racun. Jadi oleh sebab perbezaan ini, kita sedang menggubal satu rang undang-undang yang baru supaya boleh kita mengawal rokok dan *vape* sekali gus di bawah satu akta yang baru.

Jadi ini tujuan akta yang baru ini. Berkennaan dengan *secondhand smoke* dengan *secondhand vape*. Memang ada kajian yang menunjukkan bahawa *vaping*, asap *vaping* itu pun

ada kesan kepada mereka yang mendekati mereka yang gunakan vape kerana dia juga boleh mengakibatkan ketagihan kepada nikotin yang mungkin membawa kesan yang lebih lama. Jadi dalam jawatankuasa pakar ini kita akan kaji beberapa aspek pengawalan sama ada kita larang 100 peratus ataupun kita membenarkan penggunaan vape tanpa nikotin ataupun membenarkan penggunaan vape dengan kandungan nikotin yang terkawal. Sekian.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti kita tahu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi bahawa komuniti vape ini agak besar di negara kita dan amat membimbangkan kerana masalah kesihatan yang disebutkan tadi. Dari segi kajian, kalau kita lihat kajian kita hanya tertumpu kepada kajian yang dibuat di Amerika Syarikat dan sebagainya dan kandungan nikotin di sana mungkin berbeza dengan kandungan nikotin di cecair vape yang dikeluarkan di Malaysia. Jadi soalan saya, selain daripada kajian daripada luar, adakah pihak Kementerian Kesihatan sendiri membuat kajian tentang bahawa vape kepada kesihatan berdasarkan cecair vape yang dikeluarkan di Malaysia tersebut. Itu yang pertama.

Kedua, alasan untuk tidak membenarkan vape kerana vape dianggap sebagai membahayakan kepada kesihatan sedangkan kita sedar bahawa rokok amat berbahaya kepada kesihatan dan memang telah pun terbukti bahaya. Seperti di dalam amaran di kotak-kotak rokok, semua bahaya itu dikeluarkan di kotak-kotak rokok tersebut. Bermakna amat berbahaya sekali. Jadi kalau alasan mengharamkan vape kerana kesihatan, adakah pihak kementerian juga bercadang untuk mengharamkan rokok kerana rokok juga berbahaya kepada kesihatan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Kalau kita boleh haramkan rokok, memang hasrat saya haramkan rokok. Akan tetapi saya tahu ini tidak munasabah dan tidak praktikal sepertimana kita menghadapi masalah vape ini. Memang kalau kita lihat dari segi kajian, yang pertama kalau kajian berkenaan dengan vape yang dengan nikotin, yang tidak ada campuran yang lain yang setakat ini di United Kingdom telah menggunakan sebagai *harm reduction*, beberapa tahun sudah dan setakat ini kita masih tidak ada kesan jangka masa panjang berkenaan dengan penggunaan vape dengan nikotin sahaja.

Apa yang berlaku di Amerika Syarikat adalah kerana apabila mereka campurkan kandungan lain seperti kanabis dan juga vitamin acetate, ini yang menyebabkan satu penyakit baru yang dikatakan EVALI dan kita sedang kaji. Kalau kita tidak memberi satu kawalan, ada kemungkinan di dalam pasaran-pasaran haram di mana ada kandungan-kandungan tambahan yang ditambah kepada cecair vape itu, ini juga boleh memudaratkan kesihatan.

Jadi ini beberapa pertimbangan yang kita sedang kaji sama ada kita larang 100 peratus ataupun membenarkan dengan satu pendaftaran kandungan vape itu supaya kita boleh selamatkan, pengguna boleh guna dengan cara selamat. Jadi ada beberapa pertimbangan yang sedang kita pertimbangkan. Sekian.

**8. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai semua syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) serta syarikat-syarikat GLIC dan GLC di bawah kawalan Kementerian Kewangan yang dilantik Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu dan menyatakan perbandingan gaji mereka dengan gaji CEO yang terdahulu.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus, saya ingin menyatakan bahawa sejak 8 Mei 2018, apabila kerajaan baharu mengambil alih tumpuk pemerintahan, sebanyak 18 syarikat MKD ataupun Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan syarikat-syarikat GLIC di bawah kawalan Kementerian Kewangan telah menerima Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO yang baru. Syarikat-syarikat tersebut adalah disenaraikan dalam lampiran yang akan diberikan kepada Yang Berhormat.

Antara 18 lantikan baru ini, gaji bagi lima CEO telah diturunkan, empat CEO dinaikkan dan sembilan CEO dikenakan. Jumlah keseluruhan gaji 18 orang CEO baru ini adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah gaji CEO terdahulu. Jumlah penjimatan adalah sebanyak RM87,050 sebulan atau RM1.04 juta setahun. Perlu ditegaskan bahawa tiada ahli politik telah dilantik sebagai CEO syarikat-syarikat MKD ataupun GLIC di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Tambahan lagi tiada lantikan politik telah dibuat ke dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat tersebut kecuali lantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad.

Walau bagaimanapun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi tidak menerima sebarang bayaran elaun tahunan dan elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah dalam Khazanah Nasional Berhad. Bagi GLIC pula, satu garis panduan berkaitan ganjaran bagi pengurusan tertinggi syarikat iaitu buku biru, peningkatan pengurusan prestasi telah pun diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC pada April 2006. Buku tersebut antara lainnya telah mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (i) memastikan paras gaji asas tetap kompetitif berbanding pasaran;
- (ii) memastikan kenaikan gaji asas mencerminkan prestasi individu dan syarikat serta kemampuan syarikat;
- (iii) menyediakan bonus dan jumlah ganjaran kepada prestasi individu dan syarikat;
- (iv) memastikan keseluruhan ganjaran adalah kompetitif di pasaran;
- (v) penggunaan wang tunai sebagai ganjaran atau insentif; dan
- (vi) penggunaan saham sebagai ganjaran atau insentif.

Usaha bagi memastikan calon CEO yang dilantik merupakan individu yang berwibawa, kompeten dan berpengalaman luas serta relevan dalam menerajui syarikat kerajaan. Bayaran gaji yang kompetitif turut dipertimbangkan bagi menarik individu yang mempunyai kriteria *fit and proper* dengan izin. Sudah tentu ia adalah lain daripada apa yang dibayar untuk elaun kepada bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan sehingga beliau boleh dapat tambahan gaji RM56 ribu

sebulan atau ganjaran tambahan sebanyak RM3.8 juta di antara tahun 2012 hingga Jun 2018. Sekian, terima kasih.

■1150

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan kementerian untuk menyediakan satu Buku Biru yang akan menjadikan garis pandu kepada CEO di peringkat GLC di bawah Kementerian Kewangan. Adakah kementerian berhasrat untuk menjadikan buku itu juga panduan kepada semua GLC di seluruh negara dan pada masa yang sama saya juga menimbulkan persoalan. Kita bukannya bincang tentang pengurangan kos oleh menerusi gaji CEO akan tetapi apa yang penting ialah jurang antara gaji CEO dengan gaji pertengahan dan gaji staf bawahan.

Di kala mana kita memberikan bonus ataupun elauan tahunan ataupun insentif untuk CEO oleh kerana prestasi syarikat maka bonus dan ganjaran kepada para pekerja di peringkat bawahan juga mesti diangkat setara dengan kejayaan syarikat, adakah itu juga menjadi sebahagian panduan pada Buku Biru yang disediakan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentu ini adalah di antara KPI yang telah pun diputuskan untuk mengukur prestasi yang ditunjukkan oleh CEO yang telah pun dilantik akan tetapi kita pun kena mengambil maklum bahawa kadar pasaran yang dibayar harus juga dipertimbangkan sekiranya kita hendak melantik CEO yang berwibawa dan mempunyai pengalaman yang setara dengan jawatan penting yang dipegang.

Oleh demikian, apabila kita sebut tentang jurang gaji di antara CEO dan juga gaji di bawah ia bukan hanya di peringkat kerajaan akan tetapi juga di peringkat swasta. So, perkara ini harus dilihat secara holistik. Memang kita akui kalau kita lihat dari segi sumbangan gaji kepada GDP untuk Malaysia adalah sekadar 36 peratus. Kalau kita lihat prestasi negara-negara maju yang menjangkau 45 peratus dan itulah sebabnya kita perlu untuk menambah pendapatan yang diperoleh oleh rakyat dan inilah telah di usahakan melalui inisiatif #MalaysiaKerja yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020.

Di mana bukan sahaja peluang pekerjaan hendak diwujudkan akan tetapi kerajaan akan memberikan tambahan dari segi insentif gaji bukan sahaja kepada pekerja akan tetapi juga kepada majikan supaya berikan peluang pekerjaan dengan gaji yang lebih munasabah kepada rakyat Malaysia. So, perkara ini memang diambil keprihatinan dan perhatian dan yang penting juga kita hendak pastikan dari segi prestasi yang ditunjukkan adalah berdasarkan kemampuan dan juga kecekapan dari segi pengurusan.

Itulah sebabnya seperti yang saya sebut tadi tidak ada Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada orang-orang politik khususnya wakil rakyat bukan macam keadaan dahulu di mana ramai daripada Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil rakyat. Kita akan lihat manfaat daripada perubahan dasar ini di mana saya rasa dalam empat, lima tahun akan datang kita akan lihat oleh kerana pimpinan yang profesional, prestasi syarikat ini akan menunjukkan satu pulangan yang baik kepada rakyat di negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pelantikan CEO-CEO ini khusus bukan sahaja bagi syarikat diperbadankan MOF akan tetapi GLIC dengan GLC dan bagaimana prosesnya dari segi pelantikan? Adakah ini *direct sourcing* ataupun terbuka untuk dipohon? Saya rasa ini sangat penting dari segi model *shared prosperity*.

Seterusnya pada zaman yang sekarang dan akan datang jadi dalam perkara ini adakah pihak kementerian mempunyai maklumat dari segi komposisi kaum misalnya okey. Bumiputera bukan Bumiputera dan kalangan Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam oleh kerana banyak dari komuniti minoriti dari Sabah, dari Sarawak, Orang Asli *some of them* ini di Hong Kong, di *Middle East*, di London sebagai CEO-CEO, agensi-agensi ataupun *finance company* khususnya.

Adakah pihak kerajaan mahu memberi penekanan kepada perkara ini dan bolehkah Yang Berhormat membekal maklum kalau tidak secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat daripada Kota Marudu. Memang benar bahawa kalau kita lihat dari aspek pelantikan itu CEO kalau kita lihat dari segi kaum adalah kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan Melayu bumiputera tapi perkara ini akan dinilai dan dilihat supaya ada keseimbangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Sudah tentu kalau Yang Berhormat sebut daripada Sabah dan Sarawak ini memang juga akan diberikan perhatian akan tetapi kalau kita lihat dari segi gaji yang ditawarkan mungkin belum cukup lumayan untuk mereka akan tetapi walau macam mana pun, saya rasa yang pun tahu bahawa Ketua Pengarah LHDN telah pun dikekalkan sungguhpun beliau adalah daripada orang Sabah dan ini menunjukkan komitmen untuk memberikan peluang kepada LHDN sungguh pun ada beberapa tuntutan sebelum ini oleh kerana beliau dikatakan terlalu rapat dengan pihak tertentu akan tetapi masih dikekalkan oleh kerana beliau orang Sabah di mana kita bergantung atau yakin ke atas kewibawaan dan juga profesionalisme beliau.

So dalam aspek ini saya harap yang pun boleh menghargai hakikat ini di mana komitmen diberikan kepada mereka yang terdiri daripada Sabah ataupun Sarawak. Dari segi lantikan untuk jawatan-jawatan penting pada masa yang sama penekanan juga diberikan kepada mereka daripada kedua-dua negeri ini.

Tentang proses lantikan ini terpulang kepada kementerian masing-masing sungguhpun ia di bawah kawalan MKD akan tetapi apabila ia di bawah kementerian tersebut mereka ada kaedah dan atur cara tersendiri akan tetapi semua ini akan diseragamkan dan diselaraskan menerusi Buku Biru yang saya sebut tadi. Sekian terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Tuan Yang di-Pertua, Segamat. Tadi satu soalan pembangkang satu Bebas minta sebelah sini juga satu memandangkan ini perkara penting. Saya jarang minta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya beri kesempatan kepada Yang Berhormat Segamat ini adalah soalan yang terakhir.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan soalan nombor sembilan tidak terjawab. Saya ingat bagi kesempatan pada soalan nombor sembilan. Sekarang saya menjemput Puan Noorita binti Sulal.

9. **Puan Noorita binti Sulal [Tenom]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah pakej pelancongan istimewa dan kerjasama pintar dengan persatuan pengusaha pelancongan syarikat penerbangan dan badan korporat bagi mempromosi pelancongan negeri Sabah, terutama Parlimen Tenom sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Taman Pertanian Sabah di laut seberang merupakan pusat tarikan pelancongan utama bagi daerah Tenom. Selain itu, di sini juga terdapat banyak produk pelancongan sampingan yang menjadi produk sokongan kepada Taman Pertanian Sabah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan strategik bagi mempromosikan daerah ini kepada pelancong domestik dan antarabangsa adalah seperti berikut:

- (i) lawatan suai kenal Tourism Malaysia dengan kerjasama Sabah Tourism Association telah menjemput agensi pelancongan syarikat-syarikat korporat dan media untuk menyertai lawatan suai kenal bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan; dan
- (ii) acara-acara tempatan dan kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di daerah Tenom seramai 33 orang wakil daripada agensi pelancongan syarikat korporat dan media dalam menyertai lawatan ini.

#### ■1200

Antara produk pelancongan yang dilawati adalah Pusat Kebudayaan Murut, Kilang Kopi Fatt Choi, ladang limau barli, Taman Pertanian Tenom, dan tempat-tempat aktiviti pelancongan lain yang terdapat di sini.

Melalui pembangunan pakej, sebanyak lima pakej pelancongan utama daerah Tenom turut dimuatkan di buku *Best of Sabah Holiday Package 2019/2020*, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah sempena Kempen Melawat 'Malaysia 2020' pada 19 September 2019. Pakej-pakej ini akan dipromosikan melalui website dan *microsite Tourism Malaysia* dan juga akan diedarkan kepada pasaran yang telah disasarkan.

Bantuan acara-acara promosi negeri bagi acara-acara lain di Sabah- aktiviti promosi diterajui oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui *Sabah Tourism Board*. Namun demikian, *Tourism Malaysia Sabah* turut membantu dalam mempromosikan acara Pesta Kalimaran melalui pembangunan pakej pelancongan, bahan-bahan kolateral, hebahan melalui media cetak, sosial dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang diberikan.

Soalan tambahan saya, bagaimana pula dengan program ataupun bengkel-bengkel khas? Sebab di Tenom ini sebenarnya sekarang *coincidentally* Tenom juga melancarkan Tahun Melawat Tenom 2020, dan banyak pusat pelancongan Tenom ini berunsurkan komuniti ataupun agropelancongan. Jadi bagaimana pula dengan program atau bengkel khas kepada pengusaha ataupun pengusaha-komuniti pelancongan? Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan bengkel seperti bengkel pelancongan?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada menyediakan satu buku *all the packages for Sabah*. Buku itu ada di tangan saya, dan saya nanti akan beri ini kepada Yang Berhormat daripada Tenom. Semua kalendar, apa semua ada di dalam, lengkap. Sekejap lagi nanti saya akan beri kepada Yang Berhormat Tenom... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kalabakan kena memohon. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai produk-produk pelancongan dan juga pakej-pakej seluruh negara termasuklah di Sabah. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa lawatan ke istana-istana lama dan juga bandar-bandar diraja di *Great Britain* terbukti berjaya, dan ia adalah satu tarikan yang hebat di *Great Britain*.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mewujudkan satu bentuk pakej pelancongan yang dikenali sebagai *The Royal Trail*, di mana pelancong-pelancong kita dapat mengunjungi semua Bandar Diraja yang mempunyai kecantikan seni bina lama, dan kehebatan Kesultanan Melayu, mungkin berlaku dari Istana Negara dan Bandar Diraja Kuala Kangsar nanti akan menjadi sebahagian daripadanya. Bagaimanakah usaha ini nanti Yang Berhormat Menteri hendak buat, dengan kerjasama kerajaan negeri dan juga pihak-pihak istana di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedia mempertimbangkan, satu. Keduanya, cadangan ini sebelum dikemukakan, memang sudah dimasukkan di dalam rancangan kita. Hanya-saya kalau dah jadi buku ini, saya akan edarkan senaskhah untuk Yang Berhormat, tolong lihat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

**[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.05 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang) [Datuk Liew Vui Keong]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020, dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 November 2019.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**

**PELANJUTAN TARikh PEMBENTANGAN LAPORAN  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG,  
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS (IPCMC) 2019**

**12.07 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“**Bahawa** Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada hari Rabu, 13 November 2019 hendaklah meneliti Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 dan membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada hari Isnin, 25 November 2019.

**Bahawa** Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang sedang memuktamadkan dapatan serta syor-syornya dan membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada hari Rabu, 27 November 2019.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

#### **PELANJUTAN TARikh UNTUK MENGEMUKAKAN AKUAN BERKANUN PERISYTIHARAN HARTA AHLI DEWAN RAKYAT**

**12.08 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

**Bahawa** melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada hari Isnin, 1 Julai 2019, sesuai dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisyiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah dalam Akuan Berkunun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Bahawa** Akuan Berkunun tersebut hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh usul tersebut itu disetujukan dan disalin kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**Bahawa** Majlis membuat ketetapan melanjutkan tarikh bagi mengemukakan Akuan Berkunun Perisytiharan Harta Ahli Dewan Rakyat adalah tidak lewat daripada hari Khamis, 5 Disember 2019.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**■1210****RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020  
DAN  
USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020  
Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Ketigabelas]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

**Tuan Penggerusi:** Yang Berhormat hari ini kita bermula dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Saya telah menerima senarai seperti semalam agak panjang juga. Jadi kita tetapkan tempoh untuk perbahasan hari ini tujuh minit setiap pembahas. Kalau tak, tidak habis. Menteri diberi tempoh 60 minit untuk menjawab. Jadi kita bermula dengan pembahas pertama dari pihak Pakatan Harapan, kerajaan dulu iaitu Yang Berhormat Kluang. Silakan Yang Berhormat Kluang.

**12.12 tgh.**

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Tuan Penggerusi, berkenaan dengan Butiran 02024 di Maksud Pembangunan 47. Saya ingin tahu perancangan kementerian untuk mewujudkan satu sistem arkib digital yang lebih menyeluruh dengan peruntukan RM500,000 sahaja. Sila nyatakan secara terperinci kegunaan peruntukan RM500,000 tersebut? Adakah ia akan digunakan untuk memperoleh satu sistem simpanan arkib digital berita yang Berdefinisi Tinggi (HD) atau untuk membeli server sahaja?

Tuan Penggerusi, sekiranya RTM atau BERNAMA TV mahu menghasilkan berita TV yang berkualiti. Kita mesti mempunyai arkib untuk menyimpan lebih banyak lagi rakaman tanpa sunting. Berbanding dengan stesen TV negara lain, berita TV di negara kita kurang menggunakan rakaman arkib. Apabila saya bertanya kepada rakan-rakan media, mereka memaklumkan bahawa sistem penyimpanan rakaman sedia ada tidak mencukupi. Misalnya

sistem yang kita ada di BERNAMA, ruang server akan penuh dengan cepat dan mereka terpaksa memadamkan rakaman lebih awal supaya dapat memasukkan rakaman baru.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa semua rakaman ini tidak kira berita dengan suntingan atau rakaman tanpa suntingan lebih baik kita simpan dalam arkib. Semua rakaman ini merupakan detik dalam sejarah negara dan mempunyai nilai yang tinggi buat bidang perfileman. Pengarah filem dan dokumentari memerlukan sumber rakaman yang mencukupi untuk menghasilkan filem yang berkualiti tinggi. Kalau stesen TV negara kita sendiri pun tidak menyimpan rakaman asli yang mencukupi dari mana lagi kita boleh mencari maklumat berkenaan peristiwa secara sebegini.

Pada waktu pagi tadi sesi soal jawab, Menteri sendiri pun kata bahawa RTM akan usaha lebih kuat lagi untuk tahun depan dalam bidang dokumentari. Akan tetapi, untuk menjana lebih banyak filem dokumentari ini kita mesti ada penyimpanan rakaman asli yang mencukupi. Kalau tiada macam mana pengarah dokumentari buat filem tersebut.

Tuan Pengerusi, mungkin sistem penyimpanan arkib ini mahal dan tidak menjana pendapatan seperti program komersial yang akan menarik pengiklanan. Namun penjualan bahan-bahan arkib sebenarnya adalah satu aktiviti yang mampu menjana pendapatan bagi stesen TV.

Untuk makluman Menteri, saya pernah bekerja di pusat arkib dan multimedia di sebuah stesen TV di luar negara. Dengan sistem penyimpanan yang senang diakses dan maklumat menyeluruh. Setiap minggu ramai pelanggan akan datang untuk mencari rakaman asli. Berapa harga untuk membeli rakaman tersebut? Kosnya RM600 untuk rakaman 10 saat sahaja. Biasanya mereka akan membeli lebih daripada satu minit. Justeru, penyediaan arkib rakaman yang berkualiti sebenarnya mampu menjana pendapatan yang lumayan untuk stesen TV. Saya berharap RTM atau BERNAMA menubuhkan satu unit yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memproses dan mengarkibkan rakaman asli yang diambil oleh jurukamera setiap hari.

Tuan Pengerusi, butiran kedua saya hendak sebut adalah Butiran 06512 — *BERNAMA News Channel*. BERNAMA adalah agensi berita negara yang membekalkan berita berkaitan pendirian dan perspektif negara kita. Saya berharap BERNAMA boleh diperuntukkan dengan anggaran lebih tinggi supaya mereka boleh menjana berita berkualiti tinggi untuk kegunaan media domestik dan luar negara. Berita yang disiarkan dalam negara kita seharusnya berasas perspektif identiti Malaysia dan bukan luar negara. Namun banyak berita dicetak oleh surat khabar sama ada stesen TV sekarang mengambil sumber berita luar negara secara bulat-bulat tanpa suntingan.

Butiran 47000 — FINAS. Tuan Pengerusi, saya ingin ucapkan tahniah kepada FINAS kerana salah satu projek di bawah Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) iaitu *The Garden of Evening Mists* telah menerima sembilan pencalonan dalam Anugerah Kuda Emas (*Golden Horse Awards*) dengan izin dan memenangi anugerah dalam kategori rekaan kostum dan solekan terbaik pada hari Ahad yang lalu.

Saya amat mengalu-alukan inisiatif FINAS dan saya berharap FINAS akan memberikan lebih banyak insentif lagi kepada pemohon yang berpotensi. Misalnya seramai 11 orang pengarah filem dan pelakon dicalonkan dalam Anugerah Kuda Emas tersebut. Kesebelas orang ini, semua warga Malaysia. Ada beberapa orang yang berjaya menghasilkan filem dengan tema yang menggambarkan isu-isu masyarakat Malaysia.

Contohnya, filem pendek *Langit Budak Biru* yang menceritakan tentang isu buli di sekolah. Filem ini juga dicalonkan dalam kategori filem pendek terbaik dalam anugerah yang sama. Dokumentari *The Tree Remembers*, dengan izin oleh warga Malaysia juga dicalonkan dalam kategori dokumentari terbaik.

Saya berharap di bawah Program FIMI lebih banyak filem dihasilkan oleh pengarah dan pelakon tempatan. Paling penting sekali kita seharusnya menyediakan ruang kreatif mencukupi bagi mereka dalam bidang filem. Dengan ini sekian terima kasih.

**Tuan Pengurus:** Terima kasih, Yang Berhormat Kluang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jasin. Silakan.

#### 12.29 tgh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Pengurus beri saya peluang. Saya terus kepada Butiran 030300 — Teknologi Komunikasi. Selepas itu Butiran 020100 — Dasar dan Perancangan Strategik.

Tuan Pengurus, Khazanah telah mengalami satu kerugian yang besar sebanyak RM6.3 bilion pada tahun 2018. Pada tahun 2017, ia telah mendapat keuntungan sebanyak RM2.9 bilion. Satu daripada sebab kerugian yang cukup besar ini adalah disebabkan termasuknya perubahan drastik dan dasar polisi telekomunikasi negara. Kejatuhan sebanyak 21.6 peratus daripada nilai bersih Khazanah adalah disebabkan dividen yang rendah daripada pelaburannya dalam Telekom Malaysia dan juga Axiata.

Nilai pulang pegangan saham TM telah mengalami kejatuhan yang amat drastik sekali sebanyak 60 peratus. Sekali gus telah menyebabkan kerugian Khazanah daripada TM sebanyak RM3.5 bilion dalam nilai pasaran.

Kerugian yang besar dialami ini adalah disebabkan pula TM telah memperkenalkan langkah-langkah yang dianggap tergopoh-gopoh dan tidak disokong dengan kajian yang menyeluruh yang *inducive* oleh pihak MCMC. Apabila mereka mengumumkan dasar dengan izin *double the speed half the price* dan juga dengan izin *Mandatory Standard on Access Pricing* (MASP).

#### ■1220

Kedua-dua dasar ini telah memaksa TM serta penyedia telekomunikasi yang lain untuk menurunkan harga perkhidmatan internet jalur lebar tetapi dalam masa yang sama, terpaksa meningkatkan kualiti perkhidmatan tersebut. Walaupun langkah ini adalah menguntungkan pihak pengguna, ia telah terbukti membawa satu impak yang amat besar sekali dan sebaliknya, kepada keseluruhan industri seluruh sistem telekomunikasi di dalam negara kita.

Ini adalah kerana kos pembekalan, kos pembinaan serta penyelenggaraan infrastruktur telekomunikasi-telekomunikasi telah meningkat untuk memastikan supaya mereka dapat meningkatkan lagi kualiti, perkhidmatan tetapi pada masa yang sama, mereka terpaksa dibekalkan dengan pengguna pada kadar harga yang lebih rendah sekali. Dasar ini telah dibuat sebagai langkah tergesa-gesa selepas pilihan raya untuk memberikan satu khabar yang baik kepada masyarakat. Satu dasar populis tanpa memberikan peluang yang mencukupi kepada TM serta syarikat telekomunikasi yang lain untuk membuat perancangan penstrukturkan semula kos dan juga harga.

Maka, apakah langkah untuk menangani ketidakseimbangan antara kos dan harga ini yang dikhuatirkan akan menjelaskan industri telekomunikasi secara amnya dan juga pasaran pekerjaan khasnya. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, banyak pekerja yang telah dibuang dan banyak syarikat-syarikat telekomunikasi terpaksa tutup kedai. Apakah langkah bagi penambahbaikan prestasi kewangan TM yang akan sekali gus membawa kesan yang secara langsung kepada prestasi kewangan Khazanah pada masa akan datang? Jangan lupa, bukan sahaja Khazanah, bahkan, PNB, bahkan KWSP adalah pemegang saham yang terbesar serta pemegang-pemegang saham daripada orang ramai.

Apakah kerajaan sedar dasar yang diperkenalkan selepas memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu, sebagai langkah populis yang telah menyebabkan TM mengalami kerugian. Kerajaan sepatutnya lebih berhati-hati, sepatutnya menjalankan kajian mendalam sebelum apa juga keputusan yang diperkenalkan. Implikasi daripada keputusan yang tidak bijak ini yang saya anggap sangat merugikan kerajaan. Seharusnya pihak-pihak kerajaan dan kementerian serta MCMC bertanggungjawab tentang kerugian yang besar ini. TM dilihat sebagai syarikat yang kukuh dari segi kewangan selama ini dan menjadi tergugat pula dengan perkembangan terkini yang berlaku di Malaysia.

Dalam masa setahun, harga saham dahulunya berada pada tahap RM6 lebih satu kali. Ada kemungkinan ia akan turun bawah RM3. Hari ini, ia dicatatkan sebanyak RM3.72. Saya mendapat satu berita baharu ini. Jumlah nilai dana asing yang telah ditarik keluar daripada pasaran saham Malaysia setakat tahun 2019 sudah mencecah sebanyak RM9.17 bilion. Masih rendah berbanding dengan RM11.69 bilion yang dikeluarkan oleh pelabur asing pada tahun lepas. Malaysia sekarang berada di tempat pertama antara negara ASEAN sebagai negara yang paling tinggi aliran keluar dana asing. Jadi, semasa Barisan Nasional dahulu, tahun 2017, pelabur asing membawa masuk sebanyak RM10.3 bilion.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 040500 – Cyber Security bersekali dengan Butiran 030400 – Perlindungan Data Peribadi. Isunya, saya berpandangan isu kebocoran data peribadi ini berlaku kerana *scammer*, penjenayah yang berjaya mengeksplotasi kelemahan keselamatan dalam talian (*online security*) yang kita guna pakai pada hari ini. Isunya, adakah teknologi kita ini ketinggalan atau kita mengambil sikap tidak apa dan tidak peka dengan kemajuan teknologi yang kita guna pakai di negara-negara maju?

Kes yang pertama, kita tengok di UiTM sahaja, kebocoran teknologi maklumat ini telah menyebabkan data sebanyak 1,164,500 rekod pelajar alumni UiTM antara tahun 2000 sehingga tahun 2018 dari kampus utamanya dan 13 buah kampus cawangan yang ditawarkan dipercayai bocor. Data yang bocor ini termasuklah semua. Kes kedua pula, maklumat peribadi milik 46.2 juta pengguna perkhidmatan telekomunikasi negara ini yang dilaporkan bocor.

Jumlah ini mengatasi jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah sebanyak 32 juta orang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jasin? Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jadi bagaimana Syarikat Nuemera...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Apa hukuman?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sekejap, sekejap...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Apa hukuman terhadap data-data yang bocor itu kepada pembocor-pembocor maklumat? Apa hukumannya?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ini yang saya hendak sebut ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jadi soalan saya, bagaimana Syarikat Nuemera Malaysia Sdn. Bhd yang dilantik untuk melaksanakan sistem sekatan perkhidmatan cellular awam, *Public Cellular Blocking Service* (PCBS) gagal untuk menjamin keselamatan data peribadi milik 46.2 juta pengguna perkhidmatan telekomunikasi sehingga maklumat ini boleh bocor? Walaupun, saya difahamkan kementerian telah menamatkan kontrak syarikat ini dan siasatan jenayah berhubung perkara ini telah diserahkan. Namun, apa jaminan kementerian kes seperti ini tidak berulang lagi?

Apa yang saya tengok sekarang, kementerian pula melihat isu kebocoran data peribadi ini dengan melihat dari pelbagai sudut, sejajar dengan kelembapan ekonomi digital dan juga kepentingan e-dagang. Jadi, saya hendak cadangkan antara lain, kalau boleh kerajaan kaji semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang antara lain mempertimbangkan tindakan ke atas pihak yang miliki data peribadi yang diperoleh secara sah. Kalau mereka yang melanggar peraturan, seharusnya dikenakan hukuman yang seberat-beratnya.

Antara Arahan 24 Majlis Keselamatan Negara yang mewajibkan semua agensi kerajaan dan organisasi yang dikenal pasti sebagai infrastruktur maklumat *critical national* termasuk syarikat telekomunikasi mematuhi standard ISO 27001 sistem pengurusan keselamatan maklumat. Jadi, sejauh manakah ia berkesan? Fasal apa, saya hendak soal di sini memandangkan undang-undang pada hari ini hanya menghukum penjenayah yang menggunakan data peribadi ini.

Adakah kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman terhadap organisasi yang mana data peribadi pelanggannya diceroboh? Ini kerana organisasi ini akan terlepas daripada tindakan undang-undang dan kita dapatiti begitu mudah sekali *scammer* mendapat maklumat

berhubung data peribadi rakyat kita sehingga negara kehilangan beratus-ratus juta hasil daripada penipuan secara *online*.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah tamat, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Soalan saya seterusnya, apakah bentuk kerjasama daripada jabatan-jabatan yang lain, misalnya dari KDN, dari PDRM, dari imigresen dan agensi-agensi yang lain berhubung kehilangan data peribadi ini? Saya tahu masa tidak mengizinkan, hanya saya ada satu perkara yang cukup penting sekali Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh, ringkaskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kalau boleh benarkan saya sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak, tidak adil kepada yang lain ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, sikit. Ini kita tengok malah rekod PDRM dan KKM ini sepanjang tahun 2018 sehingga bulan Ogos 2019, rakyat negara ini mengalami kerugian sebanyak RM410 juta hasil daripada penipuan ini. sementara itu, statistik di PDRM menunjukkan dalam tempoh itu sebanyak 7,833 kes melibatkan pinjaman yang tidak wujud, melibatkan kerugian sebanyak RM71 juta.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini Tuan Pengerusi, dalam tempoh bulan Januari sehingga Jun 2019 sahaja, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman merekodkan kerugian sebanyak RM250 juta akibat jenayah siber. Jadi, apa yang kita dapat maklumat baru-baru ini, ada satu serbuan telah dibuat oleh pihak kerajaan di satu bangunan di Cyberjaya, di mana warga negara China telah ditangkap sebanyak lebih 200 orang dan 100 orang telah dapat melarikan diri. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Seharusnya kita menjalankan siasatan rapi bagi memastikan supaya negara kita dijadikan sebagai hab untuk penipuan-penipuan siber. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin saya catatkan yang lain, Yang Berhormat Segamat...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jeli sudah masuk? Yang Berhormat Jeli?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau...

**Tuan Pengerusi:** Tebrau.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, Papar, Papar, Papar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Papar. Itu sahaja yang akan...

■1230

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020400 – Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL). Ini berkait dengan beberapa insiden baru-

baru ini yang melibatkan program konsert dan sebagainya daripada luar negara. Apakah boleh diusahakan agar isu-isu seperti itu tidak timbul lagi selepas ini memandangkan ia melibatkan penguatkuasaan terutama di pihak PBT agar orang ramai terutama mereka yang telah membeli tiket-tiket konsert tidak menjadi mangsa kepada perubahan-perubahan yang mungkin berlaku akibat daripada kesilapan daripada pihak penganjur.

Saya ingin menyentuh Butiran 020600 – Penerangan (JaPen). Khusus berkait dengan Komuniti Harapan Malaysia. Kita tahu di semua Kawasan Parlimen telah ditubuhkan Komuniti Harapan Malaysia. Setakat ini, apakah perancangan yang ada untuk komuniti-komuniti ini? Apakah yang boleh diusahakan untuk memastikan maklumat tepat berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan dapat disampaikan kepada peringkat umbi?

Ini kerana Yang Amat Berhormat Langkawi juga telah menyatakan, salah satu daripada isu yang kita hadapi adalah isu komunikasi. Ini bukan soal politik tetapi dasar kerajaan yang perlu disampaikan. Sehingga di Tanjung Piai baru-baru ini ada juga pihak yang beranggapan, Yang Amat Berhormat Langkawi masih Perdana Menteri bagi parti lama beliau. Semestinya Komuniti Harapan Malaysia boleh membantu untuk menyelesaikan isu asas ini.

Menyentuh Butiran 020700 – Penyiaran (RTM). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada RTM yang telah dinobatkan sebagai organisasi media yang paling dipercayai oleh *Reuters Institute for the Study of Journalism*. Ini bukan satu kedudukan yang bagi saya boleh kita pandang remeh, ia adalah satu pengiktirafan yang cukup tinggi memandangkan ia adalah satu stesen penyiaran awam, menggunakan dana awam dan tahniah diucapkan. Persoalannya, adakah ada apa-apa perancangan untuk menaik taraf mutu siaran? Agar kita boleh menjadi contohnya seperti *regional television*, dengan izin. Adakah ada sebarang perancangan seperti itu?

Saya ingin menyentuh Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya beranggapan dan saya berpandangan tokoh-tokoh ataupun mereka yang berada dalam FINAS mungkin kurang sesuai untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang seakan-akan memberikan *favoritism*, dengan izin, kepada mana-mana- dalam isu Netflix dan iflix contohnya, sehingga menjadi polemik di media sosial. Ini dengan secara tidak langsung mendatangkan implikasi kepada persepsi umum terhadap FINAS itu sendiri.

Seharusnya FINAS memberi fokus kepada tugas utamanya iaitu untuk memastikan pembangunan filem nasional diutamakan. Jadi, saya mohon mungkin arahan daripada kementerian agar FINAS memberikan fokus kepada isu itu, dan bukan kepada komen-komen yang lain. Pada pandangan saya.

Saya ingin menyentuh Butiran 030400 – Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Tadi Yang Berhormat Jasin menyentuh tentang Numera, saya pun bersetuju. Malah saya difahamkan pada satu ketika, apabila sistem PCBS yang disebutkan tadi itu telah dilancarkan sekitar tahun 2014. Pada suatu ketika ada arahan daripada SKMM pada waktu itu di bawah Penggerusi TERAJU dan COO, dengan izin, sebelum ini untuk memindahkan data dan pangkalan data untuk sistem Numera ini daripada- kalau tidak silap saya daripada Cyberjaya pergi ke bangunan MCMC atau

bangunan SKMM. Apabila ia tidak termasuk dalam skop asal, maka banyak kelompongan daripada segi aspek keselamatan telah- saya percaya mungkin boleh berlaku. Adakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian boleh memberikan penjelasan tentang isu ini? Memandangkan 46.2 juta data set peribadi telah tersebar di ruang awam.

Pada masa yang sama, saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin tadi. Mungkin kita perlu lihat semula akta yang sedia ada untuk memastikan mereka yang memegang sejumlah data contohnya lebih daripada 1,000 data set sebagai contoh. Ataupun- jadi ia tidak melibatkan sektor-sektor khusus tetapi sesiapa yang perlu memegang sejumlah data- dan mereka perlu mempunyai satu perincian tentang aspek keselamatan. Sekiranya tidak, mereka juga seharusnya menjadi, dengan izin, *liable* sekiranya berlaku pencerobohan data tersebut.

Ini kerana kita lihat baru-baru ini sistem e-pay di Universiti Malaya juga telah terceroboh digodam dan maklumat peribadi 6,000 lebih kakitangan termasuk naib canselor sendiri telah digodam dan disebarluaskan. Jadi, walaupun mungkin Universiti Malaya bukan salah satu sektor yang disebut sebelum ini tetapi saya rasa perlu ada satu, dengan izin, *safeguard* dalam akta-akta sedia ada untuk memastikan pangkalan data seperti itu juga dijamin keselamatannya.

Saya ingin menyentuh butiran 040600 – *Media City*. Saya mohon, apakah status pembinaan? Bilakah ia akan siap- *Media City* ini di kawasan Angkasapuri? Apakah aspek-aspek keselamatan ataupun kelewatan yang telah timbul? Mungkin boleh berikan sedikit pencerahan kerana ramai anggota Angkasapuri, atau staf-staf Angkasapuri berhubung dengan Ahli Parlimen mereka, iaitu saya, untuk memohon pandangan tentang isu ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Saya ingin bertanya pihak kementerian, berapakah set MyTV yang belum lagi diterima oleh mereka yang sepatutnya menerima? Apakah langkah-langkah yang akan diusahakan untuk memastikan set-set ini, kotak-kotak ini disampaikan? Ini kerana saya difahamkan, saya pernah ditemui oleh satu pihak yang mengatakan mereka telah diberikan sejumlah set dalam 10 ribu untuk mereka usahakan penyampaiannya kepada pihak-pihak yang sepatutnya. Saya mohon pandangan, apakah status terkini?

Saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 47, Butiran 10000 – Pelbagai Suntikan Ekuiti. Saya tidak pasti sama ada ini melibatkan entiti yang bernama Cendana, saya lihat tiada butiran khusus. Mungkin di bawah sini. Kalau tidak saya harap tidak diketepikan. Saya ingin bertanya kerana difahamkan sewaktu pembentangan belanjawan, sejumlah RM5 juta wang disediakan kepada Cendana untuk program melibatkan Galeri Seni Visual.

Memandangkan Laporan Ketua Audit Negara telah menyatakan, tahap mutu perkhidmatan Cendana itu cuma 41.2 peratus. Ini bukan satu perkara yang membanggakan. Apakah jaminan daripada pihak kementerian bahawa dana yang diberikan kepada Cendana akan dapat digunakan sepenuhnya dengan betul? Apakah langkah-langkah untuk membaik pulih agar mutu perkhidmatan Cendana itu terjamin?

Akhir sekali, masa tidak mengizinkan. Maka saya berhenti di situ dahulu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas. Selepas itu Yang Berhormat Segamat diikuti Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Jeli.

### 12.37 tgh.

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya doakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sihat sejahtera.

Butiran 040200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Kenapa dari tahun 2019 jumlahnya hanya RM605,600? Tiba-tiba pada tahun 2020 jumlahnya naik mendadak ke RM19.643 juta. Berapakah penambahan kakitangan kontrak yang diambil bekerja oleh pihak kementerian? Penambahan ini bukan sekali ganda tetapi hampir 30 kali ganda. Saya harap ruang ini tidak digunakan untuk memperbanyakkan lantikan-lantikan politik semata-mata.

Saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. Dana prestasi *outcome* program di bawah *Outcome 1*, Liputan Komunikasi Digital yang Meluas ditulis petunjuk prestasi utama iaitu peratusan isi rumah dengan kelajuan jalur lebar minimum 20Mbps.

Pada tahun 2018, pencapaian ialah 17.1 peratus kerana pengukuran dibuat bermula suku keempat. Tahun 2019, sasaran ialah 45 peratus dan tahun 2020 sasaran ialah 100 peratus. Nampaknya kerajaan meletakkan sasaran yang agak tinggi di bawah tajuk ini. Saya mohon penjelasan, apakah strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai sasaran 100 peratus isi rumah dengan kelajuan jalur lebar minimum 20Mbps ini?

Di bawah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar, diperuntukkan sebanyak RM63 juta pada tahun 2020 berbanding RM57.5 juta pada tahun 2019. Bolehkah dengan peruntukan sebanyak ini kerajaan mencapai sasaran 100 peratus seperti yang digariskan?

Realitinya pencapaian 20Mbps ini masih kecil jika dibandingkan dengan teknologi pada hari ini boleh mencapai 30Mbps. Namun, jika ini dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan capaian 100 peratus, dari nun jauh pelosok kampung sehingga ke kawasan-kawasan FELDA sebagai contoh, saya kira ini boleh dipuji.

Saya ingin memetik satu kajian antarabangsa berhubung prestasi perkhidmatan jalur lebar di negara ini. Menurut laman web [www.cable.co.uk](http://www.cable.co.uk) yang merupakan satu badan bebas mengkaji isu-isu telekomunikasi berpangkalan di United Kingdom, didapati bahawa Malaysia di antara negara yang agak murah dari sudut harga pakej internetnya. Daripada 230 buah negara yang dibuat tinjauan, Malaysia menduduki tangga ke-15 dari sudut paling murah harga untuk satu gigabait secara purata. Negara yang paling murah ialah India, kos puratanya untuk satu gigabait di sana ialah sekadar USD0.26. Manakala Malaysia seharga USD1.18, bersamaan lebih kurang RM4.90.

**■1240**

Namun paling murah pakej di Malaysia secara purata harga satu *gigabyte* boleh didapati serendah RM1. Namun gari segi kelajuan Internet, Malaysia masih agak ketinggalan dengan hanya menduduki tempat ke-30 daripada 270 buah negara pada tahun 2019. Saya berpandangan, perlu ada satu usaha yang lebih agresif daripada pihak kerajaan untuk meningkatkan kadar kelajuan Internet di negara ini.

Jika dibandingkan dengan negara Thailand, negara tersebut menduduki tempat ke-29 pada tahun 2017, tempat ke-40 pada tahun 2018 lebih tinggi dari Malaysia. Cuma dalam tinjauan terakhir, Thailand berada di belakang Malaysia di tangga ke-45, Malaysia di tangga ke-30. Jadi, tidak hairanlah ada rakyat saya di Pasir Mas bersempadan dengan Thailand lebih gemar membeli sim kad Thailand dan menggunakannya untuk tujuan penggunaan Internet. Kita agak jauh ketinggalan dengan Singapura yang menduduki tempat pertama dari sudut kelajuan Internet tahun 2017, tahun 2018 dan tempat kedua pada tahun 2019, dengan Taiwan berada di tempat yang pertama.

Tuan Penggerusi, di Malaysia, untuk memuat turun satu *movie* bersaiz lima *gigabyte* secara purata memerlukan masa selama 28 minit 37 saat. Berbanding hanya sembilan minit, 38 saat di Singapura dan lapan minit, dua saat di Taiwan. Ini menunjukkan bahawa, jika dibandingkan dengan negara jiran di Utara dan Selatan, Malaysia masih boleh dikatakan agak ketinggalan, cuma boleh sedikit berbangga kerana jika dibandingkan dengan Indonesia, untuk memuat turun *movie* bersaiz lima *gigabyte* kita perlukan satu jam, 42 minit, 44 saat.

Tuan Penggerusi, saya ingin menyentuh Butiran 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara. Diperuntukkan sebanyak RM70 juta pada tahun 2020 berbanding RM50 juta pada tahun 2019. Peruntukan sebanyak RM70 ini sangat kecil berbanding dengan keperluan pada hari ini yang sangat menuntut penglibatan anak muda di dalam bidang ini. Pada tahun 2010, ketika dasar ini diperkenalkan, kerajaan pada masa itu menyediakan dana sebanyak RM200 juta untuk semua bidang yang terlibat dalam industri kreatif sekali gus memastikan kebajikan penggiat seni kreatif terbela dengan penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni.

Saya ingin membangkitkan persoalan komitmen kerajaan bagi memastikan dasar ini dapat membantu penggiat-penggiat seni untuk terus berkarya dan mengharumkan nama baik negara di peringkat antarabangsa. Pada hari ini, industri kreatif sebenarnya semakin mendapat tempat. Jikalau dahulu filem animasi pada zaman kita kanak-kanak ialah filem Sang Kancil dan Monyet. Monyet degil hendak makan lada sehingga telinganya berasap, hari ini kita saksikan kemunculan filem animasi Malaysia seperti Upin & Ipin, Keris Siamang Tunggal yang telah memenangi Anugerah *Golden Wing* bagi kategori animasi terbaik *Animation Game Industry Annual Conference & Anime Beijing Awards* atau singkatannya ialah BAGIA pada 14 November 2019 yang lalu. Begitu juga *Boboiboy The Movie 2* yang telah mencatat kutipan paling tinggi sepanjang tahun 2019 dengan jumlah sebanyak RM29.6 juta. Walaupun lebih rendah berbanding dengan filem *Munafik 2* sebanyak RM37 juta dan *Hantu Kak Limah* sebanyak RM36 juta pada tahun 2018. Namun ia merupakan pencapaian yang sangat tinggi bagi sebuah filem animasi di

Malaysia. Sehari dua ini pula kita diberitakan filem animasi baru iaitu *Ejen Ali The Movie* pula akan keluar. Jadi, kita ucapkan tahniah kepada penggiat-penggiat filem animasi ini.

Namun, apakah inisiatif yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu menggalakkan lagi penerbitan filem-filem animasi seperti ini? Walaupun kelihatan filem ini bersifat kanak-kanak, namun ia cukup baik untuk mempromosikan Malaysia di pentas antarabangsa. Sehingga kita berjalan di jalan-jalan di Jakarta, di Bandung bahkan di Ho Chi Minh, Vietnam, kita akan nampak bahawa jenama Upin & Ipin ini dikenali oleh peniaga-peniaga di sana. Perhebatkan lagi penerbitan filem-filem animasi yang berwajah Malaysia. Promosi, lokasi-lokasi menarik di Malaysia melalui filem-filem animasi. Budaya dan keharmonian yang ia boleh menjadi tarikan pelancongan dan filem-filem ini sebenarnya ada pengaruh yang sangat kuat di kalangan masyarakat.

Berapa ramai yang memburu novel *Tombiruo* tulisan Ramlee Awang Murshid, apabila ia diangkat menjadi filem dan juga novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karangan Hamka apabila diangkat menjadi filem. Bahkan ramai yang menabung untuk menyaksikan keindahan semula jadi di Kashmir semata-mata kerana menonton filem *Bajrangi Bhaijaan* lakonan Salman Khan. Jadi, filem-filem seperti ini Tuan Pengerusi, walaupun nampak tidak mengangkat tema-tema cinta secara keterlaluan tetapi kerana sifat-sifat kemanusiaan dia boleh mengangkat filem ini untuk memenangi anugerah antarabangsa. Pada 10 tahun lepas, Iran pernah muncul dengan satu filem *Children of Heaven*. Walaupun filem ini menceritakan hanya cerita tentang kasut seorang pelajar sekolah, tetapi ia mampu memenangi anugerah di peringkat antarabangsa.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, sedikit lagi iaitu di bawah Butiran 050000 – Dasar Baru. Butiran 050200 – Program TV Penyiaran sebanyak RM31 juta. Saya mohon supaya dapat kementerian dapat memikirkan bagaimana kaedahnya untuk memastikan seluruh Ahli-ahli Parlimen kita mendapat slot di televisyen sama ada dalam debat dan sebagainya supaya dasar baru yang diperkenalkan oleh Pakatan Harapan ini dapat memberikan pembaharuan dan wajah baru kepada rakyat Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang giliran Yang Berhormat Segamat, silakan. Tidak ada? Yang Berhormat Bintulu.

#### **12.45 tgh.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bagi peluang kepada saya berbahas dalam kementerian ini. Tuan Pengerusi, atas Butiran 02014 – Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi mengenai isu *delivery of decoder*. Kerajaan dahulu pernah cuba melaksanakan inisiatif untuk memperkenalkan sistem TV digital untuk menggantikan sistem TV analog. Saya tidak faham, ini *delivery decoder* kepada rakyat atas BSH atau Bantuan Sara Hidup kumpulan itu. Kenapa mahu melalui pusat perkhidmatan PH ataupun di Sarawak melalui pusat perkhidmatan DAP, kenapa? Ini *decoder* siapa bayar? Kerajaan bayar?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu di sekolah bukan pusat khidmat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kerajaan bayar kah ataupun DAP bayar? Kita muahu tahu. Ini rakyat ramai tanya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu diagihkan melalui sekolah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Isu ini Tuan Pengerusi, ini isu bila dia orang pergi tidak susun betul-betul. Orang jadi huru hara, muahu ambil *decoder*, jadi gaduh di sana sampai FRU pun datang untuk menyelesaikan isu ini.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mengapa *service center* tidak diberikan untuk kita mengagihkan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini kata PH tidak boleh salah guna kuasa, kenapa sekarang sudah jadi salah guna kuasa? Kenapa ada *double, triple standard*? Kenapa tidak boleh macam Semenanjung, minta Pos Laju hantar kepada BSH. Bagi rakyat senang sedikit. Fasal ini masalahnya, dia muahu cari...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Bintulu, Bintulu, sibu di sini, Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia muahu cari, saya tidak kasi peluang, saya ada tujuh minit sahaja.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu sini Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibu, dia tidak beri peluang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kenapa dia orang muahu melalui ini *cheese cake* punya publisiti. Kenapa kasi susah? Penduduk rumah panjang datang dari jauh, *que* di sana selama sehari. Belum tentu dapat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mengapa kerajaan negeri menyusahkan kita untuk...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa yang menyusahkan? Ini sah lagi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mengapa *service center* dia tidak di bagi kan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibu sila duduk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Sibu lagi guna sekolah lagi. Apa itu Dewan.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mengapa *service center* tidak memberi kebenaran untuk [*Pembesar suara dimatikan*].

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibu, sila duduk. Sekarang ini yang berbahas ialah Yang Berhormat Bintulu. Tekan *mic*, tekan *mic*. Walaupun tanpa *mic*, suara kuat ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini ... bukan Sibu, bukan ahli wakil rakyat Sibu. Ini wang rakyat, rakyat tanya, kenapa susah, menyusahkan kepada rakyat. Sekarang rakyat suruh saya tanya, ini *decoder*...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Kerajaan negeri juga ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kerajaan beli, satu *decoder* dia berapa kosnya? Daripada laman web RTM kata RM300, apabila kita cari di Internet ada RM90 hingga RM290.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu sudah *mark up*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mengapa kerajaan beli paling mahal, kerajaan yang lepas dia orang duduk sebelah sini, hari-hari maki sana Barisan Nasional. Pada hari ini, dua

kali lima, lagi teruk daripada BN [*Tepuk*]. Saya mahu tahu, rakyat mahu tahu, ini wang rakyat. Saya mahu tanya kementerian kenapa ini boleh berlaku, kenapa bagi *decoder* melalui pusat perkhidmatan DAP? Kata PH tidak salah guna kuasa, hari ini membuktikan salah guna kuasa. Saya minta kementerian jawab soalan saya elok-elok. Berapa kosnya? Kenapa melalui pusat perkhidmatan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, cukuplah Yang Berhormat Bintulu sudah duduk dah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Belum masuk? Silakan.

#### 12.49 tgh.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Merujuk kepada Kepala B.47, Kementerian Komunikasi Multimedia. Butiran 020700 – Penyiaran (RTM), Butiran 020800 – Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

#### ■1250

Butiran 050200 – Program TV Penyiaran dan juga Butiran 060300 – BERNAMA TV. Saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimana kementerian di bawah kerajaan yang baru ini berbeza memandangkan cara dia *approach* menyampaikan mesej ataupun berita yang utama ataupun fakta kepada rakyat. Kita mendapati sekarang golongan muda banyak menggunakan *social media* dan juga sebagainya. Kita mendapati ramai yang lebih muda ini jarang juga tengok TV dan juga sebagainya.

Bagaimana kementerian bercadang untuk memastikan bahawa berita dan fakta yang diberikan melalui kementerian ini, melalui RTM dan juga sebagainya juga ada dalam bentuk digital yang boleh *diviralkan* melalui *social media*? Bagaimanakah kerajaan buat dan berapa banyak kah peruntukan yang akan digunakan untuk itu sebab tidak ada gunanya kita berbelanja berjuta-juta ringgit seandainya mesej itu tidak sampai kepada golongan muda. Baru-baru ini kita ada undi 18 tahun dan sebagainya, maka memerlukan satu medium yang berbeza untuk penyampaian berita kepada mereka.

Seterusnya saya ingin juga merujuk kepada contohnya fakta yang disampaikan, contohnya berita rakyat ataupun fakta rakyat ataupun diskusi wakil rakyat. Contohnya kalau kita dapat tadi bagus kalau kementerian boleh mengadakan satu ruang bicara untuk kedua-dua belah pihak duduk bersama dalam rancangan TV untuk berbicara mengenai masalah rakyat, masalah pengangguran dan juga sebagainya. Isu-isu yang penting ataupun isu-isu setempat agar membolehkan rakyat juga memahami apakah wakil rakyat itu buat di kawasan, contohnya apa Yang Berhormat Pontian buat, apa Yang Berhormat Segamat buat dan apa Yang Berhormat Jelebu buat.

Contohnya macam semalam, kita ada satu situasi di mana Yang Berhormat Jempol dengan saya mempunyai pandangan yang sama untuk menolong warga FELDA. Palong di Jempol dan Palong Timur di Segamat, maka perkara ini boleh duduk bersama, boleh berbincang.

Adakah kementerian bersedia untuk memastikan bahawa RTM dan juga sebagainya boleh menyediakan program seperti itu.

Butiran 030400 – Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dan saya juga ingin merujuk Butiran 040400 – Cybersecurity Malaysia. Ini merupakan satu perkara yang dekat dengan hati saya kerana saya mendapati data-data ini sering dijual ataupun dicuri oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya digunakan berkali-kali oleh ejen-ejen dan sebagainya. Contohnya Tuan Pengerusi, saya juga banyak kali dihubungi oleh ejen-ejen yang baru-baru ini ada ejen yang menawarkan perkhidmatan.

Dia boleh telefon saya dan mengatakan saya ada wang *unclaimed money* di syarikat insurans MCIS dan dia hendak tolong saya dan saya perlu membayar 23 peratus selepas saya mendapat balik, perlu *sign contract* dan juga sebagainya. Maknanya dia ada data peribadi saya daripada syarikat insurans. Dia ada data peribadi saya daripada wang yang belum dikutip lagi ataupun *unclaimed money*. Dia mempunyai data peribadi saya daripada syarikat telekomunikasi sebab nama yang digunakan itu adalah nama yang sewaktu saya zaman mula bekerja, mula-mula saya mendapatkan nombor telefon itu maka saya tahu daripada mana sumbernya.

Seperti yang telah dibawa tadi oleh seorang lagi rakan Yang Berhormat daripada sebelah sana, Yang Berhormat Jasin mengenai hukuman yang akan dikenakan. Kita mendapati undang-undang yang sedia ada ini tidak cukup ataupun ia tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk memastikan mereka yang menjual ataupun memiliki data ini dihukum dengan setimpalnya.

Seterusnya satu lagi perkara yang saya ingin bawa begitu juga dengan bank-bank yang mempromosikan produk-produk mereka. Mereka menggunakan data-data yang sama, memanggil kita kadang-kadang walaupun di luar negara, kita ambil telefon, dia hendak mempromosikan wang ataupun pusat-pusat peranginan, hotel dan juga sebagainya. So, saya berharap kementerian juga akan melihat bagaimana akta yang baru ini mempunyai kuasa yang cukup, punca kuasa yang cukup untuk mengambil tindakan.

Dalam konteks yang sama, saya juga ingin membawa satu perkara yang saya telah bawa dalam kamar khas kepada kementerian ini adalah di mana kita mendapati di dalam laman-laman web, kita mendapati mereka menjual barang contohnya dia boleh menunjukkan telefon ini. Harganya di luar katakan RM2,000 tetapi ditawarkan kepada RM200, maka ramai yang membeli kerana mereka mengatakan hanya bayar apabila terima produk maka ramai yang khususnya daripada warga kampung dan juga sebagainya. Saya dapat dalam *Facebook* saya ramai. Saya pelik juga ramai warga bumiputera ini ditipu sebab dia mendapati apabila barang itu mahal, dia tengok kamera GoPro nya katakan RM700, RM800 ditawarkan dengan RM50, ramai yang pesan.

Akan tetapi apabila barang itu sampai di rumah, mereka kata perlu bayar tunai dahulu baru boleh buka. Maka apabila dibayar tunai maka syarikat seperti DHL ataupun syarikat-syarikat lain yang terlibat dalam perkara ini, mereka terima duit apabila dibukanya barang mainan. Maka walaupun orang yang tadi hantar di depan tadi tetapi apabila ditanya, dia kata sila buat laporan.

Apabila laporan polis dibuat dan inilah wujudnya masalah pertindihan di antara kementerian juga agensi. Ada yang mengatakan bahawa ini adalah di bawah KPDNHEP, ada

yang mengatakan ini adalah bidang tugas polis dan saya juga berpendapat bahawa ia juga bermula daripada kementerian ini sendiri kerana pematuhan ataupun kawal selia. Apa yang pentingnya ramai orang ditipu. Ini melibatkan berjuta-juta ringgit. Malah saya sendiri pernah bertanya dalam kamar khas, saya mendapati ia boleh mencecah daripada RM100 juta kalau kita tidak kawal dalam setahun.

Mereka yang ditipu adalah warga, rakyat biasa, golongan belia dan juga sebagainya. Maka, saya hendak tanya kepada kementerian ini, bagaimana kementerian ini ingin bekerjasama dengan dua, tiga kementerian lain yang berkait rapat untuk menyelesaikan masalah ini sebab kadang-kadang gudang yang menghantar barang adalah dalam negara kita dan hanya website itu daripada luar negara.

Akhir sekali, saya juga ingin membawa perkara ini juga kepada kementerian. Kita mendapati kadang-kadang ada laman-laman web, dia bukan sahaja menjual barang-barangan elektronik, dapur ganja pun dijualnya juga. Saya rasakan lama-laman web seperti ini patutlah disenaraihitamkan ataupun diambil tindakan juga. Saya faham walaupun ia juga melibatkan KDN tetapi punca kuasanya juga bermula daripada kementerian ini. Saya rasa itu sahaja daripada saya dan saya berharap...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat. Penjelasan sedikit boleh?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** ...Kepada pegawai-pegawai – saya akan beri – kepada pegawai-pegawai yang tidak boleh jawab kepada Menteri secara lisan diberikan, diberikan *detail* secara bertulis. Yes, saya membenarkan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja. Kenapa TV tidak menceritakan kepada kita dan DAP tidak juga mengeluarkan apa-apa kenyataan berhubung dengan tangkapan 650 orang warga China yang menipu, yang masuk ke sini tanpa izin. Ini adalah kejayaan imigresen yang patut dipuji oleh pihak kerajaan tetapi kerajaan mendiamkan diri. Apakah mereka terlibat dalam hal ini ataupun apa sebab ini melibatkan satu...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada butiran.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ... Penipuan, *scammer* yang terdahsyat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada butiran Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Nampak, nampak DAP, bukan menyokong. Tidak ada ucapan daripada DAP...

**Tuan Pengerusi:** Tidak payahlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Yang menunjukkan bahawa kejayaan imigresen ini patut dipuji.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Arau, saya puji dekat *Facebook* saya, tidak nampak kah?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Arau, saya yakin ini akan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini seorang sahaja. Ini perempuan...  
[Disampuk] Siapa ini, Yang Berhormat itu...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Kena baca Facebook lah Yang Berhormat Arau, duduklah.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat, saya yakin boleh tanya soalan ini kepada KDN dan biar mereka yang menjawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan, kenapa tidak masuk TV?

**Tuan Pengerusi:** Sila duduklah Yang Berhormat Arau. Saya panggil Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jelebu pun tidak ada?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ganti!

**Tuan Pengerusi:** Ada? Tidak ada? Yang Berhormat Jeli pun tidak ada.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Siapa dia, Yang Berhormat Arau? Selepas ini Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ganti Yang Berhormat Jelebu?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan kena ikut giliran sinilah. Mengikut giliran seperti yang diberikan kepada saya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ganti Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Pengerusi:** ...Yang Berhormat Pengkalan Chepa?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Bagi Yang Berhormat Kinabatangan dahulu. Baik Yang Berhormat Kinabatangan.

### 12.58 tgh.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, tujuh minit. Harap-harap tiada gangguan. Butiran 030100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Butiran 030300 – Teknologi Komunikasi. Butiran 020300 – Komunikasi Strategik. Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).

Tuan Pengerusi, saya rangkum satu kali. Saya ingin bertanya dengan kementerian, bagaimana dengan program *highspeed broadband* yang telah dirancang. Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Pasir Mas sebab kadang-kadang kita nampak macam mendahului dalam teknologi seumpama ini tetapi tiba-tiba negara seperti Thailand, Filipina yang mundur dari segala-galanya tetapi mereka telah mendahului kita. Di Malaysia ini, perjalanan daripada lapangan terbang ke Kuala Lumpur, kalau kita menggunakan telefon empat lima kali dia tersekat. Sebab tidak ada *line*. Jadi, sejauh manakah *highspeed broadband* kita ini daripada 4GB, 4G dipertingkatkan kepada 5G, 6G, 7G dan 8G macam di Thailand. Bila agak-agaknya?

Bagaimana program *fiber optic* yang telah dirancang? Oleh sebab salah satu halangan – Yang Berhormat Arau boleh tenang sikit? [Ketawa] Bagaimana *fiber optic* ini yang boleh menjadi halangan kepada kelancaran *high speed* kita? Sebab, *without fiber optic system* yang dipasang, sudah tentu akan melemahkan sistem *broadband* kita untuk dilebarkan kepada penggunaan-penggunaan yang lain.

Kalau di Sandakan, jangan cakaplah. Dua batu daripada bandar pun tidak ada *line*, tidak ada Internet dan sebagainya. Akan tetapi, kita berbicara seolah-olah kita telah maju ke hadapan. Jadi, perkara ini Yang Berhormat Menteri, harus dilihat secara saksama dan secara lebih mendalam sebab kita tidak mahu menjadi sebuah negara maju, konon tetapi di sebaliknya sistem komunikasi kita masih seperti orang kata dalam zaman dahulukala. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah kementerian ini berhasrat untuk mewujudkan satu pendaftaran kepada semua pengamal media sosial supaya didaftarkan di kementerian. Apabila berlaku sesuatu perkara, contohnya mereka membuat perkara-perkara memfitnah, menghina agama, menghina Raja dan sebagainya, maka senanglah untuk kementerian *detect* siapa mereka ini.

Di Singapura sudah ada, di negara-negara lain sudah ada. Jadi, kenapa kita Malaysia ini? Kita ini Tuan Pengurus, negara majmuk. Jadi, supaya mungkin kita boleh mengawal keadaan, jangan sampai – disebabkan api yang kecil ini menjadi kawan, kalau sudah besar dia akan menjadi lawan dan sukar untuk dikawal. Jadi, saya rasa peranan kementerian pada hari ini amat penting. Pada hari ini kita berhadapan dengan pelbagai ancaman, daripada dalam, luar. Jadi, kalau tidak ada persiapan yang rapi, kalau tidak ada kelengkapan yang dipersiapkan, sudah tentu kita akan berhadapan dengan risiko-risiko yang sebegini.

Akhir sekali, Tuan Pengurus, isu Internet desa. Apakah kementerian masih lagi memberikan peruntukan kepada perwujudan Internet desa ataupun *community Internet* di kampung-kampung? Oleh sebab, perkara ini memang penting. Di kawasan saya ini, sudahlah luas, kawasannya besar daripada negeri Pahang tetapi Internet desa ini berkurangan yang saya nampak. Jadi, apakah usaha kementerian, bukan sahaja di kawasan saya, mungkin di kawasan-kawasan lain supaya kementerian membelanjakan, mewujudkan Internet desa ini? Oleh sebab, ia akan memberikan peluang kepada masyarakat untuk berniaga, untuk memasarkan produk-produk mereka, untuk memasarkan tanaman-tanaman, buah-buahan mereka dan sebagainya.

Kalau tidak dilakukan, sudah tentu tidak akan ada pembangunan seimbang di antara wilayah. Tidak akan ada perniagaan yang seimbang di antara orang bandar dan orang luar bandar. Maka, orang luar bandar ini akan terus ketinggalan dan tidak menikmati apa-apa keistimewaan daripada pemerintahan kerajaan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, penjelasan. Kita ada lebih kurang 600 buah Pusat Internet 1Malaysia. Adakah perkara itu yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan? Apakah yang terjadi kepada 600 lebih buah Pusat Internet 1Malaysia? Jika tidak suka nama 1Malaysia itu boleh tukar pusat Internet atau apakah? Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itulah yang saya maksudkan. Selain daripada 600 buah pusat itu, berapakah lagi perancangan yang hendak direncanakan oleh

kementerian? Saya setuju, kalaupun mungkin kementerian tidak suka dengan nama Internet 1Malaysia tukarlah nama Internet 1PH pun tidak apa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** 1DAP... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** 1DAP pun saya tidak kisah. Apa yang penting rakyat dapat menikmati, dapat melayari seperti juga masyarakat di bandar. Kalau Yang Berhormat Bintulu kata pengedaran *decoder* di masyarakat kampung menggunakan khidmat servis DAP, kenapa ini tidak boleh? Kalaupun kementerian bersetuju untuk Internet 1DAP kita tidak ada bantahan. Tidak apa. *[Disampuk]* Kerajaan baharu punya kuasa.

Suka-suka, buatlah apa yang difikirkan perlu. Apa yang penting, rakyat boleh menikmati secara saksama dalam proses perjalanan tersebut. Akhir sekali Butiran 020900 – FINAS...

**Tuan Pengerusi:** Tadi, bukan akhir sekali kah?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Sekejap, satu minit. FINAS.

**Tuan Pengerusi:** Sudah melepas masa sudah Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai supaya FINAS ini memfokuskan ke arah bagaimana untuk membawa bukan sahaja industri profileman tetapi industri kreatif dalam negara kita ini ke satu tahap yang lebih baik sebab kita sudah menceburkan diri berpuluh-puluh tahun dalam industri ini. Akan tetapi, seolah-olah tidak ada kemajuan yang kita capai. Artis kita sekejap muncul, dua tiga tahun tenggelam tidak ada yang orang kata *forever*. Macam tidak ada yang *go forward* yang boleh kita banggakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis berhenti untuk istirahat, kita menyambung semula pada pukul 2.30 petang seperti biasa. Saya berikan senarainya iaitu:

- (i) Yang Berhormat Jeli;
- (ii) Jelebu;
- (iii) Tebrau;
- (iv) Pengkalan Chepa;
- (vi) Papar, Sibuti;
- (vii) Kota Melaka;
- (viii) Paya Besar;
- (ix) Sibu;
- (x) Kuala Krai;
- (xi) Lenggong;
- (xii) Bachok; dan

(xiii) Pontian.

Yang Berhormat Arau tiada dalam senarai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Senarai nama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengerang ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Senarai Barisan siapa pegang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tanya Ketua *Whip*, dia tidak masukkan nama dalam ini. *[Merujuk pada dokumen yang dipegang]* Nanti saya masukan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Kesian Yang Berhormat Arau, Ketua *Whip* tidak masukan nama.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa. Majlis dalam Jawatankuasa.

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ingin menjemput Yang Berhormat Jeli untuk memberikan perbahasannya. Dipersilakan Yang Berhormat Jeli diikuti Yang Berhormat Jelebu kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau.

## 2.30 ptg.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatauh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada empat perkara. Yang pertama, saya ucap tahniah kepada RTM kerana telah diberi suatu rating yang baik oleh pihak *Reuters Institute* iaitu satu media yang paling dipercayai. Tahniah kita ucapkan atas beberapa pembaharuan yang telah dilaksanakan dan kita harap dapat dikenalkan pujian tersebut.

Saya rujuk kepada Butiran 020600, Butiran 020700 dan Butiran 020800 berkaitan dengan Jabatan Penerangan, RTM dan juga BERNAMA. Dua perkara yang saya nak bangkitkan dalam konteks ini. Yang pertama, dalam usaha untuk menjadikan RTM dan BERNAMA dan lain-lain agensi berkaitan dengannya sebagai satu dengan izin, *premier agency* dalam bidang berita dan lain-lain, apakah langkah-langkah yang akan diadakan untuk memastikan berita disampaikan dengan pantas dan rakyat dapat mempercayai 100 peratus apa yang disampaikan oleh pihak kerajaan kerana kita tahu bahawa kadang-kadang ada *deficit trust* rakyat yang tidak mempercayai berita-berita yang disebarluaskan oleh pihak kerajaan dan pihak lain.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjadikan RTM, BERNAMA sebagai suatu badan yang unggul, menjadi badan yang *premier* dalam negara kita. Selain itu, saya nak

tahu sama ada usaha-usaha dilakukan untuk memastikan berita-berita tepat, fakta-fakta yang disampaikan tepat. Kita tahu dalam Dewan ini ada pertikaian berkaitan hal-hal fakta. Dalam konteks politik matang, ini tidak harus berlaku sama ada FELDA ke, berkaitan dengan Khazanah ke, Tabung Haji jual aset dan lain-lain. Pada pandangan saya, fakta itu fakta.

Maka apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Penerangan dan Kementerian Multimedia dan Komunikasi untuk memastikan ada penyelarasan dalam kerajaan supaya kesemua badan-badan kerajaan dapat memastikan berita dan juga penerangan itu ada penyelarasan. Saya tahu ada usaha-usaha dilakukan tetapi setakat mana usaha ini berjaya untuk memastikan bahawa kerajaan ada satu naratif sahaja supaya tidak ada percanggahan dalam berita-berita disebarluaskan kepada rakyat supaya berita lebih tepat. Ini penting dalam konteks politik matang, dalam konteks demokrasi yang sihat.

Yang kedua Tuan Pengerusi, berkaitan dengan infrastruktur Telekom khususnya, Butiran 030200. Ini saya tak pasti butiran yang betul tetapi berkaitan dengan liputan telefon pintar, *smartphone*. Saya nak tahu kaedah mekanisme apa yang digunakan oleh pihak kerajaan, pihak berkenaan untuk memastikan bahawa laporan-laporan yang diterima daripada rakyat tentang *drop calls*, terputus liputan telefon, tempat mana dan adakah diberikan satu tempoh tertentu untuk memastikan syarikat-syarikat Telco mengambil tindakan untuk memastikan bahawa masalah ini dapat ditangani. Ini berlaku di *highway* kerana di tempat saya ada lebuh raya-lebuh raya Timur-Barat, ada tempat nama Nibong dan ada satu lagi di Kampung Wakaf Zin umpamanya. Di *highway* Timur-Barat tetapi sampai situ, 30 saat akan terhenti atau terputus liputan telefon.

Jadi saya nak tahu di bawah butiran ini, apakah mekanisme yang kerajaan cadang untuk ambil untuk membolehkan aduan daripada wakil rakyat dan juga rakyat diambil tindakan dalam tempoh tertentu dan dalam sebuah negara yang ingin menjadi negara maju, tidak harus berlaku keadaan di mana liputan terputus di lebuh raya. Kalau di kampung boleh kita terima tetapi dalam kita nak masuk 5G ini, ini tak boleh diterima. Itu yang kedua. Yang ketiga ialah berkaitan dengan Media City. Sama juga dengan rakan-rakan yang lain termasuk Yang Berhormat Lembah Pantai pagi tadi. Saya nak tanya berkaitan dengan jumlah kos projek Media City ini dalam buku tercatat RM1.887 bilion. Adakah ini jumlah kos projek ataupun ini anggaran? Kita nak dapatkan kepastian.

Jadi kalau RM1.887 bilion, ini satu projek yang besar dan kita nak tahu berkaitan dengan prestasi pembinaan ini dan bagaimana ia boleh melonjakkan pencapaian RTM, Kementerian Multimedia dan Komunikasi dengan kos yang cukup besar. Kalau benar RM1.887 bilion, bagaimana ia boleh melonjakkan pencapaian RTM menjadi sebuah organisasi yang unggul. Saya nak tahu ini mungkin banyak dalam bentuk *hardware*, *software* yang bagaimana? *Softwarenya human capital*, tenaga kerja dalam semua agensi di bawah RTM, Kementerian Multimedia dan Komunikasi. Bagaimana dan apa langkah-langkah? Daripada segi *hardware* nampak canggih, elok tetapi daripada segi *softwarenya*, *soft skills* bagaimana? Apakah tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa kita ada staf yang bertaraf global, bertaraf antarabangsa.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran Pembangunan 33000 – MDEC dan mungkin berkaitan juga SKMM yang sudah pasti tidak ada dalam buku ini tetapi saya nak bangkitkan hal

ini juga. Ini berkaitan program e-usahawan yang memang satu program yang cukup penting dalam konteks semasa, dalam konteks beri peluang kepada rakyat Malaysia termasuk anak muda yang baru bergraduasi. Kita tahu bahawa ramai yang telah berjaya dan kita nak tahu apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan lebih banyak lagi program untuk menghebahkan kejayaan, *success stories* mereka yang berjaya. Program e-usahawan ini, di tempat saya ada nama '*Kak Ani Pizza*' umpamanya. Bermula kecil, mendapat geran daripada kerajaan sebanyak RM10,000 sekarang ini ada pekerja dengan '*Kak Ani Pizza*' ini tujuh orang. Sekarang ini beliau merupakan seorang *employer*. Bermula daripada geran kecil daripada kerajaan.

Jadi apakah perancangan dan hala tuju masa depan program e-usahawan ini? Adakah akan diperkasakan? Adakah diperbanyakkan program untuk menghebahkan kejayaan supaya akan menjadi satu program yang mampu untuk menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada anak muda khususnya dan juga pihak-pihak lain. Berkaitan dengan ini, saya tak pasti di bawah butiran mana tetapi ini pusat *internet*. Mungkin bawah SKMM. Saya ada 10 pusat *internet*, memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat, kepada kanak-kanak sekolah, kepada orang dewasa, kepada kesihatan dan lain-lain.

Cukup aktif di peringkat bawah dan kebetulan pada hari Sabtu lalu, saya berada di Pusat Internet Lubok Bongor bersama-sama dengan doktor di sana dan saya dapati ia telah berjaya untuk bukan sahaja celik IT tetapi mendedahkan anak muda dan masyarakat kepada teknologi terkini. Jadi 10 ini, stafnya *temporary*. Ada yang di bawah TM, ada di bawah MAXIS, ada DIGI dan ada juga di bawah Kementerian Luar Bandar.

#### ■ 1440.

Jadi macam mana kita selaras dan *staff* ini mengadu hal tentang masa depan mereka. Mereka dilantik secara kontrak, gajinya tidak seberapa, jadi apa perancangan kerajaan untuk pastikan bahawa program sebegini seluruh negara beratus seluruh negara yang impaknya cukup besar. Apakah jaminan kerajaan supaya program ini diteruskan dan terus memainkan peranan untuk bukan sahaja memastikan orang kampung celik IT tetapi memastikan ia memberi faedah kepada pendidikan anak-anak, kepada kegiatan-kegiatan masyarakat dan juga kegiatan ekonomi termasuklah program eUsahawan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelebu.

#### 2.40 ptg.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sambung saya tidak ambil masa Yang Berhormat Jeli tadi tetapi saya sambung sedikit tentang *drop call* tadi. Bukan sahaja di *highway* dan kawasan luar bandar tetapi beberapa kawasan di kawasan bandar, Tuan Pengerusi. Saya minta kementerian lihat balik *this is very unfair to the user*. Kita bayar bil sama tetapi *drop call* terlalu kerap berlaku daripada dahulu sejak dua, tiga tahun dahulu tetapi sampai sekarang tidak ada ambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 02014 – Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi. Peruntukan RM32.4 juta, Tuan Pengerusi. Berkennaan dengan butiran ini saya ingin membangkitkan isu berkenaan dengan sistem pemancar MYTV. Saya mendapat maklumat bahawa pada peringkat awal perancangan daripada pihak kementerian adalah untuk meletakkan dua stesen pemancar TV di Negeri Sembilan yakni di Gunung Tampin dan juga di Gunung Telapak Buruk.

Akan tetapi pada maklumat lanjut yang saya terima dikatakan bahawa seksyen pemancar Telapak Buruk telah dibatalkan pembinaannya pada saat-saat akhir. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pembatalan ini benar dan jika benar saya memohon penjelasan kepada pihak kementerian kenapa pembatalan ini dilakukan.

Saya melihat kalau dalam soal pemancar ini Tuan Pengerusi, kalau dibatalkan ia akan menambahkan lagi kesulitan yang sedia ada bagi penduduk di kawasan berhampiran terutamanya bagi kawasan Parlimen Jelebu, bagi kawasan Seremban dan sebagainya untuk mendapatkan siaran termasuk kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pada ketika ini banyak kawasan di dalam kawasan yang saya sebut Seremban, Jelebu, Tampin, Kuala Pilah dan sebagainya tidak dapat menerima siaran MYTV dan jika mereka hendak mendapatkan siaran ini mereka perlu menggunakan *satellite dish* MYTV seperti Astro dan juga satelit AsiaSat 9, Tuan Pengerusi.

Untuk mendapatkan siaran menggunakan satelit AsiaSat 9 ini, ia bukanlah mudah kerana di sesetengah kawasan di Negeri Sembilan ini tidak dapat menerima siaran daripada satelit tersebut kerana kemungkinan terlindung oleh faktor muka bumi yang sedia ada terutamanya bagi kawasan Parlimen Jelebu yang bergunung-ganang, berbukit-bukau dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan jaringan siaran MYTV ini di kawasan yang kurang baik capaiannya yang seperti mana yang sudah berlaku di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan.

Tuan Pengerusi, dalam butiran yang sama saya ingin sebutkan isu parabola yang pada ketika ini penggunaannya adalah diharamkan tetapi di setengah-setengah kawasan berdasarkan kepada maklumat yang kita peroleh terutamanya di Sabah dan Sarawak penggunaan parabola ini masih ada terutamanya di kawasan yang susah mendapat pancaran ataupun siaran terutamanya di kawasan yang terpencil.

Pada ketika ini saya difahamkan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menggunakan piring parabola KU Band yakni Astro untuk menerima siaran TV Satelit selain daripada siaran daripada Astro. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai anggaran jumlah pengguna yang menggunakan parabola untuk mendapatkan siaran TV satelit ini secara tidak sah di seluruh negara dan jika ada mohon nyatakan mengikut negeri dan kawasan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, apakah justifikasi sebenar pengharaman penggunaan parabola ini kerana adakah ianya bagi menapis segala anasir negatif yang boleh diperoleh secara terbuka melalui siaran televisyen satelit ini dan jika ini berlaku bagi maksud hendak mengekang

anasir-anasir negatif ini ianya sudah tidak relevan lagi dengan keadaan teknologi *internet* yang kini boleh kita capai ataupun boleh kita akses melalui *internet* di hujung jari sahaja. Adakah pihak kementerian merasakan sebarang kemungkinan pada masa akan datang kerajaan akan menarik semula pengharaman penggunaan parabola ini.

Tuan Pengerusi, adakah kementerian melihat pengharaman ini bertujuan bagi melindungi kepentingan pihak Astro kerana seperti yang kita sedia maklum bahawa Astro memonopoli siaran TV satelit di negara ini dan sekiranya pengharaman tersebut ditarik balik maka ianya pasti akan memberikan kesan kepada pengguna Astro.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 01600 – Cyber Security Malaysia. Pada 20 November Tuan Pengerusi tadi ada beberapa Ahli Parlimen telah sebut negara digemparkan dengan serbuan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yakni di sebuah bangunan di Cyberjaya yang dijadikan markas penipuan atas talian oleh warga China yang disyaki sudah beroperasi sejak enam bulan lalu.

Untuk rekod, seramai 680 orang warga China yang berusia antara 19 ke 35 tahun telah ditahan di dalam serbuan tersebut, 150 orang yang lari dan sebanyak 8,230 unit telefon bimbit, 174 unit komputer riba dan 787 unit *laptop* dirampas. Serbuan yang berjaya dilakukan ini adalah merupakan satu titik hitam kepada Cyber Security di Cyberjaya kerana secara senyap-senyap ianya telah berjaya menjadikan Cyberjaya ini sebagai suatu markas untuk kegiatan haram dan lebih memalukan ianya telah dimonopoli dan juga dilakukan oleh warga asing.

Bagaimana pihak Cyber Security Malaysia memainkan peranan bagi mengatasi masalah ini agar pada suatu masa kelak, Malaysia tidak dikenali di peringkat antarabangsa sebagai pusat penipuan atas talian yang terkenal di dunia. Adakah peralatan dan sistem yang dimiliki oleh pihak Cyber Security ini adalah yang paling terkini dan tercanggih kerana perkara yang berlaku di Cyberjaya ini adalah merupakan suatu perkara yang melibatkan Cyber Security dan kita tidak dapat mengenal pasti dan tidak dapat *detect* daripada awal ketika sebelum ianya berlaku.

Saya mohon pihak kementerian supaya menyatakan berapakah jumlah kes selain daripada Cyber Security Tuan Pengerusi, kita dilanda dengan masalah *scammer* yakni masalah penipuan *internet* yang semua rata-rata rakyat di Malaysia ini sedang mengalami sindrom penipuan ataupun oleh *scammer* dan juga penipuan melalui *online internet* dan sebagainya yang masih lagi tidak boleh dan tidak dapat diselesaikan oleh pihak kementerian.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapakah jumlah kes penipuan *internet* yang telah direkodkan sepanjang tahun 2019 ini dan berapakah kerugian yang terlibat dan berapakah pula tangkapan yang dilakukan serta pendakwaan yang dijalankan yang telah dilakukan setakat ini kerana penipuan berlaku setiap saat dan ketika tetapi kita belum lagi dengar, belum tengok dan lihat lagi tindakan kementerian untuk melakukan penangkapan untuk melakukan penyekatan dan untuk melakukan pendakwaan peringkat mahkamah. Saya minta penjelasan dan juga *explanation* daripada pihak kementerian.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, adakah pihak kementerian melihat sistem keselamatan atas talian negara ini sudah cukup mencukupi dan juga sudah memantau bagi membanteras sebarang

cubaan godaman sama ada terhadap data individu, swasta malah bagi pihak kerajaan sendiri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar kerana Yang Berhormat Tebrau belum masuk lagi. Saya ingin memulakan lima minit kerana ramai yang hendak berbahas. Terima kasih.

#### **2.48 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kementerian Komunikasi dan Multimedia diberi peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.137 bilion manakala anggaran perbelanjaan pembangunan sebanyak RM830 juta, jumlah anggaran perbelanjaan keseluruhannya ialah RM1.951 bilion.

Beralih kita kepada B.47 Butiran 020600 – Penerangan diberi peruntukan sebanyak RM169.72 juta. Dengan peruntukan ini kami mengharapkan Jabatan Penerangan akan dapat masuk ke kampung-kampung di pedalaman dengan mengadakan *roadshow* untuk memberitahu penduduk-penduduk di pedalaman akan pembangunan dan program-program yang telah dan akan dirancang oleh kerajaan untuk memperbaiki ekonomi rakyat di pedalaman.

Program *roadshow* ini harus dilakukan kerana di pedalaman sistem liputan komunikasi dan multimedia tidak berfungsi sempurna disebabkan ketiadaan fasiliti-fasiliti komunikasi dan multimedia yang berfungsi sempurna.

#### **■1450**

Ini disebabkan banyak masalah yang telah timbul di pedalaman disebabkan oleh tempatnya yang berbukit-bukau. Saya mencadangkan kepada kementerian supaya kampung-kampung di pedalaman mesti diutamakan. Bangunkan lah *towers* atau pemancar-pemancar siaran supaya orang-orang kampung di pedalaman dapat menikmati arus pembangunan multimedia seperti Kampung Bolitikun, Kampung Labau dan banyak-banyak kampung lagi di pedalaman.

Butiran 020700 – Penyiaran RTM diberi peruntukan sebanyak RM452.96 juta. Malangnya, penduduk di pedalaman seperti yang saya katakan tadi tidak dapat menerima siaran televisyen ini dengan sempurna disebabkan tidak ada liputan dan kalau adapun mereka tidak ada kewangan untuk membeli set televisyen. Selain daripada itu bekalan elektrik juga adalah penghalang kepada pembangunan komunikasi dan multimedia di pedalaman. Saya merayu agar kementerian mengusahakan untuk memberi kalau boleh TV percuma kepada penduduk-penduduk yang betul-betul miskin. Kalau ada *decoder* MYTV tetapi tidak ada televisyen. Tujuan kita untuk memberi kampung-kampung ini multimedia yang baik pun tidak akan terlaksana.

Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional diberi peruntukan sebanyak RM90 juta. Tidak ada peruntukan tahun sebelumnya. Dengan peruntukan ini saya percaya penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah akan dapat manfaat dari Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Saya juga merayu kepada kementerian supaya pemantauan yang sempurna

lestari dilakukan untuk menghindari daripada tersasar dari objektif yang sebenar. Adakah dana ini juga digunakan untuk pemberian percuma *decoder MYTV* kepada yang berhak.

Butiran 02014 – Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi diberi peruntukan sebanyak RM32.44 juta. Dengan dana ini dapatlah kementerian membangunkan fasiliti-fasiliti yang diperlukan untuk memperbaiki liputan transmisi terutamanya di pedalaman di mana penduduk di sini memang mengalu-alukan pembangunan siaran TV digital. Dengan adanya liputan siaran TV digital di pedalaman, saya percaya mereka akan dapat berita terkini yang berlaku di negara kita khasnya dan di negeri Sabah amnya. Mereka akan menerima berita hari semasa.

Butiran 3100 – Projek Jalur Lebar diberi peruntukan sebanyak RM63 juta. Saya sekalikan dengan Butiran 31003 – Migration of Copper Network diberi dana sebanyak RM210 juta. Dengan peruntukan yang diberi, saya percaya kementerian akan dapat melaksanakan projek jalur lebar dan *high speed broadband* demi menaik taraf rangkaian komunikasi dan multimedia yang sedia ada. Dari jumlah dana ini, berapa banyakkah yang akan diagihkan ke negeri Sabah? Oleh kerana di negeri Sabah kelajuan Internet masih lagi terendah walaupun di kawasan bandar jauh sekali di luar bandar. Jadi, saya berharap agar kerajaan dapat membangunkan projek jalur lebar secepat mungkin.

Walau bagaimanapun, dalam dunia Internet yang serba canggih, judi haram secara *online* juga semakin bertambah dan dipercayai menjadi penyebab berlakunya peningkatan jenayah, hutang wang ringgit yang banyak daripada ah long, kes bunuh diri disebabkan tidak dapat bayar hutang, penceraian suami isteri dan lain-lain. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah kementerian selaku pemantau komunikasi dan multimedia untuk membanteras perjudian haram yang berleluasa macam cendawan tumbuh selepas hujan di mana kerajaan kehilangan pendapatan wang begitu banyak.

Dengan matlamat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat di luar bandar, saya sekali lagi ingin mencadangkan supaya kementerian menaik taraf perkhidmatan Internet jalur lebar dan perkhidmatan WiFi percuma bagi penduduk di pedalaman dan di luar bandar bersama komputer yang bersesuaian dan menyediakan kelas dan latihan ICT kepada komuniti sekitarnya. Terima kasih, saya menyokong bajet ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa diikuti oleh Yang Berhormat Kota Melaka, kemudian Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Kuala Krai. Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

## 2.55 ptg.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahir Rahmaniir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi. Saya terus kepada

Butiran 020100 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya merujuk kepada petunjuk prestasi utama bagi *outcome* satu – komunikasi strategik berkesan. Kementerian menasarkan hanya 10 peratus pada tahun 2020 untuk penerbitan kandungan beraspirasikan nasional dan kerajaan. Bagi saya sasaran ini sangat rendah dan masih statik jika dibandingkan dengan sasaran 2019. Walhal peranan utama jentera penerangan kerajaan adalah untuk menyampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk fiksyen dokumentari, *mock documentary* dan animasi secara tepat dan benar. Walau bagaimanapun, sasarnya masih rendah dan kurang praktikal dan mohon komen daripada Timbalan Menteri.

Kemudian Tuan Pengurus, 040200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Peningkatan signifikan bagi butiran ini iaitu daripada RM605 ribu kepada RM19 juta. Apa yang peliknya, apabila butiran emolumen kakitangan kontrak ini diletakkan di kod 2000 untuk perkhidmatan dan bekalan bukannya kod 1000 untuk emolumen. Selain butiran ini, ada beberapa lagi butiran lain berkaitan kakitangan kontrak contohnya Butiran 040500 – Ganjaran Kakitangan Kontrak iaitu RM579 ribu dan Butiran 050100 – Emolumen sebanyak RM3.18 juta di bawah dasar baharu dan saya minta penjelasan terhadap butiran tadi.

Kemudian, 040400 – Siber Sekuriti Malaysia. Berdasarkan *Security Intelligence Report* (SIR) 2018, pegawai teknologi *microsoft* menyifatkan Malaysia telah menjadi *hub* penggodam untuk melancarkan serangan dirantau ini. Tiga sebab utama serangan siber berlaku ke atas Malaysia ialah:

- (i) Perlombongan mata wang *cripto*;
- (ii) Serangan *ransomware* ataupun perisian jahat; dan
- (iii) Aktiviti muat turun bahan.

Laporan *survey* daripada ‘CAP’ Asia Pacific menunjukkan 84 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana menjadi mangsa serangan siber pada 2018, tahun lalu sebanyak 10,753 kes dilaporkan kepada PDRM disebabkan serangan siber yang melibatkan kerugian RM399 juta. Tidak mustahil apa yang berlaku di KLIA berpunca daripada serangan siber ke atas rangkaian *total airport management system* yang menghubungkan pelbagai sistem komunikasi yang lain. Oleh itu, apabila *task force* MAMPU Jabatan Perdana Menteri mencadangkan Digital Government Transformation Action Plan yang merangkumi data terbuka – Soalannya *how safe it save?* Adakah siber sekuriti bersedia menangani jenayah siber yang semakin agresif menyerang Malaysia?

Kemudian, Butiran 020400 – Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL). Saya ingin bertanya mengenai Jawatankuasa PUSPAL ini berdasarkan kepada senarai Ahli Jawatankuasa yang dinyatakan dalam garis panduan PUSPAL, saya bercadang supaya kementerian melantik wakil daripada institusi agama bagi memantapkan lagi jawatankuasa ini. Hal ini penting supaya pandangan daripada ahli agama juga boleh dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan ditetapkan oleh Jawatankuasa. Saya juga ingin bertanya, adakah jawatankuasa ini akan bersidang secara berkala untuk meluluskan sesuatu permohonan daripada artis luar negara?

Selain itu, saya juga dapat ada pertubuhan bukan kerajaan Association af The Arts Life Festival and Events yang telah mencadangkan satu garis panduan bahari untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian dan PUSPAL. Adakah pihak PUSPAL telah menerima garis panduan tersebut? Apa pandangan kementerian sepanjang lima tahun kebelakangan ini, berapa banyak permohonan artis luar negara yang telah ditolak oleh PUSPAL, PDRM dan pihak berkuasa tempatan? Apakah faktor penolakan tersebut?

Butiran yang seterusnya ialah 020200 – Antarabangsa. Tuan Pengerusi, selepas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu September lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Presiden Turki dan Presiden Pakistan telah bersetuju mewujudkan satu saluran media berbahasa Inggeris untuk melawan naratif Islam fobia, prejedis dan salah faham masyarakat antarabangsa terhadap Islam. Soalan saya, apakah perkembangan semasa berhubung perkara ini? Adakah ia telah dimasukkan dalam perancangan baharu kementerian? Kalau dah ada, berapa peruntukan yang disalurkan untuk merealisasikan hasrat ini. Sekian Tuan Pengerusi, tepat 5 minit. Terima kasih.

#### ■1500

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 3.00 ptg.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tiga butiran sahaja. Pertama ialah mengenai dengan Butiran 030000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. Sudah pasti buat masa ini dasar yang dititikberatkan yang disebut-sebut ialah mengenai dengan *National Fiberisation and Connectivity Plant (NFCP)*. Jadi kita dimaklumkan bahawa ia akan dikendalikan oleh MCMC di mana dana akan disalurkan melalui *USP Fund* iaitu *Universal Service Provision Fund*. Jadi ingin tahu daripada kementerian bagi tahun hadapan berapakah peruntukan yang akan digunakan? Apakah jenis projek-projek yang akan dijalankan? Bolehkah memberitahu kepada Dewan, agihan kepada setiap negeri?

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 33000 – Multimedia Development Corporation (MDeC). Dalam bajet tahun depan Menteri Kewangan ada menyebut mengatakan peruntukan sebanyak lebih kurang RM70 juta akan diperuntukkan. Jadi ingin tahu apakah garis masa yang akan ditubuh? Apakah jenis inisiatif yang akan dijalankan di bawah Multimedia Development Corporation ini? Bolehkah saya ingin mencadangkan adakah taklimat boleh diadakan supaya semua Ahli Parlimen boleh mengetahui jenis inisiatif yang akan dijalankan supaya kita dapat salurkan kepada rakyat.

Butiran yang terakhir iaitu Butiran 70000 – Projek Public Private Partnership (PPP) di mana lebih kurang RM75 juta diperuntukkan. Apakah jenis –seperti yang kita maklum pembangunan infrastruktur komunikasi dan kandungan digital itu penting? Apakah jenis projek yang akan difokus di bawah PPP ini? Untuk makluman bajet negeri Melaka yang telah dibentangkan minggu yang lepas di mana Kerajaan Negeri Melaka ada cadangan untuk membina

satu perpustakaan digital dengan mereka memperuntukkan RM2 juta. Sudah pasti RM2 juta itu tidak mencukupi untuk membentuk satu *library digital* ini. Adakah melalui PPP ini supaya kita boleh dapat, pihak kerajaan negeri, pihak swasta dan juga melalui PPP ini, peruntukan di sini kita dapat bantu Kerajaan Negeri Melaka untuk membentuk perpustakaan digital.

Sebelum saya tamat ucapan saya, satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian kementerian yang mengenai dengan infrastruktur. Di mana di Melaka masih lagi banyak pengguna UniFi di kawasan yang baharu terutamanya di kawasan perindustrian yang baharu mereka masih menghadapi masalah tidak dapat perkhidmatan UniFi kerana tidak ada infrastruktur. Apabila pemohon yang terawal, golongan yang terawal mereka pergi memohon mereka terpaksa bayar puluhan ribu kepada TM supaya mereka dapat menyalurkan infrastruktur.

Apa yang berlaku satu insiden di mana pelanggan telah membayar lebih kurang RM40,000 di mana TM pada mulanya telah berjanji supaya dia dapat 10 talian. Apabila dia telah menggunakan lima talian, selepas beberapa bulan dia hendak gunakan lagi lima talian yang bakinya tetapi telah diberitahu oleh TM kononnya baki lima talian telah digunakan semula oleh TM sendiri. Jadi perkara ini saya meminta supaya kementerian dapat mengambil perhatian yang serius sebab ini memang tidak adil kepada pelanggan TM. Dengan itu sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

### 3.05 ptg.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas Batu Pahat (PAWE) Johor. Begitu juga saya ingin mengalu-alukan kehadiran Pusat Wanita Berdaya Selangor (PWB), selamat datang.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus pergi ke Butiran 060200 - Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional sebanyak RM90 juta peruntukan telah diberi oleh pihak kerajaan. Walaupun demikian pada 8 November di laman web SKMM telah memuat naik siaran media yang mengatakan bahawa pengagihan dekoder-dekoder di negeri Sarawak sebanyak empat pusat iaitu kesemuanya adalah di Pejabat Pusat Khidmat Parti DAP. Walaupun demikian saya tidak ingin mengungkit perkara tersebut memandangkan pihak DAP telah mengubah beberapa lokasi pengagihan dekoder tersebut.

Walaupun demikian saya berpandangan adalah wajar pihak kementerian menggunakan *facilities* kerajaan yang sedia ada seperti pejabat penerangan daerah, RTM ataupun menggunakan dewan-dewan masyarakat yang terdapat di sekitar negeri Sarawak. Saya ingin mengambil contoh bagaimana...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh saya tanya penjelasan sedikit Yang Berhormat Sibuti?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Bandar Kuching saya ingin memberi pandangan bukan mengkritik.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Macam mana? Cepat-cepat.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Bagaimanakah nasib dengan...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kita hendak cuba guna Civic Centre dekat Sibu tetapi kerajaan negeri telah menghalang kita menggunakan...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tidak ada masalah, tidak ada masalah. Kita boleh runding...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** ...Dewan tersebut.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** ...Menteri. Apa yang ingin saya nyatakan bagaimanakah nasib penerima BSH yang terdapat di Limbang yang terpaksa merentasi negara Brunei semata-mata untuk pergi ke Sekolah Pei Min di Miri hanya untuk mengutip dekoder. Itu adalah pandangan saya. Bagi tempat saya di Parlimen Sibuti yang terletak di antara Bintulu dan Miri, kami terpaksa bergerak untuk ke Miri ataupun ke Bintulu untuk hanya mengambil dekoder tersebut. Maka adalah wajar, saya rasa tidak ada masalah untuk pihak pegawai kerajaan turun untuk berunding bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan di Sarawak untuk mengguna dewan masyarakat ataupun balai-balai raya ataupun sekolah-sekolah yang telah diguna pakai oleh wakil rakyat DAP pada masa kini. Itu adalah pandangan saya berkenaan tentang pengedaran dekoder.

Seterusnya adalah saya ingin mengetahui sejauh manakah penyiaran ataupun liputan MYTV ini untuk negeri Sarawak memandangkan apabila kita menyemak di laman web MYTV Boradcasting, saya melihat tiada liputan di kawasan Lawas dan juga di kawasan Baram. Mereka juga mungkin terpaksa menggunakan *dish* seperti Astro *dish* untuk menerima penyiaran digital ini. Begitu juga saya ingin mengetahui apakah tindakan kementerian berkenaan tentang penjualan dekoder-dekoder daripada peniaga-peniaga? Adakah harga-harga dekoder ini dikawal dan juga telah mendapat kebenaran untuk menjual dekoder tersebut kepada pengguna-pengguna bukan di bawah B40. Begitu juga, bagaimanakah pihak kerajaan dapat mengawal harga dekoder ini agar semua rakyat dapat menikmati penyiaran digital.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Program Khusus, Butiran 040200 - Emolumen Kakitangan Kontrak. Berlaku peningkatan yang besar daripada RM600,000 kepada RM19 juta. Saya ingin mendapatkan perincian dan apakah bentuk pegawai kontrak yang diguna pakai? Adakah pihak kerajaan ingin mewujudkan semula pegawai kontrak yang sama seperti pegawai JASA pada satu ketika dulu.

Begitu juga saya ingin mendapat penjelasan berkenaan tentang Butiran 020600 – Penerangan (JaPen). Ketika ini pihak Penerangan sedang giat untuk menubuhkan komuniti harapan. Saya ingin mengetahui adakah Komuniti Harapan ini akan diberikan gerak ataupun peruntukan memandangkan tiada peningkatan yang ketara bajet yang diberi kepada JaPen. Juga apakah fungsi Komuniti Harapan yang baru ditubuhkan? Adakah menyerupai Komuniti Bestari sebelum ini?

Akhir sekali saya ingin menyentuh berkenaan tentang Butiran 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara sebanyak RM70 juta dan juga peningkatan sebanyak RM20 juta untuk tahun 2020.

Adakah industri kreatif ini meliputi industri-industri muzik dan juga kreatif bagi masyarakat Dayak dan Iban di Sarawak. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

■1510

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibu diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar, kemudian Yang Berhormat Padang Serai, kemudian Yang Berhormat Kuala Krai, dan diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau, kemudian Yang Berhormat Lenggong. Dipersilakan Yang Berhormat Sibu.

### 3.10 ptg.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 02014 – Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi. Di sini saya ingin menjelaskan dan merekodkan kekecewaan saya kerana apabila kita membuat program untuk mengagihkan *decoder* MYTV kepada penduduk-penduduk di Sarawak, tetapi Kerajaan Negeri Sarawak, GPS tidak membenarkan kita menggunakan Civic Centre dan bangunan-bangunan kerajaan negeri yang sedia ada.

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Ada bukti kah?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Memang kita .....

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kita nak bukti sebab setakat ini....

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Walaupun hal itu – pengagihan itu dibuat di Sibu, pihak Civic Centre menutup pagar supaya orang ramai tidak dapat .....

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Apakah bentuk-bentuk penjelasan dan juga perbincangan antara kerajaan negeri? Tiada perbincangan khusus berkenaan tentang pengedaran *decoder*.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, itu memang di bawah....

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Sibu, boleh saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Bangunan-bangunan Civic Centre itu memang di bawah kerajaan negeri.

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Akan tetapi kita boleh benarkan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kita kena berunding, kita jangan penuhkan dengan syak wasangka sebab....

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Bukan, walaupun dia sudah setuju pada awalnya.....

**Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [Sibuti]:** Baru-baru ini saya mengadakan program bersama Kerajaan Pusat...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Apabila kita hendak, keesokan hari mereka batalkan permohonan kita.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Sibu, boleh saya minta penjelasan? Biasanya untuk Civic Centre, ia satu tempat awam. Biasanya *parking* akan dibuka untuk digunakan oleh orang awam kan? Kenapa pada hari itu, mereka telah tutup *parking* dan disebabkan mereka tutup *parking* itu, ada jam masa untuk dapat *decoder* tersebut. Apakah pendapat Yang Berhormat Sibu?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, itu sengaja *clearly it's a sabotage* dari pihak kerajaan negeri GPS. Sabotaj. Ini sebenarnya – pengagihan ini adalah *I think* Tuan Pengerusi kerana banyak *decoder* yang dihantar melalui pos tidak sampai ke penduduk-penduduk di luar bandar. Jadi kali ini kita secara terus – *direct* kita mengagihkan *decoder* ini kepada rakyat kita. Jadi ini memang merupakan satu usaha kerajaan yang baik tetapi kita memang amat kecewa kerana Kerajaan Negeri Sarawak GPS memang dia sabotaj.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya rasa perkara ini tidak betul Yang Berhormat. Saya rasa rakyat saya di kawasan dan juga di Tanjong Manis rata-rata ini kehilangan siaran TV.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** ....Ini memang menyukarkan orang ramai untuk mendapatkan *decoder* ini. Saya rasa usaha kerajaan ini telah mendapat sambutan yang baik oleh orang ramai, rakyat kita.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kita mengakui projek ini baik. Penyerahan itu kena lah buat..

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ini *floor* saya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kita kena rancang dan juga pihak kementerian mempunyai sistem telekomunikasi. Boleh menggunakan SMS, boleh menggunakan RTM, boleh menggunakan radio.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Di Miri juga kita menghadapi kesusahan untuk mendapatkan bangunan kerajaan untuk pengagihan ini. Saya rasa ini semua adalah aktiviti-aktiviti sabotaj dari Kerajaan Negeri Sarawak, GPS.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Asyik-asyik sabotaj. Asyik-asyik sabotaj.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** *Floor* Yang Berhormat Sibu, *floor* Yang Berhormat Sibu. Sekarang *floor* Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat Sibuti, ini *floor* Yang Berhormat Sibu. Minta apa-apa boleh dibangkitkan, kita minta Yang Berhormat Menteri kemudian akan mengulas dan menjawab. Teruskan Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, memang jelas ini sabotaj dari Kerajaan Negeri Sarawak. *Parking* biasanya buka tetapi hari itu dia tutup, sengaja tutup. Tutup kunci, tak benarkan orang ramai *parking*, park kereta mereka di dalam *compound* Civic Centre.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Berlaku di Sibu sahaja itu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Civic Centre sebenarnya tempat orang awam. Selama ini tak pernah kunci.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibu bukan Sarawak. Sarawak itu banyak. Sarawak ada Miri, ada Limbang, ada Lawas, ada Baram. Jangan cerita Sarawak itu Sibu sahaja.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Biasa tak pernah kunci, tak pernah tutup tetapi hari itu dia sengaja tutup. Itu memang menyusahkan orang ramai nak pergi ke sekolah SMK dua hari itu untuk mendapatkan *decoder*. Jadi ini....

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tempat kredit itu letak *decoder* itu *sticker* Harapan besar-besaran.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sudah jelas bahawa Kerajaan Negeri GPS memang sabotaj usaha ini untuk membantu rakyat. Jadi kita..

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Kita tak sabotaj lah, mana ada sabotaj.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kita tak sabotaj.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Mana ada *sticker*. Mana ada *sticker*.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sabotaj macam mana?

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** Kita semua perlu *decoder*, orang-orang saya pun perlu *decoder*.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Rakyat di Baram perlu, di Lawas perlu, di Limbang perlu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ada yang...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Sibuti, itu di Sibu. Bukan Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Rakyat ya, kita kena permudahkan. Kita mempermudahkan.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Sibu bukan Menteri.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sebab itu saya cakap, Sibu bukan Sarawak sahaja. Rakyat Sarawak ni banyak, Lundu hingga ke Lawas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sokong .....

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ini *decoder* biasanya sudah .....*this is the second attempt* mereka yang tidak dapat menerima melalui pos, mereka datang kita agihkan.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sebab itu lah kita kena duduk, kita kena duduk bincang sama satu Sarawak macam mana nak agih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Banyak sudah dikirim, kalau mereka tidak dapat mereka boleh menghubungi MYTV. Mereka akan kirimkan kepada mereka.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kenapa Pusat Khidmat PKR Miri, tidak diberikan peluang untuk mengagih?

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Pengurus, ini *floor* Yang Berhormat Sibu.  
[Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta supaya tidak diganggu. Sila teruskan Yang Berhormat Sibu. Baik, Yang Berhormat Sibuti sila duduk. Baik, baik. Sila, Yang Berhormat Sibu teruskan.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, saya ingin menjelaskan kerana pengagihan ini secara terus adalah kerana ini ialah *second attempt* untuk kita membantu rakyat kerana *first attempt* sudah *giving out* kebanyakan penduduk di luar bandar mereka tidak dapat terima kerana alamat dan sebagainya yang tidak jelas. Jadi *this is a second attempt* kita untuk mengagihkan *decoder* ini untuk rakyat-rakyat di luar bandar.

Jadi hari itu kebanyakannya orang ramai yang datang ialah dari luar bandar, mereka yang tidak dapat dari *first attempt*, sekarang *second attempt* kita secara terus, kita agihkan kepada mereka. Ini merupakan satu usaha yang baik dari Kerajaan Pakatan Harapan tetapi amat – kita kecewa kerana Kerajaan Negeri Sarawak tidak memberi kerjasama – lagi dia sabotaj, menyusahkan rakyat kita. Jadi ini satu contoh yang tidak baik yang ditunjukkan oleh Kerajaan GPS di Sarawak.

Yang saya ingin sentuh lagi ialah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Sibu, masa sudah tamat, minta rumuskan dan rujuk butiran.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** .... mengenai perkhidmatan pos laju di Sarawak. Saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa pos laju di Sarawak sekarang perkhidmatan mereka semakin tidak begitu memuaskan kerana pos laju sudah jadi pos lambat. Untuk kiriman dari Semenanjung ke Sarawak, sekarang tiga hari tidak sampai. Satu minggu tidak sampai. Ada sampai lebih dari satu minggu, hampir dua minggu baru sampai ke Sibu. Saya rasa ini perlulah diberi perhatian yang lebih dari kementerian bagaimana untuk mengatasi masalah ini untuk menambah baik lagi pos laju di Malaysia. Ini kerana sekarang digital e-dagang, kebanyakan *entrepreneur* muda ini mereka memerlukan perkhidmatan pos laju untuk menghantar barang-barang mereka kepada pelanggan mereka. Jadi ini merupakan satu hal yang sangat serius. Saya harap kementerian boleh memikirkan bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar.

### 3.17 ptg.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih juga pegawai-pegawai Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Saya hendak pergi kepada Butiran 030200 – Kawalan dan Pematuhan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin dan saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat kerana melalui Price Freedom Index 2019 ada peningkatan sebanyak 22 tangga dan

ini menunjukkan bahwasanya kementerian Yang Berhormat sudah menunjukkan satu contoh yang baik tetapi bagaimana di bawah butiran ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya agak keliru. Walaupun kita melihat Price Freedom Index ini ada peningkatan, tetapi bagaimana secara senyap-senyap banyak dakwaan yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang seolah-olahnya ada tangan-tangan ghaib yang sedang mengawal *social media*, terutamanya kepada pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Laman web *The Patriot*, mempunyai *followers* yang begitu banyak yang berbicara tentang perkara-perkara yang melibatkan Islam dan Melayu, akhirnya ditutup.

Adakah dakwaan mengatakan bahwasanya Kerajaan Pakatan Harapan hari ini telah mengarahkan Facebook? Saya perlu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dakwaan ini benar? Kalau zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu, Yang Berhormat Pekan pergi ke Amerika Syarikat, jumpa pengasas kepada Facebook. Kita tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan untuk menyekat *social media* di bawah pihak pembangkang terdahulu.

Ini sebenarnya perkara-perkara yang menunjukkan bahwasanya adakah kita menunjukkan satu sifat yang baik tetapi akhirnya ada tangan-tangan di belakang itu yang menyekat kemaraan, kehebatan dan kebangkitan rakyat yang berlaku pada hari ini.

Saya juga hendak menyentuh butiran yang melibatkan FINAS. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Filem dokumentari “M for Malaysia”, filem dokumentari “Rise Ini Kalilah”, filem “Mahathir The Journey”.

#### ■1520

Adakah mereka ini mendapat peruntukan-peruntukan daripada FINAS dan berapa banyak jumlah tontonan filem-filem ini yang telah ditayangkan di pawagam-pawagam dan adakah kementerian Yang Berhormat juga membiayai program-program ini untuk pergi ke peringkat antarabangsa seperti Oscar Academy Award. Perkara-perkara ini saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya juga hendak menyentuh Butiran 020500 Tuan Pengerusi berkaitan Pembangunan Kandungan. Saya yakin siaran Netflix hari ini merupakan siaran utama kepada anak-anak muda Malaysia dan bagaimana Lembaga Penapisan Filem mengambil pendekatan untuk menapis filem-filem ini dan harus mempunyai keadilan kepada penerbit-penerbit drama, penerbit-penerbit filem tempatan kerana filem kita di Malaysia sudah mempunyai pembangunan kandungan yang perlu melalui proses-proses tertentu tetapi daripada luar seolah-olahnya tidak ada tapisan yang dibuat. Saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya juga hendak menyentuh Tuan Pengerusi berkaitan 030100, berkaitan Infrastruktur dan Aplikasi. Saya kerap membangkitkan berkaitan isu USP Fund (Dana USP). Saya hendak tahu, apakah status terkini audit yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan akhbar Jun 2018. Apakah status terkini dan berapakah banyak jumlah kewangan USP Fund, sama ada dalam SKMM Fund ataupun dalam USP Fund dan saya hendak tahu juga,

adakah pencapaian ini mencapai suatu perkara yang positif dan ia sudah merapatkan jurang digital gap di antara *urban* dan *rural area*.

Saya juga hendak menyentuh perkara Butiran 060200 Tuan Pengerusi, berkaitan Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Saya amat hairan betul hari ini ramai kecoh untuk mengedar *decoder* tersebut tetapi jangan lupa bahwasanya inilah yang dibuat pada tahun 2014 di bawah Kerajaan Barisan Nasional untuk menukar analog kepada digital. Cuma persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Pengerusi, kenapa kita peruntukkan RM90 juta dan 4.2 juta *decoder* telah diikat perjanjian dengan Puncak Semangat melalui *special purpose vehicle* iaitu MYTV dan 2 juta dibekalkan secara percuma melalui MYTV dan *balancenya* oleh MCMC.

Saya dapat keyakinan bahwasanya adakah RM90 juta ini disalurkan kepada Puncak Semangat kerana apa, tidak ada sepatutnya duit dikenakan kepada kerajaan kerana mereka dapat keuntungan daripada pengiklanan, mereka dapat keuntungan daripada *channel* yang dibuka 20 kah 30. Tuan Pengerusi terakhirnya adalah berkaitan 01600 iaitu CyberSecurity. Titik hitam 680 ini merupakan satu perkara yang tidak boleh dimaafkan kerana apa ia berlaku di Cyberjaya dan CyberSecurity ini juga berhampiran dengan Cyberjaya dan Putrajaya dan bagaimana 680 orang ini dapat. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Dasar Keselamatan Siber Negara yang telah dinyatakan oleh kementerian Yang Berhormat pada 3 Disember 2018. Mengatakan bahwasanya tahun 2019 akan dilaksanakan Dasar Keselamatan Siber Negara.

Sekarang kita sudah sampai hujung sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah hendak masuk tahun 2020. Apakah dasar ini sudah dilaksanakan dan kita belum lagi bercakap tentang banyak perkara kerana apa di bawah CyberSecurity juga ia berkaitan dengan MDEC. Kita hendak bercakap tentang *big data frame work* yang dibuat oleh MDEC. Saya hendak tanya, apakah *performance* sekarang. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Next Big Tech Asia 2019 dengan izin menyatakan bahwasanya kita baru hendak bergerak kepada Artificial Intelligence (AI) policy. Negara jiran kita Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah lancarkan November tahun ini tentang AI Policy.

Saya hendak mengakhiri begini Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian ini adalah kementerian yang amat penting sekali. Kementerian inilah yang akan melopori digital ekonomi sehingga kita ubah Malaysia Development Corporation kepada Malaysia Digital Economy. Betapa pentingnya kementerian ini, janganlah kita menjadi kementerian yang selalu orang sifatkan sebagai Menteri 3G. Kita sudah beralih kepada Menteri 5G.

Jangan malukan Menteri dan Timbalan Menteri di bawah kementerian ini kerana apa, kita sudah berada jauh di hadapan dan kita kena ikut trend. Jangan kita mengikut orang, terutamanya mengikut negara-negara jiran. Kita kena *one step ahead, all stood step ahead*. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai.

**3.25 ptg.**

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih dan juga tahniah untuk balik bertugas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terus pergi ke Butiran 020600, dalam aturan penerangan Ahli Parlimen juga patut bertanggungjawab dalam menjelaskan dasar dan wawasan negara kepada rakyat di kawasan Parlimennya. Apakah tindakan kerajaan untuk memberi bahan penerangan kepada Ahli Parlimen, dasar-dasar baru kerajaan supaya kita dapat terangkan kepada rakyat dengan jelasnya.

Seterusnya Butiran 020700, rakyat Malaysia berbilang kaum, jadi siaran RTM dengan izin juga perlu memberi gambaran seperti itu. Selain daripada itu, penyiaran rancangan pelbagai bahasa adalah RTM juga memperbanyakkan rancangan yang menunjukkan masyarakat majmuk di negara ini.

Seterusnya Butiran 020900. Tahun lalu dua filem Malaysia menang anugerah di Tamil Norway Film Festival 2. *Thiruvin Manggai* dan *Anak Merdeka* ini membuktikan filem tempatan berkualiti. Apakah langkah kerajaan untuk memberi insentif kepada pembuat filem Malaysia yang berjaya mengangkat nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Seterusnya Butiran 030100. Kadar penembusan jalur lebar di Malaysia mencecah 99 peratus tetapi kadar penembusan di Kedah masih tidak capai 80 peratus. Selain memberi fokus kepada kawasan ibu negeri, adakah kerajaan juga rancang untuk melebarkan penembusan ke kawasan kampung-kampung supaya semua lapisan masyarakat dapat celik teknologi maklumat.

Seterusnya ini adalah permintaan daripada kementerian semasa mengadakan perbarisan Merdeka. Saya mohon pihak kerajaan ambil perhatian dan juga perbarisan pada Hari Merdeka itu kita perlu letakkan anggota-anggota veteran di barisan hadapan untuk memberi penghormatan. Bukannya selalunya diletak di belakang. Dunia menghargai anggota tentera veteran itu tetapi Malaysia diletak belakang sekali. Di manakah kita hargai veteran-veteran tersebut.

Kalau boleh tahun depan, perbarisan Hari Merdeka, letaklah mereka di hadapan sekali sebab mereka lahir, hari ini kita duduk ramai kerana mereka lahir. Itu sebab kita kena letakkan mereka di depan. Sekian, terima kasih. Sekian Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat boleh mulakan.

**3.28 ptg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040400. Umumnya seperti yang diketahui media sosial hari ini merupakan medium paling utama yang digunakan oleh seluruh penduduk di dunia. Rakyat Malaysia tidak tertinggal malah merupakan antara pengguna utama di dunia.

Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kawalan kepada media sosial pada hari ini, khususnya tentang isu-isu yang berkaitan perkauman dan penggunaan media baharu sebagai alat untuk menyebarkan fahaman, keganasan. Suhu perkauman di negara kita akhir-akhir ini agak panas dan kurang tenteram dengan menyalahgunakan media sosial. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan perkara ini dan menjadikan isu perkauman bukan lagi ancaman kepada ketenteraman di antara kaum di Malaysia. Apakah usaha terkini dan yang akan dilakukan untuk meningkatkan kesedaran orang awam bagi mengurangkan penyebaran sentimen simpati atau menyokong Daish atau pelampau yang menggunakan agama di atas jalan yang salah.

Berapakah jumlah sekatan yang dilakukan terhadap media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *YouTube*, *WhatsApp* dan sebagai nya yang kini menjadi markas dan *target* mereka yang semakin bijak. Menggunakan media sosial sebagai alat diayah dan apakah tindakan *restorative*, pemulihan pendidikan, khidmat masyarakat ataupun *retributive* penjara yang dilakukan.

#### ■1530

Selain itu saya ingin bertanya, adakah wujud satu KPI secara bertulis dalam memastikan mereka yang pernah terlibat ini tidak dapat lagi berulang menjadikan media maya ini untuk tujuan tersebut. Adapun di peringkat kita, sudah pasti kita menyokong sebarang usaha yang dilakukan kerajaan untuk menghapuskan sebarang usaha radikal dan melampau termasuk juga yang terlibat dengan LTTE.

Saya mencadangkan agar dapat diwujudkan unit khas untuk memantau pelbagai aktiviti yang menyalahi undang-undang dan golongan ahli agama turut dilibatkan bersama sebagai ahli jawatankuasa dalam unit ini untuk mendapatkan penjelasan berkenaan Islam sebagai *Ad-din*, yang sebenarnya bersifat damai dan sejahtera.

Tuan Penggerusi, saya merujuk kepada Butiran P.31000 – Projek Jalur Lebar. Pada minggu lepas, Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai secara rasminya telah dirasmikan oleh Sultan Muhammad Ke-IV yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Hospital ini merupakan hospital kedua terbesar di Kelantan selepas Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu. Selain itu, hospital ini merupakan hospital kedua yang mempunyai unit *X-ray* yang tercanggih, selepas Hospital Selayang.

Kuala Krai semasa perbahasan dalam sidang yang lalu telah menyuarakan tentang masalah capaian talian telefon dan capaian *internet* yang sangat bermasalah termasuk di kawasan hospital baru tersebut. Saya difahamkan capaian talian telefon dan *internet* di hospital ini dan juga sebahagian besar di Kuala Krai masih tiada apa-apa perubahan walaupun dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaiannya.

Selain itu, perkara ini semestinya akan membantutkan proses mempercepatkan perkhidmatan pelanggan, terutama di pejabat kerajaan yang pada hari ini semuanya menggunakan sistem atas talian. Saya mohon dengan peruntukan bajet yang ada, sedikit

pertambahan ini, supaya Kuala Krai mendapat manfaat agar masalah talian telefon dan juga capaian *internet* dapat diselesaikan.

Dalam masa yang sama juga, saya mencadangkan Telekom memperluaskan *UniFi* untuk capaian yang lebih laju dan kurang gangguan. Setakat hari ini, *UniFi* hanya boleh dinikmati oleh pengguna di sekitar Kota Bharu, dan ianya masih belum menyeluruh dan keadaan hampir kesemua negeri lain telah mempunyai capaian *UniFi* ini.

Pada masa sekarang ini, kita menggunakan sistem *Streamyx* di mana kabel yang digunakan iaitu *cooper* selalu dicuri dan mudah dijual di pasaran gelap, berbanding *UniFi* yang menggunakan *cable fiber* yang kurang risiko kecurian dan tidak laku di pasaran gelap.

Saya juga ingin menyentuh tentang *Unifi Mobile*, ataupun dulu disebut sebagai *Webe*. Saya merupakan antara pengguna awal *Unifi Mobile* ini semenjak diperkenalkan. Secara jujurnya, *Unifi Mobile* agak baik capaian *internet* nya. Harganya pun murah namun adakah pihak Telekom tidak mahu memperkenalkan pakej bersekali untuk pembelian telefon bimbit sebagaimana syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain? Dalam keadaan syarikat-syarikat lain ini berebut-berebut menawarkan pelbagai pakej untuk pelanggan mereka khususnya setiap kali keluar *handphone* model baharu seperti *iPhone*, *Samsung* dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, yang terakhir ialah Butiran P53000. Di sini saya melihat pertambahan peruntukan yang diberikan untuk dasar ini. Saya ingin tahu apakah aktiviti atau program yang akan dijalankan, dan apakah hasil janaan daripada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN).

Selain itu, sejauh mana pencapaian DIKN mempromosikan budaya Malaysia yang penuh dengan etika dan adab, serta kemuliaan agama Islam di dalam industri kreatif dan apakah kayu ukurnya? TV dan media penerangan khususnya milik kerajaan sepatutnya dapat membentuk patriotisme dan memupuk semangat cintakan negara tetapi nampaknya masih gagal bahkan amat mendukacitakan kita dengan pelbagai insiden menghina syiar dan simbol utama negara kita iaitu bendera Jalur Gemilang.

Yang terbaru ialah mengangkat bendera yang tidak cukup bintangnya iaitu hanya pecah kepada lima dalam perasmian Kejohanan Bola Keranjang Ke-28, sedangkan bintang pecah 14 adalah lambang perpaduan 13 buah negeri, dan juga Kerajaan Persekutuan.

Di sebalik berlakunya pelbagai gejala sosial yang semakin berleluasa, apakah peranan berkesan yang dimainkan oleh pihak kementerian dan agensi berkaitan dalam memastikan propaganda yang dimainkan oleh media adalah propaganda positif dan membangun akal dan jiwa. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Wassalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau diikuti oleh Yang Berhormat Pontian.

### 3.34 ptg.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk menyertai perbahasan Maksud Bekalan 47, Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 020700 – Hak Penyiaran RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk meningkatkan tayangan atau penyiaran program-program dokumentasi yang berkualiti khususnya program yang ada berkenaan dengan pendidikan secara khususnya malah amnya.

Program-program khususnya mengenai sains dan teknologi harus bertambah untuk memacu niat-niat rakyat supaya kesedaran pembangunan di dunia kita dan tidak ketinggalan dalam perolehan pengetahuan dan ilmu yang terbaru.

Seterusnya saya ingin berbahas mengenai Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).

Tuan Pengerusi, saya minta kementerian untuk meningkatkan usaha untuk membangunkan industri filem termasuk semua kepakaran dalam industri filem ini. Negara kita tidak berkurangan kepakaran memandangkan ramai telah berjaya di luar negara khususnya di Taiwan, Hong Kong, Singapura dan baru-baru ini di Negara China. Ini kita nampak negara kita tidak ada kesempatan untuk mereka memakai kepakaran mereka di sini. Jadi saya berharap negara kita tidak di dalam keadaan akan menghantar kepakaran dalam industri filem ke luar negara, dan membantu mereka menghasilkan keuntungan dan merugikan negara kita.

Butiran yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah Butiran 030100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Tuan Pengerusi, masih banyak tempat di luar bandar malah di bandar juga khususnya di Kawasan Parlimen Tebrau yang ada tujuh kawasan perindustrian yang masih belum ada perkhidmatan jalur lebar yang pantas. Kawasan-kawasan yang terjejas adalah lebih kurang 70 peratus keseluruhan Kawasan Parlimen Tebrau.

Saya memohon agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memantapkan serta meningkatkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan-kawasan Parlimen Tebrau. Oleh sebab Tebrau merupakan satu kawasan yang berpotensi besar bagi menarik masuk pelabur-pelabur asing. Itulah sahaja dari Tebrau. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

### 3.39 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh.* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada beberapa perkara yang saya ingin sampaikan di sini. Dalam masa yang singkat, lapan perkara.

Butiran 040400 – Siber Sekuriti. Setakat mana seriusnya apa yang disebut sebagai siber buli di negara kita ini dan berapa kes yang telah dibawa ke pengadilan dan apakah kaedah pendidikan dan kempen yang dibuat oleh Siber Sekuriti untuk memastikan ia dapat dikurangkan.

Ini termasuklah berita-berita tidak benar dan fitnah. Setakat mana Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh mengatasinya yang melibatkan kandungan sumbang, lucah, palsu, jelik, mengancam, mengacau, mendera, mengugut segalanya ini. Dahulu kita ada Akta Antiberita Tidak Benar, sekarang ini akta yang ada cuma Akta Komunikasi Multimedia 1998 dan

hukumannya juga adalah terlalu ringan. Denda RM50 ribu, penjara satu tahun, dan kemungkinan ia tidak menjadi ketakutan kepada pihak yang melakukan.

■1540

Begitu juga tentang perlindungan – gangguan privasi dan gangguan data peribadi. Berikan contoh-contoh kes yang setakat mana akta ini boleh digunakan.

Perkara kedua, *Malaysia Emergency Response Services (MERS) 999* nampak banyak RM 100 juta, lima agensi terlibat: PDRM; Bomba; Kesihatan; APMM; dan JPAM.

Berapa banyak panggilan palsu diterima oleh 999? Apakah tindakan terhadap panggilan palsu itu? Berapa panggilan sehari? Dan adakah kerajaan ingin melihat supaya SKMM misalnya dan SPRM misalnya termasuk sebagai agensi tambahan yang melibatkan 999? Contoh, jika ada berita-berita palsu konon ada wabak tersebar, menyebabkan kecoh, konon ada gas beracun misalnya, ada kecoh. Kemungkinan kalau kita ada juga melibatkan 999 ini sebagai *emergency response* yang ada SKMM di dalamnya, ia boleh mengambil tindakan.

Perkara ketiga, Teknologi Komunikasi. Telekom - untung bersih turun 83.52 peratus kepada 153.5 juta bagi tahun berakhir 31 Disember. Kenapa keuntungan Telekom itu jatuh? Apa sebab utama penurunan mendadak ini? Satu lagi saya hendak tanya apakah perkembangan Writ Saman Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) atas pelanggaran kontrak penamatan penajaan Telekom lapan tahun bernilai lebih RM400 juta? Kenapa perkara itu berlaku? Kenapa Telekom menarik balik penajaan itu?

Keempat, Penyiaran RTM. Apakah falsafah baharu penyiaran di banding falsafah dahulu? Berapa banyak stesen radio awam dan swasta? Apa garis panduan kepada radio swasta ini? Slot pembangkang di TV, tadi ada beberapa Ahli Yang Berhormat mencadangkan. Berapa ramai sudah dijemput? Jika belum, bila hendak dimulakan dan menjemput kami daripada pihak pembangkang?

Perkara kelima, Penerangan sebanyak RM169 juta. Adakah khidmat Pegawai JASA yang telah ditamatkan itu ingin diadakan semula? Ke manakah mereka pergi? Berapa ramai anggota Pegawai JASA yang ditamatkan?

Perkara keenam, Pembangunan Kandungan Komunikasi Strategik. Mengapa segala rujukan pada Utusan Malaysia sudah tidak boleh diakses oleh internat? Saya dengan ini ingin membuat aduan secara rasmi melalui ucapan ini kepada SKMM. Saya tahu di belakang sana mungkin ada salah seorang Pegawai SKMM. Saya dengan ini ingin membuat aduan rasmi bahawa segala rujukan mengenai Utusan Malaysia dalam internat sudah tidak boleh dibuat. Dia akan keluar sebagai *error 522*. Saya hendak tahu kenapa perkara ini berlaku? Berapa banyak aduan terhadap SKMM? Berapa banyak yang diambil tindakan?

Perkara ketujuh, Infrastruktur Aplikasi Menara Telekomunikasi. Ada lebih 1,000 menara yang dibina dalam era Barisan Nasional. Berapa angka terkini? Bajet 2016 misalnya RM1.2 bilion untuk melanjutkan internat luar bandar? Kita ada sebanyak 597 pusat internat 1Malaysia. Saya ingin mengesyorkan pusat ini jangan ditutup, tidak hendak tukar nama, biarlah dan diadakan

Latihan *Digital Marketing* ataupun *e-commerce* kepada IKS,PKS di luar bandar di dalam pusat internat itu.

Perkara kelapan, Teknologi Komunikasi. Setakat mana teknologi rangkaian 5G dapat diperluaskan di negara kita? Dalam proses percubaan beberapa kawasan, setakat mana perkembangannya? Apakah peratusan 3G penembusan 4G? Walaupun kita ada menara telekomunikasi di kampung-kampung, akan tetapi kadang-kadang masih lagi 3G. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau.

### 3.44 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang adil lagi bijaksana. Pengurusan 010200 – Sumber Manusia, Butiran 040500 – Ganjaran Kakitangan Kontrak. Jadi seperti sahabat saya sebut sebelum ini. kita hendak tanya tentang pegawai kontrak pegawai JASA yang telah dibuang kerja.

Oleh sebab Tuan Pengerusi, persoalan yang berlegar di kepala kami ialah ini sebuah kerajaan baharu, Kerajaan Harapan Baharu yang akan membuat pembaharuan untuk menegakkan keadilan. Kononnya kerajaan yang lepas itu tidak adil, jadi mereka hendak tegakkan keadilan. Akan tetapi bila mereka memerintah kita akan melihat kezaliman, kita melihat ketidakcepatan, kita melihat ketidakcerdikan, akhirnya rakyat benci.

Di antara sebab rakyat tolak kerajaan di Tanjung Piai oleh kerana rakyat benci kepada kezaliman. Zalim sungguh, jadi sepatutnya, pertama sekali bila kita hendak buat ucapan, jangan menyebut ini kerajaan lama, oleh sebab kamu hendak buat yang baharu. Kamu kenapa buang pegawai-pegawai kontrak? Kenapa buang? Bila buang, kita tengok sini ganjaran kakitangan kontrak RM579,600 di bawah Butiran 040500. Kita ingat kot ada ganjaran kepada pegawai kontrak yang sekarang ini mereka menganggur, yang mereka banyak sudah beranak, mempunyai keluarga dan sebagainya, banyak yang saya dapat maklumat keluarga ini telah bercerai berai oleh kerana masalah kewangan.

Apakah kita seronok, kita tidak kisahlah, ala sedikit sahaja, satu orang dua. Kita kena ingat bila kita berdoa kepada Allah SWT, doa salah seorang daripada kita yang Allah makbul, Allah akan makbul doa tersebut. Mungkin salah satu daripada doa mereka yang mohon kepada Allah supaya kerajaan ini tidak menzalimi mereka, Allah makbul sehingga berlaku sesuatu yang mendadak di Tanjung Piai. Tuan Pengerusi sebagai orang lama tidak lah lama sangatlah, lama.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Lama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita lihat tengok di mana kekalahan yang bodoh! Kekalahan yang paling teruk dalam dunia telah berlaku sehingga kamu telah kecundang sebanyak 15,000 lebih di Tanjung Piai.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Arau, butiran apa butiran?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Butiran 504 ... akan tetapi saya tidak perlu jawab kepada kamu, Bodoh!.

[Dewan ketawa]

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Oi! Tarik balik!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bodoh! *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, perkataan itu tidak sesuai dalam - sebagai Ahli Yang Berhormat, saya minta tarik balik Yang Berhormat Arau.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Tarik balik Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi saya sebut kepada umum.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Tarik balik Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mungkin kepada ....sana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Betul Yang Berhormat Arau akan tetapi sebut dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau saya sentuh kepada mereka, saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Haa, tarik balik, tarik balik Baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi saya sebut bodoh itu kepada umum, oleh sebab tidak tahu siapa yang bercakap? Macam zoo negara. *[Dewan ketawa]*

Okey saya minta supaya...

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Arau bodoh kah Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dipertimbangkan semula pegawai-pegawai kontrak ini diberi sekurang-kurangnya diberi ganjaran Hei! bagi adil lah sedikit. Engkau menghancurkan keluarga mereka. Ini manusia, bukan binatang!

Apa kamu boleh hancurkan begitu? Mereka bercerai berai. Ada kes bercerai jumpa saya, saya tidak tahu hendak buat macam mana sebab apa? Saya pun tidak berapa mampu untuk menolong mereka. Sedikit-sedikit bolehlah, akan tetapi ini satu angka yang besar di mana kakitangan kontrak telah dibuang terutamanya pegawai-pegawai JASA tadi. Kita tidak bagi ganjaran, sepatutnya bagi ganjaran. Apalah ini? Zalim,zalim,zalim. Ya Allah Ya Tuhan ku, semoga bukalah pintu hati puak-puak yang zalim ini supaya tidak menzalimi orang-orang kecil yang hendak mencari rezeki yang halal.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Siapa zalim? Siapa zalim?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang keduanya, Butiran 040400 – Cyber Security. Seperti yang telah disebutkan oleh sahabat saya hari ini, saya tengok ada dua, tiga orang, mungkin Yang Berhormat Kulai ke siapa yang bercakap.

Tidak ada seorang pun daripada sana yang mengucapkan tahniah kepada imigresen yang telah menangkap sebanyak 680 orang warga asing. Kita hendak sebut warga China tidak boleh, walaupun mukanya macam orang Cina, akan tetapi dia tidak ada dokumen.

Sekarang ini dia hadapi masalah dan ini berlaku di Cyberjaya dan saya diberitahu bahawa - saya minta Yang Berhormat Menteri jawablah. Saya tidak mahulah kuat sangat, Yang

Berhormat Menteri jawab perlahan-perlahan. Saya bercakap kuat akan tetapi Yang Berhormat Menteri jawab perlahan-perlahan lah ya, jangan jadi apa-apa.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kasihan Yang Berhormat Menteri itu, kasihan takut tumbang pula nanti.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, saya hendak beritahu bas yang dibawa untuk tangkap mereka itu seramai 4,000 orang, akan tetapi mereka lari. Saya diberitahu bahawa di bawah kedai-kedai sana, kedai-kedai runcit di sana, mereka berada di sana, mereka sudah tahu maklumat imigresen akan datang.

Bayangkan ya Tuan Pengurus, telefon yang dirampas sebanyak 8,230, tidak mungkin seramai 680 orang, kemudian komputer riba sebanyak 174, komputer peribadi sebanyak 787 sudah pasti ianya melebihi. Orang itu pergi mana? Kita tidak tengok komen daripada pihak DAP yang seolah-olahnya macam setuju sahaja.

Fasal apa dia orang setuju? Saya tidak tahu, akan tetapi tidak ada komen, kenyataan daripada mana-mana pihak, yang utama bahawa ucap tahniah, kecuali Yang Berhormat seorang ya, ucap tahniah oleh kerana imigresen telah berjaya.

#### ■1550

Saya minta imigresen tolong siasat, kenapa Malaysia dijadikan tempat penipuan talian ini? Talian Internet, talian....

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kenapa Malaysia dijadikan tempat untuk penipuan talian ini?

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Scammer, scammer.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, scammer. Akan tetapi, apa yang mereka tipu kita nak tahu sekarang. Dia tipu apa? Dia tipu nak bawa lebih ramai orang Cina datang sini untuk jadi warganegara ataupun di mana warga asing. Apa yang dia tipu sekarang? Adakah dia tipu dari segi kewangan? Scammer ini apa yang dia tipu? Kementerian ini kena jawab. Akan tetapi, kes tangkapan, imigresen dan juga Kementerian Dalam Negeri. Scammer ini kita hendak tahu dia tipu apa, ini penting sebab kementerian boleh tahan – macam apa yang kami buat tetapi kementerian kena ambil tahu dia tipu apa ini? Seramai 680 orang, 8,230 telefon dan 787 komputer peribadi?

Jadi, saya minta. Akhir sekali sebagai penutup ialah RTM diberikan peruntukan yang besar tetapi kerajaan sekarang menyebut bahawa kami akan berikan keadilan kepada semua. Kita menunggu, Yang Berhormat Pontian pun menunggu supaya kami diberikan ruang dan juga cuba bandingkan dengan kami. Kalau kami buat tidak adil, kamu buatlah secara adil. Akan tetapi kamu bukan sahaja tidak adil, kamu lagi kejam, zalim! Bagi sedikit ruang. Ini Menteri Kewangan gagal jawab di Parlimen. Akan tetapi, kementerian berikan dia dua jam di RTM, tidak pernah lagi kami Menteri Kewangan boleh pergi jawab dekat RTM selama dua jam. Bagi dua jam. Kalau berani jawab disinilah. Kenapa hendak jawab di RTM?

Ini semua – kalau permainan anak jantan sila bertembung di sini. Jangan pergi bercakap di tempat dengan menggunakan kemudahan kerajaan. Kemudahan kerajaan ialah hak kami. Hak rakyat. Jadi, saya berterima kasih Tuan Pengerusi yang telah memberikan sedikit masa, dua minit kepada saya. Semua sini jangan bercakap. Saya berterima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bakal Menteri Besar itu. Bakal Menteri Besar.

### 3.52 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Buku kecil ada? Buku kecil?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana daripada RM1.9 bilion yang diperuntukkan untuk tahun depan menyaksikan bagaimana pembangunan digunakan sebanyak RM813 juta. Ini maknanya, tidak pernah berlaku sebelum ini, sama ada tahun lepas ataupun Menteri-menteri sebelum ini menggunakan peruntukan yang begitu besar untuk tujuan pembangunan.

Jadi, saya ingat satu yang boleh kita banggakan dan kita memberikan pujian. Isu kedua yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi, ialah tentang projek Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Kita tahu, zaman Barisan Nasional dahulu beberapa kemudahan telah diberikan kepada rakyat. *[Tepuk]*

Nanti, Yang Berhormat Arau jangan tepuk lagi. Dengar dahulu. Dahulu, kerajaan telah pun turunkan harga lesen sampai ke satu tahap, kerajaan berikan lesen free. Maknanya, orang kampung boleh menonton televisyen stesen satu dan stesen dua secara percuma, tidak ada lesen. Oleh yang demikian, kita sekarang ini telah pun move, kita sudah pun bergerak daripada zaman yang telah lalu, sekarang kita digital. Mungkin kita akan ada 10 atau 15 stesen.

Cuma, yang menjadi *problem* kepada kita ialah adakah kerajaan berhasrat – yang saya cadangkan, memberikan dekoder-dekoder ini secara percuma, berikan secara percuma. Mungkin mereka yang berada di pekan ada kemampuan untuk membeli tetapi mereka yang ada di luar yang perlukan sistem ini supaya dapat menikmati siaran-siaran yang diberikan oleh kerajaan ini secara percuma.

Baik, di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga melihat program penyiaran, Butiran 050200 – Program TV Penyiaran. Bagaimanakah harus ada satu kaedah di mana mereka yang telah pun berjasa kepada negara, sama ada guru-guru ataupun bekas-bekas perajurit ataupun bekas pegawai imigresen atau pegawai-pegawai yang telah berjasa kepada kita supaya diberikan ruang kepada mereka ini untuk mengadakan program-program di mana mereka boleh share pengalaman-pengalaman mereka dan juga rakyat jelata.

Saya masih ingat lagi program-program seperti Jejak Kasih, program itu nampak *simple*, Jejak Kasih. Akan tetapi, bagaimanakah program ini telah pun menarik *viewer* yang banyak? Ini

kerana menunjukkan bahawa rakyat kita amat prihatin kepada masalah-masalah tertentu, kemalangan-kemalangan yang berlaku kepada keluarga-keluarga. Jadi, saya ingat harus ada program-program yang diperbanyakkan yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang telah pun bersara, yang melibatkan guru-guru dan para perajurit, khususnya dalam pengalaman-pengalaman mereka yang lalu.

Di samping itu, saya juga hendak menyentuh tentang Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Apakah peranan FINAS yang boleh dipertingkatkan? Saya melihat bahawa FINAS juga harus terlibat dalam pembikinan filem-filem. Ini kerana ada filem-filem yang mungkin tidak begitu *commercialized*. Kalau dijual mungkin mereka tidak akan mempunyai nilai komersial.

Akan tetapi, contohnya, filem-filem yang bersangkut paut dengan kepimpinan negara, sudah tentu ada contoh dahulu, bagaimana Leftenan Adnan contohnya, seorang pejuang yang tidak ramai orang tahu siapa dia.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

Begitu juga dengan sejarah-sejarah Tok Naning, sejarah yang berlaku di negeri Kedah lawan contohnya, Siam. Bagaimana kita pernah berperang dengan Siam tetapi akhirnya membawa kepada bagaimana orang Kedah bangun sebagai pahlawan.

Jadi, ini ialah sejarah-sejarah yang mungkin kalau diharapkan syarikat komersial, tidak akan buat sebab dia mungkin tidak mempunyai *viewers* tetapi FINAS saya rasa harus memainkan peranan dengan menggunakan kedudukan mereka untuk mengeluarkan filem-filem ini. Akhirnya, memberikan gambaran yang sebenarnya tentang pimpinan negara kita kepada anak-anak muda khususnya mereka yang tidak mempunyai peluang untuk menonton sebegini.

Seterusnya, Tuan Pengurus ialah Butiran 020700 – Penyiaran (RTM). Saya hendak tanya, adakah kerajaan mempunyai satu dasar, berapa peratus kah *content* yang dihidangkan di dalam RTM ini mesti datang daripada *local content*? Kita harus melihat dan imbangi *local content* dengan *content* yang diimport. Kalau *local content* ini jenis yang bagaimana? Adakah *local content* yang menjurus kepada anak-anak muda ataupun *local content* yang lebih bersifat komersial atau bersifat yang bagaimana?

Jadi, sebab itu, saya ingin melihat dan juga bertanya kepada Menteri, ada tidak dasar yang akhirnya memandu kita dalam RTM ini? Oleh sebab masa, terima kasih Tuan Pengerusi. Itu sahaja yang saya boleh berikan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Sungai Petani, minta penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya. Saya pun sebut ya itu, macam *confident* sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bilakah dalam filem perancangan masa depan ini...

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Steady Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bilakah Yang Berhormat Sungai Petani akan mengambil alih Menteri Besar Kedah? *[Ketawa]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Setuju! *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Sulong selepas ini kan? Ya, silakan.

### 3.58 ptg.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Kerajaan telah memperkenalkan insentif filem Malaysia sebagai insentif kewangan tambahan bagi penerbitan kandungan kreatif di Malaysia. Sejak diperkenalkan, hanya 50 peratus sahaja dana FIMI digunakan untuk pembuatan filem tempatan dengan lima buah projek sahaja diluluskan bernilai RM12.42 juta sejak tahun 2016.

Malah, sejak tahun 2013 sehingga tahun 2019, sebanyak 45 projek antarabangsa telah diluluskan berbanding hanya 15 projek tempatan sahaja. Jadi, soalan saya adalah apakah inisiatif yang akan dilaksanakan kementerian dan FINAS bagi memperbaiki kelemahan ini? Apakah jenis usaha yang dibuat bagi mempromosikan program ini supaya ia menjadi lebih aktif untuk menarik lebih banyak penglibatan pembuat filem tempatan supaya dana negara dapat digunakan secara produktif bagi membangunkan industri tempatan?

Kutipan menerusi cukai hiburan sebanyak 25 peratus, kerajaan mampu memperoleh sehingga RM260 juta setahun daripada kutipan kasar filem import sepanjang tahun atau kira-kira RM42 juta untuk filem terbitan tempatan. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah pembaharuan yang dilaksanakan bagi mewujudkan strategi filem untuk meningkatkan penonton filem di pawagam dan membudayakan semangat mencintai filem tempatan?

### ■1600

Bagaimanakah kementerian akan berusaha bagi membangunkan komuniti perfileman di seluruh negara khususnya di luar bandar dengan program sinergi dan pembangunan kreativiti.

Butiran 040300 – MERS 999. Awal tahun yang lalu, beberapa kes yang di *viral* kan *netizen* mengenai talian ini yang tidak responsif dan cekap dalam menangani kes-kes kecemasan. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah masa menunggu yang terlampaui lama antara operator talian dengan talian balai polis berdekatan. Kita faham bahawa operator hanya menjalankan tugas mereka bagi mengatasi masalah panggilan palsu yang kerap berlaku.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan kepada Dewan, statistik panggilan palsu yang diterima MERS 999 sepanjang tahun ini. Jadi apakah langkah yang diusahakan kementerian untuk memerangi gejala panggilan kecemasan palsu yang telah banyak

menjejaskan panggilan kecemasan sebenar. Saya juga sedar sebenarnya banyak yang telah dilakukan kementerian untuk memerangi masalah ini antara kempen-kempen kesedaran di kaca televisyen. Jadi, saya juga ingin mencadangkan agar kempen ini bukan sahaja disiarkan di kaca televisyen tetapi juga diperluaskan di peringkat sekolah dan juga tadika.

Seterusnya Butiran 030400 – Perlindungan Data Peribadi. Soalan saya adalah berapakah jumlah kes dan nilai penipuan siber dan multimedia serta jenis-jenis penipuan berkaitan penipuan siber dan multimedia. Diharapkan pihak kementerian akan mengkaji dan memperketat lagi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang akan memberikan tumpuan kepada pelbagai sektor yang menjadi tumpuan orang ramai seperti agensi insurans, syarikat penjualan motosikal, antara contoh-contohnya.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah dilakukan, dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 709 berjalan dengan teratur. Melindungi data maklumat adalah tanggungjawab sosial kerana industri besar data ataupun *big data* di Malaysia sangat berkembang pesat. Sejauh manakah kementerian akan mengkaji strategi untuk memperkasakan kerjasama antara jabatan dan juga agensi berkenaan? Seperti contoh *CyberSecurity* dan Bank Negara dan pelbagai organisasi lain seiring perlindungan data peribadi dalam melindungi data peribadi pengguna.

Butiran 040600 – Media City. Saya ingin bertanya mengenai perkembangan Media City yang telah direncanakan sejak tahun 2012 oleh Kerajaan Barisan Nasional, bilakah jangka masa projek Media City ini akan lengkap sepenuhnya? Adakah Yang Berhormat Menteri akan meletakkan sasaran, bilakah RTM akan bersedia sepenuhnya untuk beralih kepada *fully digital broadcasting system*? Selain daripada itu, adakah kementerian melihat Media City ini berpotensi untuk menjadi hab penyiaran Asia Tenggara dan mampu bersaing dengan Media City UK, Media City Dubai dan Media City Jordan dan apakah usaha yang dijalankan bagi mencapai sasaran tersebut? Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai. Silakan.

#### 4.03 ptg.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya hendak mengalu-alukan adik-adik murid dan guru dari SJK (T) Methodist Buntong, Ipoh. [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi:** Selamat datang.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Butiran 020100 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya merujuk kepada kenyataan Menteri berkenaan, penubuhan Majlis Media Malaysia, bilakah dijangka majlis ini akan ditubuhkan secara rasmi melalui rang undang-undang di Parlimen? Ini kerana sebelum ini Menteri berkata ianya akan ditubuhkan menjelang hujung tahun 2019, apakah struktur dan punca kewangan majlis ini berfungsi? Hal ini perlu jelas agar majlis yang ditubuhkan nanti benar-benar bebas dan bukannya menjadi alat untuk kerajaan mengawal segala bentuk

media cetak, media elektronik dan media internet untuk mengikut acuan Kerajaan Pakatan Harapan sahaja. Pastinya pembangkang ini menjadi mangsa kerana kami tidak pun diberikan ruang untuk muncul di media arus perdana yang dikawal kerajaan.

Butiran 020700 – Penyiaran (RTM). Saya ingin tahu bilakah RTM akan melaksanakan semula program berbentuk debat perdana, wacana mahupun forum yang akan menampilkan kedua-dua belah pihak iaitu kerajaan dan pembangkang? Atas semangat Malaysia Baharu yang sering dilaungkan oleh Pakatan Harapan, adakah amalan diskriminasi dan sekatan terhadap pembangkang masih diteruskan? Sepatutnya RTM sebagai peneraju utama yang memberi contoh teladan kepada organisasi media yang lain, rakyat di luar sana sudah jemu dan muak dengan cerita sebelah pihak kerajaan sahaja. Saya yakin dengan penganjuran program seperti debat perdana pasti akan menambahkan lagi bilangan penonton dan menaikkan rating RTM di hati rakyat.

Butiran 030100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Seiring dengan pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), saya ingin tahu berapakah peruntukan untuk menaiktarafkan sistem penghubung antara bandar dan luar bandar di negeri Kedah khususnya di kawasan Jerai. Saya lihat kementerian ada menganjurkan Program Kembara Digital Malaysia di Kuala Pilah, bilakah pula program yang bermanfaat ini akan dianjurkan di negeri Kedah pula?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Butiran 030300 – Teknologi Komunikasi. Negara kini dalam tahap persediaan pelaksanaan teknologi 5G yang dikatakan 100 kali lebih pantas daripada 4G. Saya ingin tahu adakah 5G ini selamat daripada aspek kesihatan pengguna dan adakah benar dakwaan ia mampu menggugat tahap keselamatan negara kita?

Butiran 050200 – Program TV Penyiaran. Di bawah butiran dasar baru ini, peruntukan sebanyak RM31 juta akan diberikan pada tahun 2020. Saya mohon perincian, apakah tujuan dan bentuk program yang akan dibuat sehingga menelan kos besar itu di bawah peruntukan mengurus.

Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Seterusnya saya ingin tahu status terkini pelaksanaan pendigitalan penyiaran nasional ini, adakah kesemua rangkaian TV kita sudah beralih kepada siaran digital seluruh Malaysia. Saya juga menyuarakan keluhan suara hati rakyat yang mengadu berkenaan harga dekoder MYTV yang mereka perlu beli. Ia hanya diberikan percuma kepada penerima BSH B40.

Di kawasan pedalaman sana bukannya sekampung penerima BSH, jadi bagaimana pula dengan nasib rakyat kita yang tidak tergolong dengan BSH itu? Mereka hendak makan pun susah dalam keadaan musim tengkujuh ini, terpaksa pula berbelanja sehingga RM200 untuk membeli dekoder MYTV itu, apakah langkah alternatif penyelesaian yang kerajaan boleh buat untuk membantu mereka ini? Kita perlu sedar akan hakikat di luar sana tidak semua rakyat mampu melanggan secara bulanan TV satelit ASTRO ataupun TV Internet UNIFI. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya menjemput Yang Berhormat Setiu.

#### **4.08 mlm.**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 030300 – Teknologi Komunikasi. Saya kira usaha kerajaan bagi merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar melalui cadangan jaringan internet yang lebih luas amat dialu-alukan.

Dalam usaha kerajaan untuk meluaskan lagi jalur lebar kepada 5G tetapi yang agak malang, kawasan-kawasan pedalaman, kawasan kampung di dalam daerah, dalam Parlimen Setiu, mereka bukan sahaja tidak dapat coverage 4G tetapi ada di kalangan mereka yang masih lagi hanya menggunakan 2G dan 3G. Jadi, saya mohon supaya ditingkatkan coverage di kawasan pedalaman khususnya dalam kawasan Parlimen saya, Setiu. Begitu juga penggunaan UNIFI hanya ada di kawasan bandar khususnya Bandar Permaisuri, Setiu tetapi itu pun tidaklah meliputi semua kawasan bandar.

Butiran yang kedua Butiran 030200 – Kawalan dan Pematuhan. Perkara pematuhan dalam butiran ini, saya hendak menyebut isu iklan luah. Penyebaran kandungan yang berunsur luah semakin menjadi-jadi. Saya kira tidak sewajarnya unsur ini dibiarkan tersebar sewenang-wenangnya.

#### **■1610**

Iklan berunsur luah tular tanpa kawalan sehingga akan apa yang lebih membimbangkan masyarakat kini mampu akses kepada perkara-perkara ini dengan mudah. Saya mendapat maklumat golongan ini turut mempunyai grup di media sosial seperti *Telegram*, *WhatsApp* dan terbuka untuk disertai oleh sesiapa sahaja. Perkara seperti ini tidak wajar dibiarkan. Oleh itu, sejauh mana pengawalan yang dilakukan terhadap perkara tersebut? Saya harap dengan peningkatan peruntukan dapat memastikan pemantauan yang dijalankan lebih efektif sekali gus membendung penyebaran unsur-unsur ini.

Butiran yang ketiga ialah Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Perkara yang saya ingin sentuh ialah di mana saya mendapat aduan ramai di kalangan pengguna yang baru sahaja menukar siaran analog kepada digital, rata-rata tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Hal ini kerana siaran yang disediakan tidak dapat diguna pakai dalam kaedah-kaedah tertentu, sedangkan siaran analog tidak mengalami masalah-masalah tersebut. Apakah perancangan kementerian bagi memastikan perkhidmatan digital yang disediakan dapat memuaskan hati pengguna? Adakah pihak kementerian ada bercadang untuk menambah siaran yang sedia ada?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 050200 – Program TV Penyiaran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan cadangan untuk membuka kepada syarikat yang berminat untuk bersaing dengan Astro bagi menyediakan penyiaran televisyen berbayar seperti yang pernah dilontarkan kepada pihak kementerian pada tahun lepas. Sejauh manakah

pihak kementerian menerima permohonan daripada syarikat-syarikat luar terhadap hak penyiaran televisyen berbayar ini?

Apakah langkah bagi memastikan monopoli Astro sebagai penyedia perkhidmatan tunggal penyiaran televisyen yakni televisyen berbayar ini akan berjaya dipecahkan? Saya juga ingin bertanya, adakah kementerian juga berhasrat untuk melonggarkan syarat yang ditetapkan dalam pemberian lesen penyedia perkhidmatan aplikasi kanun individu (CASP) bagi membolehkan lebih banyak syarikat membuat permohonan tersebut?

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang giliran Yang Berhormat Pengerang, silakan.

#### 4.12 ptg.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040400 – Cybersecurity Malaysia, Butiran 01600 – Cybersecurity Malaysia. Statistik yang dikeluarkan oleh Cybersecurity Malaysia sepanjang tahun 2018 sebanyak 10,699 kes berkaitan ancaman siber ataupun *cyber threat* dilaporkan. Sebanyak 8,313 kes penipuan siber membabitkan wang berjumlah kira-kira RM300 juta direkodkan dalam Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia sepanjang tempoh Januari hingga 3 Oktober 2018.

Kes penipuan menerusi panggilan telefon dan khidmat pesanan ringkas pada tahun lepas dan tahun ini amat membimbangkan dengan 4,500 kes penipuan dilaporkan melibatkan kerugian RM113.11 juta. Statistik ini menunjukkan jenayah siber dalam negara kita berada pada tahap yang amat membimbangkan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama kementerian-kementerian yang lain dalam menyelesaikan isu serangan jenayah siber?

Saya merujuk kepada Butiran 35000 – Pusat Pengajian Islam Oxford (OXCIS) United Kingdom. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada ini dalam butiran yang salah ataupun di bawah kementerian? Bila pula Kementerian Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab ke atas pusat pengajian Islam di Oxford?

Saya merujuk kepada Butiran 020200 – Antarabangsa, Butiran 020000 – Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif, Butiran 020400 – Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL), Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Butiran 33000 – *Multimedia Development Corporation* (MDeC), Butiran 47000 – FINAS dan Butiran 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara.

Ini merujuk kepada kandungan *video content* di bawah klasifikasi 18SG, 18SX yang disiarkan oleh *Netflix*. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh kerajaan bahawa cukai yang dikenakan kepada syarikat penyedia perkhidmatan *mainstream video* tempatan dan luar negara seperti *Netflix* dan *iflix* yang berkuat kuasa tidak akan memberi kesan langsung kepada rakyat? Apakah pendirian kerajaan

berhubung dengan isu kandungan *video content* di bawah klasifikasi 18SG, 18SX disiarkan oleh Netflix? Sekiranya kandungan *Netflix* tidak ditapis, apakah saranan dan tindakan kerajaan untuk mengawal kandungan video di bawah klasifikasi 18SG dan 18SX yang disiarkan oleh *Netflix*?

Kemudian, berkenaan dengan golongan muda yang begitu tertarik dengan filem-filem antarabangsa. Apakah inisiatif kementerian untuk menggalakkan pengarah ataupun penerbit filem untuk menghasilkan filem berunsur sejarah dan patriotisme? Memandangkan bilangan filem ini tidak terlalu banyak dan sering tidak ditayangkan ataupun diulang tayangkan? Jadi, apakah terdapatnya usaha di antara pihak kementerian dan pakar-pakar sejarah negara dalam mendedahkan lebih banyak fakta dan sejarah negara yang mampu menjadi alat perpaduan semua kaum di negara kita? Apakah pihak kementerian bersedia untuk memberi inisiatif kepada golongan muda yang mahir dalam membuat video untuk menghasilkan dokumentari berkenaan dengan sejarah dalam negara kita?

Jadi, berkenaan dengan perhatian kepada penghasilan animasi tempatan. Soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi biasiswa kepada pelajar jurusan multimedia kreatif agar dapat menarik minat lebih ramai dalam penghasilan karya kreatif? Apakah pihak kementerian bercadang untuk memberi inisiatif atau suntikan dana kepada golongan muda yang begitu minat dalam bahagian bidang animasi? Apakah platform yang disediakan oleh pihak kementerian untuk mengetengahkan dan memperkenalkan animasi-animasi baharu yang dicipta oleh rakyat Malaysia selain daripada Upin dan Ipin?

Kemudian saya merujuk akhir sekali berkenaan dengan Butiran 030000 - Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital dan Butiran 030300 – Teknologi Komunikasi. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Menteri, contohnya dalam bil Telekom, bil *handphone* saya bil Celcom sebagai contoh. Kalau saya tengok dalam bil Celcom, mereka memberikan saya selain daripada apa yang disebut sebagai pembayaran *monthly commitment*, maknanya komitmen kita kepada syarikat telekomunikasi seperti Celcom. Itu adalah *fixed amount*.

Kemudian *additional charges, additional usage*. Dalam bil telefon saya, *additional usage* didefinisikan sebagai *one time amount, internet usages, local calls and messages, international calls and messages, roaming usages and other usages*. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah logiknya kalaupun dikatakan diberikan *roaming charges*, kenapa mesti ada *international calls and messages* kemudian *roaming charges*? Saya tidak faham beza *roaming charges* dengan *international calls and messages* sebab bagi saya kalau *roaming* itu maknanya *international*lah.

Kemudian berkenaan dengan *internet use*, sama juga. Kalau dia *roaming*, bererti Internet pun ada. Apa pula *roaming* ini lain, internet ini lain? Kemudian, akhir sekali ada pula *other usage*. Apa pula perkara *other usage* ini? Jadi, bagi saya pihak kementerian kena kaji semula bil-bil yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi kerana monopoli yang dibuat oleh mereka seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, *drop call* dan sebagainya, adakah kerajaan akan memaksa pihak syarikat komunikasi dalam aspek *drop call* dipulangkan balik duit kepada pengguna?

Oleh sebab isu *drop call* ini berlaku sentiasa tetapi kalau kita katakan *roaming charges* sebagai contoh, setiap saat setiap minit akan dikenakan bayaran bil sebab ia ada sistem untuk menyukat apabila kita di luar negara. Akan tetapi *drop call* itu tidak bolehkah dibayar balik duit kita ataupun diberi diskau? Ini kerana *drop call* yang berlaku apabila kita bayar bil telefon. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bachok.

#### 4.18 ptg.

**Tuan Nik Mohamad Abdur bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Butiran 030000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital, juga Butiran 030200 – Kawalan dan Pematuhan. Baru-baru ini timbul satu cadangan supaya pihak kementerian mengawal selia isi kandungan platform pen'*stream*'an khususnya aplikasi *Netflix* yang mengandungi unsur-unsur yang tidak sesuai untuk ditayangkan di negara ini. Kita perlu jelas bahawa unsur paparan realistik adegan-adegan tertentu seperti adegan ganas, hubungan intim, rogol, dadah, mabuk selain mengandungi unsur-unsur negatif seperti tidak patriotik, 'ekstremisme' mahupun LGBT mestilah melalui proses tapisan.

Dalam aspek profileman hari ini, unsur-unsur ini sudah mula kelihatan longgar. Unsur-unsur ganas sebagai contoh dipaparkan dalam filem tempatan dengan paparan yang realistik kononnya untuk menggambarkan situasi sebenar yang berlaku di kalangan masyarakat. Ia telah memberikan impak negatif secara tidak sedar kepada pemikiran dan tingkah laku masyarakat terutamanya anak muda. Apatah lagi jika hari ini ia dapat ditonton secara langsung melalui aplikasi pen'*stream*'an seperti *Netflix* yang tidak melalui proses tapisan yang ketat.

#### ■1620

Seperkara lagi adalah berkenaan kawalan iklan-iklan di media sosial hari ini yang semakin tidak terkawal. Walaupun mereka sekadar mengiklankan produk mereka, namun unsur-unsur lucah yang melampau yang ditonjolkan perlu dielakkan. Ini kerana ia melambangkan sesuatu yang tidak baik kepada masyarakat di negara kita.

Justeru saya mohon penjelasan lanjut pihak kementerian berkenaan perkara ini. Apakah pendirian pihak kementerian, sejauh mana kesemua pihak penyedia perkhidmatan ini mematuhi kod kandungan Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta *self-regulatory code* yang ditetapkan di peringkat ASEAN. Setakat manakah, ketegasan kerajaan dalam mengenakan tindakan undang-undang terhadap pihak yang melanggar peraturan yang ditetapkan ini.

Selain itu, saya juga mohon pihak kementerian menjelaskan, apakah perkembangan kajian yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi suatu model pencukaian terhadap aplikasi seperti *Netflix* ini disebabkan faktor model perniagaan mereka yang tidak beroperasi secara fizikal di negara ini. Saya juga pohon pihak kementerian menjelaskan penelitian lanjut yang dibuat terhadap kajian model pencukaian daripada *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Butiran 040400 – *Cybersecurity* Malaysia. Pada tahun lalu, satu badan ASEAN, *Singapore National Cybersecurity Center of Excellence* (NCCoE) telah ditubuhkan bagi mengelola satu latihan dan kajian berkenaan dengan keselamatan siber di peringkat ASEAN selain latihan kepada kumpulan *National Computer Emergency Response Team*. Saya ingin bertanya, apakah bentuk latihan yang telah dibangunkan oleh NCCoE setakat ini dan manfaat yang diperoleh oleh negara kita Malaysia daripada badan ini.

Saya juga dimaklumkan isu-isu yang berkenaan dengan keselamatan siber ini telah dibangkitkan dalam Sidang kemuncak ASEAN Ke-35 yang lalu di Bangkok. Saya ingin bertanya apakah isu yang telah dibangkit tersebut dan apakah resolusi yang telah dirangka bagi perkara berkenaan. Apakah isu jenayah penipuan *scammer online* turut diangkat untuk dibahaskan di peringkat ASEAN. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak PDRM di atas serbuan yang telah dilakukan terhadap hampir 1,000 warga China yang terlibat dengan jenayah *scammer* di Cyberjaya baru-baru ini.

Apa yang menjadi persoalan di sini adalah, apakah negara tidak mempunyai teknologi yang canggih bagi mengesan jenayah *scammer online* ini yang telah beroperasi selama enam bulan sebelum berjaya dikesan oleh pihak berkuasa. Apakah bandar berteknologi maklumat yang mempunyai infrastruktur jaringan dan perisian komputer yang canggih masih gagal mengesan serta menyekat jenayah *scammer* dengan jumlah yang agak besar ini. Saya juga ingin bertanya, selain daripada program Klik Dengan Bijak (KDB) yang dirangka sejak tahun 2015 bagi menangani jenayah penipuan *scam*, apakah terdapat program-program lain yang dirangka oleh kementerian ini bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan *scam online* ini.

Butiran 350000 – Pusat Pengajian Islam Oxford (OXCIS) United Kingdom. Sama seperti soalan Yang Berhormat Pengerang, saya mendapati peruntukan sebanyak RM1 juta dalam peruntukan Pembangunan kementerian bagi butiran ini, saya mohon perinciannya dijelaskan oleh pihak kementerian.

Akhir sekali, Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai perkembangan projek rangkaian jalur lebar di bawah Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), khususnya di Parlimen Bachok dan umumnya di negeri Kelantan. Projek ini merupakan satu projek yang penting bagi meningkatkan pencapaian infrastruktur jalur lebar berkualiti tinggi pada harga berpatutan dalam mendepani perkembangan ekonomi digital kelak. Justeru, saya ingin tahu apakah perkembangan terkini projek berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan Yang Berhormat.

#### 4.24 ptg.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 040600 – Media City. Saya ingin penjelasan daripada

Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan program khusus bagi Media City ini dilaksanakan dan sehingga memperlihatkan peningkatan peruntukan yang amat ketara bagi tahun 2020.

Keduanya Tuan Pengerusi, bawah Butiran 060200 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Bagaimanakah kementerian melakukan pemantauan ke atas mereka yang menjual, memiliki mana-mana peranti yang tidak diperakui atau tidak mematuhi kepada standard teknik yang ditetapkan oleh SKMM yang mana kita ketahui bahawa kementerian sedang giat melakukan projek pendigitalan penyiaran nasional.

Seterusnya Tuan Pengerusi, bawah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk membantu saya membina pencawang bagi jalur lebar WiFi di kompleks persekolahan kota kecil yang meliputi kawasan SMK Teknik, SMK Bandar, SRK Laksamana, SJK(C) New Kota, SRK Datuk Usman Awang dan juga Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB). Ini kerana buat masa ini Yang Berhormat Menteri, tidak ada lagi kemudahan itu.

Seterusnya, saya juga inginkan penjelasan...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Kota Tinggi sedikit, Kota Tinggi. Dari segi pencapaian jalur lebar yang disebut ini, saya pun kawasan sebelah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kawasan Kuala Pilah lebih bagus pencapaiannya daripada Jempol. Adakah perbezaan dari segi politik ini diambil kira. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Saya mohon...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, saya minta sedikit masa.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ya, ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, fasal tadi fasal *tower sharing* ini. Fasal pemancar ini, ada banyak syarikat *telco* gunakan *tower* yang sama di kawasan luar bandar. Contoh di kawasan Jelebu, tetapi syarikat *telco* tidak membayar sewa. Apabila tidak membayar sewa, bermakna kawasan pemancar itu tidak dibenarkan lagi digunakan sebagai pemancar bagi *telco* yang berkenaan. Adakah pihak kementerian boleh ambil tindakan kepada *telco* yang berkenaan bila tidak membayar sewa pada pemilik tanah. Ataupun syarikat *telco* tidak membayar sewa kepada PBT dan sebagainya. Saya minta pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya pohon supaya kedua-dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jempol dan Jelebu dimasukkan ke dalam ucapan saya dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020600 – Penerangan (JaPen). Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ini tentang kejadian baru-baru ini memperlekehkan bendera Malaysia ini. Bendera Malaysia lima bintang ini. Walaupun kita sudah

dapat penjelasan maklumat daripada Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri KBS mengatakan tidak akan bertolak ansur akan ambil tindakan terhadap penganjur yang kononnya tersilap letak bendera Malaysia, lima bintang. Kita ada bintang bucu 14, dia letak lima bintang.

Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, apa sebenarnya peranan Jabatan Penerangan ini? Apakah tindakan seterusnya oleh KKMM ini terhadap kejadian yang telah pun berlaku supaya apa-apa juga, mana-mana pihak yang sengaja hendak memperlekehkan bendera Malaysia dan sebagainya ini tidak akan berlaku. Ini bukan kali pertama. Hari itu juga ada satu program penganjur kata peserta ini dia tidak faham dan mengatakan Republic of Malaysia.

Jadi kita dapat, sejak Kerajaan Pakatan Harapan ini mengambil alih, macam-macam perkara yang pelik-pelik berlaku yang melibatkan kedaulatan negara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap perkara yang berlaku. Saya harap pihak kementerian mengambil serius tentang perkara ini. Bukan sahaja kerana mereka tidak faham, mereka tidak perasan, kita boleh lupakan.

Jadi, saya pohonkan penjelasan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Seterusnya Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan.

#### 4.29 ptg.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 020900 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Butiran 47000 – FINAS. FINAS yang kini dipengerusikan oleh Datuk Hans Isaac telah berhasrat untuk melaksanakan caruman KWSP dan juga PERKESO kepada lebih kurang 30,000 penggiat seni bermula Januari tahun hadapan. Di mana pihak penerbit wajib melakukan caruman untuk pelakon-pelakon yang diambil untuk berlakon di bawah produksi penerbitan.

Berkenaan hal tersebut, saya ingin bangkitkan, berdasarkan Akta FINAS 1981, bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan peruntukan manakah di bawah akta tersebut yang menerangkan tentang kewajipan penerbit selaku majikan untuk melaksanakan caruman KWSP, PERKESO untuk pelakon sebagai orang yang digaji.

Kedua, apakah jaminan kementerian pelaksanaan caruman KWSP, PERKESO oleh penerbit tidak akan membebankan mereka dari segi kewangan memandangkan pelaksanaan tersebut berkemungkinan besar akan memberi implikasi-implikasi ini. Pengurangan bayaran kepada para pelakon yang diambil untuk berlakon di bawah produksi penerbitan dan juga pengurangan penghasilan filem oleh penerbit filem.

#### ■1630

Berkenaan *Netflix* yang merupakan *hot issue*, dengan izin, di media sosial baru-baru ini. Saya tetap teguh dengan pendirian yang pernah saya suarakan di Dewan yang mulia ini supaya dilaksanakan *censorship*, dengan izin, terhadap kandungan-kandungan terdapat di dalam *Netflix*,

lebih-lebih lagi filem dan drama bersiri yang mengandungi unsur-unsur seksual dan juga keganasan, yang boleh memberi kemudaran kepada nilai-nilai moral, kerohanian anak-anak kita, dan masyarakat.

Walaupun pernah dikecam- saya dikecam dengan hebat oleh pengguna-pengguna Twitter di media sosial demi mempertahankan nilai-nilai murni Islam yang diterapkan di bumi Malaysia ini, saya menyokong penuh cadangan Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, Dato' Ahmad Idham agar pihak kementerian dengan segera melakukan tapisan terhadap contents yang terkandung di dalam aplikasi *Netflix*. Mohon kementerian yang dipimpin oleh Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Kuala Pilah, sewajarnya mempertimbangkan tanpa berbelah bahagi cadangan pelaksanaan *censorship* tersebut.

Saya terus ke Butiran 020000 - Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif, dan Butiran 020100 - Dasar dan Perancangan Strategik. Berkenaan dengan pembahagian dasar dan perancangan strategik di bawah kementerian ini, berapa anggaran peruntukan khas untuk setiap *research*, dengan izin, yang berkaitan dengan keupayaan teknologi 5G dalam skala jaringan komunikasi di setiap negeri?

Kedua, apakah dasar serta perancangan baharu kementerian dalam mengekang *dark web*, dengan izin, dan segala bentuk jenayah siber yang lain yang merisikkan pengguna-pengguna Internet lebih-lebih lagi aspek kerahsiaan.

Kita terima hakikat pernah berlaku pada seniman Tan Sri P. Ramlee dan waris-warisnya adalah contoh ketidakadilan dan diskriminasi daripada segi royalti dan pendapatan- bayaran kepada seseorang artis oleh pihak swasta.

Adakah Yang Berhormat Menteri akan melihat semula masalah ini? Dan mungkin mewujudkan satu badan yang mengawal selia dan menggariskan etika dan panduan bagi hal-hal royalti dan bayaran supaya diskriminasi terhadap artis-artis oleh pemain-pemain industri dapat dikurangkan?

Adakah Yang Berhormat Menteri- saya diberitahu oleh beberapa orang artis bahawa mereka telah membuat pengakuan terbuka menyatakan mereka tidak lagi mendapat peluang-peluang pekerjaan kerana mereka dianggap menyokong pembangkang, dan juga mereka aktif memperjuangkan isu-isu rakyat yang mirip kepada perjuangan-perjuangan parti-parti pembangkang? Saya mohon Yang Berhormat Menteri semak semula. Tengok sampai ke bawah. Mungkin keputusan-keputusan itu di buat di laras-laras yang lebih bawah daripada kedudukan ketua sesuatu jabatan.

Saya terus kepada Butiran 020700 - Penyiaran (RTM), Butiran 020800 - Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), dan Butiran 060300 - BERNAMA TV.

April lalu Yang Berhormat Menteri telah melancarkan radio bervisual di RTM- dikatakan sebagai transformasi dalam dunia penyiaran media berkonsepkan *what we hear, can be seen on TV*. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan, perincian kos untuk pelaksanaan konsep penyiaran tersebut. Memandangkan kedua-dua siaran ini kurang mendapat tempat di hati penonton-penonton TV di negara ini khususnya di kalangan anak-anak muda.

Seperti dihasratkan oleh Menteri sendiri dalam penjenamaan RTM, apakah kandungan-kandungan kreatif yang akan dipersembahkan kepada penonton pada tahun 2020?

Yang Berhormat Menteri difahamkan bahawa BERNAMA dalam suatu memo yang bertarikh 30 September 2019 telah melakukan beberapa lantikan baharu yang berkuat kuasa pada Ogos dan September lalu. Di mana lantik tersebut adalah Ketua Penerangan, Setiausaha Lembaga Pengelola, Editor, Eksekutif Perkhidmatan Berita Antarabangsa, dan 14 lagi petugas baru yang dilantik termasuk 10 lantikan kontrak, empat lantikan sambilan.

Saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri supaya menjelaskan, apakah relevannya 14 pelantikan petugas baharu tersebut kepada BERNAMA? Adakah kenaikan sebanyak RM2 juta untuk peruntukan ini akan digunakan untuk membiayai penambahan petugas baharu tersebut? Jika, ya, nyatakan gaji bulanan yang dibayar oleh BERNAMA kepada setiap lantikan baharu tersebut termasuk Ketua Penerangan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Akhirnya sekali Yang Berhormat Maran. Silakan.

#### 4.34 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Tuan Pengerusi terima kasih banyak. Saya ada beberapa perkara Tuan Pengerusi.

Pertama ialah Butiran 020600 - Penerangan (JaPen). Mendapat RM169 juta. Saya ingin tahu peranan Jabatan Penerangan ini sebenarnya? Berapa ramai kakitangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah di seluruh negara pada hari ini?

Saya juga ingin tahu sejauh manakah peranan pegawai dan kakitangan penerangan di negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang- seperti Pahang, Terengganu, Kelantan? Saya difahamkan juga bahawa, apakah benar bahawa kakitangan dan pegawai penerangan di daerah ini tidak dibenarkan menjalan tugas apabila melibatkan program-program melibatkan parti lain terutama pembangkang?

Tuan Pengerusi, saya minta supaya kerajaan sekarang janganlah terlalu berpolitik-janganlah dulu menyalahkan Barisan Nasional berpolitik. Akan tetapi, kalau program-program itu berfaedah untuk rakyat, apa salahnya? Jabatan Penerangan juga digunakan untuk menyampaikan maklumat-maklumat ini.

Kedua, Tuan Pengerusi ialah Butiran 030000 - Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. Pembangunan komunikasi terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman yang masih tidak menerima jaringan yang baik merupakan satu keperluan mendesak terutamanya apabila melibatkan kes kecemasan dan keselamatan. Namun sehingga kini masih ada kawasan luar bandar yang masih tidak ada jaringan internet dan komunikasi yang baik.

Sebagai contoh, di kawasan Kampung Lubuk Paku dan Kampung Mentenang yang merupakan seberang Sungai Pahang. Penduduk terpaksa berhadapan dengan kesukaran berhubung disebabkan jaringan komunikasi dan Internet yang teruk. Jadi saya harap

Kementerian Komunikasi dan Multimedia dapat memberikan perhatian dan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Walaupun kerajaan sering mencanangkan mengenai kelajuan Internet yang pantas dan jaringan komunikasi yang stabil. Namun sayangnya semua ini tidak dinikmati oleh penduduk kawasan luar bandar.

Saya ingin tahu, berapakah jumlah menara komunikasi baru yang telah dibina dan beroperasi dengan liputan 3G dan 4G yang stabil di seluruh negara, khususnya di kawasan Maran? Berapakah pula yang bakal dibina dan apakah kawasan yang terlibat dengan jaringannya? Apakah penambahbaikan dan penaiktarafan yang dilakukan oleh kementerian ke atas jaringan komunikasi dan Internet yang dilakukan kementerian ke atas jaringan komunikasi dan internet di kawasan luar bandar dan pedalaman menerusi Program Jalur Lebar Luar Bandar (RBB)?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin pergi kepada Butiran 31000 - Projek Jalur Lebar. Penyediaan infrastruktur telekomunikasi jalur lebar kepada rakyat seharusnya tidak hanya tertumpu kepada kawasan bandar semata-mata. Sebaliknya, merangkumi kawasan pinggir bandar. Bahkan perlu juga di kawasan-kawasan pedalaman seperti kawasan Orang Asli dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini membolehkan lebih ramai usahawan desa serta kecil dan sederhana mampu memasarkan produk dan perkhidmatan melalui inisiatif e-dagang sekali gus menyumbangkan kepada pertumbuhan sosioekonomi setempat.

Saya ingin bertanya kos keseluruhan projek infrastruktur ini kini mencecah sehingga RM26.1 bilion berbanding RM1 bilion semasa awal pelaksanaannya. Adakah projek ini akan dibiayai oleh dana Peruntukan Perkhidmatan Universal (USP), atau dilaksanakan secara komersial iaitu oleh pemegang lesen berkaitan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, *the CMA* itu sendiri?

Kedua, apakah inisiatif kementerian dalam mengenal pasti cara yang lebih kos efektif, yang lebih ekonomik dalam membangunkan infrastruktur digital supaya kerajaan tidak perlu menanggung kos terlalu tinggi?

Apakah capaian jalur lebar terkini di seluruh negara terutamanya bagi kawasan luar bandar dan pedalaman? Saya juga ingin tahu, berapa peratus perbezaan antara pencapaian jalur lebar ini di kawasan bandar dan luar bandar? Apakah langkah yang lebih teratur yang strategi, yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan keseimbangan antara penyediaan kemudahan jalur lebar di kawasan luar bandar dan bandar ini, dapat disediakan secara adil dan saksama. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak hendak berbahas?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh minta sikit, minta izin sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**■1640**

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya sedikit sahaja iaitu berkaitan dengan FINAS ini, Butiran 020900. FINAS ini berfungsi sebagai badan untuk memajukan filem nasional. Kita sampai sekarang tak berjaya lagi membangunkan industri perfileman dalam negara kita ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah yang dilakukan oleh kerajaan sekarang untuk menjadikan perfileman merupakan satu industri yang menghasilkan produk yang bernilai tinggi yang boleh memberi pendapatan kepada rakyat sama ada pasaran dalam negara ataupun pasaran eksport. Kita mengambil iktibar daripada produk perfileman daripada negara luar seperti daripada Thailand, Filipina dan daripada negara-negara Afrika serta Amerika Selatan. Macam-macam produk perfileman yang ditonton oleh rakyat kita hasil daripada pengimportan produk-produk ini.

Terakhir sekali saya nak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan FINAS ini, ada kah memberi bantuan pinjaman ataupun geran kepada pengusaha-pengusaha filem? Kalau ada, berapa banyak yang telah diluluskan dan berapa syarikat yang mendapat faedah daripada pinjaman tersebut dan akhir sekali saya nak tanya, betul kah khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa Pengerusi FINAS yang baharu ini, dia ada buat perkara yang tak berapa disukai oleh pemain-pemain filem sendiri? Pilih kasih dan sebagainya daripada segi kemudahan-kemudahan dan pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada produser-produser filem. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Ada lagi ke? Saya ingat dah habis dah, dalam senarai ini, *complete* dah. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Pengerusi, terlebih dahulu mewakili Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya ingin mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pembahas, mengikut rekod saya seramai 27 orang yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang berkaitan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk merujuk kepada soalan pertama daripada Yang Berhormat Kluang sebentar tadi berkenaan pengukuhan sistem arkib BERNAMA TV. Peruntukan untuk arkib BERNAMA telah diluluskan untuk menaik taraf peralatan dan sistem BERNAMA *News Channel* bagi mempertingkatkan arkib dan simpanan bahan berita untuk meneruskan kesinambungan perkhidmatan dan penyaluran berita berkualiti.

Arkib digital berita ini telah memperuntukkan keseluruhannya berjumlah RM14 juta yang dikhurasukan untuk membekalkan keperluan sistem *file base workflow* untuk penerbitan siaran

berita TV dan ia bagi kegunaan 13 stesen negeri dan ibu pejabat. Untuk peruntukan bajet tahun 2020, sebanyak RM500,000 akan dibelanjakan bagi projek awalan dan pengiklanan sebelum jumlah keseluruhan.

Selanjutnya Yang Berhormat Kluang ada bertanyakan soalan untuk meningkatkan penerbitan filem berkualiti tempatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, program FIMI sentiasa menekankan penerbitan filem tempatan yang berkualiti. Program FIMI ini akan diteruskan sehingga tahun 2020 yang mana program FIMI adalah dalam proses untuk memohon peruntukan tambahan di dalam RMKe-12 sebagai untuk meneruskan kesinambungan bagi projek-projek yang berkaitan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Jasin, Butiran 030300 - Teknologi Komunikasi iaitu isu yang dibangkitkan berkaitan pelaksanaan MSAP memberi impak kepada Telekom Malaysia yang mana pelaksanaan *double the speed and half the price* dilihat sebagai satu pendekatan yang sangat tidak bersesuaian sehingga telah memberikan impak yang tidak baik kepada Telekom Malaysia.

Yang Berhormat, pelaksanaan *Mandatory Standard on Access Pricing* (MSAP) dengan izin Tuan Pengerusi dan *double the speed and half the price* adalah salah satu daripada strategi *win-win* bagi pelesen-pelesen iaitu dengan penurunan kadar langganan jalur lebar dan peningkatan telah menyebabkan berlakunya peningkatan yang sangat ketara daripada segi *subscription* iaitu langganan kepada jalur lebar yang menunjukkan satu respons yang sangat positif daripada pendekatan yang digunakan.

Ini juga memberikan impak positif kepada pelesen-pelesen atau memberi perkhidmatan seperti pihak Telekom Malaysia. Rakyat mendapat talian jalur lebar yang lebih tinggi seperti 30Mbps dan 50Mbps dan 100Mbps pada harga serendah bawah RM80 sebulan. Melalui inisiatif ini juga...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Boleh?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, dalam soal bayaran ini, *double the speed and half the price* ini, 100Mbps ini sebenarnya sekarang ini kosnya RM110, Yang Berhormat Menteri tetapi dia punya *speed* itu berbeza. Dia bagi dua opsyen, satu 5Megahertz, yang lain satu 2Megahertz. Akan tetapi yang boleh kita akses selalu adalah 2Megahertz tetapi bayaran untuk 100Mbps. Saya minta kementerian tolong teliti perkara ini terutamanya bagi kawasan bandar, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu. Berkenaan isu tersebut, ini merupakan kali pertama saya mendengar berkenaan masalah daripada segi tawaran yang diberikan dan harga yang dikenakan kerana kalau sebenarnya betul seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu, sudah tentu kita akan meminta Telekom untuk mencari pendekatan-pendekatan yang bersesuaian bagi menyelesaikan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu itu.

Selanjutnya saya ingin meneruskan. Tuan Pengerusi, melalui inisiatif MSAP, kerajaan akan membantu pemain-pemain industri dalam usaha memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan terutama bagi kawasan di luar bandar yang kurang permintaan.

■1650

Pelaksanaan MSAP ini juga merupakan satu penurunan harga ekoran pelaksanaan adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menyediakan jalur lebar yang lebih berkualiti tinggi dan bertaraf dunia pada harga yang berpatutan. Hasil dari kajian menunjukkan bahawa harga jalur lebar telah menurun sebanyak 49 peratus dan Telekom Malaysia telah mencatat keuntungan selepas cukai dan kepentingan tanpa kawalan (PATAMI) yang berjumlah RM308.3 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac tahun 2019 dan ia telah melonjak sebanyak 96.2 peratus berbanding dengan RM157.2 juta pada suku pertama tahun 2018. Harga saham Telekom pada 26 November tahun 2019 adalah pada RM3.73.

Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga sentiasa meneliti perkembangan dari semasa ke semasa dan akan memperhalusi sebarang masalah ataupun isu-isu berkaitan yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, manakala...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, beritahu tadi syarikat Telekom Malaysia mempunyai keuntungan seperti mana dibandingkan dengan suku tahun pertama 2019 dengan suku pertama tahun 2018 tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan harga saham masih kekal di bawah paras sebelum dilaksanakan *double speed half price* ini.

Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana penghujahan saya sebentar tadi adalah bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat Dasar Telekomunikasi Negara ini? Adakah perlu dibuat tergesa-gesa dan saya tahu langkah yang dibuat ini sudah dikaji oleh Barisan Nasional terlebih dahulu tetapi kita tidak laksanakan kerana ada kepentingannya.

Di tangan saya Yang Berhormat Menteri, memorandum daripada Persatuan Kontraktor Pemasangan UniFi di mana Telekom Malaysia terpaksa bersaing dengan Maxis dan dilihat perkara ini bukan sahaja melibatkan syarikat Telekom Malaysia *per se* tetapi kontraktor-kontraktor yang berada di bawah payungan Telekom Malaysia juga mendapat impak yang amat negatif. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini harga saham akan naik dalam suku tahun kedua 2020?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar. Apa yang saya terangkan berkenaan kedudukan keuntungan dan harga saham ini adalah suatu petunjuk yang sangat positif. Kalau kita hendak pergi lebih daripada itu, saya percaya akan banyak lagi perkara-perkara lain yang perlu kita teliti berkenaan kedudukan Telekom ini.

Namun kalau hendak dikaitkan dengan kerugian Khazanah disebabkan TM dan Axiata dan langkah-langkah tergopoh-gapah oleh MCMC, ianya adalah langkah tergesa-gesa selepas pilihan raya, itu adalah tidak benar. Oleh sebab kita percaya walaupun perkara ini diusahakan oleh kerajaan yang terdahulu yang ada perkara-perkara yang kita teruskan daripada pendekatan yang sama yang digunakan oleh kerajaan terdahulu.

Kita melihat, KKMM melihat inilah satu perkara yang baik kerana kita lebih menumpukan boleh memberi lebih banyak perkhidmatan kemudahan Internet kepada rakyat berbanding dengan hanya menumpukan kepada Pusat Internet 1Malaysia misalnya. Yang mana Pusat Internet 1Malaysia ini walaupun banyak, walaupun kita nampak boleh memberi peluang yang lebih baik kepada rakyat tetapi di dalam masa yang sama Pusat Internet 1Malaysia ini juga mempunyai kelemahan yang mana apabila kemudahan itu dikongsikan ia akan menyebabkan mereka-mereka yang mendapat faedah daripada Pusat Internet 1Malaysia ini akan terjejas dari segi mutu dan kualiti penggunaannya.

Selanjutnya, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Paya Besar dan juga Yang Berhormat Jasin berkenaan harga saham TM yang didakwa turun, bahawa harga-harga saham juga tidak boleh ditolak pada hari ini adalah bersifat spekulatif di mana ia terdedah kepada kenaikan dan penurunan yang hanya disebabkan oleh faktor luaran. Jika dilihat pada harga pasaran saham semasa, lain-lain syarikat utama di Malaysia turut sama terjejas dan mengalami penurunan harga.

Di samping itu, saya percaya bahawa inisiatif-inisiatif TM terutama penurunan harga dan langganan percuma tiga bulan adalah demi menyokong inisiatif kerajaan dalam penurunan harga langganan jalur lebar di Malaysia selain menangani aduan dan ketidakpuasan hati pelanggan terutama berkaitan cabaran perkhidmatan *Streamyx* yang menggunakan *cooper*. Cabaran dalam pelaksanaan inisiatif pada masa ini diharap oleh kerajaan dapat membawa pulangan untuk jangka masa panjang kepada Telekom Malaysia Berhad di masa hadapan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Selanjutnya soalan dua Yang Berhormat Jasin berkenaan syarikat Numera yang telah dilantik untuk menyekat nombor-nombor dan apakah jaminan supaya perkara ini tidak berulang. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, SKMM telah melantik Numera untuk tujuan melaksanakan perkhidmatan bagi menyekat mana-mana telefon bimbit melalui *International Mobile Equipment Identity* (IMEI) yang hilang atau yang dicuri. Namun SKMM mendapati bahawa pihak Numera telah gagal untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin keselamatan data tersebut yang melanggar terma dan syarat perjanjian perkara ini yang masih dalam proses timbang tara.

Pada ketika ini, setiap pemberi perkhidmatan telah melaksanakan perkhidmatan menyekat IMEI untuk pelanggan-pelanggan masing-masing dan data pengguna tidak terkumpul di satu pangkalan data. Langkah ini adalah bagi mengurangkan risiko kebocoran data di masa hadapan.

Di samping itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk memajukan keselamatan data peribadi pengguna. Pematuhan standard ISO 27000 *Information Security Management System*, kod amalan am pengguna yang menekankan aspek keselamatan dan Akta Perlindungan Data Peribadi serta mengawal selia pemprosesan data peribadi.

#### ■1700

Pada masa ini, siasatan masih dijalankan untuk melihat sama ada kebocoran itu adalah disebabkan faktor dalaman seperti perbuatan khianat oleh kakitangan ataupun disebabkan oleh faktor luaran seperti aktiviti *hacking* yang telah dibuat. Untuk ini, Jabatan Perlindungan Data Peribadi telah bekerjasama dengan pihak *CyberSecurity Malaysia* (CSM) dari aspek kepakaran forensik digital. Manakala bagi kes-kes yang merupakan yang dikelasifikasikan sebagai *high profile* seperti Malindo dan Universiti Malaya, CSM telah pun bekerjasama dengan JPDB untuk memberikan perkhidmatan teknikal seperti *incident escalation* dan *server log analysis*.

CSM melalui MyCERT telah mengeluarkan nasihat berkenaan *data bridge* pada 27 September 2019. Antara nasihat adalah untuk mengemas kini peranti dan 7 perisian untuk *update* keselamatan dan juga mematuhi dasar keselamatan amaran terbaik untuk menentukan *update* yang perlu dibuat.

Selanjutnya Tuan Pengerusi, saya mohon untuk merujuk kepada soalan 2 dan 3 oleh Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai yang mana isu telah dibangkitkan berkaitan dengan keperluan untuk mengkaji semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Jabatan Perlindungan Data Peribadi sedang dalam proses kajian dan semakan semula iaitu berkaitan undang-undang yang terkandung di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagi menambah baik pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta PDP 2010, kajian semula ini mengambil kira standard antarabangsa berkaitan perlindungan data peribadi seperti di Kesatuan Eropah (EU) dengan izin Tuan Pengerusi. Antara elemen penambahbaikan terhadap Akta PDP 2010 seperti pemakaian 7 prinsip perlindungan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri. Saya tidak ada tadilah, tentang kebocoran data peribadi tadi. Sebuah syarikat Numera yang telah dilantik dan sekarang telah pun ditamatkan pelantikannya tetapi kebocoran data peribadi tersebut masih berleluasa. Ini bukan sahaja terjadi di UiTM tetapi seluruh rakyat Malaysia sebanyak 46 juta orang. Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih Yang Berhormat dengan izin Tuan Pengerusi. Berkenaan isu itu, seperti yang telah saya terangkan sebentar tadi berkaitan kedudukan syarikat Numera. Walau bagaimanapun kita tidak menolak masih ada kelemahan-kelemahan yang memerlukan penambahbaikan dalam isu-isu yang berkaitan dengan kebocoran data peribadi ini Yang Berhormat.

Cuma antara pendekatan yang sedang difikirkan oleh kementerian termasuklah untuk melakukan kajian melalui peruntukan yang ada sama ada bagi menentukan sama ada akta-akta yang terpakai untuk melindungi ataupun peruntukan undang-undang yang terpakai untuk melindungi kepentingan data-data yang bersifat peribadi ini tidak berlaku ataupun tidak bocor

dengan izin *to the public at large* dengan sewenang-wenangnya. Inilah antara perkara yang sedang diteliti dan dikaji Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu lagi saya hendak tanya tentang dasar dan juga strategi perancangan strategik kementerian terutamanya tentang dasar yang telah menyebabkan bukan sahaja satu kerugian yang besar kepada TM tetapi juga kepada semua penanam-penanam saham, tentang dasar *double the speed, half the price*. Ini yang menjadi soalan dan telah mendatangkan satu kerugian yang cukup besar bukan sahaja kepada Khazanah bahkan kepada pemegang-pemegang saham yang lain, KWSP, TNB, PNB. Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum di dalam apa juga pendekatan dalam perniagaan khususnya mempunyai risiko. Kalau kita memutuskan sesuatu perkara itu, yang baik itu ada kalanya boleh menjelaskan kepentingan sesetengah pihak yang lain.

Walau bagaimanapun saya telah menyebutkan sebentar tadi Yang Berhormat, bahawa kita mempunyai penunjuk bahawa harga saham Telekom sedang meningkat dan juga keuntungan suku tahun pertama yang diperolehi oleh Telekom adalah satu perkara yang sangat menggalakkan.

Ini saya percaya antara perkara-perkara yang sedang kita usahakan untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat penting kepada Telekom dan bahkan seperti yang disebutkan, orang-orang lain yang juga mempunyai kepentingan seperti kontraktor juga mendapat faedah daripada kebaikan yang akan diperolehi oleh pihak Telekom Malaysia.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini bukan adat perniagaan, ini dasar.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Oleh kerana tergopoh-gapah tanpa membuat perancangan, penyelidikan, seterusnya mengarahkan mandatori.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, saya memberikan analogi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** MASP.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya memberikan analogi. Analogi yang untuk Yang Berhormat fikirkan dan bandingkan. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati, saya akan beri jawapan bertulis dan panjang sedikit khas untuk Yang Berhormat Jasin, *insya-Allah*.

Saya teruskan selanjutnya. Seperti pemakaian 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang lebih jelas bukan sahaja kepada pengguna data tetapi organisasi yang telah dilantik oleh pengguna data untuk memproses data peribadi. Selain daripada itu, kajian juga akan dibuat untuk mengambil kira keperluan bagi mewujudkan semua pengguna data untuk membuat notifikasi kebocoran data kepada pihak yang berkuasa. Pihak berkepentingan lain juga akan melihat kepada hal-hal ataupun perkara-perkara subjek data yang lebih luas berkaitan dengan perlindungan data peribadi.

Selanjutnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lembah Pantai. Kerajaan sedang...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai tiada sini.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Tiada ya, saya beri jawapan bertulis. Yang Berhormat Lembah Pantai saya bagi bertulis ya. Semua bertulis ya?

**Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Yang tidak ada dalam Dewan bagi bertulis tapi kalau nak bagi bertulis semua pun okey juga. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang ada, Yang Berhormat jawablah ya.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya mengalu-alukan pandangan yang baik daripada...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Siber sekuriti Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, baik. Berkennaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, usaha kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada rakyat adalah secara berperingkat. Oleh kerana kawasan yang diperlukan bukan sahaja sangat besar terutama bagi kawasan luar bandar dan pedalaman yang memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Melalui inisiatif NFCP dengan izin Tuan Pengerusi, pelbagai projek baharu akan dilaksanakan untuk mencapai cabaran yang telah ditetapkan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Pasir Mas, tidak ada ya?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jawapan bertulis.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, saya tidak berapa sihat, tidak berapa nampak tetapi kalau ada yang membantu saya nampak.

## ■1710

**Tuan Pengerusi:** Semua bertulis, kecuali Yang Berhormat Paya Besar hendak dijawab.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** CyberSecurity?

**Tuan Pengerusi:** Yang lain semua bertulis eh.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, saya ada sedikit maklumat tambahan kepada Yang Berhormat Jasin. Berkennaan kebocoran data peribadi tadi Yang Berhormat, adalah terletak kepada pengurusan pihak yang terlibat itu sendiri. Dalam masa yang sama, tindakan boleh diambil oleh pihak kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sekiranya terdapat pelanggaran Akta Perlindungan Data Peribadi secara terang-terang. Kalau Yang Berhormat perlukan bantuan boleh berhubung dengan pihak JPDP.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri. Segamat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Apa maksud Yang Berhormat Menteri secara terang-terang?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Itu cuma *interpretation* untuk menunjukkan pelanggaran yang dilihat secara jelas bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang terpakai dan ada di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi. Kita akan ambil tindakan. Soalan lima, daripada Yang Berhormat Bintulu berkennaan dekoder-dekoder tadi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bintulu tidak ada.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Yang Berhormat Bintulu pun tidak ada? Semua yang tadi tanya tidak ada ya?

**Beberapa ahli:** Tidak ada. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong ada tetapi tidak apa lah hendak jawab bertulis pun okey.

**Tuan Pengerusi:** Secara bertulis. Tanya Yang Berhormat Paya Besar ya. Yang Berhormat Paya Besar hendak jawapan sekarang.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi, saya ingat kementerian Yang Berhormat kena buat penjelasan berkaitan 680 orang scammer itu.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Oh! Ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sebab dia menimbulkan kekeliruan. Itu sahaja okey Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab kita memahami keadaan tidak mengizinkan. Kita memahami.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Baik. Scammer itu ya.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kalau Timbalan Menteri Pendidikan dia kena jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menteri ini buki Timbalan Menteri lah. *[Ketawa]*

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Berkennaan kedudukan warga cina yang ditangkap itu, saya akan berikan jawapan itu selepas ini, selepas saya meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat selain daripada ini. Yang Berhormat Jeli pun tidak ada ya?

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. Jadi yang lain semua bertulis ya. Semua bersetuju. Yang Berhormat, yang lain semua bersetuju.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Timbalan Menteri tidak apa, bertulis semua. Kita tidak ada masalah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Semua bertulis Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kita sayang Yang Berhormat Timbalan Menteri ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Semua bertulis.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Nanti saya *prepare* kan jawapan bertulis...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Waghih den. Waghih den.*

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** ...Berkennaan kedudukan bagi mereka yang telah ditangkap ya. Baik, sekian terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Timbalan Menteri, tambahan sedikit. Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dah lah, kasihan Timbalan Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sedikit. Sedikit.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Waghih den ini. Waghih den ini. Waghih den ini.*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Ini bukan hendak tulis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Waghih den ini.*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Menteri, sedikit sahaja. Timbalan Menteri, saya dapati banyak...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sembang luar lah Yang Berhormat Padang Serai. Sembang luar.

**Tuan Pengerusi:** Bagi peluang pada Yang Berhormat Padang Serai dulu.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Ini tidak boleh sembang, ini perlu dibetulkan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sembang luar lah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Di bangunan-bangunan kerajaan, tadi dia orang banyak *complain* tentang bendera. Apa saya dapati di banyak bangunan kerajaan, pasang bendera mengikut suka hati. Tidak ikut protokol. Kadang-kadang, negeri di taruk sebelah kiri, sebelah kanan taruk dia punya *department*. Sepatutnya, bendera Malaysia tengah, sebelah kanan negeri, sebelah kiri *department*. Banyak kali saya sudah buat teguran-teguran tiap *building* kerajaan. So, kita perlu ada satu sistem, sebab kita tidak hormat bendera, siapa hendak hormat? Protokol mesti mahu ada dalam ikatan bendera bukan suka hati boleh ikat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu PH lah. Itu DAP lah punya pasal.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya minta pihak kementerian keluarkan satu arahan ataupun satu cara untuk mereka memasang bendera. Kalau tidak, siapa-siapa tangkap gambar dan sebagainya. Terutama sekali sebelah sana, dia orang suka tangkap gambar *viral* kan. Itu pasal saya beritahu Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan menangis.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Minta izin Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya ambil maklum dan kita akan cuba bertindak mengikut kesesuaian.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau ini tidak jawab. Arau.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi:** Kita dah putuskan semua jawapan. [*Tidak jelas*]

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Waghih* kita itu Yang Berhormat Arau.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Dah *rulling*. Dah *rulling*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Waghih* kita itu. *Waghih den. Waghih den.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey. Okey Yang Berhormat tidak apa. Saya tidak ganggu Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab bertulis ya. Okey.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bye, bye.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat jawab bertulis. Lagi satu ini pasal kes bendera yang di...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ada juga. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...yang dibubuh lima bintang itu.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya ambil maklum Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Bertulis ya bertulis.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Hal! Dengar, Timbalan Menteri pun duduk menjawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya doakan Yang Berhormat sihat walafiat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,137,926,400 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,137,926,400 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM813,500,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM813,500,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]*

#### **Maksud B.48 [Jadual] -**

#### **Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih kepada semua. Sekarang kita teruskan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Timbalan Menteri jaga kesihatan ya. *Waghih den.*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Di sebelah PH ada? Ya, silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebelah kami siapa? Ini mana Timbalan Perdana Menteri. Siapa hendak jawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tampin.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oh! Makcik? Okey. *No problem.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bandar Kuching. Baik, silakan Yang Berhormat Tampin dulu. Tujuh minit saya ingatlah. Okey. Tujuh minit untuk semua. Tidak sempat.

### 5.17 ptg.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk Butiran 020100 iaitu berhubung kait dengan kebajikan masyarakat. Perkara ini adalah perkara yang, isi ini bukanlah suatu isu yang baharu. Malah ianya kerap berlaku kepada masyarakat kita. Persoalan yang saya hendak timbulkan ialah apakah inisiatif oleh pihak kementerian dalam menggalakkan penubuhan taman-taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja sama ada di pejabat-pejabat kerajaan ataupun di pejabat-pejabat swasta?

Inisiatif dalam mensasarkan untuk meluaskan penubuhan taska lebih daripada 150 tempat di tempat kerja sektor awam merupakan usaha yang sangat baik daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Cumanya, kita hendak bertanya tentang pencapaian dan juga sasaran yang akan dilakukan? Bilakah tarikh akhir pencapaian untuk menubuhkan pusat-pusat ataupun taman asuhan kanak-kanak itu yang hendak dilaksanakan sama ada di jabatan kerajaan ataupun di syarikat-syarikat swasta?

Soalan yang lain, apakah usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menangani isu menyalahgunakan prasarana orang kurang upaya seperti lif, kawasan parkir dan tandas yang sudah dikhaskan kepada mereka tetapi diguna pakai oleh orang-orang yang sihat dan segar bugar dan sejauh mana penguatkuasaannya?

### ■1720

Tempat-tempat yang dikhaskan, parkir-parkir yang dikhaskan kepada orang kurang upaya ini telah digunakan oleh orang yang sihat dikuatkuasakan dari segi aspek undang-undangnya. Apakah ia telah dilaksanakan ataupun bagaimana ia ditentukan untuk kita memastikan bahawa supaya kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan, dikhaskan kepada orang yang kurang upaya ini tidak disalahgunakan.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 020200 – Pembangunan Wanita, di mana anggaran peruntukannya meningkat kepada RM26 juta berbanding pada RM23 juta pada tahun 2019. Soalnya jika kita lihat masyarakat sering kali mempunyai persepsi yang salah terhadap konsep kesaksamaan gender dan ia kurang diketahui umum. Justeru itu bagaimana pihak kementerian berhasrat untuk mendidik masyarakat serta menerapkan konsep kesaksamaan gender yang selari dengan pembangunan wanita dalam kalangan masyarakat dan juga sesuai dengan negara kita sebagai sebuah negara Islam.

Walaupun Malaysia sedang melalui kemajuan yang memberangsangkan dalam mencapai matlamat pembangunan mampan, masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki terutamanya dalam mencapai matlamat kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita. Negara kita mempunyai tanggungjawab sosial dan moral untuk mempromosi dan melindungi hak-hak wanita. Ini memerlukan kerjasama, pembabitan daripada semua lapisan masyarakat termasuk

daripada pihak swasta, NGO, pihak awam dalam mendidik golongan masyarakat. Namun pihak kementerian seharusnya mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk kita memastikan bahawa tidak ada suatu perkara yang boleh menyebabkan suatu penindasan terhadap kaum wanita.

Sejauh mana negara kita untuk mencapai gagasan untuk memastikan kedudukan wanita 30 peratus di dalam semua aspek pekerjaan dan juga dalam semua perkara yang telah kita tentukan.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah Butiran 020400 - Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Banyak perkara yang telah dilaksanakan dan juga banyak program-program yang telah dilakukan. Namun banyak lagi perkara-perkara yang perlu dibuat lebih-lebih lagi apabila negara kita dilihat sebagai akan menempuh sebagai sebuah negara tua pada tahun 2030.

Apakah perancangan yang hendak dilakukan oleh kementerian untuk kita menangani masalah itu? Bagaimana kita hendak memastikan bahawa negara kita apabila berhadapan dengan negara yang dilihat sebagai negara tua untuk kita memastikan bahawa negara kita sentiasa produktif untuk kita melaksanakan ataupun untuk kita menjadi sebuah negara yang lebih baik pada masa akan datang.

Begitu juga perkhidmatan yang disediakan oleh LPPKN. Ini amat penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Khidmat seperti kaunseling dan juga Pusat Keluarga Bergerak sepatutnya diperluaskan dan dipromosikan oleh kementerian. Oleh sebab itu untuk memastikan lebih ramai pihak terutamanya masyarakat di luar bandar mampu memanfaatkan program yang ditawarkan oleh LPPKN.

Perkara yang keempat yang saya hendak sentuh ialah Butiran 031500 - Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Peruntukan yang diberikan ialah saya fikir amat sedikit, perlu ditambah lebih-lebih lagi negara kita akan berhadapan dengan negara yang dilihat sebagai negara tua. Jadi oleh sebab itulah pusat PAWE ataupun Pusat Aktiviti Warga Emas ini harus digerakkan, harus dipertingkatkan dan wajar diperkuatkan supaya negara kita tidak berhadapan dengan masalah-masalah yang tidak sepatutnya. Walaupun peruntukan PAWE ini bertambah, namun ia saya yakin dan percaya banyak negeri-negeri di negara kita ini memerlukan pusat PAWE ini supaya lebih bergerak aktif, lebih bergerak maju supaya golongan yang telah termasuk di dalam warga emas ini tidak ditinggalkan dalam masyarakat.

Perkara yang terakhir yang saya hendak sentuh ialah Butiran 02000 – Rumah Perlindungan Khas. Di mana peruntukan tahun depan meningkat sebanyak 89 peratus lebih tinggi daripada tahun sebelumnya di mana penghuni yang berada di dalam Rumah Perlindungan Khas Wanita ini ialah penghuni wanita yang telah diberi perintah perlindungan interim. Jadi saya yakin dan percaya sudah pastilah banyak perkara yang perlu dilaksanakan, bagaimana ia hendak dilaksanakan dan juga apakah program-program yang boleh membantu mereka untuk menyelesaikan ataupun untuk memperbaiki kehidupan mereka pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Penggerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang Yang Berhormat Parit Sulong, silakan.

### 5.26 ptg.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 00300 - Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Bagi butiran LPPKN ini saya hendak cuma bertanya berapa banyak jumlah wanita yang menggunakan khidmat LPPKN untuk merancang keluarga sepanjang tahun lepas? Sejauh manakah dana yang diperuntukkan bagi tujuan merancang keluarga ini digunakan secara optimum memandangkan majoriti service tersebut telah disediakan juga di klinik-klinik kesihatan ibu dan anak.

Seterusnya mengenai vaksin HPV untuk wanita. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian untuk tahun ini berapa banyak dana yang telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Ini kerana saya melihat dana untuk vaksin HPV daripada setahun ke setahun semakin menurun. Daripada awal pengenalannya pada tahun 2012, Kerajaan BN memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk tujuan ini tetapi pada tahun lepas hanya sebanyak RM5 juta sahaja. Apakah penurunan ini kerana jumlah wanita yang mengambil suntikan telah terlampaui kecil dan tidak mencapai sasaran kementerian. Saya juga ingin bertanya sepanjang tahun lepas berapa ramaikah wanita yang telah mengambil suntikan HPV di bawah LPPKN?

Seterusnya ke Butiran 00800 - Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah. Bagi butiran ini saya melihat peruntukan yang diberikan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM4.4 juta berbanding RM500,000 sahaja pada tahun sebelumnya. Pertamanya saya ingin mengalu-alukan penambahan ini dan sememangnya RM500,000 tidak cukup dan malah tidak logik untuk dibahagikan kepada kesemua pejabat-pejabat kebajikan masyarakat negeri dan daerah. Jadi saya ingin bertanya daripada jumlah RM4.4 juta itu berapa banyakkah dana yang diperuntukkan bagi setiap negeri maupun daerah.

Saya hendak membangkitkan satu isu di kawasan, saya telah menerima satu aduan daripada orang kawasan yang memerlukan Wang Bantuan Orang Terlantar. Ia bukannya – permohonan ini bukan hanya daripada seorang tetapi daripada ramai yang merasakan bahawa mereka telah pergi ke kaunter pendaftaran di JKM di setiap daerah tetapi diminta pulang dengan alasan permohonannya tidak dibenarkan dengan alasan wang bantuan kebajikan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat telah habis. Jadinya saya kira ini satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Jadi saya ingin bertanya apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian bagi menentukan jumlah peruntukan yang akan diagih bagi setiap pejabat daerah. Adakah ia dibagi sama rata atau mengikut jumlah golongan B40 ataupun kelompok asnaf yang berdaftar dengan e-Kasih di setiap daerah dan seterusnya berlaku lagi senario kekurangan dan kehabisan dana di pejabat daerah. Apakah pelan B yang disiapkan oleh pihak kementerian bagi memastikan rakyat yang memerlukan tidak dinafikan haknya.

**■1730**

Semasa perbahasan dasar yang lepas, saya ada bangkitkan mengenai satu bencana ribut di kawasan saya pada 21 Oktober yang lepas. Kejadian ribut ini telah menjelaskan 245 keluarga dan saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah membuat pengumpulan data bagi mereka yang terlibat. Saya juga dimaklumkan bantuan awal juga telah diagihkan. Soalan susulan saya ialah, bilakah pula bantuan jangka panjang atas penilaian kerosakan rumah-rumah akan dibuat sebab kasihan saya tengok ada sesetengah rumah, sudah tercabut dia punya bumbung, yang sampai sekarang dekat sebulan tidak dilakukan apa-apa dan mereka terpaksa menumpang di rumah orang lain.

Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Ini mengenai status i-Suri. Jika tahun lepas, semasa pembentangan Bajet 2019, Menteri Kewangan ada memperuntukkan RM45 juta untuk tujuan i-Suri. Akan tetapi pada tahun ini, saya melihat Menteri hanya menyebut mengenai inisiatif KWSP yang memberi suami pilihan untuk mencarum dua hingga 11 peratus secara sukarela ke akaun KWSP mereka. Tidak ada sebutan mengenai sumbangan kerajaan ke dalam akaun i-Suri. Adakah – soalannya ini bermakna yang tahun ini tiada peruntukan untuk i-Suri yang sebanyak RM50 daripada kerajaan?

Saya masih belum faham lagi bagaimana caruman PERKESO untuk suri rumah itu akan dilaksanakan kerana kita faham tuntutan PERKESO ini adalah berkaitan kecederaan yang berlaku semasa bekerja. Jadi untuk suri rumah, apakah bentuk kerja yang diguna pakai? Apakah jenis kecederaan yang boleh dituntut oleh suri rumah di bawah inisiatif ini? Saya minta kementerian mengeluarkan satu *guideline* yang lebih jelas mengenai caruman PERKESO untuk suri rumah ini yang lebih terperinci. Adakah mereka ini layak kerana skop suri rumah yang jauh berbeza dengan skop kerja dengan pasaran buruh?

Seterusnya Butiran 032000 – Anjung Singgah. Sehingga Januari, berapa ramai kah individu yang mendapat manfaat daripada penubuhan Anjung Singgah di seluruh negara? Berapakah jumlah yang berdaftar dengan pusat transit gelandangan sejak ia dibuka pada 10 Februari 2019? Apakah khidmat tambahan yang disediakan bagi meningkatkan kebolehpasaran penghuni Anjung Singgah sebagai persiapan sebelum mereka melalui proses temu duga oleh majikan yang secara langsung akan membantu meningkatkan peluang mereka untuk bekerja.

Saya melihat ada juga golongan gelandangan yang mempelajari kemahiran yang membolehkan mereka berdikari dan menggunakan sijil tersebut. Apakah tindakan pihak kementerian jika penghuni Anjung Singgah ini mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi? Sejauh mana kementerian mempertimbangkan untuk melantik mereka yang berkelayakan untuk menjadi mentor atau tenaga pengajar di Anjung Singgah bagi melatih dan mendidik penghuni dan kemahiran yang bersesuaian? Apakah langkah-langkah lain yang diambil untuk menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan kah, korporat kah, NGO kah untuk menyumbang kepada Yayasan Kebajikan Negara untuk melaksanakan program khusus kepada golongan yang memerlukan.

Yang terakhirnya adalah Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas. Berapakah jumlah yang berdaftar dengan PAWE? Berdasarkan Laporan Penilaian Outcome PAWE 2016 yang dijalankan oleh JKM melibatkan seramai 702 warga emas dan 45 orang PAWE mendapat 97.4 peratus warga emas yang mengikuti aktiviti PAWE berpuas hati dengan aktiviti yang disiapkan.

Jadi soalan saya, selain daripada penubuhan PAWE, apakah inisiatif lain yang diusahakan oleh kementerian untuk memastikan kebajikan warga emas sentiasa terpelihara? Apakah bentuk galakan yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan warga emas terutamanya golongan warga emas melibatkan diri dengan aktiviti penuaan aktif? Menerusi PAWE, sejauh manakah kementerian telah mengkaji dan mengolah pengisian program sedia ada agar ia menjurus kepada aspek keagamaan, rekreasi, terapi dan juga pemulihan? Itu sahaja lah Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Selepas itu Yang Berhormat Rantau Panjang.

### 5.36 ptg.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020400 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya nampak ada sedikit peningkatan dalam butiran ini dan saya menyambut baik kerana ini adalah agensi yang sangat penting untuk memainkan peranan dalam mempromosikan kepentingan institusi kekeluargaan dan juga kepentingan keluarga sebagai unit asas setiap negara.

Saya tahu ini bahas dalam jawatankuasa tetapi saya hendak sentuh sedikit tentang dasar. Saya sebenarnya hendak mencadangkan supaya LPPKN ini lebih memperbanyakkan program kesejahteraan mental disebabkan peningkatan yang kita lihat di seluruh negara. Kita tahu baru-baru ini ada satu bintang k-pop yang juga telah mengambil nyawa sendiri. Ini mungkin akan menyebabkan apa yang kita panggil *contagion* di mana mana-mana pihak yang ada pemikiran atau *any suicidal ideas* dalam pemikiran mereka, apabila melihat seseorang yang terkemuka atau seseorang yang mereka kenali membuat perbuatan tersebut. Ini akan memberikan keberanian kepada mereka dan kita dapat melihat di negara kita dan juga di Sarawak, sekarang ada peningkatan isu-isu ini disebabkan kes bunuh diri yang berlaku awal tahun ini.

Jadi saya hendak menyeru agar jabatan ini akan membuat lebih banyak program seperti ini untuk mengajar keluarga, bukan sahaja tentang *awareness*, tetapi untuk membina satu *resilience community* di mana setiap keluarga memainkan peranan yang penting sebagai *gatekeeper* di mana keluarga sendiri, mereka dapat mengenal pasti simptom yang ada, dapat memberikan sokongan yang sepatutnya dan jika diperlukan, buat satu *referral*, untuk bantuan profesional yang ada.

Kementerian mungkin dapat buat satu program atau pakej atau satu kurikulum untuk melatih keluarga tersebut dan kita boleh belajar dari satu contoh di negara Zimbabwe di mana Zimbabwe ia sebenarnya adalah negara yang tertinggi kalau kita lihat kes bunuh diri. Akan tetapi dengan satu inisiatif yang mereka lakukan yang dipanggil “*grandma bench*” di mana mereka melatih nenek-nenek yang ada di setiap komuniti, di setiap kampung yang ada untuk menjadi *gatekeeper* untuk menjadi dorongan, memberi nasihat, memberi sokongan, memberi kasih sayang dan kita melihat dalam beberapa tahun sahaja, kes *depression symptom* telah berkurang sebanyak 85 peratus.

Jadi saya memang melihat setiap orang memainkan peranan yang penting terutamanya keluarga. Jadi kita harap LPPKN boleh melihat model ini dan juga buat di negara kita.

Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan juga Butiran 01000 – Pusat Jagaan Harian Warga Tua. Kita tahu kawasan saya Bandar Kuching juga satu kawasan komuniti yang semakin tua. Jadi saya hendak bertanya, apakah rancangan kerajaan untuk menghadapi apa yang kita panggil *silver tsunami* ini, terutamanya menjelang tahun 2030. Bagaimana fasilitasi ini dapat ditambahkan di setiap kawasan di seluruh Malaysia, mahupun di kawasan saya dan bagaimana kita dapat mengelakkan *abuse* yang sering kali berlaku di kawasan atau di pusat jagaan ini? Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi isu ini?

Dalam Butiran 032000 – Anjung Singgah. Sebenarnya saya hendak bertanya tentang satu fasilitasi iaitu Anjung Kasih yang biasanya diwujudkan di kawasan persekitaran hospital untuk ahli keluarga yang datang untuk tinggal apabila ada ahli keluarga yang sakit. Saya membawa satu kes yang spesifik atau terperinci di kawasan *Sarawak General Hospital* atau Hospital Besar di Kuching. Kita tahu ini bukan sahaja di Kuching tetapi di seluruh negara, tempat untuk Anjung Kasih memang tidak cukup.

Akan tetapi untuk di Sarawak, disebabkan Hospital Kuching adalah satu-satunya hospital ‘*tertiary*’ di seluruh Sarawak yang besarnya hampir besar Semenanjung. Banyak orang dari kampung, apabila ada seorang ahli keluarga yang sakit, mereka terpaksa datang ke Kuching. Satu kampung datang ke Kuching untuk jaga dan mereka tidak ada tempat tinggal disebabkan mereka miskin.

Apabila mereka datang ke hospital, mereka terpaksa berhenti kerja - tanaman mereka berhenti kerja, mereka tidak ada duit. Jadi kebanyakan sekarang isunya banyak mereka sekarang tidak ada tempat tinggal, mereka tinggal di lantai, di luar ICU, atau di luar wad tersebut. Ada sebenarnya beberapa NGO yang menyediakan tempat tinggal yang tidak berapa jauh dari hospital tersebut, tetapi apabila saya bertanya kepada mereka, mereka selalu cakap, “*Saya muh dekat dengan keluarga saya. Kalau saya jauh, saya tidak ada duit nak ambil bas kah atau ambil van datang ke hospital semula*”.

#### ■1740

Jadi memang Anjung Kasih ada di Hospital Kuching tetapi saya berharap ia dapat ditambahkan. Saya sebenarnya ada satu *proposal*, sekarang Sarawak General Hospital sedang melalui penambahbaikan dan pembinaan blok *parking* kereta dan juga sebahagian adalah satu

blok hotel. Saya tahu ini satu konsesi bersama dengan syarikat swasta tapi sebenarnya saya telah berbincang dengan pihak pegawai dari kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya berharap kementerian juga dapat membuat satu persetujuan atau kerjasama dengan syarikat swasta tersebut.

Mungkin sebahagian daripada blok hotel yang mereka ingin bina tersebut kita buat satu projek CSR. Di mana syarikat tersebut akan menyediakan tempat tersebut mungkin membuat pengubahsuaian untuk membuat satu macam *bunk beds* untuk mereka tinggal seperti hostel. Jika boleh kementerian boleh memberikan peruntukan untuk *upkeep*, untuk proses mengendalikan tempat tersebut, mungkin untuk mencuci selimut, mencuci bantal, *bed cover* semua itu *and also* untuk mengupah orang untuk menjaga kawasan itu.

Jadi, kita boleh buat satu persetujuan atau satu kerjasama bersama dengan pihak swasta untuk menjaga kepentingan ahli keluarga yang datang ke hospital tersebut. Hal ini kerana apabila mereka tidur di lantai bukan sahaja mereka terdedah kepada cuaca sejuk atau panas tetapi keselamatan mereka juga terjejas. Banyak kes-kes kecurian yang orang datang curi *handphone*, curi duit kecil dari orang yang miskin ini. Jadi sebanyak mana kita letak CCTV pun kita tidak dapat mengatasi masalah ini.

Jadi memang langkah jangka masa panjang yang paling baik kita dapat menyediakan lebih banyak kawasan untuk tempat tinggal mereka untuk tempoh tersebut. Dengan itu, sekian terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang, selepas itu Yang Berhormat Tebrau.

#### **5.42 ptg.**

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Menyentuh Maksud Bekalan 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya mengambil Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya. Sebagaimana dalam Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya, telah mewujudkan satu entiti iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya dan juga satu entiti lagi, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya.

Saya ingin tahu, setakat ini apakah pencapaian yang telah dicapai dalam kedua-dua entiti ini dan apakah cabaran yang dihadapi setakat ini? Apakah usaha kementerian untuk memastikan setiap fungsi yang telah termaktub dalam majlis ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin?

Saya ingin tahu juga, berapakah jumlah OKU berdaftar setakat ini dan berapa ramai kah di kalangan mereka yang masih belum berdaftar? Apakah penyelarasan dibuat antara agensi dan kementerian untuk memastikan pendaftaran ini dibuat secara automatik, sejak lahir terutama bagi OKU yang lahir lagi dalam bentuk OKU. Sepatutnya maklumat ini dapat diselaraskan melalui jabatan dan agensi antara kementerian. Begitu juga berapa ramai lagi mereka yang belum berdaftar, yang masih lagi dalam anggaran pihak kementerian?

Saya ingin tahu juga, apakah usaha untuk mengangkat suara ataupun memperkasakan suara golongan kurang upaya ini seperti melantik mereka di Dewan Undangan termasuk Senator dan sebagainya. Jadi apakah cadangan pihak kementerian setakat ini? Saya ingin tahu sejauh mana pelaksanaan dasar berhubung dengan golongan OKU ini diterapkan terutama dilaksanakan termasuk di bawah sektor awam ataupun swasta.

Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah OKU yang bekerja setakat ini dan berapa peratus kah penglibatan mereka sama ada di sektor awam atau swasta? Apakah usaha untuk meningkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat terutama kepada majikan dan golongan yang berkepentingan supaya mereka mempunyai kesedaran sosial yang tinggi dan rasa simpati, kasih dan hormat kepada hak dan maruah golongan OKU ini. Kita sebagai masyarakat Malaysia seharusnya prihatin dan penyayang terhadap golongan ini.

Jadi, apakah program pembangunan dan latihan yang berterusan kepada golongan ini termasuk juga bidang profesional supaya mereka boleh berperanan dalam membangunkan negara. Apakah peluang-peluang pekerjaan yang dibuka kepada golongan ini dan usaha untuk meningkatkan kerjaya mereka dalam pasaran buruh untuk membolehkan golongan ini dapat tempat di dalam sektor pekerjaan sama ada awam ataupun swasta.

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) iaitu saya ingin tahu berapakah jumlah pusat pemulihan dalam komuniti yang ada setakat ini dan saya ingin tahu berapakah peruntukan yang diberi kepada setiap PDK yang telah diwujudkan? Kita dapat bagaimana dalam Bajet 2020 pengurangan bajet iaitu pada tahun 2020 peruntukan hanya RM85.46 juta sedangkan tahun 2019 sebanyak RM91.648 juta, pengurangan RM6 juta daripada peruntukan PDK ini.

Saya ingin tahu, kenapa peruntukan ini dikurangkan sedangkan kita dapat isu yang berlaku di bawah, banyak masalah-masalah yang membabitkan masalah PDK termasuk pengurusan. Ada makluman yang kita terima mereka terpaksa menggunakan duit sendiri untuk kos rawatan terutama memantau pelatih-pelatih yang kurang upaya, yang mempunyai penyakit yang spesifik yang perlu dipantau di rumah. Begitu juga mereka terpaksa menggunakan duit sendiri untuk kos pengurusan pejabat, membeli peralatan pejabat dan ada di kalangan mereka terutama petugas-petugas baru, pekerja-pekerja baru di pusat PDK ini yang tidak mendapat latihan yang secukupnya.

Jadi saya ingin tahu apakah usaha kementerian untuk meningkatkan lagi, memperkasakan PDK ini supaya mereka mendapat peruntukan yang secukupnya dan dapat memberi latihan yang berterusan terutama bagi pekerja-pekerja di sepanjang tahun. Apakah bentuk geran yang disediakan oleh pihak kerajaan terutama kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Jadi sebanyak mana geran diberi setiap tahun dan apakah kejayaan dan peranan yang telah dimainkan oleh badan sukarela ini dan apakah pemantauan yang dibuat untuk memastikan agensi-agensi di bawah kementerian ini untuk dapat bersama-sama membantu memperkasakan Pertubuhan Sukarelawan sebagai rakan strategik dalam memperkasakan OKU.

Kita mengharapkan usaha ini dapat diteruskan secara berterusan untuk merealisasikan OKU supaya mereka dapat diperkasakan sama ada dalam bentuk komoditi ataupun dalam sudut perundangan. Seterusnya saya menyentuh Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya ingin tahu apakah inisiatif kementerian terutama galakan pendaftaran taska ataupun taman asuhan kanak-kanak supaya pemantauan di taska dapat dilakukan demi kebajikan dan keselamatan mereka dalam usaha mengurangkan kes penderaan kanak-kanak di pusat asuhan kanak-kanak.

Jadi, saya ingin data pusat asuhan kanak-kanak dan berapakah kes penderaan setakat ini dan apakah usaha untuk mengatasi isu seumpama ini supaya tidak terus berlaku. Seterusnya saya menyentuh Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Berkaitan dengan isu perkahwinan bawah umur, bagaimana hak menangani peningkatan perkahwinan bawah umur di kalangan umat Islam terdapat SOP nya melalui Mahkamah Syariah.

Saya ingin tahu, apakah bentuk kawalan kelahiran anak tidak sah taraf yang melibatkan remaja, yang melibatkan agama *non-Muslim* bagi mereka yang bukan Islam. Apakah bentuk SOP? Kalau orang Islam ada Mahkamah Syariah jadi bagaimana untuk memantau terutama bagi perkahwinan bawah umur yang melibatkan *non-Muslim* untuk yang boleh kita kawal. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang Butiran 020300 – Institut Sosial Malaysia (ISM). Saya ingin tahu sejauh mana peranan yang dimainkan oleh institut ini terhadap pembangunan sosial di Malaysia dan sebagaimana yang kita ketahui ISM ini telah beroperasi selama 17 tahun sejak daripada tahun 2002 lagi. Jadi, apakah pencapaian dan kejayaan yang dicapai dan apakah usaha kerajaan untuk memperkenalkan ISM ini kepada masyarakat agar fungsinya dapat dimanfaatkan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, iaitu saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 031400 iaitu berkaitan dengan membanteras pemerdagangan orang yang kita melihat berlaku penurunan peruntukan RM1.6 juta. Dalam kata ini Malaysia dianggap sebagai sebuah negara destinasi transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia dan Malaysia juga tidak dapat mengelak daripada menjadi negara sumber iaitu mendapat tumpuan sedikit untuk mencari individu ataupun kumpulan manusia yang menjadi mangsa. Malaysia sering dijadikan sebagai negara destinasi kerana perkembangan ekonomi yang pesat di samping kemakmuran di kecapi, mungkin inilah yang di ambil peluang oleh pihak-pihak musuh yang menganggap suasana ini berlaku di Malaysia.

#### ■1750

Keadaan ini sebenarnya mencalar imej manusia di mata dunia. Jadi saya ingin tahu apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya isu ini dapat dibanteras dan apakah usaha memerangi pemerdagangan orang dari segi aspek iaitu pendakwaan perlindungan dan pencegahan yang ada setakat ini mencukupi ataupun memuaskan dan apakah usaha dan langkah pro aktif termasuk juga SUHAKAM yang boleh bertindak sebagai sebuah institusi menjaga hak asasi manusia dalam menangani isu ini.

Akhirnya iaitu berkaitan dengan 031500 - PAWE, merujuk pada butiran ini, Pusat Aktiviti Warga Emas dan *Home Help* - 031700. Saya mengucapkan tahniah di atas kepekaan kerajaan terhadap warga emas. Negara akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Jadi saya ingin tahu apakah jaminan kerajaan dengan penambahan 15 peratus pada tahun akan datang ini, program-program ataupun infra-infra yang perlu untuk kemudahan golongan warga tua ini dapat disediakan. Begitu juga adakah kerajaan merasakan dengan peruntukan yang begini kecil, yang semakin berkurang ini mencukupi untuk program-program yang akan dilaksanakan.

Bagi mengatasi terutama kes pengabaian dan penderaan terhadap warga emas, adakah PAWE bercadang untuk mengadakan kerjasama iaitu kerjasama strategik terutama dengan Pusat Aktiviti Warga Emas yang sedia ada seperti di pondok warga emas, begitu juga di masjid ataupun program-program yang dilaksanakan oleh pihak swasta untuk sama-sama memajukan pusat warga emas terutama bagi umat Islam.

Jadi saya ingin tahu apakah perancangan terbaru dalam memastikan, memperkasakan Program PAWE untuk masa depan. Itu saja kerana masa tidak mengizinkan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau, selepas itu Yang Berhormat Bera.

### 5.52 ptg.

**Tuan Steven Choong Shieu Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk menyertai perbahasan Bekalan 48. Perkara-perkara yang saya akan sentuh tidak banyak, hanya tiga perkara. Saya bermula dengan Butiran 020100, Kebajikan Masyarakat. Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan isu ini berkenaan dengan bantuan kebajikan yang disalurkan kepada pemohon-pemohon yang layak untuk dapat bantuan. Saya terdapat apa bantuan amaun yang disalurkan selama ini tidak selaras dengan kos sara hidup yang semakin meningkat sudah lama. Jadi saya berharap pihak kerajaan akan pertimbangkan lagi macam mana kita boleh meningkatkan amaun untuk disalurkan kepada pemohon-pemohon yang layak supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang lebih selesa.

Seterusnya saya ingin sentuh Butiran 031000 dan juga 030900 mengenai sosio ekonomi kurang upaya, sosioekonomi warga emas. Saya ingin bertanya kementerian sejauh manakah langkah-langkah telah diambil untuk mengawal selia semua pusat-pusat penjagaan OKU dan juga warga emas yang diuruskan oleh swasta atau badan-badan yang secaraanya untuk berusaha dengan kutipan derma dari orang awam.

Saya dimaklumkan oleh orang awam ada banyak pusat-pusat yang diwujudkan khususnya untuk tujuan untuk dapat keuntungan dengan ambil kesempatan terhadap simpati penderma terhadap orang yang kurang upaya dan juga warga emas. Jadi saya berharap pusat-pusat sedemikian dapat dikawal dengan baik supaya orang awam tidak diambil kesempatan dengan apa niat yang tidak sewajarnya.

Butiran yang terakhir saya hendak sentuh adalah di bawah projek 00800 - Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri atau Daerah. Saya sendiri ada melawat banyak tempat khususnya pusat JKM di beberapa daerah dan juga kawasan. Saya dapat ada yang terletak di kawasan yang tidak sesuai kerana biasanya pemohon harus untuk hadir untuk ditemu duga dengan pegawai. Tapi pejabat JKM terletak di tingkat 6 atau di tempat yang tidak ada kemudahan untuk orang yang kurang upaya yang memerlukan kerusi roda.

Seperti contoh pejabat JKM Daerah Johor Bahru, terletak di tingkat 6. Ruang *reception* dengan izin sangat sempit. Kalau ada lima atau enam orang yang datang dengan kerusi roda, memang itu sudah memenuhi ruang itu dan pemohon lain atau pelawat lain kena berdiri di ruang yang terletak di luar pejabat JKM. Jadi saya berharap kementerian ambil perhatian dalam perkara ini kerana pejabat JKM adalah satu tempat yang sepatutnya untuk memudahkan atau menjaga warga yang kurang upaya atau kurang nasib.

Tapi kita tidak letak kepentingan atas kemudahan yang memudahkan mereka untuk datang untuk dapat perkhidmatan dari pejabat JKM. Itu saja dari Yang Berhormat Tebrau. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bera. Selepas itu Yang Berhormat Limbang.

### 5.58 ptg.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 - Kebajikan Masyarakat iaitu di bawah gelandangan. Gelandangan bukan merupakan satu fenomena baru kepada kita Malaysia dan ianya merupakan fenomena yang biasa juga di negara-negara maju. Pada tahun 2016, sebuah Pusat Transit Gelandangan telah dibina oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menempatkan gelandangan secara sementara. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kerjasama yang dilakukan oleh pihak kementerian bersama dengan Kementerian Wilayah untuk membantu gelandangan-gelandangan yang ditempatkan sementara ataupun di pusat transit.

Isu gelandangan sebenarnya tidak boleh selesai dengan hanya membina pusat-pusat transit ataupun rumah-rumah transit untuk mereka. Pihak kerajaan perlu melihat dari segi punca kepada masalah gelandangan ini berlaku. Antara puncanya adalah kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan ataupun mereka mempunyai pekerjaan tetapi dibuang kerja ataupun pendapatan yang mereka perolehi tidak mencukupi untuk mereka menyewa rumah dan sebagainya.

Sebab itulah akhirnya mereka terpaksa tinggal di bawah jambatan dan sebagainya kerana tidak ada pilihan. Jadi yang perlu diberikan fokus kepada kementerian adalah bagaimana hendak mendapatkan pekerjaan bagi mereka. Saya ingat, masih ingat lagi *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia bahawa kini terdapat 600,000 pekerjaan yang belum diisi. Makna, begitu banyak pekerjaan.

**■1800**

Jadi saya harap pihak kementerian bekerjasama dengan pihak Kementerian Sumber Manusia untuk mencari peluang pekerjaan yang disebutkan tadi yang masih lagi kekosongan. Begitu juga dari segi latihan, latihan-latihan perniagaan perlu diberikan kepada masyarakat gelandangan ini, kursus-kursus untuk perniagaan dan sebagainya mesti diberikan kepada mereka.

Dahulu waktu kementerian lama di kementerian saya dahulu Kementerian Luar Bandar di bawah GIATMARA misalnya. Kita melatih para gelandangan ini dengan program-program kursus pendawaian dan sebagainya dan mengharapkan mereka selepas itu boleh mendapat pekerjaan dan sebagainya.

Jadi saya harap pihak kementerian melihat isu gelandangan ini bukan setakat menyediakan perumahan, menyediakan pusat transit untuk mereka tetapi juga mendapatkan pekerjaan dan menyediakan latihan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat boleh tidak bawah gelandangan? Apakah Yang Berhormat hendak masuk bawah dalam ucapan Yang Berhormat gelandangan yang diperniagakan mereka bukan menggunakan peminta sedekah ini untuk meminta-minta tetapi ada orang di belakangnya yang menguruskan benda tersebut. Jadi gelandangan yang dikomersialkan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. saya masukkan dalam ucapan saya dan mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya ya.

Keduanya Butiran 030400 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Saya ingin tanya apakah yang dilaksanakan oleh kerajaan? Selain daripada pemberian wang, apakah latihan-latihan yang pernah diberikan oleh kerajaan lama melalui 1Azam dan sebagainya diteruskan? AZAM Tani bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani misalnya diteruskan. Adakah perkara-perkara ini masih diteruskan?

Jika diteruskan saya harap ada perkara-perkara yang mesti diberikan perhatian oleh kerajaan. Bukan setakat memberikan alat misalnya untuk membuat mi selepas itu ditinggalkan. Sepatutnya mereka dibimbing bukan sahaja dibimbing latihan untuk membuat mi kuning sebagai contoh tetapi juga dari segi kualiti produk juga mesti diajar kepada mereka dan dalam masa yang sama juga bimbingan dari segi pasaran juga mesti dibantu.

Selepas itu dari segi pengurusan kewangan misalnya secara menyeluruh supaya mereka tidak hanya mengharapkan bantuan setiap bulan wang yang diberikan kepada mereka tetapi mereka mampu untuk berdikari. Saya ingin tanya apakah sasaran pihak kementerian dari segi jumlah miskin tegar ini yang keluar daripada garis kemiskinan?

Seterusnya adalah PDK iaitu Butiran 030400 – PDK. Saya dimaklumkan bahawa petugas-petugas PDK hanya mendapat RM800 sahaja. Di tempat saya di Bera, PDK diwujudkan sejak daripada tahun 2005 iaitu 14 tahun. Pendapatan mereka masih lagi RM800 manakala penyelia RM1,100. Bermakna pendapatan petugas ini lebih rendah daripada gaji minimum yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Saya harap pendapatan mereka dapat ditingkatkan.

Begitu juga dengan PDK ini anak-anak PDK yang ditempatkan di PDK. Adakah mereka hanya ditempatkan sebagai tempat asuhan semata-mata? Adakah program-program untuk mereka berdikari apabila mereka terpaksa keluar daripada PDK apabila mereka telah mencapai umur yang lanjut dan sebagainya.

Kita tidak mahu pusat PDK hanya tempat meletakkan mereka sebagai tempat asuhan akan tetapi akhirnya apabila ibu bapa mereka sudah tidak ada, mereka tidak mampu untuk berdikari dan terus hidup. Jadi saya harap pihak kementerian memberikan makluman di sini apakah program-program bagi mereka mampu untuk menjana pendapatan, mampu untuk berdikari dan sebagainya apabila ibu bapa mereka sudah tidak ada dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa PDK tidak ada peruntukan untuk bangunan sendiri. Sekarang ini PDK hanya menyewa di bangunan premis-premis orang lain. Kenderaan untuk membawa anak-anak PDK juga tidak ada. Walaupun ada geran sebanyak RM80,000 saya difahamkan tetapi geran tersebut tidak mencukupi untuk pengangkutan dan sebagainya begitu juga untuk sewa untuk membina bangunan sendiri dan sebagainya. Jadi mereka terpaksa mendapat ihsan daripada pihak lain untuk bangunan-bangunan bagi kelas-kelas PDK.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bera sedikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya ada satu butiran lagi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Pasal PDK tadi sedikit sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh saya habiskan Butiran ini? Lepas itu saya bagi. Butiran 02000 – Rumah Perlindungan Khas. Yang Berhormat sudah menjawab pada saya soalan bertulis tetapi ada perkara-perkara yang perlu saya mendapatkan penjelasan.

Seperti kita tahu ada di kalangan yang ditempatkan di rumah perlindungan ataupun *transit house* sini adalah mereka yang sedang menunggu proses penceraian mereka selesai. Jadi kadang-kadang proses penceraian ini mengambil masa yang lama. Jadi adakah mereka boleh ditempatkan di situ dengan jangka masa yang lama? Satu lagi ialah dari segi isteri-isteri yang mempunyai masalah keganasan rumah tangga ini. Selagi kes penceraian tidak selesai mereka tidak mungkin akan pulang ke rumah kerana selepas mereka melaporkan kepada tuan kadi misalnya tentu sahaja keganasan akan bertambah kepada mereka kerana marahnya suami apabila isteri yang bermasalah dengan suami itu mengadu kepada pihak berkuasa, pejabat agama dan sebagainya.

Jadi kalauolah penceraian itu memakan masa yang lama bolehkah mereka tinggal di rumah-rumah transit ini bersama dengan anak-anak mereka? Ini kerana anak-anak mereka pun tidak akan boleh tinggal di rumah bersama bapa yang ganas tadi. Jadi, tentulah terpaksa tinggal dengan ibu mereka dan bolehkah mereka tinggal lama di pusat-pusat transit tadi?

Kedua, saya hairan ya Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam jawapan soalan lisan ada menyebut keganasan rumah tangga ini tidak melibatkan wanita semata-mata akan tetapi melibatkan kaum lelaki. Jadi saya hendak tahu ini lelaki ini kena pukul kah apa ini yang menyebabkan mereka terpaksa berpindah terpaksa keluar rumah dan sebagainya yang tinggal

di rumah-rumah transit ini? Jadi, saya hendak tahu apa jenis kes yang melibatkan keganasan rumah tangga kaum lelaki ini? Jadi saya berjanji tadi, minta tolong...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, malang tidak berbau. Dia pun tidak kira jantina.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebenarnya Yang Berhormat boleh menggulung.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bera, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera berkaitan Butiran PDK tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat Bera apabila PDK ini berada – kedudukan mereka ini berada di antara dua buah negeri sebagai contoh di kawasan saya ada satu kawasan FELDA Bukit Sagu bersebelahan daerah Kemaman.

Untuk anak-anak OKU ini dihantar dilatih di bawah PDK, dia terpaksa berjalan lebih kurang 50 kilometer untuk PDK terdekat. Adakah Yang Berhormat mungkin – apakah pandangan Yang Berhormat mungkin boleh dia *cross border the state* ini supaya dia boleh dihantar kepada daerah Kemaman yang lebih dekat jaraknya daripada dihantar dalam daerah Kuantan yang memakan jarak lebih kurang 50 kilometer. Kalau dia pergi ke Kemaman hampir 30 kilometer sahaja menjimatkan dan dekat dengan tempat kerja parents kepada pelajar OKU tadi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat, itu melibatkan dasar saya percaya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab boleh atau tidak keluar daripada daerah ataupun negeri lain ya. Kalau boleh saya percaya seperti kata Yang Berhormat Paya Besar lebih mempermudah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Lebih-lebih lagi kalau ada kenderaan disediakan oleh pihak kementerian. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang dan masa yang tambahan untuk saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya bercadang di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab pada pukul 8. Oleh kerana itu, masih lagi ramai yang ingin berbahas, saya terpaksa hadkan masa kepada lima minit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Limbang. Selepas itu Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat saya mendapat penderaan masa ini daripada dahulu sampai sekarang. Lima minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau sebenarnya ambil bahagian perbahasan setiap kementerian. Oleh kerana itu campur dia lebih dua jam bukan lima minit. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Limbang. Nanti semua akan diberi peluang, sila.

### 6.09 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu Butiran iaitu B40...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Kepong boleh ganti saya kalau hendak cakap.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Butiran B.48, 030400 – Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Jadi di Limbang yang sebenarnya bangunan PDK itu tidak ada.

### ■1810

Sebelum ini ianya hanya menyewa *single-story, corner terrace house* dan kecil dan daif kalau kita melihat keadaannya. Baru-baru ini mereka telah pun berpindah lagi kepada bangunan yang lain, menyewa juga. Kali ini menyewa, saya difahamkan RM1,000 lebih, besar sikit, sebelum itu RM600 sahaja sebab kecil.

Jadi, yang mendaftar di PDK Limbang adalah 109 orang dan yang dilawat ke rumah ada lapan orang di Parlimen Limbang. Jadi bukan apa Menteri, saya ingin hendak tahu bagaimana juga ditanyakan Yang Berhormat Bera, bagaimana program khusus kepada anak-anak PDK ini. Memang betul sekarang ini emak dan bapa masih ada lagi bersama mereka. Jadi, bagaimanakah program selain mengasuh mereka di PDK ini, apakah program-program yang dibuat supaya mereka satu hari bila sudah orang tua sudah tidak ada untuk kesinambungan kehidupan mereka. Sekurang-kurangnya mereka boleh mengurus diri mereka sendiri. Ini yang kita hendak tengok, keadaan mereka apabila mereka sudah membesar — orang tua tidak ada.

Jadi keduanya saya, ingin apakah sekiranya dapat kementerian — saya telah pun difahamkan oleh kebajikan di tempat saya bahawa kerajaan negeri ada dalam proses menyediakan tanah dan tapak untuk membina PDK ini. Saya di sini memohonlah kepada kementerian, apalah kiranya untuk anak-anak OKU kita ini, yang kurang upaya ini, anak-anak istimewa ini diberikan, kita bercadang untuk membuat bangunannya sendiri di tapak yang akan, *Insya-Allah* disediakan oleh kerajaan negeri. Kita dalam proses — Menteri muda di tempat saya sedang mengatur juga bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan tapak untuk rumah ini.

Jadi saya di sini memohonlah kepada kementerian — sebelum ini sebenarnya sebelum 9 Mei memang ada peruntukan sebanyak RM700,000 untuk membina ataupun membeli rumah. Akan tetapi disebabkan oleh *technicalities*, jadi benda itu lambat *take-off* dan pada sembilan hari bulan perubahan. Saya difahamkan oleh Jabatan Kebajikan bahawa peruntukan itu sudah tidak ada lagi.

Jadi apalah sekiranya kalau dapat diretrieve balik sebanyak RM700,000 disediakan untuk membina pusat PDK untuk Parlimen Limbang ini. Ini banyak yang duduk sana itu adalah kawasan daripada pedalaman dan sebagainya. Kita apabila melihat memang kesian mereka ini.

Jadi rasanya itu sahaja Menteri, saya berharap Yang Berhormat Menteri pun saya difahamkan hendak ke Lawas. Jadi kalau boleh adalah saya dengar berita hendak melawat juga di situ. Kalau boleh *please welcome, please drop by in Limbang, don't forget to tell me. I will be with you to visit this PDK in Limbang.* Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dungun. Selepas itu Yang Berhormat Merbok dan Yang Berhormat Lenggong.

#### 6.13 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Butiran di bawah 010000 — Pengurusan. Berkait dengan Butiran 010200 — Dasar dan Perancangan Strategik. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung beberapa perkara asas. Pertama adalah Dasar Wanita Negara yang digubal pada tahun 2009. Setelah 10 tahun berlalu, adakah kementerian bercadang untuk menyemak semula Dasar Wanita Negara atau menggubal satu dasar baru yang lebih komprehensif dan menepati realiti semasa.

Kerangka keberhasilan kementerian bagi *outcome* satu adalah kesaksamaan gender. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah kesaksamaan gender itu? Adakah Malaysia mempunyai maksud tersendiri bagi istilah kesaksamaan gender ini?

Dalam Belanjawan 2020 fokus banyak diberikan kepada wanita dan kerjaya, wanita dan keusahawanan serta wanita dan pembuat keputusan. Mengapa tidak ada *outcome* khusus untuk mengupayakan wanita sebagai seorang suri rumah yang memberikan perhatian kepada keluarga mereka. Apakah peruntukan khusus dan besar yang disalurkan kepada mereka selain dari i-Suri KWSP?

Seterusnya, yang melibatkan juga di bawah petunjuk prestasi utama butiran yang sama adalah peratusan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Setakat ini berapa peratuskah penyertaan mereka yang telah berjaya dalam peringkat yang menjadi petunjuk prestasi utama? Kedua adalah peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan berdasarkan senarai 100 syarikat tersenarai awam teratas? Berapa peratus jumlah yang telah berjaya telah dicapai?

Seterusnya di bawah Butiran 020000 — Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di bawah Butiran 020400 — Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK). Dalam *outcome* dua dinyatakan sasaran indeks pada tahun 2018 adalah 7.33, tahun 2019 adalah 8.00 dan tahun 2020 adalah 8.00. Saya cuba mendapatkan IKK dalam laman sesawang LPPKN, namun laporan

terakhir adalah pada tahun 2016 sahaja. Adakah IKK diterbitkan setiap lima tahun sekali atau setiap tahun?

Dalam IKK 2016, pencapaian indeks adalah 7.33 iaitu pada tahap yang sederhana. Apakah perancangan dan fokus utama untuk dibaiki dalam domain indeks supaya program-program pembaharuan, pencegahan dan intervensi sesuai dalam diambil oleh kementerian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong deklarasi yang telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia iaitu Deklarasi Keluarga Malaysia di Cyberjaya kerana institusi keluarga mesti diberikan keutamaan dan perlindungan berdasarkan kepada konsep ajaran Islam, perundungan dan deklarasi hak asasi manusia.

Saya ingin bertanya, apakah program dan sistem sokongan yang disediakan oleh kementerian untuk membantu keluarga-keluarga yang terabai yang mungkin disebabkan oleh kematian suami sebagai pencari utama kepada pendapatan keluarga, kehilangan suami, kecacatan kekal atau mungkin dipenjarakan kerana faktor-faktor tertentu? Selain itu, apakah bantuan yang diberi selain daripada bantuan khidmat kaunselor kepada pasangan suami isteri yang sedang menghadapi perbicaraan di Norway. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat Merbok, sila.

#### **6.18 ptg.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya juga akan cuba seringkas mungkin. Butiran 020100 — Kebajikan Masyarakat. Di sini saya lihat ada peningkatan. Saya selalu ingatkan diri saya bahawa kerja kebajikan kepada masyarakat ini bukanlah politik murahan tetapi kerja sosial yang mulia untuk membangunkan kehidupan masyarakat. Persoalan saya selain penggubalan Akta Profesional Kerja Sosial oleh kementerian melalui butiran ini apakah inisiatif atau bentuk program baru kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pekerja sosial mengambil kerja-kerja sosial sebagai profesion untuk terus berkhidmat di dalam komuniti?

Kedua adalah Butiran 020200 — Pembangunan Wanita. Peruntukan ini telah meningkat sebanyak 14.37 peratus. Walaupun kita sedia maklum jurang antara jantina dalam pekerjaan masih besar iaitu kekal paras 55 peratus. Namun, saya ingin mengucapkan tahniah kerana kerajaan telah memperkenalkan inisiatif yang mana menggalakkan melalui wanita kerja yang mewujudkan 33,000 peluang pekerjaan kepada wanita berusia antara 30 tahun hingga 50 tahun. Maka melalui butiran ini yang ingin cuma saya sentuh adalah peratusan wakil rakyat wanita di Dewan Rakyat yang hanya mencatatkan 14.6 peratus ataupun 33 orang sahaja daripada 222 orang.

#### **■1820**

Jadi, peratusan Menteri wanita di jemaah Menteri juga perlu dipertingkatkan lagi di mana hanya lima daripada 28. Jadi persoalan saya, apakah inisiatif terbaru sama ada secara langsung

atau tidak langsung oleh kementerian untuk meningkatkan bilangan penyertaan wanita khususnya di dalam Dewan Rakyat?

Seterusnya Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Saya sebenarnya pernah membahaskan penggunaan paras garis kemiskinan iaitu sebanyak RM980 ini sejak tahun lepas lagi bahawa ia tidak menggambarkan situasi dan keadaan sebenar. Kita difahamkan bahawa PGK (Pendapatan Garis Kemiskinan) ini akan dikaji semula. Namun tidak dinafikan, kemungkinan apabila dikaji semula, paras garis kemiskinan ini akan menyaksikan pertambahan bilangan kemiskinan. Jadi, adakah melalui peruntukan ini telah menyediakan situasi ke arah situasi tersebut?

Seterusnya Butiran 031800 – Taska OKU. Berapakah bilangan Taska OKU yang akan terlibat dalam peruntukan ini?

Akhir sekali, Butiran 01100 – Penyelidikan Sains Sosial. Peruntukan ini dilihat agak besar. Soalan ringkas saya, adakah peruntukan ini terbuka kepada pihak luar dan sejauh manakah dapatan ataupun *findings* kajian penyelidikan sains sosial ini diimplementasikan di peringkat kementerian? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Yang Berhormat Lenggong, selepas itu Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Sik.

#### 6.21 ptg.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perbahasan ini di bawah Butiran 02000, Butiran 03000. Kebajikan masyarakat, saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana sejak dahulu lagi memainkan peranan untuk membantu rakyat tanpa mengira latar belakang mereka baik agama, bangsa dan keturunan.

Cuma saya hendak minta supaya kajian dibuat, saya tidak pasti tetapi kalau masih lagi menggunakan data eKasih sebagai asas kepada pemberian sumbangan, ia akan menyebabkan banyak individu tertentu yang namanya dalam senarai eKasih akan menerima pelbagai bantuan baik daripada kementerian pertanian, baik daripada jabatan lain ataupun daripada Baitulmal, ataupun daripada jabatan kerajaan negeri. Maknanya, hanya mereka yang dalam senarai eKasih sahaja mendapat bantuan.

Jadi, ada di kalangan rakyat yang memang susah, malah lebih susah daripada mereka yang tersenarai dalam golongan tersebut tetapi oleh sebab ketidakmampuan mereka untuk mengisi borang, masuk senarai ataupun pegawai-pegawai kita terlepas pandang kepada golongan ini, maka menyebabkan dia terlepas pelbagai bantuan. Perkara ini saya harap diteliti supaya semua bentuk agihan bantuan baik di bawah kementerian ini atau di kementerian lain dapat diagihkan kepada semua kelompok masyarakat dengan lebih banyak lagi, tidak hanya terikat kepada mereka yang ada dalam senarai eKasih sahaja. Itu satu.

Kedua, kita tahu bahawa bantuan kebajikan masyarakat, pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat akan sering menjadi antara jabatan yang terawal turun di mana-

mana kawasan-kawasan yang terlibat dengan bencana banjir misalnya. Cuma, saya minta supaya kajian dibuat atau mengubah sedikit peraturan yang ada yang mana mereka yang hanya berada di pusat penempatan sahaja yang biasanya akan menerima bantuan.

Minta kementerian mengkaji supaya ada fleksibel sedikit. Barangkali di kawasan banjir itu mungkin ada rumah keluarga dia, rumah adik atau emak dan sebagainya, dia akan berpindah ke rumah berkenaan. Mereka mesti juga diklasifikasikan sebagai mangsa. Kalau peraturan sedia ada, mereka tidak dikira mangsa sebab tidak berada di pusat penempatan. Perkara ini minta dikaji supaya tidak timbul isu-isu mereka tidak diberikan bantuan dan sebagainya.

Lainnya ialah saya hendak sentuh berkaitan dengan Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam komuniti (PDK). Ini satu lagi program yang cukup baik dan besar maknanya. Cuma saya hendak mendapatkan maklumat daripada kementerian, berapakah jumlah daripada pelatih atau pelajar di pusat PDK yang telah kita latih sejak sekian lama telah berjaya berdikari hasil daripada latihan kita di PDK?

Selain daripada itu, saya juga minta supaya diadakan program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) misalnya dengan jabatan atau agensi lain. Misalnya, ada PDK-PDK yang memfokuskan kepada industri kraf tangan kepada pelajar. Mungkin di kawasan berkenaan ada institusi misalnya kolej komuniti atau kolej pengajian tinggi MARA dan sebagainya, misalnya di kawasan saya sebab ada kolej-kolej ini, maka mereka diupgradekan kemahiran dengan ada kolaborasi dengan agensi termasuk MARA dan sebagainya.

Ini membolehkan mereka memasarkan produk-produk yang ada supaya mereka tidak selama-lamanya di bawah PDK, tetapi dapat mereka berdikari untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Oleh sebab itu saya hendak minta maklumat daripada kementerian, berapakah jumlah pelatih-pelatih yang telah berjaya kita latih yang akhirnya mereka boleh berdikari hasil daripada didikan mereka di tempat berkenaan.

Selain daripada itu, saya juga hendak sentuh Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Saya hendak tahu, apakah kaedah yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menangani isu ini kerana isu ini jika tidak ditangani, memang boleh menyebabkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** ...Apakah dibuat dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Bukankah membanteras pemerdagangan orang ini kerja KDN? Apa kena-mengena dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya tanya tadi, minta masuk dalam ucapan saya. Ada tidak pertindihan tugas atau bagaimana agihan tugas dibuat bagi menghadapi isu ini supaya tidak berlaku pembaziran tenaga, wang kerajaan dan sebagainya. Jadi, saya hendak mendapatkan maklumat terperinci supaya kita dapat penjelasan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Sila.

### 6.26 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terus pergi kepada Butiran 020100. Pada tahun ini, 144 Orang Kelainan Upaya dipilih menyertai Program Outreach Pemerksaan Usahawan OKU 2019. Tiga daripada orang Kedah, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan program ini tahun depan?

Seterusnya, kesedaran untuk menyediakan *facility* OKU di kawasan luar bandar masih kurang. Ini menyukarkan mereka berdikari untuk menjalankan urusan harian, apakah langkah kerajaan untuk menambah baik kemudahan OKU di luar bandar terutamanya di negeri Kedah?

Seterusnya, mohon pihak kementerian mengkaji semula atas bayaran kebajikan sehingga umur 18 tahun. Baru-baru ini, apabila tamat 18 tahun, apabila anak-anak mereka pergi ke universiti dan pelajaran seterusnya, mereka adalah tanggungan ibu bapa. So, kita kena melanjutkan bayaran tersebut sehingga dia tamat universiti. Ini perlu dibuat satu kajian.

Seterusnya, mohon pihak kementerian mengkaji semula kelulusan dari– memohon kebajikan bagi orang-orang yang hendak membuat permohonan untuk kebajikan, dia letak paras adalah RM1,000. Akan tetapi memandangkan ramai ibu tunggal dan juga mereka bekerja lebih masa, kadang-kadang 14 jam dan hari minggu dan sebagainya. Apabila tengok *pay slip* itu, mereka gaji lebih sedikit. So, dia tidak dapat lulus.

Kerja lebih masa itu bukanlah tetap, kadang-kadang datang hujung tahun itu, dia tidak akan dapat OT dan sebagainya, gaji itu normal balik. So, kita perlu membuat satu kajian sekurang-kurangnya satu orang itu dalam lingkungan RM2,000 baru kita ada kaji sebab tanggungan mereka banyak. So, kita tengok dia RM1,000 lebih, oh tidak layak. So, mereka terpaksa bekerja 14 jam, hari minggu dan sebagainya.

Di sinilah *turning point* untuk ibu-ibu tunggal tidak dapat menjaga anak masing-masing sebab anak-anak tidak jaga, tidak rapat dengan anak-anak, inilah anak-anak menjadikan mat rempit, penagih dadah dan sebagainya. Di mana kesilapan dia, sebab ibu tidak dapat bersama anak. So, oleh itu kita membuat satu kajian untuk bagi kelulusan kebajikan supaya mereka bekerja lapan jam, balik tengok anak-anak mereka.

Seterusnya Butiran 020200. Kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita di negeri Kedah hanya dalam 50 peratus sahaja, kurang 26 peratus daripada kadar penyertaan tenaga buruh lelaki. Apakah tindakan kerajaan untuk menggalakkan wanita bekerja di luar bandar. Itu sahaja daripada Padang Serai, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### ■1830

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih saya ucapan dan sekarang Yang Berhormat Sik, selepas itu Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Pengerang.

**6.30 ptg.**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terus kepada Butiran 020300 – Institut Sosial Malaysia (ISM). Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai pecahan bajet untuk latihan kepada staf-staf kementerian mengikut negeri termasuk negeri Kedah dan Daerah Sik sendiri. Begitu juga peruntukan bajet untuk latihan kepada kelompok sukarelawan sosial dan agensi kemanusiaan daripada NGO-NGO yang ada.

Seterusnya apakah bentuk modul latihan yang disediakan yang turut mengambil kira aspek usaha kementerian menangani gejala sosial yang semakin membarah dalam masyarakat pada hari ini. Serta usaha mendidik dan menyantuni golongan yang berisiko tinggi yang terlibat di dalam gejala sosial ini. Ini kerana tenaga penggerak dan sokongan sosial dalam menangani gejala sosial ini amat diperlukan dan latihan yang bersesuaian perlu disediakan kepada mereka.

Seterusnya Butiran 020400 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya ingin isu perkahwinan di bawah yang telah dimaklumkan bahawa kementerian telah membentuk satu SOP dan mewajibkan setiap negeri untuk menuruti SOP tersebut. Saya mahu penjelasan kementerian berkenaan dengan SOP ini. Apakah sudah terdapat sesi libat urus dengan negeri-negeri kerana ia melibatkan pindaan undang-undang keluarga Islam yang turut juga melibatkan kepentingan Ketua Agama Islam iaitu Sultan-sultan dan juga jabatan-jabatan agama Islam di negeri-negeri. Maka adalah amat tidak wajar sebarang tindakan yang dilakukan tanpa libat urus dengan pihak pemegang taruh utama ini.

Saya juga difahamkan masih terdapat negeri yang tidak bersetuju dengan pindaan had umur yang dikemukakan daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Jadi, apakah alasan yang diberikan oleh negeri-negeri berkenaan dan apakah tindakan kementerian berkaitan dengan alasan yang dikemukakan tersebut? Di dalam isu ini juga, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada sudah mempunyai statistik perkahwinan bawah umur yang terlibat dengan kes-kes kekeluargaan yang mendorong kepada penceraian, penderaan dan sebagainya. Mohon diperincikan statistik tersebut mengikut umur dan negeri-negeri.

Seterusnya Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Di dalam butiran ini, saya ingin bertanya berapakah jumlah kanak-kanak dan wanita yang pada ketika ini masih ditahan di depot tahanan Imigresen sama ada daripada pendatang tanpa izin ataupun daripada pekerja asing yang tidak mempunyai permit ataupun daripada golongan pelarian yang berada dalam negara kita.

Saya mohon kementerian memperincikan statistik kanak-kanak daripada pelarian sama ada etnik Rohingya, Uighur dan lain-lain yang berada dalam depot tahanan tersebut. Apakah pihak kementerian bersama KDN melihat ketidakselesaan yang dihadapi oleh golongan kanak-kanak ini serta memastikan kelompok kanak-kanak ditempatkan di tempat yang lebih sesuai dan bukan di dalam depot tahanan seperti mana saya pernah melihat ataupun melawat Depot Tahanan Imigresen Belantik di Sik yang juga menempatkan kanak-kanak daripada pelarian ini.

Seterusnya Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Saya mohon perhatian kementerian mengenai jumlah Pusat PAWE sama ada di bawah kementerian sendiri ataupun pusat yang dikelola oleh pihak NGO ataupun pihak swasta. Apakah kementerian berhasrat untuk mengangkat sesetengah institusi pondok pengajian tradisional yang telah sedia ada sama ada di Kedah, di Kelantan ataupun di negeri-negeri lain sebagai PAWE yang berdaftar secara sah dan diberikan peruntukan yang sewajarnya. Ini kerana setengah pondok tradisional berkenaan sebenarnya telah menjalankan fungsi dan peranan yang telah dimainkan oleh PAWE. Cuma pihak kementerian hanya perlu menjadikan mereka dengan berdaftar dan memberi latihan kepada pengurus kepada pondok-pondok tradisional ini.

Seterusnya yang terakhir, Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Saya meneliti pengurangan sebanyak RM23 juta daripada tahun 2019 iaitu untuk tahun 2020 hanya berjumlah RM200 juta. Mohon penjelasan justifikasi pengurangan bajet berkenaan sedangkan isu kemiskinan masih berleluasa di bawah sana.

Apakah projek pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan khususnya di Daerah Sik dan adakah pihak kementerian melihat ada keperluan untuk menyemak kembali bantuan yang diberikan kepada kanak-kanak yang mempunyai laporan ataupun yang mempunyai masalah keluarga sama ada mereka kehilangan ibu ataupun tinggal bersama ayah yang sakit ataupun OKU, ataupun tinggal bersama dengan datuk atau nenek yang uzur. Pada ketika ini jumlah yang diberikan antara RM100 hingga RM450. Jadi, jumlah ini masih lagi sangat rendah berbanding dengan per kapita RM160 bagi miskin tegar. Jadi, saya mohon, adakah pihak kementerian melihat ataupun menyemak kembali jumlah ini untuk dinaikkan ke kadar yang lebih munasabah untuk disumbangkan atau diberikan kepada kanak-kanak yang miskin ini.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor.

### **6.36 ptg.**

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala Bekalan B.48, Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM85 juta. Tidak dinafikan PDK ini adalah setiap komuniti memainkan peranan yang penting untuk masyarakat setempat. Fungsinya amat bertepatan di samping program-program yang direncanakan amat tepat buat anak-anak kurang upaya.

Namun dilihat, kebanyakan fasiliti PDK kini amat mendukacitakan. Di Hulu Selangor terdapat sembilan PDK pada keseluruhannya amat memerlukan bantuan pihak kementerian dari segi kelengkapan di mana kebanyakan peralatan dan kelengkapan telah uzur. Oleh itu bantuan seperti ini amat wajar disalurkan bagi memastikan kelangsungan perjalanan harian PDK ini.

Kedua, Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin sebanyak RM200 juta. Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya sebanyak RM734 juta dan Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas sebanyak RM575 juta.

Hulu Selangor memuji perhatian kementerian terhadap golongan miskin, kurang upaya dan juga warga emas. Sudah pastinya pada tahun 2020 pelbagai program akan direncanakan oleh kementerian untuk membantu golongan ini. Untuk ini, apakah program-program khusus yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan? Apakah program yang akan diadakan di Hulu Selangor? Kami bersedia untuk membantu pihak kementerian dalam memperkasakan lagi program yang telah dirangka bagi memberi impak positif terhadap golongan miskin, kurang upaya dan warga emas.

Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4 juta. Walaupun kelihatan kecil, kementerian berusaha memastikan satu Parlimen diwujudkan satu fasiliti PAWE. Hulu Selangor telah menghantar permohonan PAWE kepada pihak kementerian dan kini dalam proses. Diharapkan pada tahun 2020, Hulu Selangor dapat mendirikan fasiliti PAWE di daerah ini dengan sokongan kementerian.

Beralih kepada Kepala Pembangunan P.48, Butiran 00602 – Taman Sinar Harapan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM700 ribu. Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baru mempunyai penghuni yang lebih daripada 200 orang yang mana majoritinya merupakan pesakit terlantar. Namun fasiliti ini kekurangan kakitangan bagi menampung peningkatan penghuni di sini. Malahan tiada doktor pakar khususnya yang disediakan untuk membantu. Kemudahan pengangkutan juga perlu ditambah, memandangkan van yang sedia ada ini tidak dapat menampung kegunaan harian. Semoga pada tahun 2020, ada harapan baharu bagi membantu warga kerja dan penghuni Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baru ini.

Seterusnya, Butiran 00704 – Pembaikan/Pembesaran Institut Kebajikan Sedia Ada dengan peruntukan jumlah RM75 juta, dilihat peningkatan peruntukan ditumpukan bagi butiran ini.

#### ■1840

Oleh itu, mohon pihak kementerian mempertimbangkan permohonan baik pulih fasiliti Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah yang kian uzur, dewan yang kurang selamat untuk aktiviti pelatih, kenderaan yang tidak berfungsi serta beberapa lagi kerosakan. Oleh itu, saya mohon pihak kementerian untuk membantu bagi membaik pulih fasiliti ini bagi memastikan pelatih-pelatih dapat menjalani aktiviti harian dengan selesa.

Akhir butiran Tuan Pengerusi, untuk ini diharapkan tahun 2020 golongan miskin, kurang upaya dan juga warga emas di negara kita akan terus dipelihara dan kebajikan mereka akan terus dijaga oleh kerajaan. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang tiada dalam Dewan, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Tangga Batu. Selepas itu Yang Berhormat Arau, Sekijang dan Yang Berhormat Pontian.

**6.41 ptg.**

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, saya terus kepada Butiran 030000 – Program Khusus, Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Peruntukan untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM2,966,400 dan pada tahun ini terdapat pertambahan kepada 55 peratus. Jadi, terdapat kenaikan untuk mengendalikan PAWE. Peruntukan yang diberikan amat minimum. Jadi, ke arah manakah peningkatan peruntukan sebanyak 55 peratus akan digunakan? Adakah jumlah PAWE yang dibuka bertambah dengan jumlah yang signifikan?

Seterusnya saya ingin menyatakan tentang Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak yang terdapat pertambahan sebanyak RM900 ribu. Terdapat pertambahan 10 peratus ini. Jadi, saya berharap lebih banyak pertambahan digunakan untuk menubuhkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak bagi golongan bukan sahaja di tempat-tempat kerja tetapi juga menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak bagi golongan peniaga seperti di *uptown* ataupun di pasar malam ataupun *car boot sale*, dengan izin. Sudah dua kali saya bertanyakan soalan ini kepada kebajikan kanak-kanak yang mengikut ibu-bapa mereka semasa bermiaga. Jadi kanak-kanak ini biasanya adalah terbiar. Apabila saya nyatakan soalan ini, maka jawapan standard yang saya terima ialah kita ada Akta Kanak-kanak yang mana ibu-bapa boleh diambil tindakan jika mereka tidak menjaga anak-anak.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, sebenarnya mereka yang bermiaga ini kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan B40 yang miskin dan mereka terpaksa membawa anak-anak ini pada malam hari untuk bermiaga dan anak-anak ini sebenarnya berkeliaran. Jadi saya mencadangkan ataupun mengharapkan kementerian boleh melihat tentang perkara ini untuk menggunakan peruntukan menubuhkan pusat jagaan di tempat-tempat perniagaan seperti ini supaya anak-anak itu dapat dijaga ataupun dipastikan bahawa mereka membuat kerja-kerja sekolah. Kalau perlu tidur, tidur dahulu sehingga selesai ibu bapanya bermiaga dan boleh diambil balik.

Saya berharap bahawa kementerian dapat memperuntukkan sejumlah wang untuk memulakan – mereka memulakan pusat-pusat seperti ini dan bolehlah diuruskan seterusnya oleh persatuan peniaga. Jadi – supaya anak-anak kita ini lebih terjaga. Saya benar-benar berharap bahawa kementerian boleh memberikan peruntukan *one off* bagi maksud ini.

Seterusnya adalah Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Butiran 030500 – Wang Saku Institusi Kanak-kanak, Butiran 030600 – Wang Saku Institusi Warga Emas, Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin dan juga Butiran 031800 – Taska OKU yang semuanya peruntukan dikurangkan, menunjukkan penurunan. Apakah sebab-sebab peruntukan ini dikurangkan? Terutamanya untuk sosioekonomi keluarga miskin hampir RM24 juta. Adakah kerana keadaan sudah bertambah baik atau jumlah keluarga miskin telah berkurang?

Jadi, saya juga ingin menekankan lagi tentang e-Kasih iaitu saya pada tahun ini telah meluluskan 30 permohonan baik pulih rumah, 15 ditolak walaupun ada e-Kasih kerana dikatakan tidak tegar. Jadi, apakah e-Kasih tidak tegar ini dan 15 lagi ditolak kerana tiada e-Kasih? Ini disebabkan pendaftaran yang mengambil masa yang panjang.

Jadi, kita pun dalam bidang undang-undang ada menyatakan bahawa *justice delayed is justice denied*. Jadi, kalau pendaftaran e-Kasih ini terlalu lama, jadi kita kasihan bahawa nasib mereka orang-orang kampung ini tidak terbela. Jadi, kementerian telah banyak melakukan perkara-perkara positif demi kebaikan, namun ada ruang untuk penambahbaikan.

*Menteri dan Timbalan orang-orang hebat;*

*Menjaga wanita dan juga keluarga;*

*Bahagia keluarga bahagia masyarakat;*

*Semoga menjadi negara berwibawa.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

#### 6.46 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Thank you, thank you very much.* Tuan Pengerusi, bakal Setiausaha Agung DAP. Butiran 020100 – Pembangunan Wanita.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada kerja lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak 4,963 kes keganasan rumah tangga yang melibatkan golongan wanita dilaporkan dari Januari hingga November 2018. Statistik ini menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dengan anggaran jumlah kes tahun 2013 hingga 2018, kes ini meningkat dari semasa ke semasa. Saya percaya tahun ini lagi meningkat lebih-lebih lagi berlaku perubahan kerajaan.

Jadi soalan saya ialah, apakah solusi serta tindakan cara berkesan yang dapat diambil oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan kes penindasan dan keganasan terhadap golongan wanita ini yang semakin meningkat? Apakah terdapat cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani masalah tersebut?

Berikutnya ialah Butiran 020400 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Sebenarnya kita tahu bahawa lebih daripada satu pertiga perkahwinan yang berakhir dengan penceraian. Ini satu angka yang cukup tinggi dan kita lihat kalau mengikut laporan yang diberikan ialah kes penceraian di Malaysia, pertama yang melibatkan kewangan.

Keduanya, kerana campur tangan pihak ketiga dan keempatnya ialah penderaan fizikal. Akan tetapi kewangan melibatkan 17,359 kes bercerai kerana masalah kewangan. Jadi, kalau berdasarkan kepada apa yang berlaku sekarang dalam kerajaan, sudah pasti penceraianannya boleh meningkat. Kes-kes lain cuma 6,000 dan juga 4,000. Jadi saya ingin bertanya, oleh kerana

ia melibatkan masalah kewangan, berapakah jumlah orang Islam yang terlibat dengan kes penceraihan ini?

Keduanya, oleh kerana apabila penceraihan berlaku, kita akan lihat golongan yang akan menjadi mangsa selalunya wanita. Jadi, apakah bantuan diberikan kepada ibu tunggal? Kita tengok bantuan kebajikan ini diberi kepada OKU, warga emas, kanak-kanak, bantuan bencana dan juga bantuan baiki rumah tetapi tidak masuk bantuan kepada ibu tunggal. Jadi saya cadangkan supaya bantuan kanak-kanak itu ditambah perkataan hujungnya itu "...dan ibu tunggal". Adakah Tuan Pengerusi tidak setuju? Tuan Pengerusi setuju kan? Ganti ibu tunggal. Ini ialah kita- kita bernasib baik, kita tidak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan yang buruk, ini hendak bantu kepada orang yang bermasalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya lah, itu terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya minta kerajaan tolong bagi perhatian yang serius mengenai perkara ini sebab ibu tunggal- kena tahu bahawa kalau berlaku penceraihan, yang menjadi mangsa ialah wanita. Kalau ada anak, wanitalah tanggung anak-anak. Kita hanya bagi bantuan kepada anak-anak tetapi kepada ibu yang akan menanggung anak-anak itu kena beri perhatian yang khusus. Kalau kata bantuan kepada anak-anak, jadi kadang-kadang sesetengah ibu tidak sampai hati sebab ini bahagian anak. Akan tetapi dia sendiri menghadapi pelbagai tekanan kehidupan dan sebagainya.

Kemudian berikutnya kita tahu bahawa seramai 13,700 pengasuh berdaftar di seluruh negara tidak mempunyai kelayakan minimum kursus asas PERMATA. Jangan ini- saya tidak mahu satu pendekatan yang agak kasar dan gusar di mana kita hendak ambil tindakan. Tidak perlu tindakan, kita bagi kursus. Kita hidup ini mesti memudahkan cara, bukan menyusahkan. Kerajaan yang baik ialah kerajaan yang memudahkan cara, bukan kerajaan yang menyusahkan.

#### ■1850

Jadi, kalau kita mudahkan cara, kuranglah perkataan-perkataan, "*Tindakan undang-undang akan diambil*". Pemudah cara, bagi keselesaan kepada kehidupan. Bagi orang Islam, Islam itu agama mudah, agama yang harus dilihat sebagai *Rahmatan lil'alamin*, bukan kita menyusahkan. Jadi, saya mengesyorkan supaya bantuan kanak-kanak dimasukkan bantuan kepada ibu tunggal.

Kemudian yang berikutnya ialah Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas. Sekarang ini kita ada Kompleks Penyayang yang termasuk Kompleks Warga Emas. Saya bukanlah tidak bersetuju. Memang saya bersetuju supaya ibu bapa tinggal dengan anak-anak tetapi masalah kehidupan sekarang, jadi ibu bapa terpaksa duduk di rumah anak-anak yang cucu-cucu dia ramai dan sebagainya, bilik tidak cukup, masalah rumah tidak cukup. Memang kita hendak anak beri perhatian kepada ibu bapa tetapi Kompleks Penyayang yang dibina oleh

Perdana Menteri semasa dia menjadi Perdana Menteri dahulu, kita lihat di situ terdapat rumah orang tua yang cukup selesa dan rumah orang tua ini mempunyai kemudahan kesihatan, mempunyai masa untuk beribadat dan sebagainya, mereka dijaga dengan hebatnya.

Jadi negara maju memberi pendekatan kepada demikian rupa bahawa di akhir penghidupan mereka berada di tempat yang *comfortable*. Akan tetapi kalau mereka duduk dengan anak-anak dan sebagainya dalam keadaan yang anak-anak terpaksa menanggung segala bentuk kehidupan, inilah masalah yang berbangkit. Jadi kita minta supaya dalam Kompleks Penyayang itu, rumah warga emas itu dibuat dua kali ganda daripada apa yang ada sekarang. Oleh sebab itu masa ia dibina dahulu ialah berdasarkan jumlah penduduk pada masa itu. Sekarang penduduk sudah bertambah. Jadi wajar diberikan perhatian supaya warga emas diberikan kehidupan yang lebih sempurna.

Jangan meletakkan tanggungjawab, anak-anak kena mengambil tanggungjawab. Kita lupa anak-anak sesetengah itu tidak bekerja, kita lupa lebih-lebih lagi dalam kerajaan sekarang ini Yang Berhormat, orang hilang pekerjaan ramai, orang bercerai ramai. Jadi semua ini kena diselesaikan dalam bentuk pemudah cara, bagi kemudahan. Saya tidak mahu mengkritik pedas-pedas sebab saya memang tahu kerajaan sekarang sudah sukar untuk berbuat apa-apa lagi kerana mereka sedang bergaduh sesama mereka.

Jadi saya minta supaya pemudah cara. Jangan jawab yang menindas-nindas, tidak perlu. Kalau tidak boleh, cakap tidak boleh. Kalau boleh cakap, "*Kerajaan akan berusaha*". Kita minta supaya rakyat juga berusaha sama-sama untuk memberikan perhatian kepada masalah ibu tunggal, masalah warga emas dan sebagainya.

Kalau peruntukan tidak ada, peruntukan tidak ada kerana kerajaan dahulu telah membuat hutang. Jangan sebut sebab nanti mulut kamu rosak, sukat untuk diperbaiki. Sebut bahawa "*Kerajaan akan berusaha untuk menyelesaiannya*". Begitulah cara untuk mentadbir. Cakap baik macam saya hari ini, sudah pasti esok *market* melambung.

Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, daripada saya cakap semasa bajet sampai sekarang, *market* tidak pulih-pulih dan sedang jatuh dengan teruknya. Jadi saya minta jawapan yang paling hebat daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sekijang. Selepas itu Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Jeli... *[Disampuk]* Yang Berhormat Sekijang tiada dalam Dewan, Yang Berhormat Pontian, sila... *[Disampuk]* Yang Berhormat Pontian pun tidak ada.

Yang Berhormat Kepong.

### 6.53 ptg.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan peruntukan RM523 juta. Saya pernah tanya, bahas semasa bahas belanjawan ini tentang peluang kerja di sektor awam bagi golongan OKU dan juga golongan ibu tunggal. Pada masa itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri telah menjawab, beliau kata Kerajaan Pusat polisinya telah memberikan satu peratus peluang bekerja di sektor awam bagi golongan OKU sahaja.

Jadi saya hendak minta kementerian di bawah butiran ini memberikan peluang bekerja untuk golongan ibu tunggal, mungkin satu peratus di sektor awam. Dalam pada ini, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan sebagainya, polisi satu peratus bagi OKU boleh ditingkatkan kepada dua atau tiga peratus bagi peluang bekerja di sektor awam bagi golongan OKU campur dengan golongan ibu tunggal.

Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Ini tentang seorang pesalah pedofilia, namanya Nur Fitri Azmeer Nordin yang telah dipenjarakan di UK selama lima tahun. Sekarang dia menyambung pelajaran di UKM. Saya hendak tanya, sama ada kementerian ada *monitor*, dengan izin Tuan Pengurus, atau melawat Nur Fitri ini untuk mengenal pasti dia berkelakuan baik.

Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Selalunya di berita TV kita lihat operasi polis dan imigresen, mereka menyerbu kegiatan maksiat, tempat urut, tempat hiburan dan ramai perempuan asing ditangkap. Selepas itu mungkin dipenjarakan, didenda atau dihantar balik ke negara asal mereka. Saya hendak minta kementerian melawat mereka, perempuan asing yang ditahan di penjara selepas mereka didapati salah terlibat dalam kegiatan maksiat. Melawat mereka untuk bertanya sama ada mereka terlibat dalam kegiatan jenayah maksiat secara sukarela atau mereka dipaksa dan diperdagangkan seperti dalam butiran ini.

Jadikan polisi, setiap kali mereka ditahan dan ditangkap oleh agensi penguatkuasaan, agensi penguatkuasaan wajib memberi notis kepada kementerian. Selepas itu, kementerian boleh hantar pegawai untuk menyiasat. Nama butiran ini, “*Membanteras Pemerdagangan Orang*”, secara logiknya, perkara ini sepatutnya diuruskan oleh agensi penguatkuasaan seperti pihak polis dan pihak imigresen. Saya tidak tahu macam mana kementerian boleh terlibat. Jadi saya hendak minta kementerian menjelaskan langkah-langkah program macam mana hendak membanteras pemerdagangan orang.

Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas, nama singkat PAWE. Saya baru dimaklumkan bahawa di kawasan Parlimen Kepong ada satu PAWE baru ditubuhkan. Jadi saya hendak tanya kementerian, apakah fasiliti, program dan alat-alat yang telah dirancang di premis PAWE ini? Khususnya PAWE di Parlimen Kepong, berapakah peruntukan telah diberikan bagi tahun depan, sama NGO digalakkan terlibat dalam pusat PAWE ini?

Akhirnya, Butiran 031600 – Unit Penyayang Warga Emas (UPWE). Saya hendak tanya sama ada unit ini ditubuhkan di Kuala Lumpur dan apakah program perancangan yang dijalankan di bawah unit ini? Sama juga, adakah NGO-NGO digalakkan untuk terlibat dalam aktiviti unit ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sekarang dijemput Yang Berhormat Pontian. Selepas itu Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

### **6.59 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Dulu kita ada program 1AZAM. AZAM ini bermaksud Akhiri Zaman Miskin. Saya kira program ini wajar diteruskan agar penerima-penerima kebajikan masyarakat dibina menjadi usahawan yang boleh berdikari. Kita beri latihan kepada mereka. Bukan hanya latihan, kita bina mereka untuk mengeluarkan produk-produk yang tertentu. Kita beri pinjaman, modal. Jangan bagi geran tetapi pinjaman dan kemudian kita bantu mereka daripada segi pasaran, bantu mereka daripada segi pengurusan kewangan.

#### **■1900**

Itu lima perkara yang perlu dibantu supaya mereka boleh menjadi usahawan yang berdikari. Satu lagi saya telah memberi cadangan satu ketika dahulu bahawa diwujudkan keluarga angkat atau khidmat masyarakat atau apa sahaja yang sesuai oleh mereka yang berada dalam kawasan di mana penerima itu berada. Katalah di sebuah kampung ada lima orang yang berada dalam senarai e-Kasih, kampung itu ada 50 keluarga. Maka lima keluarga itu hendaklah dilihat oleh 50 keluarga dalam satu sistem khidmat masyarakat supaya mereka boleh keluar daripada lingkaran ganas kemiskinan.

Perkara kedua, pembangunan wanita. Sebelum ini kita ada *target* yang baik dan praktikal iaitu 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam dan sektor swasta. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat mana pencapaian, bila boleh dicapai, apakah tindakan-tindakan yang dibuat untuk mencapai 30 peratus wanita pembuat keputusan.

Perkara ketiga, pembangunan dan perkembangan kanak-kanak terutama yang melibatkan ayah selaku warga asing, ibu orang tempatan. Apakah dasar kementerian daripada segi kebajikan kepada anak-anak itu lebih-lebih lagi bila ayah itu bercerai dan pulang ke negara mereka.

Perkara keempat disebut di sini wang saku kanak-kanak, warga emas, OKU. Apa kaedah pemberian wang saku ini? Apa beza daripada pemberian bantuan yang lain? Berapa sebulan dan adakah ia berlaku pertindihan dengan BSH dan lain-lain bantuan.

Perkara kelima, warga emas yang terlantar ini dan orang sakit mereka perlukan bukan hanya kewangan tetapi peralatan-peralatan. Bagaimana JKM membantu dari segi memberi peralatan. Saya sudah banyak kali pergi ke Ziarah Kasih di pelbagai tempat di kawasan saya dan kawasan orang lain. Mereka kadang-kadang perlukan tilam khas, perlukan bantuan pernafasan, tong gas oksigen, ada yang perlukan kaki palsu, ada yang perlukan kerusi roda, perlukan *pampers* dewasa, susu khas dan macam-macam. Bagaimana Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memberi barang-barang itu, bukan hanya sekadar memberikan bantuan-bantuan bulanan.

Perkara keenam, kewangan. Berlaku kelewatan pembayaran bantuan JKM bagi November. Apa punca berlaku kelewatan itu, berapa ramai yang terlibat, berapa nilai

pembayaran? Apakah teknikal yang silapnya itu dan langkah-langkah dibuat agar tidak lagi berulang.

Perkara ketujuh, Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Biasanya setiap DUN ada sebuah. Berapa banyak PDK dan jumlah jagaan. Saya ingin mencadangkan agar pihak swasta menaja PDK-PDK yang berkaitan. Kita ada pasar raya-pasar raya, syarikat besar di kawasan masing-masing dan boleh dibuat pelancaran-pelancaran oleh Ahli-ahli Parlimen yang terlibat supaya pihak swasta menjadikan anak angkat kepada PDK di kawasan-kawasan yang tertentu itu dan boleh dimulakan dan di peringkat nasional misalnya.

Kelapan, naik taraf bangunan KPWKM di Putrajaya. Tahun 2018 RM61.8 juta, tahun 2019 RM62.5 juta, tahun 2020 RM63.8 juta. Apa yang kurang tentang bangunan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri sampai hendak di naik taraf RM60 juta setiap tahun atau silap istilah ke apa ke? Mungkin ia kos membina bangunan yang dibayar beransur-ansur atau sewa yang dibayar kepada Putrajaya Holdings kah, misalnya.

Yang kesembilan, Dasar Perancangan Strategik. KWSP pada suri rumah ini, adakah syarat utamanya senarai e-Kasih? Kalau senarai e-Kasih, bererti adakah suri rumah yang tidak termasuk dalam senarai satu masa satu ketika boleh menerima KWSP ini?

Perkara yang kesepuluh, perkara yang penting untuk keluarga miskin ini ialah perumahan dan saya harap kementerian ada *emboss* dengan KPPT, KPLB, MOF, SPNB, pejabat-pejabat daerah supaya keluarga-keluarga termiskin ini diberi bantuan PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin), Rumah Bantuan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat, PPR, jika di bandar rumah pangsa misalnya. Kita ingin negara berkebajikan tetapi jadikan ikon dan contoh kepada mereka yang telah berdikari kepada orang-orang lain yang belum berdikari. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya jemput Yang Berhormat Jeli. Selepas itu Yang Berhormat Rasah.

#### 7.04 mlm.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama, B 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Ada khabar angin mengatakan Parlimen Jeli mendapat sebuah di klinik lama Kuala Balah. Kalau betul khabar angin itu, terima kasih. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sahkan khabar angin tersebut. Terima kasih banyak-banyak.

Yang kedua, PDK. Yang Berhormat Pontian dan lain-lain bangkit PDK. Jeli ada tiga. Isunya hampir sama, PDK ini kita ucap terima kasih kepada kerajaan kerana memberi perhatian dan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk diberikan kepada PDK. Yang pertama isu bangunan, tumpang kesemuanya. Ketiga-tiga PDK di Jeli perlu diperbaiki kerosakan, peralatan yang kurang, elauan guru yang kecil RM1,000 dan RM800. Makan minum tidak berapa ada disediakan peruntukan. Jadi itu di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh anak buah saya di tiga PDK yang sama dengan Ahli Parlimen yang lain.

Yang ketiga, berkaitan Yayasan. Ini berkaitan dengan Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Kelantan di mana mereka menyatakan bahawa tahun 2004 ada 200 orang anak yatim di

sini di Kota Baharu, Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim. Tahun 2004 dapat RM8 satu kepala, sekarang ini RM2.30 satu kepala. Peruntukan tahun ini ialah RM180 ribu dan ini sudah pasti tidak mencukupi. Isu ini sama dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen yang lain.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya hendak tahu, ini kita tahu popular dan penting untuk menangani masalah yang dihadapi oleh warga tua yang sakit terlantar dan lain-lain. Ibu tunggal, anak-anak yatim piatu yang tidak ada bantuan penting.

Yang pertama kita hendak tahu bilangan seluruh negara dan dalam konteks keadaan semasa di mana rakyat tertekan dengan harga getah dan kelapa sawit dan harga *cost of living* yang tinggi, adakah trend permohonan ini meningkat ataupun stabil ataupun statik ataupun *stagnant*? Apakah *projection* dalam dua, tiga tahun ini memandangkan fenomena penuaan atau *ageing* ini, adakah dijangka bertambah *projection*-nya memandangkan kita hidup semakin lama. Ramai yang terlantar di kampung-kampung dan adakah kerajaan merancang untuk melihat apabila kedudukan kewangan bertambah baik untuk tambah peruntukan yang diberikan kepada mereka kerana jumlah yang diterima untuk menangani masalah termasuklah *pampers*, makanan dan lain-lain RM300 mungkin yang diberikan, yang diterima oleh mereka adalah tidak mencukupi.

Yang seterusnya yang keempat ialah berkaitan sosioekonomi keluarga miskin, sosioekonomi kurang upaya warga emas. Peruntukan yang agak besar, RM200 juta untuk miskin, kurang upaya RM734 juta dan warga emas RM575 juta. Jadi kalau campur tiga ini, RM1.5 bilion. Jadi satu peruntukan yang amat besar, saya hendak pastikan betul ataupun *arithmetic* tetapi adakah ada dibuat perkiraan ataupun analisis berkaitan dengan impak- *outcome* program ini khususnya dalam meningkatkan pendapatan orang-orang miskin, kurang upaya, dan warga emas.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kerja-kerja penyelenggaraan. Ya kita tahu bahawa banyak bangunan kerajaan, harta kerajaan sesetengahnya tidak di selenggara dengan baik. Catnya, pintunya, tandas dan lain-lain kerusi meja maka kita alu-alukan peruntukan yang bertambah dengan ketara. Pembangunan 00704 daripada RM13.5 juta kepada RM75 juta untuk institusi kebajikan. Kita harap peruntukan ini dikekalkan dan ditambah dari tahun ke tahun untuk memastikan bahawa bangunan-bangunan yang uzur yang mana kita tempatkan kanak-kanak dan orang tua ini dapat di selenggara dengan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi sudah balik dari Dewan, okeylah. Yang Berhormat Kota Tinggi dahulu baru Yang Berhormat Rasah. Sila.

#### **7.09 mlm.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana berikan saya peluang. Tuan Pengerusi saya merujuk kepada Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sebelum ini Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan di

Dewan Negara bahawa peruntukan kira-kira RM17 juta akan diberi bagi penubuhan PAWE ini yang baharu untuk tempoh tahun 2018 sehingga tahun 2023.

Sehingga kini, saya pohon daripada Yang Berhormat Menteri, berapa agaknya baki peruntukan yang masih ada untuk tahun 2020 dan agaknya berapakah bilangan PAWE yang akan dibina. Saya pohon supaya pihak kementerian Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan sebuah pembinaan PAWE di kawasan Parlimen Kota Tinggi.

**■1820**

Merujuk kepada Butiran 020400 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tuan Pengurus. Saya ingin mendapatkan sedikit maklumat daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan ujian *mammogram* secara percuma ini kepada wanita warganegara Malaysia.

Bagaimana agaknya? Adakah setakat ini pencapaian sasaran LPPKN untuk pastikan wanita yang berada di luar bandar, contoh isteri-isteri nelayan, wanita-wanita yang berada di estet dan sebagainya ini dapat keluar dan dapat menjalani pemeriksaan *mammogram* dan juga *pap smear*. Ini kerana ramai di antara mereka ini Yang Berhormat Menteri, nampaknya masih lagi belum terdedah kepada program percuma yang dianjurkan oleh pihak kementerian.

Seterusnya, kepada Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya. Saya juga pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kita tahu golongan masyarakat OKU ini kebanyakannya daripada mereka, dia ada *talents*, *special talent* dan juga ada keistimewaan masing-masing di peringkat diri masing-masing. Kita sentiasa sepatutnya berikan galakan dan juga insentif khas bagi kita terus memperkasakan golongan OKU ini.

Jadi, soalan saya, sejauh manakah agaknya ia benar-benar dimanfaatkan? Adakah kementerian akan mewujudkan *databank* OKU kah bagi memantau perkembangan sosioekonomi golongan yang perlu dibantu ini pada tahun-tahun sebelumnya dan lihat sama ada terdapat tidak apa-apa perubahan positif atau masih lagi perlukan bimbingan khusus yang perlu kita berikan perhatian?

Merujuk kepada Butiran 032000 – Anjung Singgah. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulung tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memaklumkan kepada Dewan, sehingga kini terdapat lebih 6,000 orang gelandangan yang telah pun berdaftar masuk ke lima fasiliti Anjung Singgah di seluruh negara. Jadi, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan berdasarkan 6,000 orang ini, agaknya berapa jumlah gelandangan yang telah pun memperoleh kehidupan yang lebih stabil dan mempunyai kerja hasil daripada bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian?

Berapa banyak jumlah syarikat swasta yang secara sukarela menyokong kepada usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan gelandangan ini?

Seterusnya, yang terakhir Tuan Pengurus. Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Sama juga, saya pohon penjelasan. Apakah bentuk program bimbingan yang dirangka untuk kita pastikan supaya golongan miskin ini sentiasa diberikan peluang supaya mereka dapat

meningkatkan keupayaan diri mereka dan turut serta untuk membangunkan masa depan yang lebih cemerlang dari segi pekerjaan dan sebagainya?

Apakah bentuk bantuan khusus bagi anak-anak mereka terutama dalam aspek pendidikan yang diberikan dan apakah sasaran yang diletakkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian menerusi peruntukan sejumlah RM200 juta ini? Adakah akan disalurkan sehingga ke pelbagai lapisan untuk meringankan beban mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah. Selepas itu, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan.

### 7.13 mlm.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Saya terus kepada Butiran 030800, Butiran 030900, Butiran 031000 iaitu berkaitan dengan bantuan kebajikan bulanan yang diberikan kepada keluarga miskin, mereka yang kurang upaya dan warga emas. Saya nampak peruntukannya hampir sama dengan tahun sebelumnya iaitu lebih kurang, ketiga-tiga ini kalau kita campurkan ialah RM1.5 bilion lebih kurang.

Pertama, saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada JKM di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri, sebab saya nampak banyak perubahan terutamanya di daerah Seremban. Banyak proses yang telah dipermudahkan sebab kita tahu kita hendak bantu orang. Kalau kita hendak bantu mereka yang layak dan yang dalam keadaan yang susah, kepayahan dan sebagainya, kalau kita masih menyusahkan prosedur.

Kalau dulu perlukan orang politik atau wakil rakyat untuk tandatangan, sekarang ini tidak perlu. Malahan, di Seremban, saya hendak merakan ucapan terima kasih kepada JKM sebab ada kes-kes tertentu, di mana pemohon yang payah hendak bergerak, hendak pergi Pejabat JKM untuk *interview* dan sebagainya. Selepas kami menghubungi pegawai yang terbabit, pengarah bersetuju supaya pegawai ke rumah pemohon untuk membuat *interview*.

Saya rasa ini satu pendekatan yang sangat terpuji dan perlu dijadikan teladan oleh semua agensi kerajaan yang lain. Ini sebab kita hendak buat kerja untuk mudahkan orang bukan untuk menyusahkan rakyat. Itu cara yang cukup baik, yang saya tidak pernah nampak selama dua penggal saya jadi ADUN di Seremban, tidak pernah ada nampak. Akan tetapi, ya lah, selepas PRU Ke-14, dengan kerajaan baharu, saya nampak dan saya sendiri cukup menghargai pendekatan- *approach* sebegini.

Atas dasar itu, saya sendiri pun nampak kepayahan kerja, Pejabat JKM Daerah Seremban dan saya gunakan peruntukan PMR saya, bantu mereka dengan berikan RM20,000 peruntukan untuk menaik taraf penghawa dingin di pejabat mereka sebagai satu ganjaran ataupun galakan kepada mereka. Ini sebab saya rasa yang buat baik, kita kena puji. Mana yang tidak betul itu, kita kena tegur untuk perbetulkan. Jadi, ini yang pertama.

Kedua- cuma saya hendak bagi pandangan sikit. Ini sebab saya nampak sekarang ini, setiap tahun kita kena membaharui- *renew* permohonan yang menyebabkan ada pemohon tertentu yang telah bertahun-tahun menerima bantuan bulanan. Secara tiba-tiba, disebabkan mungkin ada kesilapan dan mungkin ada kelekaan dari mereka. Akan tetapi, mereka tidak keluar daripada kekangan kemiskinan yang melayakkan mereka untuk menjadi penerima secara berterusan.

Jadi, saya mohon supaya pihak kementerian ataupun JKM sendiri mempunyai satu pendekatan yang lebih holistik yang mungkin ada cara tertentu, okey, yang boleh difikirkan oleh mereka yang *expert* dalam hal ini. Ini supaya penerima ini tidak terputus dan secara berterusan mereka boleh menerima bantuan bulanan tersebut

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Saya sebenarnya harap tahun ini Parlimen Rasah akan dibuka PAWE. Akan tetapi, ya lah mungkin tahun ini tidak ada rezeki dan belum kesampaian. Walaupun tempat sudah ada, saya sendiri pernah mohon dan Exco Kebajikan di Negeri Sembilan yang juga di bawah Parlimen Rasah juga telah membantu dalam menyediakan dan mengenal pasti tempat.

Saya berharap kalau boleh awal tahun depanlah. Saya nampak ada peruntukannya bertambah daripada RM2.9 juta kepada RM4.6 juta. Ini sebab ia memerlukan kos permulaan-*startup*, dan juga geran untuk setiap tahun. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh awal tahun depanlah, Parlimen Rasah akan dapat PAWE. Ini sebab Parlimen-parlimen lain di Negeri Sembilan, rata-rata sudah ada. Tidak akan di Parlimen PH pula yang ketinggalan.

Ketiga, Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Saya nampak ini ada kurang sedikit peruntukan berbanding dengan tahun sebelumnya. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh apa maksudnya “*pemerdagangan*”. Saya nampak ini, kenapa di bawah kementerian ini? Ini sebab biasa kalau melibatkan kes-kes macam ini, biasa bawah KDN. Jadi, adakah apa program khas yang khusus untuk kita sama-sama membanteras pemerdagangan orang ini.

Perkara yang terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini, Butiran 020400 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya menyambut baik keperluan pentingnya LPPKN ini dalam kita memperkasakan institusi keluarga dan juga membantu pihak kerajaan untuk memperkasakan pelbagai program setempat untuk masyarakat setempat khasnya mereka yang memerlukan.

Cuma, saya mohon satu, banyak kemudahan dalam LPPKN yang saya rasa tidak diketahui oleh masyarakat. Kita perlukan lebih banyak publisiti mungkin dengan kerjasama *across* di antara semua kementerian daripada Jabatan Penerangan dan sebagainya. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri KKMM pun ada, supaya kedua-dua kementerian boleh sama-sama bekerjasama untuk membolehkan banyak kemudahan, banyak kemudahan di bawah LPPKN yang tidak diketahui oleh orang awam.

Ini sebab kalau tidak tahu itu, macam mana mereka hendak menggunakan segala kemudahan yang ada. Jadi, saya mohon ada tambah baik berkenaan dengan LPPKN ini. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar jangan lupa nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar. Selepas itu, Yang Berhormat Tampin. Okey, Yang Berhormat Papar.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 7.19 mlm.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti juga Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya terus ke Butiran 010400 – Hubungan Antarabangsa. Apakah Yang Berhormat Menteri, badan-badan antarabangsa dan NGO selain dari yang telah disenaraikan yang dibuat *engagement*, dengan izin, oleh kementerian dan apakah sektor-sektor dan tambahan dalam bidang baharu selain daripada kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat.

#### ■1920

Saya berpandangan eksplorasi wanita dan kanak-kanak di dalam ruang perniagaan dan pengiklanan *online* dan digital yang melibatkan sekuriti siber harus dibincangkan dan diusahakan bersama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Merbok fasal naikkan lagi bilangan wakil rakyat wanita di dalam Parlimen. Saya mengesyorkan Yang Berhormat Menteri supaya satu undang-undang diwujudkan supaya ia menjadi satu perkara yang mandatori.

Saya terus ke Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik, Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Izinkan saya Tuan Pengerusi, untuk menyatakan satu resolusi dari satu sesi meja bulat yang telah dibuat bersama beberapa NGO yang bertajuk Wanita dan Belanjawan 2020. NGOs tersebut adalah SEDAR Malaysia, Pertubuhan Rangkaian Penjanaan Ekonomi Wanita, Pertubuhan Pemangkin Ekonomi Melayu Malaysia dan Solidariti Marhaen. Ini beberapa dapatkan daripada meja bulat itu Yang Berhormat Menteri:

- (i) Program Wanita Bekerja khasnya untuk golongan suri rumah yang ingin kembali semula bekerja di mana insentif yang ditawarkan berkemungkinan membolehkan ketirisan berlaku khasnya insentif untuk majikan;
- (ii) pentadbiran PH kalau boleh meneruskan modul-modul yang diperkenalkan semasa pentadbiran BN yang ternyata berjaya terutama sekali yang merangsang ekonomi wanita di luar bandar;

- (iii) kegagalan Kerajaan PH menangani pemilikan rumah untuk wanita yang bertaraf ibu tunggal; dan
- (iv) bantuan untuk golongan OKU, mereka telah melebarkan supaya ibu-ibu OKU ini juga mendapat insentif supaya dapat terus hidup untuk membantu anak-anak mereka.

Mohon Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengusahakan daripada daptan-daptan ini. Ketika ini Yang Berhormat Menteri, dua juta lebih wanita di negara ini tidak bekerja berikutan mereka tiada pilihan selain terpaksa akur bagi menggalas tanggungjawab sebagai suri rumah dan mengambil komitmen menguruskan rumah tangga.

Mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan bilakah beberapa pindaan Akta Pekerjaan seperti diumumkan bagi memanjangkan tempoh cuti bersalin, perlindungan gangguan seksual, diskriminasi berdasarkan gender, bangsa dan agama akan berlaku. Adakah pindaan itu membabitkan cuti *paternity* berbayar juga?

Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang meningkatkan bilangan pegawai barisan hadapan yang mengendalikan kes kebajikan dan kes penderaan dan menambah lagi pembabitan sukarelawan-sukarelawan sebagai ahli sukarelawan JKM yang sejajar dengan dasar kebajikan masyarakat. Mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula syarat-syarat yang ada supaya dimudahcarakan supaya lebih ramai yang berminat.

Saya juga mohon mencadangkan isu semasa yang sering memberi kesan kepada kehidupan seorang wanita. Kerajaan perlu menyediakan insentif kewangan bagi kesejahteraan wanita dan keluarga selain yang telah disebut di dalam belanjawan seperti pemberian insentif kelahiran bagi setiap kelahiran dalam bentuk pelaburan seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Adakah pemberian cuti bersalin itu sehingga tiga bulan ini dihadkan kepada jumlah kelahiran? Pemberian cuti separuh gaji untuk ibu yang cuti menyusukan anak supaya ia memberi kesan positif kepada pembentukan sesebuah institusi keluarga.

Saya juga berpandangan kerajaan perlu mengiktiraf kos ekonomi bagi peranan wanita di rumah dan sumbangannya kepada negara seperti pemberian elaun, bantuan pengurusan rumah tangga kepada golongan wanita yang belajar di peringkat ijazah, sarjana dan doktor falsafah.

Kerajaan juga perlu serius memfokuskan isu kesihatan mental dalam kalangan wanita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching. Wanita dibebankan dengan tanggungjawab mencari nafkah dan pada masa yang sama bertanggungjawab menjaga anak-anak. Apakah usaha bersepadu yang bersama Kementerian Kesihatan bagi menangani kesedaran wanita untuk hal kesihatan mental ini yang berisiko antaranya wanita selepas bersalin, wanita yang pernah menghadapi trauma, wanita yang mengurus keluarga secara sendirian dan yang mengalami buli siber.

Saya terus ke butiran akhir sekali Tuan Pengurus, Butiran 020300 – Institut Sosial Malaysia. Institut Sosial Malaysia ini melaksanakan kursus dalam bidang sosial terutamanya untuk subjek-subjek melibatkan kumpulan sasar termasuklah kanak-kanak, warga emas, OKU, wanita, keluarga, mangsa bencana, pertubuhan sukarela, orang kebajikan dalam hal-hal

kebijakan dan orang papa. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang menambahkan lagi kategori-kategori seperti wanita-wanita yang memerlukan kaunseling sepanjang hayat dan mangsa-mangsa yang melalui penderaan seksual.

Akhir sekali, dalam usaha untuk menjadinya satu pusat kecemerlangan, adakah ISM ini sentiasa menjalankan kolaborasi strategik dan perkongsian pintar? Apakah institusi-institusi dan agensi yang lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang sosial yang dianggap dapat memenuhi keadaan semasa dilibatkan juga. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Papar, selepas itu Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

## 7.25 mlm.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 020000 – Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberi peruntukan sebanyak RM522.78 juta berbanding dengan RM49.691 juta tahun sebelumnya. Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat diberi peruntukan sebanyak RM417.94 juta berbanding RM396.65 juta tahun sebelumnya. Dengan kenaikan ini dapatlah kementerian menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

Bantuan kebijakan masyarakat yang diwujudkan adalah untuk menolong yang berkenaan ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian. Ini adalah kerja sosial dan sukarela, boleh dibuat oleh syarikat-syarikat korporat. Proses pemberian bantuan kebijikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Kebajikan masyarakat selalunya memfokuskan kepada keperluan asas bagi meringankan beban penerima bantuan seperti bantuan sokongan sosial iaitu *social supporter* supaya penerima bantuan boleh berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Alat bantuan- *rehabilitation tool* juga supaya penerima akan kekal tinggal bersama komuniti, masyarakat atau keluarga. Sumber kewangan sementara penerima bantuan demi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Akan tetapi, untuk mendapatkan bantuan ini bukanlah mudah dan selalunya memakan masa yang terlalu lama. Dari itu, saya menyarankan kepada kementerian supaya masa untuk pemprosesan ini perlu dipendekkan.

Kita mesti tetapkan *timeframe* yang patut dipatuhi. Banyak sudah terjadi di mana pemohon-pemohon menunggu begitu lama hingga mereka sampai meninggal dunia. Apa yang penting, saya berharap pegawai-pegawai kementerian hendaklah proaktif memberi status permohonan setiap kali pemohon datang. Ini kerana permohonan akan disemak oleh pegawai-pegawai terabit sebelum dihantar ke pejabat untuk kelulusan. Bantuan-bantuan yang dimaksudkan adalah bantuan kanak-kanak, bantuan pekerja cacat, bantuan OKU (tidak berupaya bekerja), bantuan penjagaan OKU dan bantuan orang tua.

Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ini memberi peruntukan sebanyak RM85.6 juta. Program ini berkembang dengan pesatnya serta mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat dari masa ke semasa. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan Orang-orang Kurang Upaya. Program PDK ini selalunya berteraskan kemahiran seperti memberi kemahiran membaiki motor, pembuatan kraf tangan, kreativiti rekreasi, kebolehan memainkan muzik, mengendalikan program perisian komputer dan sebagainya.

Saya berharap dengan dana yang ada, lagi ramai Orang Kurang Upaya diberi peluang untuk mengikuti kursus yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Secara umumnya, program ini berfungsi sebagai landasan untuk memperkembangkan dan membantu dalam pemulihan golongan kurang upaya. Ini juga diharap dapat menambah pengetahuan dan kemahiran orang kurang upaya supaya mereka dapat memenuhi kelangsungan keperluan kehidupan harian mereka.

Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin diberi dana sebanyak RM200 juta. Butiran Sosioekonomi Kurang Upaya diberikan peruntukan sebanyak RM734 juta. Butiran Sosioekonomi Warga Emas diberi dana sebanyak RM575 juta.

#### ■1930

Kesemua butiran di atas adalah untuk menolong orang-orang yang memerlukan bantuan. Akan tetapi, saya banyak menerima *complain* daripada pemohon bahawa kebanyakan staf yang bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak begitu *customer friendly*. Ramai yang meluahkan perasaan hingga mengeluarkan air mata kerana layanan yang diberi kepada mereka sewaktu bertanya status permohonan mereka.

Ada di antara pemohon ini tidak mahu berjumpa pegawai-pegawai tersebut buat kali kedua. Daripada apa yang saya perhatikan, di P.175 Papar memang Pejabat Kebajikan Masyarakat kekurangan kakitangan untuk menangani dan membantu pemohon-pemohon ini terutamanya warga emas. Dari itu, saya ingin memohon daripada kerajaan supaya P.175 Papar Jabatan Kebajikan Masyarakat ditambah kakitangan lagi. Terima kasih. Saya dengan ini, menyokong bajet ini.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, kemudian Yang Berhormat Sungai Petani dan diikuti oleh Yang Berhormat Maran. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

#### 7.31 mlm.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Pengurus, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin menyentuh Butiran 020400 dan Butiran 00300 yang melibatkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Oktober 2019 yang lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengemukakan satu laporan yang menunjukkan bahwasanya ada penurunan kadar pertumbuhan dan kadar kesuburan di Malaysia daripada 1.9 kepada 1.8 pada tahun 2018. Kadar kesuburan ini amat penting sekali untuk memastikan rakyat Malaysia terus berada dalam keadaan jumlah yang mencukupi dan saya yakin perkara ini juga adalah harapan kepada semua keluarga untuk memiliki anak.

Saya berterima kasih kepada kementerian Yang Berhormat kerana telah mengemukakan satu polisi yang baik iaitu mewujudkan satu kos IVF, mengeluarkan daripada KWSP. Akan tetapi persoalan yang timbul adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kos IVF ini bukanlah kos yang amat murah dan berpatutan, ia amat mahal.

Jadi persoalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mewujudkan Pusat IVF di bawah LPPKN ini agar kerajaan mengambil alih. Bukan hendak bersaing dengan pihak swasta, tetapi memberi jaminan kepada golongan M40 dan golongan B40 supaya wujudnya sebuah Pusat IVF. Walaupun hanya mengeluarkan KWSP- walaupun ada banyak pertikaian menyatakan bahwasanya apabila IVF ini dia tidak akan buat umur 50 tahun, dia akan pergi kepada anak-anak, wanita muda yang berumur 20 tahun ke 30 tahun kerana ketika itu, mereka memang berusaha untuk mendapatkan zuriat. Akan tetapi, jumlah dalam KWSP adalah amat berkurangan tetapi tidak apalah, kerana kementerian sudah melakukan satu perkara yang bermula dan mungkin akan berlaku penambahbaikan.

Cumanya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya Pusat IVF ini diwujudkan, di manakah hendak ambil duit? Saya merujuk kepada laporan audit tahun 2018 Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila Rancangan Malaysia Ke-11, di bawah Butiran 00300 telah memperuntukkan di bawah LPPKN ini sebanyak RM47.8 juta. Saya lihat dalam laporan audit tahun 2018, kenapa hanya digunakan sehingga 31 Disember 2018 hanya RM14.5 juta. Saya lihat tahun 2019, saya lihat tahun 2020 pada tahun hadapan, jumlah penggunaannya akan bertambah menjadi RM10.2 juta dan ada baki lebih kurang RM23 juta. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan bajet ini kerana Rancangan Malaysia Ke-11 akan berakhir pada tahun 2020.

Saya juga mengharapkan sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya IVF ini harus diberi penekanan kerana inilah yang akan menjadikan negara kita lebih kompetitif kerana jumlah penduduk memainkan peranan penting. Ini kerana *domestic purchasing power* amat penting dalam menentukan ekonomi domestik bergerak di peringkat hiliran.

Saya juga hendak menyentuh Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya juga memuji JKM Negeri Pahang dan JKM Daerah Kuantan kerana mereka tidak memilih politik dalam menguruskan urusan kebajikan dan semangat pegawai kerajaan beginilah yang saya harapkan kepada semua kementerian. Syabas dan tahniah saya ucapkan di bawah kementerian ini. Cumanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat bersetuju sekiranya kita panjangkan bantuan kanak-kanak ini kepada bantuan ibu tunggal. Oleh kerana ibu tunggal hari ini amat sukar

sekali, bukan ibu tunggal yang sudah berusia, ibu tunggal yang muda ini adalah ibu tunggal yang harus diberi bantuan dan saya harap sangat bantuan ibu tunggal dapat diberikan.

Walaupun tidak ada bantuan, tetapi harus diberikan maklum balas Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya maklum balas ini di atas segala permohonan khususnya kepada JKM, kita kena maklumkan kepada pemohon.

Saya tahu ini akan menjadikan kerja sukar tetapi apabila kita dapat berikan maklum balas kepada pemohon, pemohon walaupun tidak dapat, dia tahu sebab apa permohonan mereka ditolak. Akan tetapi yang mendukacitakan, ramai yang datang pejabat saya hanya beritahu mereka tidak dapat dan mereka tidak tahu apa sudah terjadi pada permohonan mereka. Mereka tidak kesah tidak dapat kerana mereka boleh berusaha untuk mencari punca yang lain.

Cumanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana untuk mencari kewangan untuk mewujudkan sebuah bantuan kepada ibu tunggal? Rancangan Malaysia Ke-11, Kepala Pembangunan 48 ini, ada RM1.1 bilion telah diperuntukkan kepada kementerian Yang Berhormat.

Akan tetapi melalui *Audit Report* tahun 2018, setakat 31 Disember 2018, hanya digunakan RM365 juta. Saya campur tahun 2019 dan 2020, RM377 juta, makna ada baki lagi RM300 juta. Gunakan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya bantuan ini dapat disalurkan. Sudah diperuntukkan dan telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan mulia ini, tidak elok kalau kita tidak gunakan kerana ia amat penting kepada generasi hari ini dan generasi akan datang.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh satu isu yang agak penting apabila masalah yang kita selalu sebut sebagai masalah *pedophilia* ini. Masalah ini adalah masalah yang sukar dibendung dan saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah pihak kementerian untuk mengatasi perkara ini? Bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah *stress* kepada generasi hari ini supaya ia tidak bagi kesan kepada generasi akan datang? Kerisauan saya adalah banyak sangat yang dilaporkan oleh JKM tahun 2016, 2017 dan akhirnya ini semua akan memberi suatu pulangan yang tidak baik kepada pembangunan masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak atas peluang yang diberikan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani.

### **7.38 mlm.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang *performance* di Sungai Petani, A. *Alhamdulillah... [Tepuk]* Pegawai-pegawai bekerja dengan amat dedikasi, dengan penuh hemah dan saya walaupun mendapat *complain*, tetapi amat sedikit kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Cuma saya hendak mulakan Tuan Pengerusi dengan 010600 – Pengurusan Maklumat. Saya hendak tahu, bagaimanakah kementerian mengambil tindakan untuk menguarkan-uarkan

program-program kementerian yang baik? Contohnya seperti mySalam, i-Suri. Ini ialah program-program yang cukup baik malah di mySalam, kita belanja cukup banyak.

Akan tetapi ramai kalau kita turun ke bawah, pesakit-pesakit kita di hospital yang tidak tahu apakah program-program ini? Oleh sebab itu bila datang ke pejabat saya, saya *explain*, baru dia orang tahu. Akan tetapi berapa banyak yang kita boleh *explain* dalam kapasiti yang masa dan pegawai kita yang tidak cukup. Oleh sebab itu saya kira kementerian harus bekerja rapat dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia saya kira untuk memaklumkan dan menggunakan apa juga media yang kita ada supaya penduduk khususnya rakyat di bawah B40 mendapat manfaat daripada program-program kementerian yang cukup cantik dan amat boleh memberikan kelegaan kepada rakyat.

Kedua, Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Sekali lagi saya katakan saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah pun memberikan satu perkhidmatan yang baik. Namun begitu Tuan Pengerusi, saya ada masalah dengan eKasih. Oleh sebab itu kalau boleh kementerian bercakap balik dengan ICU khususnya sebab di bawah satu Menteri yang sama, sebab kadang-kadang eKasih juga mempunyai cara pengiraan yang kadang-kadang kita agak susah hati. Ini sebab mungkin kadang-kadang satu keluarga itu ada dua tiga anak-anak yang mendapat pendapatan yang akhirnya dicampur tidak melayakkan seorang yang berada dalam rumah itu khususnya bapa yang tua, tidak layak untuk mendapat bantuan kebajikan masyarakat.

#### ■1940

Akan tetapi harus diingat, kadang-kadang anak dalam rumah itu juga jadi *security guard* ataupun anak perempuannya basuh pinggan di kedai-kedai, di restoran dan dia juga mempunyai masalah menanggung keluarga. Mungkin juga ada dua tiga orang cucu dalam rumah. Jadi saya kira harus dilihat balik, adakah perkiraan yang digunakan oleh ICU itu betul-betul boleh kita terima dalam keadaan yang sebenarnya. Itu yang pertama.

Kedua, bukan mudah juga kadang-kadang kita lihat, kita jumpa orang yang susah di kampung-kampung tetapi apabila kita hendak tolong dia tidak register dengan e-Kasih lagi. *The moment* kita hendak register e-Kasih *takes time*. Jadi ini masalah yang ada dan di pejabat daerah juga bukan dia *approve everyday*. Kadang-kadang dua bulan sekali baru berjumpa dan akhirnya di *endorse* kan permohonan e-Kasih. Ini ialah masalah-masalah teknikal yang saya kira boleh diselesaikan di bawah bumbung yang sama oleh TPM yang juga menjadi Menteri yang menjaga.

Baik seterusnya ialah tentang Sosioekonomi Keluarga Miskin. Kita faham mungkin di antara negeri yang memang memberikan bantuan di kawasan ASEAN ini ialah Malaysia yang terlalu banyak. Cumanya sekarang ini ialah kita harus- sementara kita memberikan bantuan kepada keluarga miskin ini, kita harus juga ada program. Saya tidak tahu sama ada kaunseling atau sebagainya, bagaimana sementara memberikan bantuan harus ada juga kaunseling dan juga nasihat kerana keluarga miskin ini juga kalau dilihat ada peluang di dalam kementerian-kementerian lain. Kita ada lapan kementerian yang juga memberikan bantuan-bantuan untuk buat *business*, bantuan TEKUN, macam-macam bantuan.

Jadi kalau tidak ada maklumat yang mereka boleh bergerak maju ke depan akhirnya mereka akan bergantung, *depence on* kementerian- JKM ini amat terlalu tinggi. Jadi kita harus memberikan kaunseling pada mereka bahawa *you okay*, kita bagi bantuan tetapi harus ada ruang dan peluang untuk mereka bergerak, kalau tidak mereka akan sentiasa menjadi terlalu bergantung. Seterusnya saya hendak bertanya tentang Anjung Singgah. Ini satu program yang saya amat-amat terkedulah. Bila kita lihat baru ini saya melawat dua tiga Anjung Singgah ini saya tidak sangka rupanya di Malaysia ini banyak kaum-kaum gelandangan yang tidur di bawah jambatan dan sebagainya.

Kita balik lewat Tuan Pengerusi dari Parlimen, kita tidak tahu apa yang berlaku sebenarnya di luar sana. Akan tetapi apabila kita tengok di KL sahaja, saya tidak tahulah datang mana manusia yang begitu susah begini.

Jadi saya hendak tanya sementara program ini baik, adakah kerajaan khususnya kementerian Timbalan Menteri- adakah mendapat bantuan-bantuan daripada syarikat-syarikat korporat? Ataupun adakah usaha-usaha untuk pastikan syarikat-syarikat memberikan bantuan atau menyumbang CSR mereka atau tidak kepada kementerian akhirnya kita boleh perkembangkan bantuan ini kepada mereka yang tidak bernasib baik dan tidur di bawah jambatan dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sekijang diikuti oleh Yang Berhormat Sibuti kemudian Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### 7.43 mlm.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh terus kepada Kepala Bekalan dan Pembangunan 48- B/P.48, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Tahun 2020 mengikut Objek Am yang memperlihatkan peningkatan peruntukan daripada RM2.397 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.473 bilion pada tahun 2020 yakni penambahan sebanyak RM76.036 juta.

Saya menyambut baik penambahan peruntukan ini kerana ia dilihat penting bagi mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera yang dijadikan sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang serta memberi penumpuan kepada golongan bersasar seperti institusi keluarga, orang kurang upaya, warga emas, orang papa, wanita, kanak-kanak, mangsa bencana alam dan NGO kebajikan.

Saya terus kepada Kepala Bekalan P.48, Butiran 00502 - Rumah Pesakit Melarat; Butiran 00503 - Rumah Seri Kenangan; Butiran 00504 - Rumah Kanak-kanak; Butiran 00602 - Taman Sinar Harapan; Butiran 01001 - Pusat Jagaan Harian Warga Tua; Butiran 01300 - Kompleks Penyayang; dan Butiran 02000 - Rumah Perlindungan Khas.

Saya ingin dapatkan perincian kepada penambahan peruntukan kepada butiran-butiran ini sama ada pihak kementerian berhasrat untuk membina aset yang baharu ataupun menaik taraf bangunan yang sedia ada. Saya juga ingin mencadangkan pembinaan sebuah Kompleks

Kebajikan Kasih di daerah Segamat di mana kos pembinaannya sebanyak RM24 juta akan dibiayai sepenuhnya oleh NGO kebajikan dan mendapat sokongan yang sepenuhnya oleh pihak kementerian.

Untuk makluman, terdapat banyak pusat kebajikan yang diwujudkan oleh pihak NGO Kebajikan Segamat sejak tahun 1995. Antara pusat kebajikan yang sedia ada termasuklah dengan izin iaitu:

- (i) *Shelter Home* di Kampung Tengah;
- (ii) *Children's Home* di Jalan Ng Chan, Kampung Tengah;
- (iii) *Teenager Girl Home* di Jalan Pawana;
- (iv) *Drug Rehabilitation Female Children Home (SHA)* di Taman Murni;
- (v) *Grace Home* di Jalan Mariani Kampung Jawa;
- (vi) *Special Female Home (SPEF)* di Jalan Pee Kang Hai;
- (vii) *Drug Rehabilitation Care Centre's 1* di Labis;
- (viii) *Drug Rehabilitation Centre 6* di Jalan Mariani Kampung Jawa;
- (ix) *Renewal Male Home* Labis di Jalan Swee Yok Sungai Karas, Labis;
- (x) *Renewal Male Home Segamat (RMH)* di Jalan Mariani Kampung Jawa;
- (xi) *Special Male Home (SPEAM)* di Jalan Mariani Kampung Jawa; dan
- (xii) *Junior Boys Home (JBH)* di Jalan Samsu Bukit Siput.

Namun begitu masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan adalah kewujudan pusat kebajikan yang sedia ada ini wujud di beberapa buah tempat yang telah menyebabkan kesukaran dalam pengurusan dan penjagaan pusat-pusat kebajikan ini.

Oleh yang demikian timbul perancangan bagi menubuhkan Kompleks Kebajikan Kasih bagi menempatkan pusat kebajikan yang sedia ada, yang lebih tersusun dan berpusat. Kos pembinaan yang akan menelan belanja sebanyak RM24 juta akan didirikan di kawasan tanah seluas 11 ekar dengan pembinaan 21 unit bangunan yang merangkumi bilik pembelajaran iaitu mengikut kategori kebajikan, dewan makan, asrama dan kawasan riadah yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak NGO kebajikan.

Bagi tujuan ini saya minta agar pihak kementerian dapat memberi persetujuan dalam pemberian lesen kepada pembinaan kompleks ini selagi mana mematuhi Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Saya juga memohon agar pihak kementerian dapat menyalurkan sejumlah peruntukan yang perlu bagi menampung perbelanjaan lain seperti membekalkan keperluan pusat jagaan dari segi prasarana dan kemudahan yang mengikuti piawaian yang telah ditetapkan. Dengan adanya Kompleks Kebajikan Kasih ini kelak ia mampu menjadi contoh kepada negara-negara lain bahawa penubuhan kompleks kebajikan ini membuktikan bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara berkebajikan yang sentiasa memberi penekanan kepada golongan yang memerlukan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

**7.49 mlm.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak banyak perkara yang ingin saya bangkitkan.

Saya ingin terus pergi ke Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan dua pusat PDK di kawasan DUN Bekenu dan juga DUN Lambir di kawasan Parlimen Sibuti. Kedua-dua PDK ini sedang menyewa tapak rumah dan juga dalam proses dan juga kerajaan negeri dalam proses pembinaan ruang ataupun bangunan bagi PDK khusus untuk PDK Batu Niah dan juga Bekenu.

Walaupun demikian, saya dan juga bersama wakil rakyat DUN Bekenu telah menyediakan tapak dan juga bangunan baharu untuk PDK.

**■1950**

Saya ingin mendapatkan bantuan daripada pihak Menteri dan juga pihak kementerian untuk menambah baik barang sensori untuk membantu ahli-ahli di dalam PDK. Saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kementerian apakah langkah untuk membantu PDK untuk mendapatkan kenderaan?

Adakah ada satu mekanisme yang khusus untuk mendapatkan kenderaan tanpa cukai sekurang-kurangnya untuk mendapat kereta dalam bentuk kereta PERODUA Axia ataupun Myvi bagi memudahkan pergerakan sukarelawan PDK terutamanya di kawasan luar bandar, memandangkan untuk membeli sebuah kereta agak mahal dan juga kebanyakan permintaan ahli-ahli PDK adalah masalah kenderaan untuk pergi ke pusat PDK tersebut.

Saya juga ingin pergi ke Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Bagi tahun 2018 dan juga tahun 2019, Parlimen Sibuti telah diluluskan untuk mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas dan juga pusat khidmat saya sendiri telah menyediakan ruang untuk mesyuarat kali pertama dan juga saya memberi ruang pejabat saya untuk sebagai pusat aktiviti warga emas.

Walaupun demikian, memandangkan pusat khidmat akan dianggap sebagai pusat aktiviti politik, saya telah- Pusat Warga Emas Parlimen Sibuti telah mendapat kelulusan daripada Pejabat Daerah Subis untuk mengguna pakai kuarters kediaman yang tidak digunakan dan juga pada masa kini kuarters kediaman tersebut dalam proses naik taraf dan juga aktiviti warga emas akan bermula tidak lama lagi.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan tentang Pusat Aktiviti Warga Emas ini. Saya agak terkejut apabila mendapat respons daripada warga emas berkenaan tentang masalah stres di kalangan warga emas terutamanya masyarakat penduduk di luar bandar. Memandangkan di kawasan luar bandar, sekiranya kita biasa pergi ke rumah-rumah panjang dan juga di kampung-kampung, ada dua golongan terdapat di kampung yang paling ramai iaitu warga emas dan juga kanak-kanak. Memandangkan kanak-kanak ini ditinggalkan oleh golongan ibu bapa kerana ibu bapa perlu keluar daripada kampung untuk bekerja.

Salah satu lagi masalah adalah masalah ibu bapa ataupun pasangan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan juga terpaksa duduk bersama dengan warga emas tersebut sehingga menimbulkan masalah stres dan juga kesihatan mental di kalangan pesara dan juga warga emas kerana mereka perlu menjaga cucu-cucu di rumah. Maka saya merasakan pihak kementerian perlu menyediakan sebuah modul untuk membantu golongan warga emas yang kelihatan agak stres apabila mereka terpaksa menjaga cucu-cucu mereka sehingga akhir hayat.

Saya juga ingin terus pergi ke Butiran 031700 – *Home Help*. Di kawasan Parlimen saya, banyak sukarelawan *home helpers* ini, dan juga *home helpers* ini banyak membantu warga-warga emas yang terlantar dan uzur.

Walaupun demikian, saya melihat sukarelawan ini agak terhad dari jumlah bilangan dan mereka tidak cukup tangan. Maka saya mencadangkan agar pihak kementerian dapat meningkatkan lagi, rekrut-rekrut *volunteers* untuk *home helpers* ini.

Adakah kerajaan dapat mempelbagaikan servis *home helpers* ini kepada servis *baby sitters*, dengan izin? Memandangkan saya rasa kebanyakan masalah di kawasan luar bandar apabila mereka ingin keluar bekerja ataupun pergi ke kebun bagi golongan pekebum muda, mereka tidak dapat menjaga anak-anak, terutamanya di kawasan rumah panjang. Maka saya mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memikirkan sesuatu program *baby sitters* di-khususnya di kawasan rumah panjang.

Saya tidak pasti butiran yang sesuai. Saya ingin menyebut Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Salah satu program yang paling menarik di bawah kementerian ini adalah Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK). Saya mencadangkan agar diperbanyakkan pusat aktiviti kanak-kanak dan juga saya memerlukan pusat aktiviti kanak-kanak di kawasan DUN Bekenu di Parlimen Sibuti. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang diikuti oleh Yang Berhormat Kangar dan yang terakhir Yang Berhormat Kalabakan. Sila, Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### 7.54 mlm.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya bahas lebih lanjut, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang kerjasama di kawasan saya di Pasir Gudang. Hubungan sangat baik dan banyak kegiatan di peringkat Parlimen Pasir Gudang dapat penyertaan daripada kementerian. Malah Yang Berhormat Menteri pernah hadir pelancaran PAWE di Pasir Gudang. Akan tetapi selepas memberi pujian itu Tuan Pengerusi, maafkan saya kalau dalam Parlimen ini mungkin ada sedikit teguran berdasarkan belanjawan ini.

Saya merujuk kepada Butiran 03100 di bawah P.48. Butirannya ialah Naik Taraf Bangunan KPWKM di Lot 4J-11 Putrajaya. Pada tahun 2018, naik taraf itu menelan belanja RM60 juta. Kemudian tahun 2019, RM62 juta pula dan yang tahun 2020 ini RM63 juta lebih. Ertinya naik taraf dia tiap-tiap tahun tak sudah-sudah kah? Jadi naik taraf bangunan KPWKM ini maksudnya

mungkin Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau tiga tahun berturut itu sudah lebih RM188 juta. Saya ingin merujuk hendak dibandingkan supaya jangan kita cantikkan ibu pejabat kementerian.

Cuba lihat Butiran 00502 – Rumah Pesakit Melarat hanya RM13 juta tahun 2020. Rumah Seri Kenangan hanya RM9 juta. Rumah kanak-kanak RM5 juta sahaja. Taman Sinar Harapan tidak sampai RM1 juta. Begitulah dan lagi satu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah hanya RM4,400,000. Sedangkan jumlah perbelanjaan untuk naik taraf itu lebih RM60 juta. Rakan saya Ahli Parlimen Tebrau tadi ada sebut, di Pejabat Kebajikan Masyarakat di Johor Baharu, tingkat 6- menumpang. Susah ya. Kawasan itu *parking* susah. Tempat kereta sempit ya. Jadi mungkin pihak kementerian boleh lihat perkara ini.

Kemudian, saya tak mahu banyak sangat kritik. Saya pindah perkara yang lain iaitu Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Ini saya nak ucap syabas kepada kementerian. Tahun lepas, 2019 hanya RM396 juta, naik lebih RM21 juta menjadi RM400 juta lebih. Ini bagus dan memang kita nampak dedikasi, sungguh-sungguh pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat bawahan.

Hanya saya hendak beritahu pihak kementerian tentang kebajikan masyarakat ini berkenaan dialisis ini- pusat dialisis buah pinggang ini merujuk kepada kawasan saya di Pasir Gudang. Hospital Sultanah Aminah sudah penuh pusat dialisis itu, tidak boleh tampung lagi. Ada satu hospital lagi, Hospital Sultan Ismail pun sudah penuh.

Kemudian, ada NGO-NGO yang baik hati seperti *Lion Club* dan sebagainya pun sudah penuh, tak tertampung. Jadi ramai pesakit-pesakit dialisis ini jumpa Ahli Parlimen minta tolong. Kita pun cuba lah berhubung dengan hospital, badan-badan NGO, sorry Yang Berhormat, dah penuh dah, macam mana? Jadi mungkin pihak kementerian bantulah kalau boleh perbanyak lagi pusat-pusat dialisis ini supaya kita dapat tolong pesakit-pesakit kita. Itu sahaja Tuan Penggerusi daripada Pasir Gudang. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar.

#### 7.59 mlm.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya ingin mengambil bahagian walaupun masa tak panjang kerana saya rasa kementerian ini sangat penting sebagai salah satu kementerian yang berada di barisan hadapan dalam mencapai agenda Kemakmuran Bersama.

Saya pernah menyebut di Dewan ini bahawa kejayaan segala program bantuan kerajaan bukanlah apabila kita semakin ramai rakyat Malaysia memerlukan bantuan ataupun semakin banyak duit diperlukan untuk memberikan bantuan. Akan tetapi kejayaan ini mesti diukur bila semakin ramai orang tidak lagi memerlukan bantuan dan kerajaan mungkin tidak mengeluarkan semakin banyak kos. Di dalam erti kata lain kita mesti menukar rakyat Malaysia ini supaya mereka ini sihat dan dapat menjadi warga yang produktif.

**■2000**

Saya hendak menyentuh Butiran 010600 – Pengurusan Maklumat. Kita tahu daripada dulu ada tuduhan bahawa sesetengah penerima bantuan ini mereka ini tidak layak. Ada tuduhan kalau dulu kata sebahagian penerima bantuan ini dikatakan kerana ada hubungan politik dengan parti-parti tertentu. Jadi saya percaya perkara ini mestilah kita hilangkan kerana mungkin sahaja dakwaan ini benar dan juga mungkin tidak.

Dalam pengalaman saya sepanjang bertugas setahun setengah ini kita pergi ke banyak kawasan memang kita juga meragui sesetengah orang kata dapatan kerana ada orang yang kita rasa sepatutnya menerima bantuan mereka tidak terima, ada yang mereka yang kita rasa sepatutnya sudah terkeluar daripada senarai bantuan tetapi masih menerima bantuan. Jadi siapa yang hendak sahkan perkara ini?

Saya juga merasakan kita dalam dunia yang semakin moden mungkin kementerian dapat membangunkan satu aplikasi yang mana kita boleh menggabungkan dapatan-dapatan daripada pelbagai agensi yang terlibat dalam memberikan bantuan. Tidak kisahlah sama ada bantuan dari segi *direct cash transfer* ataupun mungkin dalam bentuk pemberian barang atau latihan supaya kita dapat tahu seorang penerima bantuan ini sudah berapa banyak jenis bantuan yang kita berikan dari semasa ke semasa.

Hal ini kerana saya percaya khidmat yang berkesan ini kalau kita tengok dalam *outcome* kementerian ini, menunjukkan peratusan tinggi iaitu 95 peratus tetapi ada aduan tentang duit bantuan yang lambat masuk dan sebagainya. Ini saya fikir perlu dibetulkan oleh kementerian. Kita tahu dari tahun ke tahun sejak zaman pentadbiran lalu dan diteruskan sekarang ini kita ada bantuan. Kalau dulu dipanggil BR1M sekarang Bantuan Sara Hidup, kita tengok berlaku kelewatan, hendak kena buka akaun dan sebagainya. Apakah data-data ini tidak pernah diselaraskan sejak daripada dulu?

Tidak sepatutnya ini berlaku lagi dan ini menunjukkan ada satu masalah *coordination* yang menunjukkan bahawa kementerian-kementerian banyak bergerak *in silo*. Sepatutnya perkara ini telah diselesaikan dan saya harap tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Seterusnya Butiran 010500 – Kolaborasi Strategik. Kalau kita tengok misalnya koperasi ia ada Suruhanjaya Koperasi, belia ada Pendaftar Belia, kita tengok persatuan sukan ada Pesuruhjaya Sukan, saya fikir sudah tiba masanya persatuan kebajikan juga berdaftar di bawah satu pendaftar kebajikan.

Jadi setiap negeri yang mana terlalu banyak orang daftar persatuan kebajikan mereka boleh diletakkan di bawah satu pendaftar kebajikan dan mereka inilah yang mungkin boleh menjadi mata, telinga dan juga sukarelawan kepada kementerian. Jadi kita boleh gunakan misalnya dalam kes ribut, biasanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang perlu mengesahkan mangsa-mangsa ribut, berapakah nilai dan sebagainya. Saya dapat makluman misalnya daripada agensi-agensi memberi bantuan ribut, selalunya bantuan ribut ini orang hendak cepat, kalau bumbung sudah terbang, hujan berlaku dan sebagainya, mereka tidak boleh tunggu.

Akan tetapi selalunya bantuan diterima lambat oleh kerana alasan yang diberi ialah maklumat akhir yang perlu ditunggu daripada JKM dan JKM sudah tentulah jumlah kakitangan tidaklah seramai mana jadi masalah untuk mengumpul data ini lambat. Jadi saya fikir perkara ini tidak patut berulang, jadi kita patutnya manfaatkan agensi-agensi ataupun persatuan-persatuan yang bersifat kebajikan ini kita selaraskan supaya mereka dapat menjadi sukarelawanlah terutamanya ketika diperlukan. Supaya maklumat-maklumat tadi yang saya sebut tentang gabungan, maklumat tentang pemberian kebajikan ini dapat kita selaraskan untuk melihat siapakah yang selama ini tercicir tetapi layak, siapa yang tidak sepatutnya terima tetapi sudah terima bantuan.

Jadi kena ada satu penyusunan, penyelarasan supaya tahap-tahap usaha untuk kita mengeluarkan orang yang misalnya miskin daripada kemiskinan dapat dilakukan. Tadi Yang Berhormat Sungai Petani juga sebut misalnya latihan keusahawanan dan sebagainya, jadi hanya dengan penyelarasan data kita dapat baiki semua ini.

Seterusnya Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya percaya sebagaimana Bantuan Sara Hidup kita juga patut semak semula cara penentuan hak kebajikan. Bila saya masuk ke kampung-kampung, pergi ke rumah-rumah saya tengok kadang-kadang sangat kesian. Seorang warga emas terpaksa menjaga cucu Orang Kurang Upaya (OKU) yang mana emaknya menghidapi masalah mental dan kakaknya yang baru darjah empat terpaksa bekerja untuk membantu.

Jadi, apakah nasib keluarga yang begini sekiranya datuk dia sudah meninggal, emaknya sudah sakit jiwalah tidak boleh menguruskan diri sendiri, ada adik OKU. Apakah akan jadi kepada mereka sekiranya bantuan yang kita tetapkan hanyalah bantuan asas.

Saya percaya kita patut buat macam Bantuan Sara Hidup. Pertama, kita mesti ada bantuan asas dan kita perlu ada penambahan-penambahan jumlah berdasarkan kes spesifik. Kalau macam Bantuan Sara Hidup kita bagi RM1,000, anak pertama dapat tambahan lagi RM200, sehingga anak ketiga. Jadi sama juga dengan bantuan kebajikan di bawah JKM kita sepatutnya ada satu nilai asas dan jumlah tambahan itu bergantung kepada kes demi kes.

Saya juga berharap JKM dapat memperkenalkan apa yang pernah saya bahaskan sebelum ini, apa yang telah menjadi satu amalan di peringkat antarabangsa iaitu *conditional cash transfer* ataupun pemberian tunai bersyarat kerana kita ada juga banyak kes orang yang miskin dia sebenarnya mampu bekerja.

Kalau dalam Islam pun sebenarnya orang yang sihat, orang yang muda ini tidak layak terima zakat tetapi mereka ini telah biasa bergantung dengan pemberian tunai jadi kita mestilah berusaha untuk memikirkan jalan. Kita dapat memberi bantuan sekiranya mereka membuat kerja-kerja tertentu ataupun misalnya dalam kes yang saya bagi contoh sebelum ini misalnya keluarga ini pastikan anak dia bersekolah. Jadi dengan bersekolahnya anak itu dapatlah pemberian tunai diberi.

Terakhir ialah Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Saya percaya juga kerjasama dengan negeri-negeri yang memberi bantuan perkahwinan untuk mensyaratkan pasangan wajib

untuk mengikuti satu kursus undang-undang perkahwinan kerana kita tengok sekarang ini banyak kes. Semalam pun ditunjukkan ada negeri yang banyak kes penderaan wanita. Jadi kita berharap ini dapat dikurangkan dan yang lain-lain itu saya mungkin minta penjelasan sikit kerana saya tengok ada banyak inisiatif berkaitan warga emas atas pelbagai nama. Saya hendak tahu jugalah apakah perbezaannya. Itu saja, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan.

#### **8.06 mlm.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh satu butiran sahaja sebab sudah overtime [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Overtime.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Dijadualkan menggulung jam lapan. Jadi saya hendak sentuh Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), yang saya kenal pasti di Tawau ini, Tawau dan Kalabakan, kesedaran terhadap kewujudan PAWE ini sangatlah rendah. Saya ada berjumpa beberapa pesara-pesara saya tanya dia selepas ini ke mana, dia bilang pergi RTM. RTM di Tawau ini ‘rehat tunggu mati’ [*Ketawa*]

Jadi PAWE ini adalah merupakan pilihan yang sesuai bagi warga emas, warga tua masa kini dan akan datang. Memandangkan warga tua semakin bertambah dalam masyarakat dan isu berkaitan penjagaan selalu dibincangkan, warga tua digalakkan untuk tinggal bersama keluarga selama mungkin. Oleh itu perkhidmatan PAWE harus disediakan bagi warga emas ketika penjaga atau anak-anak keluar bekerja.

Saya selalu berkunjung ke PAWE Tawau ini dan keadaannya yang sangat daif. Rumah kerajaan yang di *convert* menjadi pusat aktiviti warga emas. Jadi saya memohonlah kalau boleh semua PAWE ini di naik taraf dan Parlimen Kalabakan tidak mempunyai PAWE langsung. Jadi saya haraplah nanti saya mengajukan permohonan untuk mewujudkan PAWE di Tawau ini sebab banyak kawasan yang berpenduduk padat dan anak-anak keluar, warga emas ini tinggal di rumah bersendirian. PAWE ini juga saya nampak adalah tempat untuk warga tua yang duda dan janda mencari jodoh. Itu saja terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Ahli Yang Berhormat seramai 29 Ahli Yang Berhormat telah berbahas di peringkat Jawatankuasa, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjawab dalam tempoh masa satu jam atau 60 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### **8.08 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Pengerusi, saya ada banyak di sini, saya tidak pasti boleh jawab semua tetapi saya usahakan. Pertamanya adalah untuk Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Sibut ada?

**Puan Hannah Yeoh:** Yang Berhormat Sibut ada. Mencadangkan modul kepada warga emas yang menghadapi tekanan akibat menjaga cucu. Jadi LPPKN telah melaksanakan modul *Grand Parenting* bermula tahun ini dan modul *Grand Parenting* yang dikelolakan oleh LPPKN sebagai persediaan warga emas melalui kehidupan selepas bersara dengan aktif di samping memperoleh kemahiran dalam mengawal emosi dan tekanan terutamanya ketika berhadapan dengan cucu.

Selain daripada itu, LPPKN juga ada menganjurkan Program Terapi Kesunyian untuk membantu warga emas yang menghadapi sindrom *emptiness* dengan izin ataupun menghadapi kesukaran emosi kerana kehidupan selepas bersara. Jadi yang memerlukan boleh menghubungi LPPKN untuk program *Grand Parenting*. Yang Berhormat Rasah untuk perkhidmatan LPPKN, tidak ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Rasah tidak ada.

**Puan Hannah Yeoh:** Saya bagi secara bertulis. Yang Berhormat Hulu Selangor, PDK fasiliti yang amat mendukacitakan. Peruntukan untuk...

## ■2010

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, ramai Ahli Parlimen dok ada dekat luar sana. Walaupun dia tidak di sini, dia ada dekat. Yang Berhormat kena jawab saja. Kasihan dekat dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak, tidak apa.

**Puan Hannah Yeoh:** Saya ada satu jam saja. Jadi saya akan jawab. Mana saya boleh *clear*, teruslah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak adillah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Utamakan yang duduk dalam.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Utamakan yang ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Setengah dia orang pergi solat. Jadi kita tidak boleh main pakai ada macam itu, sebab kita tidak bersedia untuk ada ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jawab semualah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Faham, faham. Baik.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tidak apa, nanti depa masuk, kita jawab balik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh:** Untuk...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Adakah anda semua ingin berlawan dengan saya? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Teruskan.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey untuk PDK. Peruntukan untuk peralatan PDK biasanya diberi sekali gus, *one off* semasa PDK ditubuhkan. Untuk PDK sedia ada, jawatankuasa yang merupakan masyarakat tempatan dan pemimpin tempatan sekarang ini kita telah syaratkan untuk penubuhan NGO. Jadi NGO kena menggunakan kaedah CSR atau sebagainya untuk meningkatkan lagi fasiliti di PDK. Yang lebih senang adalah untuk terutamanya seperti Hulu Selangor boleh gunakan peruntukan untuk membantu mereka ya. Yang Berhormat Sibuti, untuk PDK dalam proses untuk menyediakan bangunan untuk PDK di kawasan Yang Berhormat. Semua PDK telah berdaftar sebagai NGO sejak tahun lepas dan peruntukan yang JKM salurkan adalah terhad kepada keperluan asas pelatih dan elauan petugas serta bayaran sewaan dan utiliti sahaja.

Jawatankuasa PDK yang mampu boleh membeli kenderaan sendiri jika mereka ada membuat *fund raising* sendiri atau inisiatif sendiri untuk meningkatkan lagi keselamatan pelatih OKU okey.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah tidak satu cara ataupun mekanisme kalau boleh berbincang dengan MOF supaya PDK-PDK ini dapat membeli kereta tanpa membayar cukai, lebih murah lagi ataupun mendapat satu bentuk surat cadangan ataupun sokongan daripada pihak kementerian supaya PDK ini mendapat satu harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

**Puan Hannah Yeoh:** Kita akan usahakan bersama Jabatan Pembangunan OKU untuk PDK ya. Okey, keduanya untuk Yang Berhormat Hulu Selangor adalah peruntukan diluluskan RM75 juta untuk menaik taraf pembaikan dan penyelenggaraan institusi JKM. Daripada peruntukan sebanyak RM75 juta, RM1.63 juta telah diperuntukkan untuk PPKS Serendah iaitu peruntukan pembaikan elektrik dan mekanikal RM1 juta, peruntukan pembaikan perolehan aset ataupun harta modal RM250 ribu, peruntukan penyelenggaraan RM380 ribu. Jumlah besar RM1,630,000 untuk PPKS Serendah ya. Okey untuk Yang Berhormat Jeli, bantuan JKM...

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli ada?

**Puan Hannah Yeoh:** Merupakan bantuan sosial yang telah banyak membantu kumpulan sasar di lapangan dalam masyarakat. Untuk tujuan ini JKM telah menyantuni seramai 484 ribu orang melibatkan RM1.6 bilion. Sehubungan itu kajian ilmiah oleh universiti awam telah dibuat dan telah dianalisis oleh Jabatan dan kementerian. Kajian keberkesanan bantuan kewangan JKM telah dilaksanakan oleh UPM pada Mac 2017.

Secara rumusannya jumlah bantuan wang bagi semua skim tidak mencukupi untuk memenuhi semua keperluan asas mereka. Kumpulan sasaran yang tepat telah dikenal pasti dan berupaya membantu golongan yang betul-betul memerlukan. Jadi kajian memang ada dan kita setiap tahun cuba usahakan yang terbaik untuk golongan yang memerlukan.

Yang Berhormat Bandar Kuching, Anjung Kasih di Sarawak mula beroperasi pada 16 Disember 2013 dengan kapasiti 104 katil. Sehingga September 2019, seramai 8,745 penghuni telah mendapat manfaat dari Anjung Kasih Sarawak. Cadangan Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai tambahan di Hospital Umum Sarawak akan dikaji oleh YKM. Keduanya adalah

mengenai kesihatan mental. Pihak kementerian menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuching. Pada tahun ini LPPKN telah melaksanakan forum kesihatan mental dengan penerima manfaat seramai 2,500 peserta lelaki bersempena dengan sambutan bulan kaunseling kebangsaan.

Pada tahun 2020, LPPKN akan mengambil kira keperluan kesihatan mental dalam program-program terapi dan program berasaskan kaunseling sedia ada yang dilaksanakan di setiap negeri. Turut diperkenalkan adalah Program *My Therapeutic Family* yang memfokuskan kepada keluarga penagih dan penagih sendiri di mana program ini menyokong keluarga menangani tekanan yang dihadapi. LPPKN juga akan menyediakan pendaftaran kaunseling secara *online* melalui Portal Keluarga Bahagia sebagai salah satu usaha untuk memudahkan orang ramai mengakses perkhidmatan kaunseling LPPKN.

LPPKN juga telah membangunkan direktori perkhidmatan keluarga yang menyenaraikan perkhidmatan kekeluargaan termasuk perkhidmatan kaunseling oleh LPPKN. Semalam kita lancarkan direktori, hari ini kita juga telah membuat *press conference* supaya lebih ramai lagi orang tahu. Untuk kesihatan mental yang telah dibangkitkan juga, kami sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga PERKESO untuk lihat bagaimana kita boleh membantu 30 peratus anggaran rakyat Malaysia yang mempunyai masalah ini tetapi *the starting point*, dengan izin, adalah kaunseling dan kita sekarang hendak kurangkan stigma itu dulu dan kita kena perbanyak lagi program kesedaran.

Okey, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kepong dan saya rasa ada beberapa lagi yang telah membangkitkan isu pemerdagangan manusia. Kementerian kami melalui Jabatan Pembangunan Wanita bertanggungjawab menguruskan rumah perlindungan sahaja ya. Selaku Jawatankuasa Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang di bawah Akta Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 di bawah KDN. Fungsi utama JPW adalah untuk aspek kesejahteraan melalui pelaksanaan aktiviti berbentuk khidmat sokongan sosial seperti bimbingan, kaunseling, latihan kemahiran, program kesedaran dan penjanaan pendapatan.

Tetapi kami akui memang ini satu cabaran yang besar untuk staf kita kerana bukan semua mempunyai latihan yang secukupnya untuk membantu golongan ini dan kita sedang masih berbincang dengan KDN bagi tujuan penyelaras. Kita rasa lebih sesuai kalau KDN boleh mengambil semula portfolio ini untuk menjaga mereka seperti yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi diskusi ataupun *discussion* perbincangan akan diteruskan dengan mereka. Okey, Yang Berhormat Rasah juga membangkitkan kajian semula agar bantuan dapat diteruskan dan bukan setiap tahun mereka kena *apply*. Satu elemen penting yang telah diterapkan di dalam pengurusan bantuan kebajikan iaitu elemen kaji semula. Setiap bantuan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu tahun sahaja dan menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemas kini maklumat melalui Borang Kaji Semula JKM 20 dalam tempoh tiga bulan sebelum

tarikh bantuan tamat bagi membolehkan bantuan disambung sekiranya masih memenuhi kriteria kelayakan.

Tujuan ini bukan untuk membebankan mereka tetapi untuk kita memperluaskan golongan kepada golongan lain yang memerlukan bantuan kebajikan. Akan tetapi kami setuju kalau ada golongan seperti OKU terlantar yang tidak mungkin akan boleh memperbaiki keadaan mereka dalam masa satu tahun, kita akan pertimbangkan bagaimana kita boleh mengurangkan birokrasi dan menyenangkan golongan yang menerima bantuan ini.

Okey, Yang Berhormat Papar, kekurangan pengisian jawatan di Pejabat Kebajikan Daerah Papar, Sabah. Perjawatan persekutuan JKM di Pejabat Kebajikan Daerah Papar telah diisi penuh. Kekosongan jawatan milik negeri akan diisi oleh pentadbiran setiausaha kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan menambah jawatan di Pejabat Kebajikan Daerah Papar, JKM akan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan selepas ini mereka akan hubungi JPA lah untuk JKM negeri Sabah.

Untuk Yang Berhormat Sibuti, mewujudkan Pusat Aktiviti Kanak-kanak. Penubuhan PAKK adalah berdasarkan kepada keperluan sesuatu tempat dan keutamaan adalah di kawasan yang berisiko seperti banyak masalah sosial di kalangan kanak-kanak dan lain-lain. JKM mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Sibuti dan kajian keperluan akan dilakukan untuk penubuhan PAKK di kawasan Yang Berhormat ya untuk Sibuti.

*Home Help Services* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, JKM mensasarkan pertambahan seramai 160 orang sukarelawan pada setiap tahun sehingga Oktober 2019, terdapat seramai 342 orang sukarelawan di negeri Sarawak. Konsep *Home Help* adalah memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di mana yang mempunyai kurang penjagaan dan kurang kemampuan.

Jadi mereka akan pergi melawat rumah untuk membuat *banking*, kadang-kadang dan membersihkan rumah mereka tetapi cadangan Yang Berhormat Sibuti untuk *babysitting*. Saya rasa yang itu mungkin kurang sesuai kerana *babysitting* ini mereka perlu menghadiri Kursus Asuhan PERMATA untuk pastikan mereka mempunyai skil untuk mengendalikan kanak-kanak. Kalau tidak penderaan mungkin berlaku. Silakan.

## ■2020

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya setuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Menteri. Boleh tak kalau saya masukkan cadangan tentang *Home Help* itu kita dapatkan *influencer* ataupun *social media celebrity* ini, atau yang khusus kepada kerja-kerja kebajikan untuk menjadi ikon supaya lebih dapat menarik lebih banyak lagi *volunteers* untuk menyertai *Home Help* ini.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya saya setuju, kita seluruh Malaysia hanya mempunyai lebih kurang 2,000 sukarelawan. Sebenarnya kita boleh perbanyak kerana ada ramai lagi golongan muda yang masih bertanya bagaimana mereka boleh membantu membina semula negara. Kita

akan bekerjasama dengan KBS untuk kita recruit lah lebih banyak lagi pembantu sukarelawan yang sudi untuk membantu.

Cuma kita perlukan sukarelawan yang komited kerana ini bukan *one off*, dia kena setiap minggu pergi rumah yang sama untuk membantu. Jadi dari segi komitmen itu mungkin ada ramai yang tidak boleh meluangkan masa setiap minggu, okey. Akan tetapi saya setuju kita boleh perbanyak.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, OKU dan Warga Emas. Langkah-langkah untuk mengawal selia Pusat Jagaan OKU dan Warga Emas yang diurus oleh pihak swasta adalah melalui pemeriksaan secara berkala setiap enam bulan dan pemeriksaan mengejut ke premis pusat jagaan sekiranya terdapat sebarang aduan.

Pemantauan ini bagi memastikan pusat jagaan yang berdaftar mematuhi standard minimum yang ditetapkan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994. Kenaikan kadar bantuan kewangan bulanan- yang ini kita telah buat *adjustment* 1 Januari 2018 di mana *adjustment* tersebut telah melibatkan peningkatan RM50 untuk bantuan orang tua, elauan pekerja cacat, bantuan orang kurang upaya tidak berupaya bekerja, bantuan penjagaan orang kurang upaya terlantar ataupun pesakit kronik terlantar, kenaikan RM50 ini bagi empat skim utama dan kami masih lagi mengkaji dari semasa ke semasa untuk bantuan lain seperti bantuan kanak-kanak.

Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan Pusat Khidmat Masyarakat Daerah terletak di kawasan yang tidak sesuai. Kami mengucapkan terima kasih dan mengambil maklum *feedback* ini dan kita juga ada memantau *Facebook* ada yang mengatakan kurang mesra OKU semua itu dan input kita adalah- sekejap ya.

Kerja-kerja yang dijalankan kita sedang mempunyai kerja pemberian, okey. Kerja yang dijalankan adalah kerja pemberian dan penyelenggaraan premis yang memerlukan pemberian segera dan kerja-kerja sivil dan elektrik termasuk kos pemindahan ke bangunan sewaan yang baharu. Jadi kita kena lihat kontrak semasa dan kerja-kerja yang dijalankan juga mengambil kira keperluan *accessibility* bagi OKU seperti penyediaan rem, *hand railing*, tandas OKU serta kaunter khas bagi OKU dan warga emas.

Bagi premis yang terletak di tingkat atas bangunan, jabatan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kaunter di tingkat bawah dan terdapat juga keadaan pegawai JKM telah pergi ke kenderaan klien atau hadir ke rumah klien setelah menerima maklumat berkaitan klien tersebut. Jadi, *case by case* kita sedang usahakan untuk semua yang kami masih menerima aduan inilah. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Saya berharap pejabat JKM daripada daerah Johor Bahru kalau boleh pindah ke tempat lain kerana saya itu dia terletak di dalam bangunan KWSP ya dan tingkat bawah sudah dipenuhi dengan kaunter-kaunter KWSP. Jadi, tidak sesuai.

**Puan Hannah Yeoh:** Tidak ada- sangat *crowded* lah, dengan izin. Baiklah saya akan meneliti masalah ini. Okey. Untuk Peranan ISM dan pencapaian. Fokus khusus ISM adalah

latihan kepada pegawai kementerian khususnya pegawai sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat. ISM turut mengeluarkan graduan sosial di bawah Diploma Siswazah Kerja Sosial bagi pekerja sosial yang tiada latar belakang sosial sejak tahun 2015.

Ini menunjukkan ISM mengangkat profesionalisme pekerja sosial. Manakala sejak Tahun 2010 ISM telah melaksanakan kajian-kajian khusus dalam bidang sosial dan mengeluarkan lebih kurang tujuh kajian melibatkan kumpulan sasaran kita dan diterbitkan dalam bentuk laporan input kepada kementerian bagi pembangunan dasar.

ISM mendapat sokongan daripada kementerian untuk turut memperkasakan lagi program-program *outreach* pada lapangan di negeri-negeri seperti latihan kepada komuniti menerusi *Modul Lay Counsellors* dan sukarelawan di seluruh negara, okey. Yang Berhormat Sik, pecahan- Yang Berhormat Sik ada?

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ada, Sik ada.

**Puan Hannah Yeoh:** Pecahan bajet latihan pekerja sosial dan NGO. Bajet latihan kepada kebanyakan kaki tangan adalah merentasi negeri dan secara komprehensif ISM beroperasi di premis ISM dan setiap kakitangan sosial di- memang susah hendak baca tulisan ini. Nanti saya akan minta mereka taipkan. Saya tidak dapat baca, saya minta maaf.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis. Silakan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Bertulis.

**Puan Hannah Yeoh:** *It is impossible this hand writing.*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Bagi secara bertulis.

**Puan Hannah Yeoh:** Maaf ya, saya meminta maaf Yang Berhormat Sik. Saya bagi secara bertulis kita akan taipkan nanti. Yang Berhormat Padang Serai, Program *Outreach* Usahawan OKU. Program *Outreach* Usahawan OKU akan diperluaskan pada tahun hadapan, tahun 2019 hanya memfokuskan kepada 30 OKU sebagai program rintis pembangunan OKU dalam usahawan. Tahun 2020 Program *Outreach* OKU akan dilaksanakan ke seluruh negara mengikut zon dan melibatkan jumlah OKU yang lebih ramai. Yang Berhormat Kuala Kangsar latihan kepada wanita.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar tiada.

**Puan Hannah Yeoh:** Sekejap ya. Yang Berhormat Paya Besar. Okey, Yang Berhormat Paya Besar, proses permohonan bantuan adalah merujuk kepada dua kaedah iaitu melalui lawatan ke rumah oleh pegawai JKM ke rumah pemohon ataupun pemohon datang sendiri ke pejabat JKM dan memohon bantuan atau kes yang dirujuk.

Keputusan permohonan tersebut akan dimaklumkan dalam tempoh sebulan atau tiga puluh hari bekerja. Sekiranya ditolak ataupun tidak lulus bantuan tersebut pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan disertakan sebab-sebab mengapa bantuan tersebut ditolak ataupun tidak dipertimbangkan, okey. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Cuma Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini praktis daripada dahulu? Ini kerana saya tidak dapat maklum balas daripada

rakyat bahawasanya mereka mengetahui permohonan mereka. Kalau ini dapat dipraktikkan betul-betul di peringkat daerah saya ingat ini yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya, terima kasih. Cuma kadang-kadang bila rakyat datang mendapatkan bantuan dia tidak ceritakan sepenuhnya walaupun dia tahu permohonan telah ditolak. Jadi, kalau ada kes-kes berikut Yang Berhormat tolong maklumkan segera kepada kita dan kita akan pastikan kita turun dan bagi maklumat kepada Yang Berhormat.

Okey Yang Berhormat Paya Besar lagi. Langkah-langkah menangani pedofilia, okey. Kementerian sedang membangunkan SOP bagi memperketat lagi kemasukan pesalah jenayah seksual seperti kes Nur Fitri ke dalam negara. Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama KDN, PDRM, Jabatan Imigresen dan Kementerian Luar Negeri untuk meneliti perkara ini. Ia bertujuan supaya pesalah jenayah seksual dapat dikesan lebih awal sebelum memasuki negara seterusnya pemantauan dan intervensi yang sesuai dapat dilaksanakan. Soalan yang ini juga saya jawab untuk Yang Berhormat Kepong ya. Okey, jawapan yang sama.

Yang Berhormat Paya Besar lagi. Untuk makluman LPPKN telah mula perkhidmatan kesuburan di klinik subfertility pada tahun 1979. Pada tahun 2020, LPPKN dalam perancangan untuk memohon peruntukan dalam RMK-12 bagi penubuhan Pusat Kesuburan Negara- *National Infertility Center*, sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan pasangan bagi mendapatkan rawatan kesuburan dengan kos yang lebih rendah dan mampu untuk mereka bayar.

Melalui Bajet 2020, KWSP telah bersetuju agar pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian daripada akaun kesihatan bagi pengeluaran rawatan kesuburan. Ini membolehkan pasangan yang sukar memperoleh anak menggunakan inisiatif ini bagi menampung kos rawatan yang diperlukan. Cuma mekanisme dan syarat-syarat kita belum lagi *finalize*, apabila kita ada kita akan umumkan kepada semua.

Yang Berhormat Paya Besar juga mengenai PDK di negeri lain sama ada kalau PDK di negeri lain tetapi berdekatan boleh atau tidak mereka pergi? Sekiranya PDK berdekatan terletak di negeri lain, ibu bapa ataupun penjaga boleh hantar anak mereka ke PDK berdekatan, okey. Kerajaan utamakan keselesaan dan keselamatan OKU dan penjaganya dan yang lebih utama ibu bapa dapat meluangkan lebih banyak lagi masa bersama dengan OKU di PDK yang berdekatan.

## ■2030

Untuk Yang Berhormat Limbang, PDK Limbang kenapa diberhentikan. PDK Limbang tidak diteruskan kerana peruntukan tidak mencukupi dan masalah tapak kerana terletak dalam tanah adat, okey. Kita kena cari lokasi yang lebih sesuai. Ini maklum balas- *feedback*, silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Menteri- PDK yang tanah dulu itu bukan dekat bandar, bukan tanah adat itu. *I think that's a wrong information. Please check.*

**Puan Hannah Yeoh:** Okey saya akan meneliti, dan saya bagikan jawapan esok. Boleh ya Yang Berhormat?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Boleh. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Untuk Yang Berhormat Rantau Panjang. Pencapaian Majlis Kebangsaan OKU dan JPOKU. Majlis Kebangsaan bagi OKU yang ditubuhkan di bawah Akta OKU 2008 untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubung dengan OKU. Juga untuk membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek OKU termasuk perkara-perkara berkaitan dengan OKU.

Saya percaya Majlis Kebangsaan OKU telah dan sedang melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan. JPOKU telah mencapai sasaran yang ditetapkan setiap tahun untuk memastikan pembangunan OKU secara menyeluruh. Cuma ada banyak *feedback* sekarang oleh golongan OKU untuk kita buat pindaan Akta OKU supaya ada lagi banyak *biting power* untuk kita pastikan semua orang ikutlah.

Jadi cadangan pindaan Akta OKU itu kita sedang selaraskan untuk satu kajian dalam masa terdekat. Kita hendak singkatkan masa kajian itu dalam tiga hingga enam bulan untuk melihat isu-isu atau pun bagaimana ekstensifnya pindaan Akta OKU itu perlu dilaksanakan. Kita juga telah melaksanakan beberapa bengkel dengan golongan OKU untuk melihat cadangan pindaan Akta OKU ini. Okey, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Jumlah OKU berdaftar. Pendaftaran OKU dilaksanakan menurut Akta OKU 2008 kepada mereka yang mohon selepas disahkan oleh pegawai perubatan. Ada di kalangan ibu bapa masih tidak bersedia untuk mendaftar terus anak mereka yang baru lahir. Kementerian merasakan ibu bapa perlu diberi ruang untuk menerima keadaan anaknya sebelum proses pendaftaran dilakukan. Mengikut *World Health Organization*, jumlah populasi adalah lebih kurang 15 peratus daripada 32 juta yang kita ada tetapi pendaftaran OKU kita sekarang hanya 500 ribu orang dan tahun depan kita telah sasarkan kepada Jabatan Pembangunan OKU untuk laksanakan jom daftar. Kita kena keluar di kawasan luar bandar dan cari golongan-golongan OKU yang tidak dapat keluar untuk mendaftar, kita kena keluar mencari mereka. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengurus. Terlebih dahulu saya hendak tanya sikit berkaitan dengan Majlis Kebangsaan OKU ini.

Saya ingin tahu, setakat ini apakah program-program yang telah dilaksanakan? Sebab program ini- majlis ini telah pun diwujudkan. Sebab kita melihat kekurangan pemantauan ataupun dari sudut pelaksanaan menyebabkan golongan ini merasakan mereka tidak terbela, banyak aspek. Jadi itu haruslah satu tindakan yang serius daripada pihak kerajaan untuk memastikan program ini berjalan sebagaimana fungsi penubuhan ini dibuat.

Begitu juga berkaitan dengan pendaftaran tadi. Setakat ini sejauh mana kesedaran yang diberikan kepada ibu bapa? Sebab ada setengah ibu bapa, mereka berasa malu ataupun mereka tidak boleh menerima hakikat anak-anak mereka berada dalam keadaan ini, sedangkan ini adalah anugerah Allah dan mereka adalah golongan yang sangat istimewa. Anak-anak syurga ini sepatutnya mereka diberi hak dan diberi kelayakan. Jadi ada sikap ibu bapa negatif sebegini. Jadi apa kementerian laksanakan untuk mengatasi isu-isu sebegini?

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, untuk keanggotaan Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya kita melibatkan kementerian lain dan KSU kementerian lain juga datang dan kita ada *sub-committee* seperti Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Pekerjaan, Jawatankuasa Pendaftaran OKU, dan di setiap mesyuarat kita akan bincang. Jadi ada masalah seperti isu *banking* kita akan bincang dengan Bank Negara, semua kementerian ini mereka hadir bersama.

Bila mereka ada cadangan dan polisi yang telah kita kenal pasti kita akan umumkan selepas mesyuarat tersebut. Cuma ada beberapa perkara yang kita masih dan sedang dalam proses perbincangan. Seperti kita perlu tambah lagi tempat letak kereta OKU tetapi di kalangan OKU sendiri ada yang tidak bersetuju bahawa golongan OKU bukan fizikal tidak memerlukan tempat letak kereta tersebut dan hanya untuk OKU fizikal sahaja.

Jadi perbincangan ini masih berterusan. Jadi kita tidak dapat *announce* lagi apa yang kita hendak putuskan dalam Jawatankuasa. Akan tetapi, Jawatankuasa itu memang isu-isu yang dibangkitkan bukan ditetapkan oleh kita tetapi ditetapkan oleh golongan OKU sendiri bila mereka datang dan mereka akan bincang, okey.

Untuk kesedaran kita sedang mencari jalan untuk membuat *video success story*. Stigma itu kita kena kurangkan kerana kita selalu melihat OKU sebagai beban. Jadi cerita-cerita yang kita bangkitkan semua mengenai beban golongan OKU. Akan tetapi, kalau kita ada lebih banyak lagi *success story*, kalau kita cerita bagaimana OKU menjadi profesor di universiti, kita ada dan bagaimana mereka mendapat pekerjaan, semua itu. Saya rasa *facility* kalau kita boleh tambah baik lagi, kemudahan yang kita beri peroleh melalui kad OKU itu. Saya percaya ramai lagi akan tampil ke hadapan untuk mendapatkan kad OKU itu. Akan tetapi saya minta bantuan Yang Berhormat semua tahun depan kita betul-betul hendak fokus jom daftar. Saya minta Yang Berhormat semua tahu di kawasan masing-masing di mana mungkin ada golongan tersebut- sila buat program dengan JKM dan pastikan JKM turun bersama NGO dan Yang Berhormat untuk turun untuk memberitahu mereka.

Bagi golongan autisme. Bila kita turun, kita kena ceritakan simptom-simptom tersebut dan pastikan keluarga memahami. Jadi JKM seorang tidak boleh lakukan tapi kalau kita ada NGO bersama- NGO tempatan di kawasan masing-masing, saya percaya kita boleh atasi masalah ini dan tahun depan kita hendak tingkatkan lagi pendaftaran. Sekarang ini 549 ribu kita hendak tingkatkan supaya kita mempunyai sasaran seperti *global trend* 15 peratus.

Okey Yang Berhormat Rantau Panjang. Statistik penderaan kanak-kanak di TASKA tahun 2017 hingga sekarang. Tahun 2017 ada lima kes yang dilaporkan, tiga di Selangor, satu di Pahang, satu di Melaka. Tahun 2018 tiga di Selangor, dua di Wilayah Persekutuan, jumlah kes lima. Tahun ini Pahang satu, Selangor 11 kes. Jadi jumlah besar 2017 hingga sekarang 22 kes untuk statistik penderaan kanak-kanak di TASKA.

Berapakah jumlah PDK. Soalan PDK banyak. Sehingga kini terdapat sebanyak 560 buah PDK yang memberi manfaat kepada 20,573 OKU di seluruh negara yang melibatkan seramai 560 orang penyelia dan 2,765 orang petugas yang membantu mengendalikan program di PDK.

Daripada tahun 2015 sehingga Julai tahun ini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM173 juta untuk membayar elaun penyelia dan petugas PDK di seluruh negara termasuk pembayaran KWSP dan PERKESO. PDK semua sekarang sudah berdaftar sebagai NGO dan kita sedang merancang latihan berterusan untuk mereka *up capacity* mereka dan untuk mereka bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan juga.

Sekarang ini dengan adanya Kementerian Pendidikan *zero rejected policies* 11 ribu orang kanak-kanak OKU telah masuk sekolah kerajaan. Jadi PDK sekarang kita boleh membuat pengkhususan lebih, kita akan audit. Kita telah mula audit beberapa PDK untuk tengok bagaimana kita boleh memberi fokus *complimentary services* kepada perkhidmatan di sekolah supaya ia tidak wujud- kita tidak buat perkara yang sama, okey.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat untuk pelatih-pelatih PDK, pelajar-pelajar OKU yang ada di sekolah kebangsaan ini. Ada di kalangan mereka kita mendapat makluman daripada ibu bapa mereka tidak mendapat elaun sebagaimana pelatih di PDK yang mendapat, kalau tidak silap saya RM150 untuk pelajar pelatih itu.

Akan tetapi, di kalangan mereka yang berada di sekolah ramai tidak dapat. Jadi dan juga kekangan yang dihadapi di PDK ialah masalah peruntukan yang rendah untuk aktiviti program, untuk aktiviti pelatih hanya RM5000 satu PDK. Ini makluman yang kita terima.

#### ■2040

Jadi, ini menyebabkan kos pengurusan, kos-kos penghantaran, mereka hendak memantau menggunakan duit sendiri, membeli kertas, *ballpoint*, alat pejabat dan semua kena menggunakan duit sendiri, jadi ini menyebabkan berlakunya kekurangan dan kelemahan. Jadi, apakah pandangan pihak kementerian untuk menambahbaikkan lagi isu ini pada masa akan datang?

**Puan Hannah Yeoh:** Okey. Sekarang kita melaksanakan audit dan PDK yang berjaya, kita akan guna PDK tersebut untuk melatih PDK yang lain. Kita juga meminta NGO-NGO yang mengendalikan PDK tersebut untuk membuat *fundraising* sendiri kerana memang duit yang kita beri adalah untuk utiliti, kadar sewa premis dan untuk pembayaran elaun kepada mereka. Akan tetapi, kita mengakui ini memang tidak mencukupi dan kita sentiasa berunding dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan untuk PDK kita.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Pelajar itu, pelajar di sekolah bukan di PDK, maknanya yang belajar di sekolah. Tidak ada elaun, itu macam mana?

**Puan Hannah Yeoh:** Kita kena selaraskan - saya tidak dapat memberikan komitmen di sini kerana melibatkan jumlah yang besar, tetapi kita akan kaji dan kita akan maklumkan Yang Berhormat. Untuk pemantauan taska. Usaha-usaha menangani penderaan kanak-kanak di taska, kita telah melakukan beberapa inisiatif.

Pertama adalah mewujudkan *taskforce ramping up the ECCE industry* yang berperanan mengatasi masalah isu taska. JKM juga melaksanakan pemantauan secara mengejut dan berkala ke atas taska berdaftar dan tindakan penguatkuasaan juga selalu diambil.

Untuk statistik 2018 sehingga Februari tahun ini, sebanyak 226 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas taska yang tidak berdaftar dan taska berdaftar yang tidak mematuhi Akta Taska 1984 dan Peraturan Taska 2012. Usaha kita untuk menangani kes penderaan dan kecuaian di taska, JKM melalui agensi latihan yang diiktiraf memberi latihan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Kita juga mengadakan program meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak ke taska yang berdaftar dengan JKM. Kita juga menyediakan Daftar Kanak-kanak sekarang di mana mereka boleh membuat semakan jenayah seksual. Nama-nama pesabit jenayah seksual yang telah dikeluarkan oleh mahkamah, kita akan masukkan dalam Daftar Kanak-kanak dan kita minta semua ibu bapa dan operator taska untuk membuat semakan.

Kita juga telah menyediakan *infographic* panduan pemilihan pengasuh di rumah yang dilancarkan pada tahun lepas, November untuk kemudahan ibu bapa dalam pemilihan pengasuh untuk anak mereka. Kita sekarang sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan kita *print infographic* itu dalam kad *checkup* dan *follow-up* supaya semasa mereka mengandung, mereka sudah tahu ini adalah panduan untuk memilih seorang pengasuh yang berdaftar.

Kita juga ada perjumpaan dengan penyalaras taska negeri dua kali setahun untuk membincangkan status kemajuan pendaftaran taska dan portal rasmi JKM sentiasa dikemaskinikan untuk memudahkan ibu bapa membuat semakan sebelum menghantar anak ke taska. Rancangan terakhir yang kita baru lancarkan adalah untuk memberikan diskaun TNB kepada yang berdaftar supaya menggalakkan lagi *period* ini untuk mereka mendapatkan diskaun ini, kita hendak menggalakkan pendaftaran dengan JKM.

Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai PAWE, berapa ahli yang berdaftar. Bilangan ahli yang berdaftar PAWE, setakat ini 132 PAWE telah ditubuhkan tahun ini dan bilangan ahli yang berdaftar adalah 37,274 orang.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan di PAWE untuk menggalakkan penuaan aktif merangkumi program kerohanian, program kesihatan, program sosial, program ekonomi dan program persekitaran. Ini kita galakkan NGO itu. Terpulang kepada kumpulan tersebut, apa program yang mereka suka. Ada yang suka program komputer, ada yang suka program lawatan dan ada yang sukan dan zumba, yang itu terpulang kepada PAWE masing-masing untuk mereka membuat aktiviti yang mereka suka. Kalau kita paksa mereka membuat aktiviti yang mereka tidak suka pun tidak guna, mereka tidak akan datang.

Banyaklah Yang Berhormat Rantau Panjang. Perkahwinan bawah umur, bagaimana kementerian memantau perkahwinan bawah umur yang melibatkan *non-Muslim*. Kementerian melalui kerjasama dengan KDN memantau perkahwinan bawah umur melalui mekanisme kawalan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditambah baik bagi permohonan perkahwinan bawah umur di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian). Ia telah mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2019.

Majlis Adat Istiadat Sarawak pula mendaftarkan jumlah perkahwinan bawah umur mengikut adat di negeri Sarawak.

Untuk Sabah, Mahkamah Anak Negeri Sabah telah memaklumkan kepada kementerian kami bahawa tiada perkahwinan bawah umur yang direkodkan oleh Mahkamah Adat. Kutipan data berhubung perkahwinan bawah umur bagi golongan Orang Asli adalah amat terhad di mana ia hanya berdasarkan Bancian Orang Asli 2017 yang dilaksanakan pada tahun 2017 oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Jadi, kita sekarang sedang mengeluarkan *roadmap* melibatkan banyak kementerian dan juga kerajaan negeri untuk kita berbincang bersama, intervensi dan cadangan penambahbaikan. Kita memang selalu *engage* majlis agama dan JAKIM pun selalu datang bermesyuarat bersama kita dan kita akan terus membincangkan perkara ini dengan semua EXCO Wanita negeri masing-masing. Yang Berhormat Puan Mumtaz pun ada datang, kita ada mesyuarat berkala dan kita akan *update* mereka dari semasa ke semasa. Jawapan panjang telah dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri semasa menjawab MQT pada hari itu mengenai perkahwinan bawah umur.

Rancangan memperkasakan program PAWE. Kita telah melaksanakan projek rintis bagi penubuhan PAWE baharu dengan institut pengajian tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Multimedia Malaysia, dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menarik minat golongan warga emas profesional untuk terlibat dalam aktiviti PAWE. Melaksanakan program pemerkasaan ekonomi melalui projek 1PAWE 1Produk bagi memastikan warga emas di PAWE sentiasa aktif dan produktif.

Kita juga meluaskan program PAWE kepada warga emas dalam kalangan Orang Asli melalui kerjasama strategik bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pihak berkuasa tempatan. Melaksanakan projek rintis PAWE sebagai *one-stop center* bagi pemasaran pekerjaan pemerkasaan ekonomi warga emas. Memperkasakan lagi pertubuhan sukarela kebajikan PAWE untuk mengadakan pelbagai program, seminar, forum bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mereka terutamanya penggunaan *gadget*, *cybersecurity*, kita akan tambah lagi program seperti ini untuk golongan PAWE.

Mengembangkan lagi program pembelajaran sepanjang hayat yang meliputi aspek kerohanian, kesihatan dan ekonomi. Melantik sahabat PAWE bagi menjalankan fungsi bimbingan dan intervensi. Menolong *Golden Mind Programme* yang menyediakan platform perkongsian idea kepakaran dan pengalaman warga emas ke arah pembangunan warga emas.

Program *Training of Trainers* untuk ahli PAWE dan juga program intergenerasi, ini yang kita *intergenerational activities* yang kita minta semua universiti untuk datang bersama untuk bermain permainan dengan warga emas dan kita juga meminta kalau boleh Ahli Parlimen *engage* PAWE masing-masing dan membuat lawatan, bawa mereka ke Parlimen. Mereka suka program seperti ini di mana mereka boleh mempelajari perkara baharu dan mereka boleh ada interaksi dengan Ahli-ahli Parlimen.

Untuk warga emas juga, kita ada produk sekarang dengan KWSP di mana kita hendak menggalakkan mereka bekerja semula. Saya pernah menjawab soalan ini di mana 34,000 warga

emas telah pulang bekerja tahun ini dengan pengurangan caruman kepada majikan daripada enam peratus hingga ke empat peratus. Kita hendak terus menggalakkan mereka untuk bekerja dan aktif. Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan mengenai telah ada penggalakan untuk meminta ahli-ahli PAWE ini datang bekerja. Apakah jenis pekerjaan-pekerjaan yang mereka dapat?

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, 64 peratus daripada 34 ribu orang ini adalah dalam sektor perkhidmatan, service *industry* di mana tidak melibatkan kerja-kerja fizikal yang berat dan kebanyakannya mereka yang telah pulang bekerja tahun ini adalah golongan wanita. Secara spesifik, saya akan dapatkan untuk Yang Berhormat Parit Sulong jika Yang Berhormat Parit Sulong berminat. Yang Berhormat Kota Tinggi ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bera, Bera tidak jawab lagi.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey. Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Kota Tinggi bertanya mengenai peruntukan PAWE pada tahun hadapan. Peruntukan penubuhan PAWE tahun ini adalah RM5 juta dan tahun depan adalah RM3 juta. Bilangan PAWE sedia ada 88 buah, tahun ini kita tambah 45 buah dan tahun depan akan ada peningkatan lagi.

## ■2050

Kita akan pertimbangkanlah hasrat Yang Berhormat Kota Tinggi untuk membangunkan PAWE di kawasan Yang Berhormat. Cuma kita perlukan Yang Berhormat *identify* NGO yang aktif dan untuk cari lokasi yang sesuai. Kemudian masukkan permohonan kepada JKM negeri dan mereka akan datang dan turun padang pergi tengok sendiri siasat sama ada lokasi itu sesuai atau tidak.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, kita hantar permohonan melalui PKMD atau terus kepada JKM negeri?

**Puan Hannah Yeoh:** Kedua-dua pun boleh kerana mereka akan...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Melalui PKMD lah? *Then*, PKMD angkat kepada JKM negeri.

**Puan Hannah Yeoh:** Yes, yes.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, Yang Berhormat Kota Tinggi juga bertanya mengenai pencapaian *mammogram* dan usaha yang telah dilakukan bagi membantu wanita luar bandar. Pencapaian keseluruhan program *mammogram* yang dilaksanakan kementerian mulai tahun 2007 hingga November tahun ini adalah sebanyak 395,700 orang wanita. Daripada jumlah ini,

seramai 738 wanita didapati positif kanser. Program *mammogram* dijalankan melalui 49 Klinik Nur Sejahtera serta melalui 15 Pusat Keluarga Bergerak ke kawasan pendalaman.

Di samping itu, LPPKN juga akan meneroka kaedah saringan yang baharu, yang boleh mencapai lebih ramai lagi wanita terutama di kawasan pendalaman ataupun luar bandar. Di samping itu juga, mulai tahun 2019 LPPKN telah melaksanakan Program Rintis Saringan Kanser Serviks ujian HPV DNA di mana pensampelan *pap smear* di ambil sendiri oleh wanita. Seramai 22,773 wanita telah menjalani ujian *pap smear* bagi tempoh Januari hingga November 2019. Daripada jumlah ini, tujuh kes didapati positif kanser serviks.

Golongan gelandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi dari jumlah yang masuk, berapa ramai berjaya keluar dan dapat pekerjaan. Sejumlah 74 peratus mendapat pekerjaan dan dapat berdikari dalam kehidupan mereka.

Anjung Singgah juga sentiasa menjadi platform untuk kolaborasi bantuan daripada syarikat-syarikat swasta yang datang memberi pelbagai sumbangan *in kind* termasuk melatih penghuni dan menawarkan pekerjaan kepada penghuni. Bantuan-bantuan ini diselaraskan oleh YKN bagi memastikan ia benar-benar memenuhi keperluan kumpulan sasar dan dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan. Mereka ada datang dan membantu seperti hospitaliti mereka bagi *training* bagaimana mereka boleh jadi *waiter*, bagaimana mereka perlu tulis *resume* mereka. Seperti *job coaching*-lah, semua fasiliti ini ada dan statistik memang Anjung Singgah mengutip statistik 74 peratus daripada yang masuk dapat pekerjaan.

Yang Berhormat Sik. Dalam depot tahanan di imigresen statistik kanak-kanak Rohingya dan pelarian, terdapat kanak-kanak di dalam tahanan depot imigresen. Kementerian kita dan KDN sedang di dalam perbincangan untuk melaksanakan *alternative to detention* (ATD) secara rintis di mana kanak-kanak yang dinilai daripada segi *vulnerability* dikeluarkan dari depot imigresen untuk dilindungi di rumah pelindungan NGO yang telah dikenal pasti.

Kita sedang dalam proses memuktamadkan SOP bersama Jabatan Imigresen Malaysia dan NGO. Data statistik bilangan kanak-kanak di depot berada di bawah imigresen. Namun sekiranya statistik sehingga 3 Julai tahun ini, seramai 393 orang kanak-kanak berada di depot imigresen seluruh negara. Fokus kita untuk mengeluarkan *unaccompanied minor* yang tiada ibu bapa bersama mereka di dalam depot tersebut.

Okey Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera sudah lama tunggu. Saya bagi Yang Berhormat Bera dahulu. Bolehkah mangsa tinggal di rumah pusat transit? Mangsa keganasan rumah tangga boleh membuat pilihan sama ada untuk tinggal di rumah atau di tempat selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga. Bagi mangsa yang ingin memohon tinggal di tempat selamat, mereka boleh hadir ke pejabat kebajikan masyarakat di mana mereka tinggal untuk membuat- mereka datang untuk membuat permohonan.

Sehingga Jun tahun ini, terdapat 24 kes lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Daripada 24 kes tersebut, 14 kes melibatkan kerana panas baran, dua kes masalah kewangan, dua kes pemabuk. Saya tidak pasti lelaki mabuk ataupun wanita mabuk. Satu kes

penagih dadah, satu kes mempunyai perhubungan di luar nikah, satu kes perebutan anak, satu kes campur tangan mertua, satu kes pesakit mental dan satu kes perebutan hak penjagaan anak.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh minta laluan sedikit?

**Puan Hannah Yeoh:** Ya, silakan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya *just* hendak tahu selalunya apabila sebut fasal Jabatan Kebajikan Masyarakat ini, kita beri bantuan dalam bentuk perlindunganlah biasanya. Akan tetapi, ada atau tidak JKM turut memberi bantuan dari segi aspek perundangan? Misalnya mendapatkan peguam dalam kes yang memerlukan tindakan undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

**Puan Hannah Yeoh:** Saya kena dapatkan jawapan tersebut untuk Yang Berhormat. Daripada segi perundangan, apa yang kita beri adalah dari segi perlindungan. Okey, di mana mereka duduk di tempat selamat dan JKM akan- JPW juga mereka akan bantu untuk dapatkan perintah untuk mereka- *emergency protection order*, dan *interim protection order*.

Akan tetapi dari segi penceraian semua, kita selalu bagi kaunseling kepada mereka dan mereka kena buat keputusan. Ramai yang tidak dapat melaporkan kes kerana mereka tidak tahu selepas mereka melaporkan kes sama ada perkahwinan itu mendapat diselamatkan atau tidak. Ini banyak faktor, *case-by-case* setiap perkahwinan berbeza.

Jadi, banyak masa digunakan untuk kaunseling dan membantu mereka *settle down*. Akan tetapi soalan Yang Berhormat Bera adalah kalau mereka memerlukan jangka masa yang panjang di rumah tersebut, kita selalunya akan benarkan sehingga mereka *stable* dan sesuai untuk mereka pulang. Ataupun selepas mereka dapat membuat keputusan sama ada mereka hendak bercerai ataupun hendak pulang semula ke rumah tersebut. Ya, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Soalan saya, adakah mereka tinggal-mangsa sahaja dibenarkan tinggal ataupun dengan anak-anak mereka?

**Puan Hannah Yeoh:** Anak-anak mereka juga kita akan keluarkan kalau ada risiko, okey.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tadi soalan saya itu ia berkaitan dengan penderaan dan sebagainya juga.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya, okey. Yang Berhormat Bera juga bertanya mengenai program di PDK. PDK pengisian program dan aktiviti di PDK adalah akses-akses kepada kesihatan intervensi awal, pemulihan- *rehabilitation*, akses kepada pendidikan awal dan sekolah pendidikan khas melalui proses panel penilai di PDK, akses kepada kehidupan, pengurusan diri, perhubungan sosial dan akses kepada pembangunan sosial, sukan dan rekreasi, seni dan budaya integrasi sosial.

Kita sedang berbincang dengan Pandu Puteri untuk melibatkan kanak-kanak sekolah untuk datang supaya ada integrasi PDK dengan kanak-kanak di sekolah. Seperti aktiviti rekreasi *outdoor* bersama Pandu Puteri. Silakan Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kerana jawapan. Cuma yang saya tanya dari segi masa depan mereka. Akses dari segi meningkatkan ataupun latihan dari segi ekonomi misalnya. Oleh sebab kalau setakat tinggal di

situ untuk akses pendidikan dan sebagainya, tetapi itu sebab ibu bapa mereka masih ada. Apabila ibu bapa mereka tidak ada, mereka kena hidup sendiri. Jadi, bagaimana hendak ajar mereka untuk berdikari?

**Puan Hannah Yeoh:** Kita ada akses program latihan pekerjaan, *job training* di PDK, padanan pekerjaan, *job coaching* dan penempatan pekerjaan di mana JKM akan usahakan pekerjaan untuk mereka. Mulai tahun ini, kita telah wujudkan dua *independent living center* di mana mereka telah menerima geran RM900 ribu untuk mereka buat *training* kepada *caregivers*, penjaga untuk mereka bantu hidup berdikari.

Tahun depan, bajet tahun depan kita telah menerima berita baik daripada Kementerian Kewangan, lima lagi *independent living center* akan ditubuhkan. Itu adalah hasrat OKU supaya mereka boleh hidup berdikari. Saya baru sahaja melancarkan satu *community house* di Puchong di mana mereka menyewa tujuh orang OKU tinggal bersama menyewa rumah berdekatan dengan stesen LRT dan mereka ada *online business*. Mereka OKU yang menggunakan kerusi roda dan mereka keluar dengan kawan-kawan.

Jadi, ini adalah satu konsep pertama hasil daripada satu *independent living center* dan kita akan pastikan kita perkaskan lagi *independent living* itu supaya OKU boleh berdikari selepas ibu bapa mereka tiada lagi. Ini memang kerisauan utama ibu bapa yang mempunyai anak OKU.

Okey, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Bera juga bertanya mengenai golongan gelandangan yang saya percaya...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** PDK. Yang Berhormat, Yang Berhormat. PDK sedikit lagi tentang...

**Puan Hannah Yeoh:** Ya?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Gaji RM800.

**Puan Hannah Yeoh:** Sudah jawab itu, hari itu. Memang sekarang ini ada elauan dan kita tidak mampu untuk meningkatkan menjadi gaji penuh kerana ramai yang terlibat. Akan tetapi NGO kalau mereka buat *fund raising*, mereka boleh tambah lagi *salary* mereka untuk- ataupun elauan ini kepada petugas dan penyelialah, okey.

#### ■2100

Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Bera mengenai golongan gelandangan yang saya telah jawab tadi mengenai 74 peratus mereka telah mendapat pekerjaan okey.

Yang Berhormat Parit Sulung, kadar bayaran insentif i-Suri. Kadar bayaran insentif i-Suri fasa satu pada tahun hadapan masih dikekalkan sebanyak RM40. Satu skim pelindungan sosial baru dan berasingan *customize scheme* khusus kepada peserta i-Suri fasa 1 akan dirangka, pihak PERKESO akan menyediakan syor-syor dan cadangan berkenaan komponen utama pelindungan sosial khusus kepada suri rumah berserta mekanisme pelaksanaan. Buat masa ini belum lagi ada *details* bersama PERKESO.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, bila agaknya akan ada *detail* itu? Oleh sebab kita telah bercakap mengenai sumbangan daripada PERKESO ini *for quite some time* sudah.

**Puan Hannah Yeoh:** Betul. *Not ready yet* Yang Berhormat. Pada tahun hadapan kita akan usahakan yang dua caruman ini. Satu PERKESO, satu lagi adalah caruman pemotongan EPF suami. Sekarang ini masih *voluntary scheme* di mana wanita itu akan carum sendiri dan kita akan *top up*. Apabila kita ada, kita akan umumkan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang suami itu, kalau suami lebih daripada satu macam mana? Eh! Isteri. Suami yang mempunyai isteri lebih daripada satu [*Ketawa*] [*Dewan riuh*] Suami yang mempunyai isteri lebih daripada satu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tarik balik Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Alah!

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Itu suami pinjaman, *loan husband*.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Tarik balik, menghina lelaki.

**Puan Hannah Yeoh:** Saya...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Yang Berhormat Parit Sulong bermadu.

**Puan Hannah Yeoh:** Sebanyak dua peratus tetapi *I cannot announced* apa yang akan berlaku bagi yang mempunyai empat orang isteri. Itu sebab kita masih ada bantahan daripada golongan suami sekarang untuk kita mengambil caruman daripada EPF mereka.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Suami-suami ini pun, apalah salahnya kahwin lebih daripada satu hendak, tetapi bagi sumbangan tidak hendak pula.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Masukkan sekali yang kahwin tetapi tidak daftar.

**Puan Hannah Yeoh:** Silakan.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Hendak minta penjelasan sedikit. Bagaimana kalau suami itu sendiri, dia tidak ada pekerjaan tetap, dia tidak ada KWSP, dia kerja kampung sendiri. Jadi, macam mana manfaat itu kita dapat caruman KWSP itu boleh disalurkan.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey. Itu sebab kita masih dalam peringkat perbincangan kerana masalah-masalah teknikal seperti ini. Sekarang ini kita masih uar-uarkan untuk caruman sukarela daripada golongan wanita sendiri.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sahaja saya hendak tanya sedikit.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jikalau bagi pasangan isteri bekerja, suami pula menjadi suri rumah, ada atau tidak nanti akan diperkenalkan juga.

**Puan Hannah Yeoh:** Ada. Memang ada permintaan sekarang untuk golongan lelaki yang menjadi *house husband*, dengan izin, untuk mereka juga. Saya rasa ini adalah satu isu di mana mereka hendak pengiktirafan *informal sector* ini di mana pengorbanan mereka ini di rumah dilihat sebagai satu pekerjaan yang memberikan impak kepada ekonomi negara. Kita akan

pertimbangkan juga isteri kedua, suami di rumah semua, kita kena tengok bagaimana kita boleh laksanakan program ini untuk menjaga kebajikan semua.

Okey, Yang Berhormat Parit Sulung juga bertanya mengenai Program Perancangan Keluarga. Sebahagian besar iaitu 90 peratus perkhidmatan dan penerima perancang keluarga diliputi oleh perkhidmatan oleh KKM. Selainnya oleh LPPKN dan NGO. Data perancang keluarga bagi wanita yang mendapatkan melalui Klinik Nur Sejahtera LPPKN bermula dari Januari 2019 hingga Oktober 2019 adalah seramai 34,125 orang wanita. Ini meliputi peruntukan sebanyak RM1.4 juta menggunakan Perbelanjaan Mengurus LPPKN.

Untuk Program Vaksinasi HPV yang dijalankan oleh LPPKN semenjak tahun 2012 merupakan *catch up group* yang lahir pada tahun 1992 hingga tahun 1996. Daripada program suntikan yang dijalankan oleh KKM untuk pelajar sekolah berumur 13 tahun. Kohort umur melalui *catch up group* ini telah mencapai umur maksimum pada tahun 2019. Oleh yang demikian, Program Vaksinasi ini diteruskan oleh KKM kepada pelajar yang berumur 13 tahun seperti mana tahun-tahun sebelumnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Empat minit 20 saat lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Yang Berhormat Parit Sulong. Bantuan Bencana Ribut bagi 245 orang mangsa di Parit Sulong. JKM telah menyalurkan bantuan segera untuk mangsa ribut. Akan tetapi, untuk- JKM juga telah selesai membuat taksiran terhadap kerosakan rumah mangsa tersebut, hanya bentuk bantuan pemulihan baiki rumah adalah di bawah peruntukan kerajaan negeri dan bukan di bawah Kerajaan Persekutuan. Sekiranya masih belum dibuat bayaran tersebut, JKM HQ akan *follow up* perkara tersebut untuk Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Memang belum lagi dibuat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, kita ambil maklum dan kita akan buat *follow up*.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** PAWE saya telah jawab. Pesakit terlantar, pejabat kebajikan daerah kehabisan dana. JKM telah membelanjakan sebanyak RM104,601,000 dan bilangan kes seramai 26,355 orang penerima Bantuan Pesakit Terlantar bagi tahun lepas. Manakala bagi tahun ini, sebanyak RM81,790,000 sehingga Oktober 2019 seramai 25,432 kes Bantuan Pesakit Terlantar. Isu kerajaan tiada peruntukan untuk bantuan tidak timbul kerana kerajaan sentiasa menyalurkan bantuan secukupnya untuk pemohon-pemohon bantuan JKM.

Penyaluran secara teratur daripada ibu pejabat ke negeri-negeri dalam bentuk waran mengikut unjuran dan permohonan daripada negeri-negeri. Hanya perlukan koordinasi dengan JKM negeri dan JKM Persekutuan. Akan tetapi, kalau ada isu seperti ini di mana pesakit terlantar tidak dapat bantuan, tolong maklumkan kepada saya ataupun JKM, kita akan usahakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey. Masalah yang saya dimaklumkan oleh pegawai dekat bawah adalah walaupun- ini saya *quote* apa yang mereka katakan bahawa, “Walaupun Menteri kata okey, tetapi mereka dekat bawah mereka khuatir dan takut sebab kita

selaku Ahli Parlimen pembangkang, dia khuatir bahawa disebabkan mereka berjalan dengan Ahli Parlimen pembangkang, maka mereka been seen as pembangkang”.

**Puan Hannah Yeoh:** Tidak ada isu. Tidak ada isu, kita memang sudah kata isu kebajikan merentasi fahaman politik dan kita mesti bantu semua. Tidak kira parti mana dan kalau kita lihat senarai PAWE yang kita telah tubuhkan pada tahun ini, banyak PAWE ditubuhkan di kawasan Parlimen pembangkang juga. Memang kita tidak ada diskriminasi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit sulung, saya ingat kena keluarkan satu arahan kepada PKMD yang ada di daerah ini. Dia kalau tidak ada arahan daripada Menteri secara bertulis, memang dia tidak akan buat seperti apa Yang Berhormat Menteri katakan.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Memang tidak akan berlaku. Jadi saya minta supaya ada surat hitam putih kepada semua PKMD daerah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** PAWE di Sibu diuruskan oleh kawan baik Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang juga kakak kepada Yang Berhormat Kalabakan.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey. Untuk Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya hendak akhiri tadi. Pelajar OKU menerima elaun murid khas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM150 sebulan. Jadi yang lain, ada banyak lagi. Yang Berhormat Arau saya minta maaf, banyak lagi di sini, saya tidak sempat. Kita akan salurkan melalui jawapan bertulis kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kami beri jaminan memang kita sedang usahakan banyak program-program untuk kesejahteraan keluarga.

Kami memerlukan banyak sokongan daripada Ahli Parlimen untuk turunkan program-program dan meguar-uarkan program ini di kawasan masing-masing. Kita telah buat banyak taklimat di Parlimen juga. Hanya kehadiran Ahli Parlimen semua kurang memberangsangkan kerana semua lihat sebagai satu program yang remeh temeh, tidak mengapalah, tidak mengapalah tetapi kita perlukan sokongan daripada Ahli Parlimen untuk kita bangunkan portfolio ini bersama. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas jawapan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,259,671,400 untuk Maksud B.48, Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2020 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Peraturan Mesyuarat 46.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kita sudah bangun 15 orang, di bawah Peraturan Mesyuarat 46(4). Untuk belah bahagi, memohon untuk belah bahagi. Cukup 15 orang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap saya bilang sekejap. Minta Bentara bilang, lebih 15 orang.

*[Bentara membilang Ahli yang bangun]*

■2110

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■2120

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Dewan riuh]*

### 9.23 mln.

**Tuan Pengerusi:** Baik, tenteram. Untuk Kepala B.48 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ahli-ahli Yang bersetuju 32 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Tidak bersetuju 28 orang... *[Dewan riuh]*

Senarai Ahli-Ahli Yang Bersetuju:-

1. YB. Datuk Dr. Shahruddin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
2. YB. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
3. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan. (Segambut)
4. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Omar. (Pokok Sena)
5. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. (Lumut)
6. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
7. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
8. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
9. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
10. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
11. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
12. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
13. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
14. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
15. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
16. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
17. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)

18. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari. (Putatan)
19. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
20. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed ( Jeli)
21. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
22. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
23. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
24. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
25. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
26. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
27. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
28. YB. Tuan Charles Anthony a/l Santiago (Klang)
29. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
30. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)
31. YB. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
32. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Bersetuju:-

1. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
2. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
3. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
4. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
5. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa. (Ketereh)
6. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
7. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
8. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
9. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
10. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
11. YB. Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
12. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
13. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
14. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
15. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)
16. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
17. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
18. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)
19. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
20. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan. (Pontian)
21. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
22. YB. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
23. YB. Dato' Hasbullah Osman (Gerik)
24. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
25. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
26. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
27. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
28. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor. (Cameron Highlands)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Mengundi:-

1. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
2. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:-

1. YAB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
2. YAB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
3. YB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
4. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
5. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
6. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
7. YB. Tuan Gobind Singh Deo, (Puchong)
8. YB. Tuan M. Kulasegaran. (Ipoh Barat)
9. YB. Dato' Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
10. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
11. YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking (Penampang)
12. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
13. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
14. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
15. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
16. YB. Dato' Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
17. YB. Tuan Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
18. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
19. YB. Puan Fuziah binti Salleh. (Kuantan)
20. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau).
21. YB. Tuan Chong Chieng Jen. (Stampin)
22. YB. Dr. Maszlee bin Malik. (Simpang Renggam)
23. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
24. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
25. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun. (Titiwangsa)
26. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman. (Muar)
27. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof. (Alor Gajah)
28. YB. Dato'Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam. (Kuala Langat)
29. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
30. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa. (Parit Buntar)
31. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad. (Shah Alam)
32. YB. Datuk Liew Vui Keong. (Batu Sapi)
33. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi. (Lahad Datu)
34. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
35. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru).
36. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
37. YB. Dr. Lee Boon Chye. (Gopeng)
38. YB. Tengku Zulpuri bin Raja Puji. (Raub)
39. YB. Puan Teo Nie Ching.(Kulai)
40. YB. Tuan Sim Chee Keong. (Bukit Mertajam)
41. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman. (Sepanggar)

42. YB. Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir. (Temerloh)
43. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin. (Sepang)
44. YB. Tuan Ong Kian Ming. (Bangi)
45. YB. Dato' Kamarudin Jaafar. (Bandar Tun Razak)
46. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis. (Kota Belud)
47. YB. Tuan Wong Kah Woh. (Ipoh Timur)
48. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
49. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
50. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
51. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
52. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
53. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
54. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
55. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
56. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
57. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
58. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
59. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
60. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
61. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
62. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
63. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
64. YB. Tuan Chan Foong Hin. (Kota Kinabalu)
65. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
66. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
67. YB. Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
68. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
69. YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah)
70. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
71. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
72. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
73. YB. Dato'Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
74. YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakieh (Sabak Bernam)
75. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
76. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris @Tubau (Libaran)
77. YB. Tuan Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
78. YB. Dato' Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun. (Beaufort)
79. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
80. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
81. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
82. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
83. YB. Datuk Seri Panglima Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
84. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
85. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
86. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
87. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu (Tambun)

88. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir. (Jerlun)
89. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
90. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
91. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
92. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
93. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
94. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
95. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
96. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
97. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
98. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
99. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
100. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
101. YB. Datuk Liew Chin Jing @ Christina Liew (Tawau)
102. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
103. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
104. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
105. YB. Dr. Micheal Teo Yu Keng (Miri)
106. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
107. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
108. YB. Dato' Sri Anifah bin Aman (Kimanis)
109. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
110. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
111. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
112. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
113. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
114. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
115. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
116. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
117. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
118. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
119. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
120. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
121. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
122. YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
123. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
124. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
125. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tunku Jaafar (Santubong)
126. YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
127. YB. Dato' Sri Dr. Richard Riot Jaem (Serian)
128. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
129. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
130. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
131. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
132. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
133. YB. Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit)

134. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
135. YB. Datuk Ago Dagang (Kanowit)
136. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
137. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
138. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
139. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
140. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)
141. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
142. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
143. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
144. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
145. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein.(Sembrong)
146. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
147. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
148. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor. (Putrajaya)
149. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
150. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
151. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
152. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
153. YB. Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. (Bagan Datuk)
154. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said. (Pengerang)
155. YB. Dato' Sri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
156. YB. Dato' Sri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
157. YB. Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau)
158. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
159. YB. Dato' Sri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
160. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)

[Wang sebanyak RM2,259,671,400 untuk Maksud B.48, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Hidup Pakatan!.... [Dewan riuh]

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Parit Sulung, tak reti kira kah? Balik sekolah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Hidup Tuan Pengerusi!

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi kira betul-betul.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Bodoh, bodoh. Penipu BN!

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi minta kira balik.

Tuan Pengerusi, jangan tak betul... [Dewan riuh]

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Pengerusi:** Baik. Perbelanjaan P.48...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tipu, tipu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** UMNO penipu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana Yang Berhormat Tanjung Piai...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** UMNO penipu. UMNO tak malu. UMNO penipu!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** MCA penipu. UMNO penipu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** UMNO penipu. MCA penipu. BN Penipu.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Baik. Seterusnya P.48, sila duduk... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kita hendak kira semula.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** BN penipu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** BN hendak sabotaj rakyat... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Apa yang diberikan kepada saya adalah muktamad. Ini dikira ya.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Tangguh Dewan, kita menang!

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jangan lupa, ada MP BN *meeting* dengan Yang Berhormat Menteri, mestilah dia sokong kami.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** You yang menipu rakyat.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Kita harus beralih ke P.48 ya. Saya akan baca.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM213,703,100 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Minta undi belah bahagian. Undi belah bahagian !

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih kepada MP-MP yang sudah pergi *meeting* dengan Menteri sebelum ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tangguh, tangguh.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Undi belah bahagian.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Belah bahagian. Terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen BN yang sudah bermesyuarat dengan Menteri sebelum ini. Mungkin mereka lah yang sokong kami. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sudah lambat hendak belah bahagian kan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Belah bahagian lagi. Kiralah- kerja belah bahagian itu kerja Speaker.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ada 15 orang bangun, bangun, 15 orang bangun.

**Tuan Pengerusi:** Baik, belah bahagi. Belah bahagi sekali lagi.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**■2130**

**Tuan Pengerusi:** Baik, ini adalah keputusan belah bahagian untuk P.48, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020.

Ahli-ahli yang bersetuju sebanyak 45... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sebanyak 28... *[Dewan riuh]*

Senarai Ahli-Ahli Yang Bersetuju:-

1. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
2. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
3. YB. Datuk Dr. Shahruddin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
4. YB. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
5. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan. (Segambut)
6. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Omar. (Pokok Sena)
7. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. (Lumut)
8. YB. Tuan Wong Kah Woh. (Ipoh Timur)
9. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
10. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
11. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
12. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
13. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
14. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
15. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
16. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
17. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
18. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
19. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
20. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
21. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
22. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
23. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
24. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
25. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari. (Putatan)
26. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
27. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed ( Jeli)

28. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
29. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
30. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
31. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
32. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
33. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
34. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
35. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
36. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
37. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
38. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
39. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
40. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
41. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
42. YB. Tuan Charles Anthony a/l Santiago (Klang)
43. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
44. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)
45. YB. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Bersetuju:-

1. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
2. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramlie (Dungun)
3. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
4. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
5. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa. (Ketereh)
6. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
7. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
8. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
9. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
10. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
11. YB. Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
12. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
13. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
14. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
15. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)

16. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
17. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
18. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)
19. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
20. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan. (Pontian)
21. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
22. YB. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
23. YB. Dato' Hasbullah Osman (Gerik)
24. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
25. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
26. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
27. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
28. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor. (Cameron Highlands)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Mengundi:-

1. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
2. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)

Senarai Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:-

1. YAB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
2. YAB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
3. YB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
4. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
5. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
6. YB. Tuan Gobind Singh Deo, (Puchong)
7. YB. Tuan M. Kulasegaran. (Ipoh Barat)
8. YB. Dato' Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
9. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
10. YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking (Penampang)
11. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
12. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
13. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
14. YB. Dato' Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
15. YB. Tuan Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
16. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
17. YB. Puan Fuziah binti Salleh. (Kuantan)
18. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau).

19. YB. Tuan Chong Chieng Jen. (Stampin)
20. YB. Dr. Maszlee bin Malik. (Simpang Renggam)
21. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
22. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
23. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun. (Titiwangsa)
24. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman. (Muar)
25. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof. (Alor Gajah)
26. YB. Dato'Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam. (Kuala Langat)
27. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
28. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa. (Parit Buntar)
29. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad. (Shah Alam)
30. YB. Datuk Liew Vui Keong. (Batu Sapi)
31. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi. (Lahad Datu)
32. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
33. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru).
34. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
35. YB. Dr. Lee Boon Chye. (Gopeng)
36. YB. Tengku Zulpuri bin Raja Puji. (Raub)
37. YB. Puan Teo Nie Ching.(Kulai)
38. YB. Tuan Sim Chee Keong. (Bukit Mertajam)
39. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman. (Sepanggar)
40. YB. Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir. (Temerloh)
41. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin. (Sepang)
42. YB. Tuan Ong Kian Ming. (Bangi)
43. YB. Dato' Kamarudin Jaafar. (Bandar Tun Razak)
44. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis. (Kota Belud)
45. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
46. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
47. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
48. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
49. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
50. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
51. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
52. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
53. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
54. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
55. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
56. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
57. YB. Tuan Chan Foong Hin. (Kota Kinabalu)

58. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
59. YB. Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
60. YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah)
61. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
62. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
63. YB. Dato'Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
64. YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakieh (Sabak Bernam)
65. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
66. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris @Tubau (Libaran)
67. YB. Tuan Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
68. YB. Dato' Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun. (Beaufort)
69. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
70. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
71. YB. Datuk Seri Panglima Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
72. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
73. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
74. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
75. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu (Tambun)
76. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir. (Jerlun)
77. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
78. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
79. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
80. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
81. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
82. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
83. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
84. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
85. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
86. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
87. YB. Datuk Liew Chin Jing @ Christina Liew (Tawau)
88. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
89. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
90. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
91. YB. Dr. Micheal Teo Yu Keng (Miri)
92. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
93. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
94. YB. Dato' Sri Anifah bin Aman (Kimanis)
95. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
96. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)

97. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
98. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
99. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
100. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
101. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
102. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
103. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
104. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
105. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
106. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
107. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
108. YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
109. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
110. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
111. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tunku Jaafar (Santubong)
112. YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
113. YB. Dato' Sri Dr. Richard Riot Jaem (Serian)
114. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
115. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
116. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
117. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
118. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lutar)
119. YB. Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit)
120. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
121. YB. Datuk Ago Dagang (Kanowit)
122. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
123. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
124. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
125. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
126. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
127. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)
128. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
129. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
130. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
131. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
132. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein.(Sembrong)
133. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
134. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
135. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor. (Putrajaya)

136. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
137. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
138. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
139. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
140. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. (Bagan Datuk)
141. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said. (Pengerang)
142. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
143. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
144. YB. Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau)
145. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
146. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
147. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)

*[Wang sebanyak RM213,703,100 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 November 2019. Selamat malam kepada Ahli Yang Berhormat semua.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.40 malam]***